

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 53**

**Isnin**

**24 November 2014**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 24)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2015	
<u><b>Jawatankuasa:-</b></u>	
<u><b>Jadual:-</b></u>	
Maksud B.45	(Halaman 30)
Maksud B.46	(Halaman 88)
Maksud B.30	(Halaman 135)
Maksud B.48	(Halaman 163)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Usul Anggaran Pembangunan 2015	
<u><b>Jawatankuasa:-</b></u>	
Maksud P.45	(Halaman 30)
Maksud P.46	(Halaman 88)
Maksud P.30	(Halaman 135)
Maksud P.48	(Halaman 163)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 24 November 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang berhormat, sebagai *gentle reminder*, soalan tambahan haruslah mengandungi hanya satu soalan dan dibuat secara ringkas, begitu juga jawapan-jawapan oleh pihak kementerian.

**1. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tujuan penjenamaan semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis atas soalan yang berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pengajian Tinggi atau ringkasnya PPPMPT merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang diselarakan dengan PPPM prasekolah dan pendidikan lepas menengah tahun 2013-2025. PPPMPT merupakan dokumen strategik untuk menggariskan hala tuju pengajian tinggi untuk tempoh sepuluh tahun bermula 2015-2025. Matlamatnya adalah untuk mentransformasikan pendidikan tinggi ke arah kegemilangan. Hasil laporan semakan PSPTN tahun 2007 hingga 2013 turut dijadikan input utama dalam penyediaan PPPMPT.

Secara asasnya PPPMPT mempunyai 10 *big ideas* (dengan izin) atau 10 Lonjakan iaitu:

- (i) Graduan Keusahawanan Holistik dan Seimbang
- (ii) Kecemerlangan Bakat Pengajian Tinggi
- (iii) Negara Pembelajaran Sepanjang Hayat
- (iv) Lulusan Teknikal dan Vokasional Berkualiti
- (v) Pemeraksanaan Tadbir Urus
- (vi) Kelas Tarian, Kewangan
- (vii) Ekosistem Inovasi
- (viii) Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

- (ix) Kesohoran Global
- (x) Pembelajaran Atas Talian Secara Global

Setiap lonjakan akan direalisasikan berdasarkan strategi utama dan inisiatif utama yang diukur menggunakan petunjuk prestasi utama atau *key performance indicator*, dengan izin. Pada masa ini setiap lonjakan sedang dimurnikan penulisannya dan penyelarasan sedang dibuat untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan melalui sesi perundingan atau *engagement session* dalam tempoh tiga bulan akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia sememangnya kita akui tahapnya bertambah baik ahli akademik yang bertaraf sekarang ini PhD, pembelajaran berpusat, pembelajaran sepanjang hayat. Saya pasti perubahan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ini melibatkan penelitian dan kajian yang sangat mendalam oleh pihak kementerian.

Soalan saya, apakah perubahan dan keperluan semasa pendidikan tinggi negara kita daripada perspektif tempatan dan global, serta strategi-strategi baru dalam pelan ini bagi memastikan ianya selari dengan perubahan-perubahan yang telah dikenal pasti kesinambungan daripada PPN dari PSPTN. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis di atas soalan yang berkaitan dengan keperluan dan perubahan. Ini kita boleh lihat bahawa ada kesinambungan antara Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk prasekolah hingga sekolah menengah tinggi dan Pelan Pembangunan Pendidikan Pengajian Tinggi. Seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa pelan strategik untuk pengajian tinggi sedang disemak semula, di mana kita akan menyelaras transformasi dan objektif-objektif bersama dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Saya bagi satu contoh, ada kaitan dengan lonjakan keempat, yang berkaitan dengan Lulusan Teknikal dan Vokasional Berkualiti. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kita wujudkan kolej vokasional dan selepas itu ada pelajar akan menyambung atau melanjutkan pelajaran teknikal vokasional *education* di politeknik, universiti, M Tun dan kolej komuniti juga. Di sini kita boleh lihat bahawa kesinambungan antara PPPM dan PPPMPT, di mana kualiti menjadi suatu keutamaan.

#### ■1010

Visi dan aspirasi dalam kedua-dua pelan ini adalah berkaitan dengan lima aspirasi yang berkaitan dengan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengapa tidak dijadikan PPPM ini sebahagian daripada Akta Pendidikan Negara supaya ianya tidak mudah diubah oleh menteri-menteri yang mengambil alih sebagai Menteri Pendidikan apabila bertukar menteri. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kenapa PPPM tidak masuk dalam Akta Pendidikan dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa pelan adalah satu dokumen yang hidup, *living document* dan dari semasa ke semasa kita mesti mengadakan satu semakan semula untuk mempertingkatkan kelemahan sekiranya sudah dikenal pasti.

Sekiranya kita masuk dalam Akta Pendidikan, ini bermakna kita mesti mengadakan perubahan dari segi akta. Dalam Akta Pendidikan itu terkandung Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Jadi inilah rasional dan sebab kenapakah pelan ini tidak masuk dalam Akta Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan dan kemajuan sektor pengangkutan awam dalam meleraikan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dan sistem pilihan dan gantian kenderaan persendirian dan jumlah bas awam yang sudah digunakan dan kekurangan yang ada.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang menanya soalan. Sebenarnya soalan Yang Berhormat ini agak panjang, agak besar dia punya skop, jadi saya cuba menjawab dalam tempoh yang ada ini supaya ianya lebih komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi visi kepada kerajaan untuk menyediakan sistem pengangkutan awam darat yang dapat menampung keperluan negara secara selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan untuk menyokong pertumbuhan sosial dan ekonomi negara yang berterusan. Pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan diambil bagi mencapai objektif jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan mutu pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab konteks persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang ini saya ingin memberi fokus kepada perkhidmatan bas henti-henti dan perkhidmatan rel di Kuala Lumpur dan Lembah Klang sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2013, peratusan pengguna pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang atau dengan izin, *Greater Kuala Lumpur and Klang Valley* telah meningkat kepada 20.85% daripada 19.6% pada tahun 2012.

Bagi perkhidmatan rel iaitu yang meliputi perkhidmatan oleh LRT dan monorel, komuter dan ERL jumlah penumpang pada tahun 2013 ialah seramai 214,969,242 orang penumpang. Ini menjadikan purata penggunaan perkhidmatan ini ialah seramai 593,321 orang penumpang sehari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga untuk 10 bulan pertama pada tahun 2014 sahaja iaitu dari Januari hingga Oktober tahun 2014, jumlah penggunaan perkhidmatan rel ini telah melebihi jumlah penumpang perkhidmatan ini untuk keseluruhan tahun 2013 iaitu secara purata 612,887 penumpang sehari.

Sementara itu bagi perkhidmatan bas henti-henti pula, jumlah penumpang pada tahun 2013 ialah seramai 133.24 juta iaitu bersamaan dengan 111.03 juta bilangan kereta persendirian. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2012 iaitu 124.32 juta orang

menggunakan perkhidmatan bas atau boleh diterjemahkan sebagai 103.6 juta bilangan kereta persendirian.

Dalam terus menggalakkan perkhidmatan bas henti-henti, kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan bas Go KL di pusat bandar. Perkhidmatan ini adalah sebagai perkhidmatan *last mile*, dengan izin yang membolehkan pengguna yang masuk ke kawasan pusat bandar melalui pengangkutan awam lain seperti rel boleh dapat bergerak dengan mudah di pusat bandar. Buat masa ini perkhidmatan ini disediakan secara percuma oleh kerajaan.

Jadi saya teruskan kepada bahagian kedua iaitu perancangan. Perancangan di masa hadapan di mana sistem rel telah dirancang untuk menjadi tunjang ataupun *backbone*, dengan izin kepada jaringan pengangkutan awam di Greater KL, Klang Valley. Sistem rel ini akan disokong oleh perkhidmatan bas pengantara atau *feeder bus* yang akan bertindak sebagai penghubung ke kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh laluan rel. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Orang awam terpaksa menggunakan kenderaan persendirian oleh kerana pengangkutan awam tidak memberi servis di kawasan kediaman dan jaringan servis bas tidak memberi khidmat oleh sebab-sebab tertentu. Saya ingin tahu apakah langkah akan diambil oleh kerajaan pada masa yang terdekat bahawa kesesakan lalu lintas di Bandar raya Kuala Lumpur ini boleh dapat diatasi dan adakah kerajaan akan memperkenalkan semula bas mini sebagai bas pengantara di kawasan kediaman memandangkan tidak dapat berkhidmat Rapid Bus di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, dari segi kelemahan yang dinyatakan tadi sebenarnya punca kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur sering kali dikaitkan dengan pengangkutan awam semata-mata yang dikatakan tidak cekap. Namun kadang-kadang kita lupa bahawa terdapat beberapa faktor lain yang menyumbang kepada masalah ini.

Di antaranya bertambahnya bilangan kenderaan di Kuala Lumpur dan juga ada kebergantungan atau pun *dependency*, dengan izin warga kota terhadap kenderaan persendirian. Ada juga sikap pemandu yang tidak menghiraukan peraturan dan etika seperti memotong *queue* yang boleh menyebabkan *bottle neck* dan sikap atau perspektif minda kita yang memandang negatif mutu perkhidmatan pengangkutan awam tetapi dia sendiri tidak pernah berpengalaman menggunakannya.

Dari segi pendekatan kita pula tadi saya menyebut kita menyentuh mengenai perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan. Kita ada perkhidmatan rel di mana bagi perkhidmatan monorel yang sedia ada, penambahan gerabak ataupun koc yang kini beroperasi dengan dua gerabak akan ditambah kepada empat gerabak. Ini salah satu daripada pendekatan kita.

Kita ada juga Projek MRT 1 yang menghubungkan Sungai Buloh ke Kajang yang sedang giat dalam pembinaan dijangka siap dan mula beroperasi pada tahun 2017. Kita juga ada Projek MRT 2 yang menghubungkan Kota Damansara ke Putrajaya yang kini dalam proses mendapatkan kelulusan *railway scheme* di mana kita *submit report on detail engineering* dan

penetapan jajaran dan sebagainya pada masa ini dan kita ada juga projek penyambungan atau *extension* bagi LRT yang menghubungkan Kelana Jaya Line dan Ampang Line. Seterusnya Projek LRT 3 yang akan menghubungkan Bandar Utama ke Klang. Projek ini juga kini dalam proses mendapatkan kelulusan *railway scheme*.

Itu dari segi perkhidmatan rel. Dari segi perkhidmatan bas pula kita ada Rapid Transit ataupun BRT akan diperkenalkan di Lembah Klang. Untuk permulaan, jajaran BRT Sunway yang kini sedang dibangunkan dan dijangka untuk beroperasi pertengahan tahun hadapan. BRT ini juga dirancang untuk diperluaskan bagi laluan KL-Klang untuk menambah baik perkhidmatan bas pengantara.

Kini perancangan sedang dibuat untuk diperluaskan bagi menyokong perkhidmatan KTM komuter. Untuk soalan Yang Berhormat tadi sama ada kita hendak membawa kembali bas mini di Kuala Lumpur, buat masa ini belum ada lagilah rancangan untuk itu kerana kita telah mengadakan banyak pendekatan lain yang telah kita ambil tindakan untuk memastikan apa yang dijadikan kerisauan oleh Yang Berhormat tadi diambil kira. Terima kasih.

■1020

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya bagi yang terjauh daripada Kuala Lumpur. Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya percaya soalan saya ini mungkin berkenaan dengan Kuala Lumpur. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak pernah pergi di Bukit Bintang untuk mengambil teksi. Jadi kita ada banyak teksi di Bukit Bintang, tetapi masalahnya waktu *peak hours*, teksi pun tidak mahu bawa penumpang. Jadi Yang Berhormat Menteri seharusnya pergi di sana dan *experience* apa yang orang-orang awam ini lalui. Jadi saya mahu tahu, sama ada kementerian akan merancang sesuatu yang secepat mungkin untuk mengatasi kesesakan di Kuala Lumpur dan supaya mereka ini dapat dihantar ke mana mereka mahu balik.

**Puah Hajah Nancy bin Shukri:** Yang Berhormat, betul saya jarang naik teksi, tetapi oleh kerana saya sebagai Yang Berhormat Menteri terlibat dalam SPAD ini, dalam hal ini, jadi saya mengambil inisiatif untuk cuba naik kereta api untuk mengalami sendiri, *to experience myself* dengan izin, bagaimana keadaan di luar sana supaya kita tahu macam mana masalah yang dihadapi oleh orang ramai. Jadi oleh kerana ini bukan isu teksi, tetapi kita ada kita punya alternatif, di mana kita mempunyai sasaran Yang Berhormat ya, sasaran penggunaan mode pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Kita merancang menjelang tahun 2020, kita akan meningkatkan lagi mode pengangkutan awam sebanyak 25%. Jadi kita ada perancangannya dan kalau pada tahun 2030 kita mempunyai sasaran supaya mode pengangkutan awam kita sampai kepada 40%. Jadi kajian pengangkutan darat bagi tahun 2013 yang dijalankan oleh SPAD juga merekodkan kenaikan jumlah penumpang bas di *Greater Kuala Lumpur* di *Klang Valley* ini pada waktu puncak sebanyak antara 21% hingga 47% mengikut koridor atau kawasan laluan bas. Jadi ini bermakna kita telah mengambil kira semua yang menjadi masalah yang ada pada hari ini. Jadi kita

mengharapkan pada satu hari nanti lebih ramai lagi orang naik pengangkutan awam, di mana kita juga bertanggungjawab untuk memperbaiki, meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah usaha-usaha yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan semua pesawat negara ini yang akan terbang ke luar negara menggunakan laluan penerbangan yang selamat supaya tragedi yang berlaku pada MH17 dapat dielakkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan semua pesawat negara ini akan terbang ke luar negara menggunakan laluan penerbangan yang selamat supaya tragedi yang berlaku pada MH17 dapat dielakkan dan seterusnya tindakan adalah seperti berikut:-

- (i) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa iaitu ICAO telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu *Task Force On Risk To Civil Aviation Arising From Conflict Zone*, di mana pegawai kanan Jabatan Penerbangan Awam iaitu DCA dan juruterbang MAS telah menghadiri mesyuarat jawatankuasa tersebut pada 14 dan 15 Ogos 2014 di Montreal, Kanada;
- (ii) pada 26 Ogos 2014, Jawatankuasa ICAO tersebut telah memutuskan supaya notis-notis berkaitan kawasan pergolakan konflik disalurkan ke sistem NOTAM ataupun *Notice To Airmen* sedia ada kepada semua negara-negara ahli ICAO dan juga syarikat penerbangan di seluruh dunia;
- (iii) pihak ICAO ataupun International Civil Aviation Organization juga telah mengadakan satu sistem berpusat untuk berkongsi maklumat-maklumat berkenaan dengan kawasan-kawasan berisiko tinggi;
- (iv) Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat, Kanada pada 23 hingga 29 Oktober 2014 bagi mendapatkan sokongan terhadap kertas kerja tragedi MH17 yang dibentangkan oleh Malaysia semasa sesi ke-203 Majlis ICAO. Kertas kerja tersebut telah disumbangkan bersama 35 ahli Majlis ICAO yang lain;
- (v) Majlis ICAO bersetuju agar resolusi penjatuhan pesawat MH17 diwujudkan;
- (vi) Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga telah memberikan ucapan semasa pembukaan ke-203 Majlis ICAO. Antara inti pati ucapan beliau termasuklah mengesyorkan supaya setiap negara ahli diwajibkan untuk melaporkan kepada ICAO akan sebarang maklumat berkaitan risiko

penerbangan di ruang udara zon konflik negara masing-masing dan supaya ICAO mewujudkan protokol secara global dalam menyebarkan maklumat tersebut kepada negara ahli dan syarikat-syarikat penerbangan;

- (vii) selain daripada itu Bahagian Keselamatan Penerbangan DCA juga telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk memantau maklumat-maklumat kawasan pergolakan, menjalankan penilaian risiko ataupun *risk assessment* dan seterusnya menasihati syarikat-syarikat penerbangan tentang kawasan yang berisiko tinggi.

Terima kasih.

**Datuk Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah ambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada MH17 dan juga MH370 sebelum ini, di mana membawa kerugian yang besar kepada negara kita, di mana dari tinjauan saya satu pesawat 777 itu tidak kurang pada nilai USD300 juta. Jadi ini satu kehilangan yang besar.

Jadi soalan saya ialah ambil iktibar ini, adakah kerajaan memang daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan ada mekanisme yang tertentu telah ditubuhkan, tetapi saya masih ingat mekanisme ini kita harus tumpu kepada DCA sahaja. Mungkin perlu melibatkan Kementerian Pertahanan dan juga Kementerian Luar Negeri, kerana pergolakan keadaan dunia ini kadangkala dia berlaku dalam masa yang singkat. Katakan *war zone* kadangkala ia bukan wujud dalam masa yang lama. Mungkin 2-3 hari telah jadi *war zone*, maka kalau pesawat kita tidak dapat maklumat yang tepat, mungkin kita akan landa pesawat kita dalam keadaan masalah.

Jadi soalan saya ialah mekanisme yang lebih canggih perlu ditubuhkan terdiri daripada sokongan kebakaran daripada Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Penerbangan Awam. Itu saja soalan saya.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan, memang hari ini pihak ICAO sedang meneliti untuk mewujudkan satu mekanisme yang lebih canggih untuk memastikan supaya keselamatan penerbangan ini terjamin. Maka sebab itu kerajaan Malaysia telah mencadangkan untuk mengguna pakai sistem *real time tracking system*. Ini telah dapat tindakan positif oleh pihak ICAO dan sedang untuk memastikan sistem secara *real time tracking* ini dapat diguna pakai oleh sistem penerbangan seluruh dunia. Dengan keadaan ini mekanisme untuk memastikan kemalangan ataupun insiden yang berlaku ini dapat dielakkan.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa berlaku MH17 ini, pihak ICAO mengatakan bahawa tanggungjawab untuk memberitahu ataupun memberikan jaminan sama ada ruang udara negara itu selamat atau tidak terletak di negara di mana kapal terbang itu melalui.

## ■1030

Adakah pihak kementerian ataupun Kerajaan Malaysia menyarankan kepada ICAO supaya ada perubahan dari segi perkara ini? Ini kerana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa tadi pihak ICAO sekarang ada maklumat-maklumat terbaru. Akan tetapi bagaimana kita boleh memastikan pihak setiap negara di seluruh dunia memastikan tanggungjawab itu mesti mereka laksanakan supaya memastikan apa-apa pergolakan, apa-apa konflik mesti dapat *diupdate* dengan serta-merta. Ini kerana kalau ada negara-negara ini yang tidak terletak dalam ICAO, bukannya ahli ICAO, bagaimana kita menghadapi masalah seperti ini. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai negara-negara ini memang kita telah meminta semua ahli ICAO untuk bekerjasama memaklumkan kepada jawatankuasa *task force* ini supaya kita dapat menyebarkan kepada ahli-ahli. Setakat hari ini untuk makluman, memang kita telah kenal pasti beberapa kawasan pergolakan seperti di Ukraine, di Syria dan lain-lain tempat lagi. Untuk makluman, pesawat Malaysia, kita pun telah mengelakkan laluan-laluan konflik ini. Seperti laluan ke Eropah kalau dahulunya melalui Ukraine, tetapi kita hari ini telah mengelakkan laluan Ukraine dan Afghanistan. Jadi, kita lalu Iran dan Turki untuk sampai ke Eropah. Jadi setakat ini, dua kawasan konflik ini memang kita telah kenal pasti. Kita pun mendapat kerjasama daripada Kementerian Luar Negeri untuk menasihati Kementerian Pengangkutan mengenai masalah-masalah kawasan konflik ini. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas isu MH370 dan MH17 ini, apakah langkah berjaga-jaga yang diambil oleh kementerian dan organisasi penerbangan dalam memastikan wujud hubungan dan komunikasi berkesan mengenai isu penerbangan bagi mengelakkan tragedi seumpama ini berlaku lagi? Bagaimanakah kementerian bertindak serta berhubung dengan kementerian-kementerian lain yang berhubung kait dengan isu penerbangan dan keselamatan udara di kawasan bergolak? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia senantiasa menghubungi rakan-rakan negara di peringkat antarabangsa. Seperti yang kita ketahui sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat berjumpa dengan Perdana Menteri Belanda, sehinggakan untuk berurusan dengan ketua kumpulan pemisah pun kerajaan kita telah dapat menghubungi dengan semua peringkat. Dalam konteks ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah dapat berurusan dengan Presiden Rusia dalam mewujudkan satu kerjasama yang erat untuk memastikan perkara ini dapat kerjasama daripada seluruh dunia.

Dalam konteks ini juga, kita ada Joint Operations Centre di Belanda yang diketuai oleh Duta Besar kita. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, di samping itu juga seperti saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah ke Montreal untuk berjumpa dengan pihak ICAO. Hari ini pihak ICAO sangat positif dengan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Terima kasih.

4. **Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan status keputusan semakan semula penyelarasan skim gaji minimum yang sepatutnya dilaksanakan pada Januari 2013 namun ditangguhkan kerana dikatakan sebahagian besar majikan belum bersedia untuk melaksanakannya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh, selamat hari jadi. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan selamat datang kepada pelawat kita, Pemuda UMNO dan Biro Agama UMNO Beluran dan lain-lain. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua tidak boleh cakup.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Perintah Gaji Minimum di negara kita ialah tahun 2012 dan digazetkan pada 16 Julai 2012. Pelaksanaannya pada 1 Januari 2013, tetapi oleh kerana ada rayuan penundaan 2013 di mana penguatkuasaan pelaksanaan gaji minimum ialah 1 Januari 2014.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Temerloh dan Dewan yang mulia ini, status terkini pelaksanaan gaji minimum pada masa sekarang dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) 2011, yang meletakkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun.

Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua oleh kerana digazetkan pada tahun 2012, sepatutnya 1 Julai 2012 kita laksanakan dan 1 Julai 2014 sepatutnya kajian semula sudah dibuat. Oleh kerana penundaan tadi, maka kita menjangkakan mungkin akhir tahun ini ataupun awal tahun hadapan. Pertengahan tahun hadapan kita dapat melihat apakah hasil daripada semakan semula ini. Jadi bagi menjalankan proses kajian ini, pihak Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) mempunyai jawatankuasa khusus iaitu Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Minimum yang terdiri daripada golongan akademik dan ahli-ahli ekonomi. Ini juga termasuk melibatkan IO dan juga World Bank.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, penundaan yang diberikan oleh kerajaan ini adalah berbentuk interim ataupun *one-off* sahaja yang bertujuan untuk memberi sedikit wang kepada beberapa majikan, individu atau majikan PKS terutama yang berintensifkan buruh untuk meneliti semula model perniagaan dan struktur upah syarikat masing-masing. Seperti mana Dewan yang mulia sedia maklum, sebanyak 1,044 majikan telah mendapat penundaan pelaksanaan gaji minimum pada tahun 2013 dan kerajaan menetapkan tiada lagi penundaan diberikan pada majikan selepas 31 Disember 2013. Oleh itu, kerajaan telah menetapkan 1 Januari 2014 penguatkuasaan.

Ini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Temerloh, kita telah sedang membuat *revision*, semakan semula. *Insyaa-Allah* seperti yang saya sebutkan tadi, dijangka akhir ataupun awal tahun depan, tertakluk kepada Majlis Perundingan Gaji Negara dan jawatankuasa ini yang akan dibentangkan kepada kerajaan dan kita akan tahu apakah hasilnya. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah saya ingin mendapat satu penjelasan mengenai dengan kesan implementasi Skim Gaji Minimum ini. Kalau kita lihat kepada fakta sebelum daripada ini, sejak akhir tahun 2012 di mana mantan Menteri Dalam Negeri telah pernah memaklumkan kepada kita bahawa negara kita telah mempunyai 1.58 juta pekerja asing yang telah berdaftar dalam negara kita dalam pelbagai sektor termasuklah sektor pembinaan dan juga perladangan. Ini yang mana rata-rata mereka ini dari segi angka gajinya bawah daripada kadar gaji minimum. Maka dengan pelaksanaan Skim Gaji Minimum ini, secara puratanya mereka telah memperoleh peningkatan daripada RM300 ke RM500 sebulan.

■1040

Kesimpulannya atau pun natijahnya Yang Berhormat Menteri, jumlah pengirisan wang keluar oleh pekerja asing negara kita telah pun meningkat daripada RM10.5 bilion pada tahun 2009 kepada RM25.1 bilion pada tahun 2013. Jadi, pada masa yang sama saya juga melihat polisi kerajaan yang mengenakan bayaran caj levi kepada pekerja asing tidak mengurangkan kadar pendapatan mereka. Jadi, kemungkinan lebih ramai pekerja asing akan masuk dalam negara kita itu adalah sangat tinggi.

Jadi berdasarkan kepada situasi ini soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan berhasrat untuk mengemukakan satu mekanisme baru untuk pembayaran gaji kepada pekerja-pekerja asing ini? Pertama bagi mengekang pengaliran wang keluar pada kadar yang begitu besar dan yang kedua ialah untuk mengurangkan kadar kebergantungan negara kepada pekerja-pekerja asing? Ini kerana selayaknyalah kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia melahirkan tenaga-tenaga kerja warga tempatan dan sekali gus ini akan memulangkan pertumbuhan ekonomi negara dan membebaskan rakyat daripada kekangan kos sara hidup yang begitu tinggi mutakhir ini termasuklah kadar pengangguran. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh di atas keprihatinan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kita antara negara yang cukup baik dalam memberikan gaji yang minimum kepada pekerja-pekerja kita. Saya ingat kita yang tertinggi di kalangan lapan buah negara lain kecuali *Singapore* dan juga Brunei. Negara *Singapore*, ia tidak ada gaji minimum kerana gajinya sudah tinggi. Negara Brunei juga tidak ada gaji minimum.

Untuk makluman sejumlah lebih kurang 13.5 juta orang pekerja di negara kita akan mendapat faedah dari segi pelaksanaan gaji minimum ini. Menyentuh tentang pekerja asing, sebenarnya dalam rekod kita lebih kurang RM2 juta *plus minus* dengan Kementerian Dalam Negeri. Ini yang *legal*, yang *illegalnya* saya tidak mahu *comment* kerana kita tidak tahu secara tepatnya. Bagi pelaksanaan gaji minimum pada pekerja asing, kita tidak boleh membezakan mereka kerana adalah menjadi kesalahan kalau kita membayar gaji minimum kepada pekerja kita di negara kita RM900 di Semenanjung, RM800 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan sementara

kita tidak membayar gaji minimum kepada pekerja asing. Ini tidak boleh kerana ini melanggar Undang-undang Buruh Antarabangsa. Mahu tidak mahu kita terpaksa membayar.

Penentuan pekerja asing ini ialah terletak kepada JCS ataupun *job clearance system* yang ada di negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pelaksanaan gaji minimum ini bukan sahaja boleh menarik pekerja tempatan untuk bekerja dan kita boleh menggalakkan pekerja-pekerja negara kita untuk mengambil alih tempat pekerja-pekerja asing ini. Bagi saya, peribadi saya dan kementerian kita memang tidak mahu membawa lebih ramai pekerja asing di negara kita. Kenapa harus kita benarkan mereka? Ini kerana masih ramai anak muda kita yang kita perlukan kerja untuk mereka walaupun kadar pengangguran di negara kita ini agak rendah atau pun 2.8% ataupun 3%. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Umum mengetahui kebergantungan nasib pekerja swasta terutamanya dan juga majikan bergantung pada Kementerian Sumber Manusia dengan dasar-dasar yang ditentukan. Sehubungan dengan itu, saya ingin pihak Menteri memberi maklum kepada kami semua terutamanya dan di luar sana, apakah impak positif juga negatif gaji minimum ini sejak pelaksanaannya kepada golongan pekerja dan juga golongan majikan ini? Ini kerana sejak pelaksanaannya kita telah mendengar banyak maklum balas sama ada positif atau pun negatif. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya sebutkan tadi bahawa selepas setiap dua tahun, pelaksanaan gaji minimum akan dibuat kajian semula. Sekarang tempoh kajian semula yang dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara yang disokong oleh Jawatankuasa Gaji Negara ini dan saya sebutkan tadi bahawa dijangkakan mungkin hujung tahun ini ataupun tahun depan kita akan tahu apakah perkembangannya.

Kita mendapatkan *feedback* dari majikan dan juga pekerja yang positif dan juga negatif. *Alhamdulillah*, majoriti ataupun sebahagian besar majikan lebih daripada 500,000 majikan di negara kita ini telah pun membayar gaji minimum ini dan sebahagian sahaja. Saya mendapat juga maklumat umpamanya pekerja-pekerja dalam sektor syarikat yang berkaitan dengan kerajaan umpamanya macam sektor pendidikan, kesihatan dan sebagainya, walaupun ada rungutan tetapi pihak kerajaan telah memberikan komitmen bahawa gaji minimum mereka akan diselesaikan dan kalau ada bayaran tunggakan akan diselesaikan oleh kerajaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pasir Gudang, kita telah membuat tindakan bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum ini dapat dibuat dengan terbaik. Pemeriksaan berkanun sebanyak 29,231 majikan telah pun kita buat. Sebanyak 517 ataupun 2% sahaja tidak mematuhi. Tuntutan kes buruh sebanyak 895 kes. Jadi, saya kira jawapan muktamad yang boleh kita beri ialah selepas kita melihat apakah hasil daripada semakan semula yang kita buat dua tahun ini dari segi positif dan negatif dan mungkin ada syor-syor yang baru yang boleh dikemukakan oleh kerajaan kepada kerajaan ataupun kepada negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani isu pemisahan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Apakah pula tindakan yang diambil terhadap golongan penghasut yang menggunakan laman sosial sebagai medan mereka untuk menyebarkan ideologi yang bertentangan dengan semangat kemerdekaan negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bangun awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia pasal terganggu pantun tadi, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebab pantun itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memandang serius tentang isu ini yang boleh menjejaskan perpaduan di antara negeri Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung. Kita berusaha untuk memelihara kewujudan Malaysia dan juga perpaduan di kalangan tiga komponen yang membentuk Malaysia pada tahun 1963.

Walau bagaimanapun, terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah cuba merosakkan keharmonian dan untuk memecahkan kemerdekaan yang dicapai selama ini. Kumpulan ini telah bergiat dengan aktif di laman-laman sosial bagi menghasut masyarakat dengan fakta-fakta yang tidak benar dan kurang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menangani isu Gerakan Pemisah Sabah dan Sarawak ke luar Malaysia, Menteri Dalam Negeri pada 14 November telah bersetuju untuk mengisytiharkan satu badan iaitu Persatuan Aspirasi Rakyat Sarawak (SAPA) sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang melalui warta PU(A)307/2014. Pengisytiharan tersebut telah berdasarkan seksyen 5(1) Akta Pertubuhan 1966 kerana melakukan aktiviti yang memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia dan ketenteraman awam.

Kementerian melalui pihak Polis Diraja Malaysia juga telah bertindak dengan menyiasat beberapa individu yang terlibat yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat-maklumat dan berkempen menghasut rakyat khususnya di Sarawak dan di Sabah agar keluar dari Malaysia. Pada masa yang sama, pihak polis juga telah membuka kertas siasatan setelah beberapa individu dan NGO membuat laporan polis. Di samping itu, kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia juga turut dilakukan kerana ianya melibatkan penyebaran melalui media sosial.

Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci butiran-butiran berkenaan dengan perkara ini kerana tidak mahu mengganggu proses penyiasatan pihak polis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Setakat kelmarin atau semalam, *group Facebook* SSKM atau pun Sabah Sarawak Keluar Malaysia ini mempunyai seramai 24,956 orang ahli.

## ■1050

Manakala *page* FB nya mempunyai 26,090 orang ahli. Tentunya setiap hasutan akan tersebar luas sekiranya setiap seorang ahli mempunyai seribu atau lebih orang ahli dan seterusnya. Kita juga mengetahui bahawa ada di antara penghasut-penghasut ini menetap di luar negara, khususnya di United Kingdom. Soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk mengambil tindakan ekstradisi terhadap penghasut-penghasut ini agar mereka boleh dihadapkan ke mahkamah di negara ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, pemantauan pihak polis kepada aktiviti-aktiviti mereka yang cuba menghasut Sarawak dan Sabah untuk keluar dari Malaysia ini dibuat dalam beberapa peringkat. Yang pertamanya, peringkat yang dipantau oleh pihak cawangan khas ataupun *special branch* Polis Diraja Malaysia yang mempunyai data dan maklumat. Maklumat ini walaupun diketahui oleh pihak polis dan mempunyai sudut-sudut yang sulit yang bukan untuk didedahkan kepada umum.

Namun demikian, sebagaimana Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa ahli-ahli yang sebanyak itu, masyarakat yang mengetahui aktiviti-aktiviti ini silalah datang ke hadapan dan buat laporan polis. Setakat ini, kita hanya menerima tiga atau empat laporan sahaja yang dibuat. Jadi, kita banyak bercakap tetapi tidak banyak mengambil tindakan. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya menyeru kepada pihak-pihak yang mengetahui, buatlah laporan kepada polis supaya polis boleh mengambil tindakan kepada pihak ini.

Dalam masa yang sama, soalan kedua berhubung dengan ekstradisi proses. Apabila kes ini telah dibawa kepada Peguam Negara yang mana kertas siasatan yang dibuat oleh pihak polis, saya telah dimaklumkan bahawa telah sampai kepada pihak Peguam Negara. Akan tetapi pihak Peguam Negara masih mengkaji dari sudut bukti dan undang-undangnya secara terperinci kerana kita tidak mahu membawa kes-kes ini ke mahkamah nanti ada kekurangan dari sudut bukti dan tindakan undang-undang kita itu sendiri.

Selepas itu, baru proses soalan ekstradisi dan sebagainya kita bincangkan Yang Berhormat. Jadi, proses kita, kita mengetahui di England pun ada, kita mempunyai perhubungan yang baik dengan pihak berkuasa di England. Jadi, proses ini boleh dilaksanakan dengan syarat apa yang dikatakan bersalah di Malaysia itu juga bersalah di England. Ia mesti ada dari segi *reciprocal offences* berlaku di kedua-dua negara, barulah soalan ekstradisi ini boleh dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar bahawa sentimen pemisahan Sabah Sarawak dari Malaysia adalah timbul kerana perasaan umum di Sabah Sarawak, dalam masyarakat anak-anak Sarawak dan Sabah bahawa kita telah dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat, khususnya Kerajaan UMNO. Saya rasa, umpamanya *racism religious extremist*. Itu orang yang menyebabkan bahawa kita dari Sabah Sarawak ada satu perasaan bahawa syarat-syarat pembentukan... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya. Inilah soalan. Syarat-syarat pembentukan Malaysia tidak dihormati dan kita telah terpinggir daripada arus pembangunan negara itu. Adakah kerajaan akan cuba cara yang lain, lain daripada menekan kumpulan-kumpulan ini seperti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan soalan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...*Engagement* dengan mereka dan untuk... [*Dewan riu*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah buat cadangan Yang Berhormat, soalan terus, dah soal dah tadi.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Soalan saya, adakah kerajaan akan menggunakan cara *engagement*, perundingan, *address their concern*, *address the concern of the Sarawakian and Sabahan*. Saya rasa ini lebih baik daripada menekan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Seorang Ahli:** Tembak baru tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *calm down please*. Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, tuduhan Yang Berhormat mengatakan sentimen ini merata-rata di Sabah dan Sarawak adalah tidak benar Yang Berhormat. Yang Berhormat, minta tolong saya bagi jawapan ya. Saya mengetahui Yang Berhormat. Yang Berhormat hidup dalam dunia persepsi Yang Berhormat sendiri buat. Kita hidup dalam dunia realiti yang kita ketahui secara khusus. Jadi, daripada penyiasatan dan risikan yang kita terima, hanya segelintir yang kecil sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya kata perasaan bahawa kita telah dianaktirikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, salah peraturan, salah peraturan. [*Dewan riu*]

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat cakap saya tidak berdiri. Saya ini patuh kepada peraturan tetapi kena dengar jawapan saya. Jadi, kita mengetahui sebahagian besar mereka yang terlibat dengan beberapa badan di Sarawak juga di Sabah ini adalah segelintir mereka yang saya pernah sebut dalam surat khabar, *it is disgruntled politician*. Jadi, adapun dikatakan, dia menafikan dalam Facebook, dalam blog mengatakan dia bukan *politician* tetapi Yang Berhormat, *the moment you get involved* dengan pentadbir negara, *you are politician* sama ada *you* jadi ahli parti ataupun tidak. Ini *politician* Yang Berhormat. Baca *literature* politik ini kalau hendak mengetahui. Itu yang pertama.

Yang kedua, sebenarnya kita buat *engagement* tetapi mereka memang fokus dengan kehendak mereka. Akan tetapi macam mana hendak buat *engagement*, dah mereka lari ke England tetapi buat bising dari negeri jauh. Jadi, itu satu Yang Berhormat. Kita mengetahui

semua ini, pemimpin-pemimpin kita mengetahui, ada yang *fail* dalam *business*, kesalahan dibuat oleh mereka sendiri, sekarang hendak memisahkan Sarawak dan Sabah oleh sebab kesalahan mereka sendiri. Saya tahu orang-orangnya. Jadi, saya mengetahui, gagal dalam kerajaan, hendak marah kerajaan, padahal sendiri yang gagal. Jadi Yang Berhormat, kita mengetahui pendekatan kita betul. Itulah kenapa Yang Berhormat, kita mengambil tindakan secara risikan, secara bersepadu dan keseluruhannya. Kalau akhirnya, kita melihat hakikat ini tidak dapat mengatasi masalah sentimen mereka, baru kita menggunakan undang-undang.

Yang ketiga, Yang Berhormat sebut soal sentimen orang Sarawak dipinggirkan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat lihat Sarawak itu, daripada Bangkok sampai ke Johor, panjang negeri Sarawak itu, 973 kilometer dari Kuching pergi ke Miri, Yang Berhormat. Memang besar. Jadi, sokongan kerajaan tetap ada tetapi oleh kerana negeri itu besar, ia payah sedikit untuk membangun. Akan tetapi dengan tindakan-tindakan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib ini, *insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan lihat perubahan yang amat mendadak pada dua tiga tahun yang akan datang. *[Tepuk]*

Saya janji Yang Berhormat, ini akan dilaksanakan, belum lagi, bukan untuk apa-apa, ini perkara yang benar. Penyelidikan telah dibuat tiga empat tahun yang lepas. Jadi, akhirnya nanti akan mendatangkan buah untuk orang Sabah dan orang Sarawak membangunkan Sarawak macam mana Semenanjung itu dibangunkan pada zaman-zaman awalnya. Jadi Yang Berhormat, bukan sebabnya. Adalah orang marah sedikit-sedikit tetapi tidak sampai hendak memisahkan Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung Yang Berhormat, tidak ada, sedikit sahaja. Jangan keluar salah tafsiran, media tolong. Terima kasih.

**6. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) perancangan jangka panjang dan pendek Kerajaan Pusat untuk membantu Kerajaan Negeri Sembilan dalam menangani isu kekurangan bekalan air; dan
- (b) setakat mana usaha-usaha tersebut mampu untuk memberikan jaminan pengekalan tarif air yang tidak ditingkatkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Telok Kemang yang telah bertanya soalan secara khusus mengenai dengan bekalan air di Negeri Sembilan dari segi jangka panjang, jangka pendek dan jaminan mengenai dengan pengekalan tarif elektrik untuk masa hadapan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, Negeri Sembilan telah menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan airnya pada tahun 2008 selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 *[Akta 655]*. Sehubungan dengan itu, perancangan sama ada jangka panjang atau jangka pendek bekalan air

Negeri Sembilan disediakan oleh operator bekalan air Negeri Sembilan iaitu SAINS. SAINS, nama penuhnya adalah Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. Melalui pelan perniagaan yang kemudiannya diluluskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Setelah mendapat kelulusan SPAN kerja-kerja pembinaan infrastruktur bekalan air yang diperlukan berdasarkan kepada pelan perniagaan tersebut akan dibiayai dan dilaksanakan oleh pengurusan Aset Air Berhad sebuah syarikat yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan khusus untuk tujuan tersebut. Melalui aturan ini infrastruktur bekalan air yang diperlukan akan dapat dibina, memastikan bekalan air yang mencukupi dan berterusan kepada pengguna, Empangan Gemencheh.

Pada waktu ini di Negeri Sembilan ada isu yang berkaitan dengan kekurangan bekalan air terawat kerana ketidakcukupan sumber air mentah terutamanya di Empangan Gemencheh yang telah tidak menerima hujan walaupun hujan banyak sekarang ini di negara kita. Akan tetapi untuk kawasan *catchment area* dengan izin, di Empangan Gemencheh ini tidak menerima hujan dan saya memaklumkan di Dewan ini Empangan Gemencheh sehingga hari ini ada air dalam empangan 24.16% sahaja. Memandangkan perancangan dan pengurusan sumber air terletak sepenuhnya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya amat yakin bahawa Kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan perkara-perkara ini untuk menyelesaikan masalah bekalan air.

Yang keduanya berhubung dengan tarif. Penyeliaan infrastruktur dan *facilities* baru sahaja tidak dapat menjamin bekalan air kepada pengguna mencukupi dan berterusan. Ia perlu diseimbangkan juga dengan peningkatan keupayaan dan daya saing operator bekalan air dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Dalam hal ini industri perkhidmatan bekalan air khususnya di Negeri Sembilan menghadapi kekangan kewangan memandangkan pendapatannya tidak dapat menampung operasi yang semakin meningkat setiap tahun seperti kos yang telah diketahui umum seperti bahan kimia, royalti air mentah, elektrik, tenaga kerja dan lain-lain.

Kita di peringkat kementerian boleh membantu untuk meneruskan usaha pemberian air berkualiti secara berterusan untuk rakyat. Namun begitu, soal tarif elektrik, kita tidak dapat menyatakan sama ada ia naik atau tidak kerana pada waktu akan datang itu tahu sama ada pada waktu itu boleh atau tidak tarif ini berkekalan. Oleh itu, bagi menjamin keamanan industri bekalan air, kedudukan kewangan operator air perlu diperbaiki melalui apa juga kaedah termasuklah penetapan kadar tarif yang lebih munasabah pada masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan. Ingin saya perbetulkan, soalan saya tidak ada kaitan dengan tarif elektrik. Soalan saya yang kedua itu ialah berkaitan tarif air bukan tarif elektrik.

Saya menerima penjelasan daripada pihak kementerian bahawa Negeri Sembilan mempunyai masalah kekurangan air. Walau bagaimanapun, saya juga berpuas hati dengan

prestasi keluaran air NRW. Kalau ikut fakta dari tahun 2008 yang mana NRW di peringkat 50%. Bermakna pada 2008, separuh daripada air yang dirawat tidak sampai kepada pengguna dan tidak menimbulkan hasil kepada kerajaan. Akan tetapi ini telah dikurangkan kepada 36% pada 2013.

Hanya saya hendak tahu kerja untuk mengurangkan NRW ini seperti mana dijelaskan berpandukan kepada *the economic level of leakage* iaitu tahap di mana kemampuan untuk melaksanakan projek mengurangkan NRW ini berbanding dengan dana yang perlu mendapatkan air daripada punca yang lain. *That means* dengan izin, *increase the source of supply rather than reduce the NRW*. Jadi, saya hendak tahu apakah tahap ataupun kadar air yang dikatakan *economic level of leakage* ini supaya dapat dilaksanakan projek-projek untuk mengurangkan NRW ini secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Kemang atas soalan tambahan. Saya tadi tersalah sebut tarif elektrik. Minta maaf, tarif air. Sebab kementerian ini jaga kedua-dua sekali air dan elektrik kadang-kadang memang sebut kedua-dua sekali.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk Negeri Sembilan kita mempunyai tujuh buah empangan yang sekarang ini beroperasi iaitu:

- (i) Empangan Sungai Terip;
- (ii) Empangan Sungai Beringin;
- (iii) Empangan Talang di Upper Muar;
- (iv) Empangan Ulu Sepri;
- (v) Empangan Kelinci;
- (vi) Empangan Gemencheh; dan
- (vii) Empangan Triang.

Jadi, ketujuh-tujuh empangan ini sebenarnya kegunaan seluruh Negeri Sembilan adalah 736 juta liter sehari. Ketujuh-tujuh empangan ini boleh mengeluarkan rawatan air sebanyak 793 juta liter sehari. Maknanya ada *balance* margin 7% tetapi seperti yang saya sebut tadi yang jadi masalah ini Gemencheh sahaja yang tidak dapat beroperasi pada tahap yang tinggi. Bila Yang Berhormat sebut fasal *economy level of NRW* ini, dia lebih kurang dalam 25%.

Saya suka menyebut pada Yang Berhormat di sini bahawa pada waktu ini projek-projek di bawah SAINS yang sedang dijalankan pada waktu ini adalah:

- (i) Pembesaran loji rawatan air di Kuala Jelai;
- (ii) Cadangan program pertukaran paip di bawah NRW 2010, di Negeri Sembilan sedang dijalankan;
- (iii) Projek sistem bekalan air untuk pembangunan Seremban Barat sedang dijalankan;
- (iv) Cadangan pembaikan tangki dan kolam di Negeri Sembilan sedang dijalankan; dan

- (v) Program *non revenue water* (NRW) dengan izin, di Negeri Sembilan sedang dijalankan.

Jadi ini yang sedang berterusan dijalankan. Manakala pada masa yang sama Yang Berhormat, kita juga sedang menunggu keputusan kerajaan mengenai dengan bekalan air mentah dari Sungai Jelai yang hendak dibawa masuk balik ke dalam Empangan Gemencheh kerana ia menyebabkan kos dan kita menunggu keputusan kerajaan untuk memberi peruntukan bagi mengepam semula bekalan air mentah dari Sungai Jelai ke Gemencheh. Jadi, itulah setakat ini jawapan saya Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Air ini satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Tidak makan seminggu boleh hidup, tidak minum tiga hari sistem badan boleh rosak tapi kalau air yang kotor kita akan mati lagi cepat. Jadi, saya ingin bertanya sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam memastikan rakyat menerima air yang bersih dan kalau tindakan dilakukan, adakah perlu rakyat menggunakan lagi penapis atau rawatan air tambahan di rumah? Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan bahawa bekalan air ini adalah di bawah tanggungan kerajaan negeri dari segi air mentah dan bersama dengan Kerajaan Pusat apabila memproses sebab ada negeri yang sudah *migrate* di bawah WASIA dan ada negeri yang belum.

■1110

Apa yang saya boleh sebutkan di sini bahawa sebenarnya kita berada pada, ada negeri yang mempunyai tahap kualiti airnya yang boleh dikatakan pada tahap yang cukup baik dan ada yang belum mencapai tahap yang memuaskan. Saya hendak ambil contoh tadi Yang Berhormat Telok Kemang tadi contohnya Negeri Sembilan. Negeri Sembilan dia kenakan caj 55 sen satu meter padu, 1 *cubic* meter. Bermakna 20 *cubic* meter ke bawah 55 sen satu kilometer.

Satu *cubic* meter itu 55 sen itu kalau kita bubuh dalam botol 500 mililiter itu 2,000 botol. Kalau *cubic* meter ini maknanya kita boleh letak dalam botol 50 mililiter itu botol kecil itu sebanyak 40,000. Harganya baru RM11. Kalau 1 *cubic* meter ini harganya baru 55 sen. 2,000 botol baru 55 sen. Maknanya itulah tahap tarif air yang ada sekarang ini. Saya ingat *average* lebih kurangnya macam itu. Jadi maknanya salah satu daripada komponen yang ada sekarang ini memang tahap tarif yang sememangnya rendah.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Bagan Serai tadi kualiti air ini sebenarnya ditentukan di setiap negeri atau di setiap empangan itu oleh Kementerian Kesihatan. So Kementerian Kesihatan yang mengesahkan. Contohnya di negeri Selangor apabila Kerajaan Negeri Selangor hendak buat Hybrid off River Augmentation System (**Horas**), semua empangan itu diambil air oleh Kementerian Kesihatan dan disahkan sama ada air itu boleh atau tidak masuk dalam sungai, baru boleh. Terima kasih Yang Berhormat.

7. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bilakah kementerian akan melaksanakan *dredging* kuala Sungai Limbang yang telah diluluskan tiga tahun yang lepas untuk mengatasi masalah banjir yang melanda Bandar Limbang dan kampung-kampung di sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Limbang kerana bertanya soalan khusus tentang Sungai Limbang ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedia maklum berkaitan masalah kecetekan di muara Sungai Limbang. Peruntukan bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Limbang telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Sekian terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Ini hari soalan yang paling bahagia yang saya terima setelah menyuarakannya hampir setiap sesi sejak penggal lepas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada soalanlah itu?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tidak ada.

8. **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah penduduk di Daerah Manjung, Perak dan jumlah anggota polis di Daerah Manjung. Adakah kerajaan bercadang menambahkan jumlah anggota polis di Daerah Manjung untuk memastikan jenayah di daerah ini lebih terkawal.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut bancian oleh Jabatan Statistik Malaysia bagi tahun 2010, jumlah penduduk Daerah Manjung sebanyak 211,113 orang. Kekuatan semasa pegawai anggota yang bertugas di Daerah Manjung sebanyak 569 orang. Walau bagaimanapun, kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk meningkatkan bilangan pegawai dan anggota PDRM sebanyak 5,000 perjawatan setiap tahun sebagaimana yang telah disarankan oleh suruhanjaya untuk kebaikan polis pada tahun 2004 dan tahun 2005 sehinggalah mencapai tahap yang dianggap mencukupi.

Tujuan penambahan jawatan adalah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan Timbalan Menteri soalan tambahan ialah bagaimanakah pihak polis bercadang untuk menyelesaikan masalah jenayah di Daerah Manjung ini. Kalau boleh saya memberikan maklumat yang lebih terperinci supaya dapat jawapan yang lebih tepat.

Oleh sebab baru-baru ini rakyat berasa bahawa pihak polis tidak berdaya dan tidak bermaya kerana dalam beberapa dua tiga tahun ini sudah pun berlakunya beberapa kes pembunuhan yang ngeri. Insiden-insiden yang terbaru yang berlaku di kawasan Manjung ini pada 26 Julai ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak perlu bagi *specific cases* Yang Berhormat. Isunya di sini sama ada untuk memastikan jenayah di daerah itu berkurangan. *That's the issue. Don't have to speak on specific cases.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya sudah banyak berlaku insiden-insiden tembakan dengan pistol di kalangan orang ramai, satu siri. Oleh sebab itu saya hendak memberikan secara terperinci.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Kita dalam Q&A.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Q&A. Jadi saya hendak pihak polis memberitahu jawapan bagaimana hendak menyelesaikan tembakan yang berlaku di kawasan Manjung yang kalau boleh di kedai dekat Momo Restoran di Taman Semarak Jaya, dua kali orang menggunakan tembakan pistol sebagai amaran hinggakan polis macam tidak bermaya, tidak dapat selesaikan kes. Kemudian ada kes di mana penembak masuk ke Dewan Ku Tien di mana lebih 1,000 orang sedang makan malam, tembak *victim* tetapi keluar kawasan itu tidak melarikan diri sungguhpun pihak *special branch* ada.

Juga kes-kes di mana ada penembakan di pusat penjaja di Setiawan dan juga memang kecurian kabel TNB dan Telekom berleluasa. Sampai hari ini pun...

**Seorang Ahli:** Lari tajuklah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, saya hendak jawapan terperinci kerana kalau bagi jawapan secara am, ia tidak selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi kedai mesin kuda pun berleluasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itu sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Mencelah]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tegaskan begitu pentingnya keadaan keselamatan di kawasan Manjung. Saya hendak tindakan terperinci. Bukan bagi jawapan secara am.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya cukuplah setakat itu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebab saya hendak tunjukkan bahawa memang keadaan teruk di sana. Jadi hendak dapat jawapan bagaimanakah kerajaan hendak menyelesaikan masalah-masalah ini. Apakah sudah jadi kepada perisikan pihak polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Oleh sebab itu saya hendak tegaskan untuk dapatkan jawapan yang spesifik bagaimana mengatasi masalah jenayah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Timbalan Menteri lebih arif tentang peraturan mesyuarat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasihlah juga dengan Yang Berhormat Beruas ini. Dia peka dengan keadaan yang

berlaku di kawasan dia. Walau bagaimanapun Yang Berhormat sebagai terperinci kes ini masih dalam siasatan. Keadaan tembak-menembak begini Yang Berhormat ialah ekoran daripada apa yang kita selalu sebut dalam Dewan Yang Berhormat iaitu berhubung dengan *business rivalry*, kawasan punya *rivalry* dan semua perkara ini menunjukkan bahawa perkara ini akan berlaku kalau masih...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, tidak payah ganggu saya. Saya tidak ganggu Yang Berhormat. Walau bagaimanapun polis mengambil tindakan secara keseluruhannya bukan Manjung sahaja Yang Berhormat. Seluruh negara. Kita hendak melihat supaya kemasukan senjata api ini tidak akan boleh dibuat lagi tetapi pelan kerajaan untuk membuat benteng ataupun pagar di seluruh sepanjang sempadan Malaysia dan Thailand itu masih dalam perancangan Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua, risikan dan *intelligence police* masih menjalankan perkhidmatan yang terperinci dan sebaik mungkin untuk menjejak mereka yang terlibat dengan jenayah-jenayah Yang Berhormat. Akan tetapi dalam sistem perundangan kita Yang Berhormat, kita tidak boleh juga melakukan apa yang kita suka walaupun kita mengetahui kalau tidak ada bukti kita tidak boleh tangkap. Yang Berhormat sendiri yang sibuk nanti kalau kita tangkap buat macam itu. Kita tidak boleh buat Yang Berhormat. Perundangan kita berkehendakkan bukti-bukti yang nyata walaupun POCA telah pun diperkenalkan di negara ini dan kita gunakan POCA itu juga pun kita perlu lembaga itu berkehendak *demand* Yang Berhormat bukti-bukti yang khusus diberi oleh pihak polis.

Jadi kita tidak bertindak semberono Yang Berhormat. Jadi walau bagaimanapun kesal sedikit kita kalau ISA dahulu ada yang dapat ditangkap sekarang Yang Berhormat. Akan tetapi malangnya itu telah berlaku.

#### ■1120

Jadi kita bertindak mengikut undang-undang yang ada pada kita. Soalan jenayah ini Yang Berhormat, memang pihak polis pun berat mata memandangi, berat lagi bahu memikul Yang Berhormat. Jadi kita berusaha sebaik yang boleh untuk mengatasi masalah bukan sahaja di Manjung, tetapi di seluruh negara. Kita buat kajian sekarang secara terperinci untuk mempertingkatkan anggota, untuk memperlengkapkan banyak lagi anggota kita dengan alat-alat yang canggih, memasang CCTV dan sebagainya.

Yang kedua soalan Yang Berhormat berhubung dengan kecurian kabel itu. Bahkan saya sudah berjumpa dengan GM Telekom untuk membincangkan supaya undang-undang itu dikaji semula kerana apabila kes dibawa ke mahkamah Yang Berhormat, saya diberitahu apabila kes itu dibawa ke mahkamah, mahkamah akan menilaikan kos kabel yang dicuri. Bila nilai kos kabel yang dicuri hanya mungkin RM100, RM200 atau RM2,000. Jadi nilainya rendah, hukuman pun rendah Yang Berhormat. Jadi polis tangkap pun hukuman rendah juga.

Jadi kita hendak kaji supaya implikasi kecurian kabel yang mungkin akan mengenakan industri-industri perumahan, kawasan elektrik dan sebagainya itu dilihat sebagai satu butiran

untuk pihak kehakiman mengenakan hukuman yang lebih tinggi dan lebih keras kepada pihak pencuri kabel ini. Jadi kita telah melihat keseluruhannya Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat bangkit tetapi kita sudah lihat dahulu daripada itu. Jadi Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Manjung pesat membangun kerana pembangunan yang dibawa oleh Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri. Jadi, begitu juga dengan Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja dan juga bandar pelancongan.

Persoalan saya adalah, apakah pihak kerajaan akan menambahkan pembaikan lagi dari segi jumlah dan juga kualiti CCTV yang digunakan untuk kesejahteraan rakyat khususnya untuk membanteras jenayah-jenayah dan juga menggalakkan kaitan dengan adanya pelancongan dan keselamatan yang bukan sahaja berada di Manjung ataupun di Kuala Kangsar tetapi di seluruh negara.

Jadi persoalan saya, kualiti dan juga jumlah CCTV yang dicadangkan oleh pihak kementerian supaya perkara ini dapat mengatasi banyak kes jenayah di Manjung dan juga di tempat-tempat lain.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memasang CCTV untuk menangani masalah jenayah, adalah didapati amat berkesan. Kita mengambil contoh di New York masa Giuliani menggunakan CCTV selepas sahaja peristiwa 11 September? 9 September? Di New York itu berlaku. Jadi CCTV inilah diguna pakai untuk mengatur, menggerak langkah polis daripada dua sudut iaitu maklumat yang didapati dan respons pihak polis kepada apa berlaku di kawasan-kawasan masing-masing.

Ini kita menerima hakikat bahawa CCTV memang memberi kesan yang amat positif dan kerajaan juga menerusi belanjawan yang baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga Perdana Menteri telah mengisytiharkan akan membeli lagi CCTV untuk Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan ini di setiap daerah di seluruh Malaysia termasuk di Manjung dan di Bandar Diraja yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengenal pasti tempat-tempat yang perlu diberi keutamaan dahulu sebelum meletakkan CCTV dan kita juga telah meminta supaya CCTV yang diperkenalkan itu adalah *high definition* CCTV, bukan TV sebarang atau pun gambaran sebarang kerana tidak membantu dalam soal penyiasatan.

Dalam masa yang sama Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis akan melaksanakan kajian kepada semua daerah di seluruh Malaysia, kalau tak salah saya 700 lebih daerah kepolisian di seluruh Malaysia akan dikajikan untuk mempertingkatkan lagi keanggotaan dan kelengkapan di seluruh daerah yang tersebut. Terima kasih, asalkan Yang Berhormat sokonglah apabila ada permohonan daripada KDN. Terima kasih.

**9. Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sejauh manakah kemajuan projek menyalurkan air mentah dari Pahang ke Selangor dan sejauh manakah loji rawatan di Hulu Langat, Selangor (Langat 2) serta bilakah dijangka bekalan air dapat disalurkan ke Selangor, Lembah Klang dan Putrajaya bagi mengatasi segera krisis air di Selangor.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, sukalah saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam dari Daerah Padang Terap ke dalam Parlimen ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, projek ini berkaitan dengan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor. Sukalah saya memaklumkan di Dewan ini bahawa projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor merangkumi empat komponen iaitu:

- (i) Dalam Empangan Klau di negeri Pahang;
- (ii) Muka sauk dan Stesen Pam Sungai Semantan juga di negeri Pahang;
- (iii) Saluran paip berkembar sepanjang 11.8 kilometer; dan
- (iv) Terowong penyaluran air mentah sepanjang 44 kilometer.

Status pelaksanaan, sehingga 31 Oktober 2014, 98.4% komponen muka sauk dan Stesen Pam Semantan dan komponen saluran paip berkembar telah siap sepenuhnya pada 30 Mei 2014. Komponen Empangan Klau, kemajuan projek ialah 85.7% dan terowong penyaluran air pula ialah 98.7%.

Terowong ini berkeupayaan membekalkan air mentah sehingga 1.89 bilion liter sehari yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Disember 2014.

Komponen yang kedua, untuk pembinaan air ini ialah projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan projek. Sehingga 31 Oktober 2014, kerja-kerja projek ini ialah 1.5%. Pada masa ini, kerja-kerja tanah sedang giat dijalankan oleh pihak kontraktor. Projek Rawatan Air Langat 2 akan mengambil masa 36 bulan dan dijangka siap pada 30 April 2017.

Bekalan air ini dijangka disalurkan kepada rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya pada suku kedua tahun 2017. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi.

Saya ingin merakamkan tahniah kepada Kerajaan Pusat yang telah komited melaksanakan projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 sebagai sebahagian projek pemindahan air mentah yang akan merawat 1.89 bilion liter air mentah untuk disalurkan kepada Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah perjanjian induk penstrukturan air Selangor pada 12 September 2014 lalu telah berjaya memuktamadkan rundingan antara Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih perkhidmatan air dan empat syarikat konsesi, Syarikat

Pengeluaran Air Berhad, Konsortium ABASS, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Puncak Niaga bagi memastikan kelancaran pelaksanaan air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Putrajaya ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Apakah status kadar simpanan air Selangor terkini yang difahamkan semakin merosot dengan cepat dan apakah langkah dan tindakan yang seterusnya yang telah dilaksanakan oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam di atas soalan tambahan tadi.

Ada dua soalan. Yang pertamanya mengenai dengan perjanjian Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Perjanjian Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor telah ditandatangani pada 12 September dan dalam perjanjian itu seperti mana yang saya pernah beberapa kali jelaskan di Dewan ini bahawa perjanjian itu untuk membolehkan bahawa projek pemindahan air daripada Pahang ke Selangor dapat diteruskan dan Loji Rawatan Air Langat 2 dan juga sistem agihan di negeri Selangor ini dan juga Putrajaya dan juga Kuala Lumpur dapat diteruskan.

Manakala yang keduanya ialah pengambilalihan konsesi air oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah perjanjian induk itu. Sukalah saya memaklumkan bahawa dari segi Loji Rawatan Air Langat 2 dan juga sistem agihan, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi kebenaran atau *work order* dengan izin kepada syarikat untuk memasuki tapak. Setakat ini kita boleh menyatakan bahawa tidak ada masalah projek itu di tapak.

#### ■1130

Selepas ini ada lagi satu iaitu sistem agihan air iaitu yang kita panggil pembinaan paip dalam negeri Selangor, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Ini adalah dalam fasa yang kedua dan sebahagian daripada tanah-tanah yang sepatutnya diambil balik untuk tujuan sistem agihan air ini sedang dirundingkan dan ada yang sudah selesai dan untuk soalan ini juga, untuk makluman Ahli Dewan bahawa ada tiga syarikat yang telah bersetuju untuk tandatangan dalam konsesi air ini dengan Kerajaan Negeri Selangor. Yang telah tandatangan ialah Syarikat Puncak Niaga dan SYABAS dan satu lagi ialah syarikat ABASS Konsortium. Syarikat ABASS ini ialah syarikat kepunyaan 90% milik Kerajaan Negeri Selangor dan yang keempatnya yang belum ditandatangani sehingga hari ini dah masih di dalam urusan rundingan ialah syarikat SPLASH.

Soalan yang kedua tadi iaitu berhubung dengan bekalan air yang ada. Untuk maklumat Ahli Dewan, sungai Selangor ialah pembekal air mentah yang terbesar untuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebanyak 60% daripada air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ini datang daripada Sungai Selangor. Sehingga hari ini, Empangan Sungai Selangor berada pada paras 55% dan kita berharap bahawa dengan hujan yang banyak ini akan ada peningkatan dalam Empangan Sungai Selangor.

Kalau 55% tapi kalau Januari, Februari, Mac, April ini tak ada hujan, sudah tentulah Empangan Sungai Selangor ini akan menurun. Setidak-tidaknya sungai Selangor perlu berada

pada taraf 70% barulah boleh selamat. Kalau tidak, kalau kemarau datang dia akan turun dan kita tak mahu berulang sistem catuan air yang pernah berlaku pada awal tahun. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat, setakat itulah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.32 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 November 2014”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, berkenaan usul Yang Berhormat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...19(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, itu akan ditimbang oleh Yang Berhormat Speaker sebentar lagi, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah ada, sudah ada jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah ada jawapan daripada Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Speaker akan timbangkan selepas ini Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tapi sudah ada surat daripada Tan Sri Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bangun selepas ini, selepas Speaker masuk. Boleh ya?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oh itu pun Speaker baru nak masuk. Baik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Senang itu Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Speaker pun dah masuk.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 19. Saya telah menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan rayuan di bawah Peraturan Mesyuarat 19 di mana Tuan Yang di-Pertua telah tidak meluluskan supaya petisyen saya dibaca atas dua alasan. Yang pertama, tidak terdapat penama yang tidak menandatangani atau meletak cap jarinya di dalam kertas rayuan tersebut.

Terdapat juga tandatangan yang tidak dilengkapi dengan nama dan nombor kad pengenalan. Namun demikian, jumlah *petitioners* ataupun yang menandatangani petisyen itu adalah seramai 3,005 orang. Sekiranya ditolakkan seribu sekalipun, masih ada lagi 2,005 orang. Saya rasa bahawa jumlah yang memberikan maklumat yang lengkap adalah memadai.

Yang kedua, alasannya ialah perkara berhubung Akta Hasutan dalam rayuan ini adalah sedang dalam tindakan oleh pihak kerajaan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Saya tidak menganggap bahawa ini merupakan satu alasan yang wajar kerana petisyen itu hanya sekadar untuk menunjukkan keprihatinan rakyat yang ingin supaya isu ini dibahaskan ataupun dibacakan di dalam Dewan.

Walaupun kita tidak menafikan bahawa pihak berkepentingan dan kerajaan sedang mengkaji persoalan ini, tidak ada sebab mengapa ianya tidak boleh dibaca. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua cukup arif dan mengetahui bahawa petisyen ini tidak perlu perbincangan, hanya sekadar pembacaan untuk makluman Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap kali salah seorang Ahli Yang Berhormat membangkitkan persoalan peraturan mesyuarat, saya menganggapnya perkara yang amat penting kerana melibatkan integriti Parlimen. Atas sebab itu, kadang-kadang sehari-hari saya memikirkannya dan merujuk kepada duluan-duluan ataupun *precedent* yang telah dibuat sama ada dalam Dewan Rakyat ini ataupun di negara-negara Komanwel yang lain.

Yang Berhormat, soal petisyen ataupun rayuan yang kita ketahui sekarang ini yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 19 mempunyai usul-usul ataupun asal usul dari negara-negara maju seperti *House of Commons*. Ianya digunakan untuk membangkitkan isu-isu yang

terlintas pandang umpamanya sesuatu isu *constitution* dalam satu klausa yang mungkin perlu dibawa kepada Parlimen supaya Parlimen ambil perhatian kepada isu tersebut. Bermakna itu soal pokok mengenai dengan soal petisyen ini. Di samping itu juga, apabila saya membaca kepada rujukan-rujukan yang sedia ada, perkara satu lagi yang perlu saya pertimbangkan ialah format petisyen.

Bermakna dia ada dua, Yang Berhormat. Pertama, format macam mana buat rayuan itu perlu dipenuhi. Kedua, saya harus fikirkan juga sama ada soal pokok itu juga telah dipenuhi. Jadi dalam rayuan Yang Berhormat sendiri hantar kepada saya, yang seharusnya menurut Peraturan Mesyuarat 19 pun seharusnya bukan dihantar kepada Speaker, dia dihantar kepada Setiausaha Dewan, pun saya terima juga. Selepas itu kita ambil gambar sama-sama lagi Yang Berhormat. Sama ada mahu kasi keluar sama *Facebook* atau tidak, saya pun tumpang bahagialah. Begini tebal. *[menunjukkan petisyen di tangan beliau]* Okey, selepas Yang Berhormat hantar kepada saya, saya serahkan kepada Setiausaha untuk buat penelitian selanjutnya di bawah Peraturan Mesyuarat kalau tak silap saya, 19(2)(d). Okey, selepas itu dihantar kepada saya.

Apa yang didapati dalam petisyen yang sebegini tebal kerana Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 19(2)(d) itu, terpaksa saya menotakan dalam petisyen itu sama ada saya luluskan untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat atau tidak. Maksud, apabila sudah saya tulis surat kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah baca pun, sebetulnya Yang Berhormat tidak payah berdirilah kerana itulah keputusan saya.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebetulnya, kerana tidak boleh lagi dibawa kerana saya tidak benarkan tetapi oleh kerana Yang Berhormat telah juga berdiri, tak apa. Kalau ada Yang Berhormat pun *copy* di depan. Seperti contoh, ini kita cerita pasal format dahulu. Muka surat 103, saya perhati dalam muka surat 103 ini, nama-nama orang yang konon buat petisyen ini ditulis tanpa tandatangan sedangkan peraturan mesyuarat menyatakan bahawa setiap yang membawa rayuan itu mesti menandatangani, kalau tidak pandai menulis mesti cap campur. Okey, itu antara lain. Banyak lagi Yang Berhormat, sini bertanda kuning yang tak payahlah saya panjang lebar baca. Jadi kalau Yang Berhormat mahu tahu secara terperinci, jumpa saya nanti di *Antechamber* bila-bila Yang Berhormat punya masa lapang. Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, itu soal format. *[Dewan riuh]* Nanti dulu Yang Berhormat. Itu mengenai dengan format. Ini soal pokok. *Substantive*. Benar Yang Berhormat bahawa suatu ketika dahulu, Perdana Menteri tidak lama dahulu membuat pengumuman bahawa Akta Hasutan ini sama ada dimansuh atau diubahkan kepada satu akta yang panggilan baru dan sedemikiannya selaras dengan kehendak semasa. Selepas itu baru-baru ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan akhbar yang mengatakan bahawa kerajaan sekarang ini sedang menimbang secara terperinci mengenai dengan maklum balas kepada semua rakyat Malaysia.

Lagi satu Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah juga bangkitkan perkara ini dalam Parlimen ini. Nanti dulu. Terlampau banyak sangat peruntukan Yang Berhormat. Terlampau tebal juga rayuan ini. Pertanyaan berhubung kedudukan Akta Hasutan 1948 ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam melalui pertanyaan lisan bertarikh 3 November 2014, Isnin, nombor 26 dan telah dijawab oleh Menteri yang berkenaan kepada 17 orang Ahli-ahli Dewan juga yang bertanya serupa.

Jadi bermakna apabila sesuatu masalah itu telah dijawab, ia tidak— bermakna sudah dijawab. Jadi pendirian kerajaan adalah seperti begitu. Jadi kalau pun format Yang Berhormat itu saya luluskan, tidak semestinya bahawa perkara ini juga saya benarkan sama ada dibaca ataupun dibahas. Oleh kerana dalam Peraturan Mesyuarat 19 tidak ada begitu peruntukan Yang Berhormat.

Cuma kalau saya terima pun, paling-paling saya kata diluluskan untuk dibentang dan lepas itu diletak di atas meja Menteri ataupun *bundle* ini saya hantar kepada Menteri Dalam Negeri ataupun menteri yang bertanggungjawab untuk meneliti Akta Hasutan. Itu tindakan yang saya buat dan saya telah pun membuat keputusan seperti apa yang saya sebut sebentar tadi. Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun menyedari bahawa pada hari yang saya serahkan kepada Setiausaha Dewan, Setiausaha Dewan pun dia yang terima. Lepas itu dia kata Tuan Yang di-Pertua pun ada dekat dalam. Silalah serah kepada Tuan Yang di-Pertua *direct*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lalu maknanya kalau Tuan Yang di-Pertua hendak sebut bahawa daripada segi prosedur itu tidak betul dan dari sudut itu maknanya ia adalah tidak begitu tepat. Pertama.

Kedua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, saya minta maaf atas kekurangan adanya nama-nama yang tidak bertanda tangan. Akan tetapi seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua sendiri sebut ia begitu tebal dan ketebalan itu adalah semuanya tanda tangan orang-orang yang ingin supaya isu ini diselesaikan dan Akta Hasutan itu sendiri dimansuhkan. Ia hanya sekadar untuk menzahirkan keprihatinan yang supaya kerajaan juga boleh mengambil kira apabila persoalan ini dipertimbangkan.

Maka saya tidak memahami mengapa sekiranya seperti mana yang dikatakan oleh pihak kerajaan sendiri bahawa mereka ingin pertimbangkan dan mengambil pandangan daripada semua pihak, maka apa salahnya sekiranya *petition* itu dibaca. Seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua sebut tanda tangan dan sebagainya diserahkan kepada Menteri supaya ia turut diambil kira. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Ahli Yang Berhormat, begini perbezaan di antara saya dengan timbalan-timbalan saya, kedudukan kami yang duduk di

sini dengan Ahli Yang Berhormat yang duduk di bawah sana. Kami tidak ada agenda *beyond what is provided by* peraturan mesyuarat.

Akan tetapi saya tegaskan di sini dengan memohon maaf sambil saya senyum. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat apabila membangkitkan perkara begini, asal sahaja dapat publisiti, sudahlah. [*Dewan riuh*] Bermakna– ya, nanti dulu Yang Berhormat Shah Alam. Duduk dulu Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua itu niat jahat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua niat jahat itu Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua tarik baliklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Duduk dulu Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Yang mentafsir Peraturan Mesyuarat adalah Tuan Yang di-Pertua. Ada seorang Tuan Yang di-Pertua di *House of Commons*, **Zilean Ruen** mengatakan, "*A Speaker is a law upon himself.*" *Meaning*, apa pun yang saya sebut itu saya tidak mempunyai sangkaan jahat apa-apa. Itu perbezaan kita.

Jadi, maka tugas saya adalah semata-mata untuk tengok, tafsir peraturan mesyuarat. Selepas itu saya buat keputusan. Jadi oleh kerana saya benarkan Yang Berhormat berdiri pun sekarang ini kita berinteraksi, itu pun mesej Yang Berhormat telah pun tersampai sebetulnya kerana akan dapat liputan sebegini. Yang Berhormat sebetulnya terpaksa minta maaf, terima kasih kepada saya. Okey, terima kasih, terima kasih. Sila teruskan.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. *[Hari Kesembilan]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.45 [Jadual] -  
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Lenggong.

**11.47 pg.**

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas bagi Maksud B.45 – Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan banyak terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan, Timbalan Menteri menjawab senyum sahaja pagi ini kerana melakukan pelbagai inisiatif untuk menyemarakkan aktiviti kepada generasi muda dalam negara ini sama ada dalam bidang sukan ataupun belia sendiri.

Saya hendak ambil ruang untuk berucap dalam maksud Butiran 020000, Butiran 060000, Butiran 020500 dan Butiran 020700. Kita lihat sejak akhir-akhir ini pencapaian atlet negara dalam banyak masa sukan bukan sahaja jatuh tetapi merudum begitu teruk sekali. Ini saya yakin dalam perhatian dan tindakan kementerian untuk menyelesaikannya. Dalam waktu yang sama kita juga lihat memang kita tidak nafikan bahawa Kementerian Belia melakukan perubahan besar untuk membangunkan kegiatan belia.

Saya cuma hendak tanya kepada Kementerian Belia soal pelaburan kepada masa depan negara ini. Oleh kerana kita laburkan begitu banyak untuk pembangunan sukan ini, nampaknya hasil masih lagi tidak ke mana. Masih lagi tidak capai apatah lagi kita berhadapan dengan isu Lee Chong Wei yang hari ini nampaknya berpuluh tahun lagilah kita akan dapat seorang lagi Lee Chong Wei dalam negara ini.

Kalau Datuk Nicole Ann David itu pun tidak lagi mampu untuk berjuang, menjulang nama negara, berapa tahun pula Datuk Nicole Ann David kita akan capai seorang lagi. Saya hendak minta pihak kementerian, kalau inilah keadaannya, apa salahnya sebab saya tengok dalam bajet ini berbanding dengan pembangunan sukan jauh beza. Apa salahnya kita tumpukan kepada pembangunan belia dalam pelbagai bidang kerana ini penting kepada negara sebenarnya. Oleh kerana kita lihat permintaan generasi muda kepada pelbagai program dan aktiviti belia, saya lihat begitu banyak.

Oleh sebab itu kalau kita lihat dari segi pembangunan ekonomi belia, saya hendak tahu sejauh mana pelaburan kerajaan peruntukan untuk pembangunan ekonomi belia ini dengan aktiviti belia. Ada atau tidak kajian yang Kementerian Belia buat sendiri? Apa hasilnya? Apa keuntungannya dengan pelaburan begitu banyak kepada sukan dengan pembangunan belia melalui ekonomi sedangkan ia penting sebenarnya kepada generasi muda pada hari ini. Ini yang dituntut oleh generasi muda yang perlukan kegiatan ekonomi, yang perlukan pekerjaan dan yang perlukan segala-galanya. Pelaburan banyak kepada sukan hasilnya kurang tetapi ini kurang menang ekonomi tetapi sedangkan ini penting sebenarnya. Saya juga...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit. Pembangunan ekonomi belia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh. Sila, sila.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kita lihat hari ini ialah aset utama kita. Tadi saya mendengar apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong perlunya pembangunan ekonomi belia.

#### ■1150

Sedarkah Yang Berhormat Lenggong pada suatu ketika, melalui Kementerian Belia dan Sukan telah menyediakan dana untuk pembangunan ekonomi ini. Maksud saya pihak kerajaan telah menyediakan pinjaman ataupun peruntukan kepada para belia kita untuk melaksanakan ataupun untuk menjalankan sesuatu perniagaan. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat Lenggong, saya lihat cara yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan pada suatu ketika dahulu telah ditiadakan. Sehingga hari ini ada di kalangan para belia kita hari ini terutama di luar bandar menunggu-nunggu, menanti-nanti tentang skim yang telah dijalankan oleh pihak kementerian pada satu ketika dahulu. Apa penjelasan Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya percaya orang muda di luar sana memang amat mengharapkan kementerian tingkatkan sesuatu, melalui tabung ekonomi belia. Nanti saya pasti kementerian akan jawab ada, akan tetapi bank urus. Akan tetapi Yang Berhormat, di luar sana kalau Yang Berhormat pergi jumpa orang muda dia kata hantar kertas kerja hari ini belum tentu sebulan lulus, dua bulan belum tentu lagi. Banyak *retakenya*, banyak halangannya. Oleh sebab itu, kita kena faham kehendak generasi muda yang hendak berniaga dan sebagainya.

Saya sokong apa Yang Berhormat Tenom kata tadi, permudahkan. Kalau kaedah dahulu terbaik, laksanakan balik kaedah dahulu. Jangan banyak sangat kekangan yang menyebabkan

minat orang muda hendak berniaga tidak ada dan terhalang kerana perkara ini. Oleh sebab itu, saya percaya cuba kementerian kaji apa hasil pelaburan dalam bidang sukan yang begitu banyak kita buat? Betul, menjulang imej negara itu penting. Akan tetapi, memberi peluang kepada generasi muda dalam perkara ini sangat mustahak. Apatah lagi kita akan berhadapan tiga tahun lagi 2000 – Yang Berhormat pun tahu apa yang saya sebut sebenarnya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu saya harap supaya tumpuan kementerian bagi kepada aktiviti-aktiviti pembangunan belia di bawah ini. Satu lagi Yang Berhormat, kita ada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia yang diluluskan...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Di Dewan yang mulia ini tahun 2007, saya jadi Jawatankuasa bersama Pengerusi dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ketika itu. Banyak perkara yang termaktub dipersetujui dalam akta tersebut Yang Berhormat, tidak pun dilaksanakan dan banyak yang tidak dilaksanakan sebagaimana yang dipersetujui dalam perbincangan awal waktu akta ini dirangka. Saya juga rasa bertanggungjawab untuk bercakap mengenai ini, kerana saya juga terlibat sepenuhnya dalam penggubalan akta gunaan.

Hari ini kita dengar kementerian hendak turunkan umur kepada 30 tahun. Betul Yang Berhormat ya? Saya tidak halang...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Ataupun saya hendak kata saya tidak bersetuju pun tidak. Sekejap Yang Berhormat Sekijang ya. Saya hendak habis ayat ini.

Akan tetapi Yang Berhormat, jangan kita ikut model daripada Amerika atau negara Europe. Kegiatan belia mereka hanya kegiatan sosial. Cuci longkang, buat aktiviti-aktiviti dekat rumah kebajikan, itu aktiviti sosial. Akan tetapi aktiviti pembangunan belia dalam negara ini melahirkan pemimpin. Berapa ramai pemimpin dalam Dewan ini yang lahirnya daripada organisasi belia? Baik pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri, ramai pemimpin lain lahir sini ialah hasil daripada organisasi belia. Maknanya pembangunan belia dalam negara ini jangan kita samakan dengan yang berlaku di luar negara.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat bagi kajian bentang dan tunjukkan kajian, impak apabila kita turunkan umur belia dari atas 40 tahun sehingga ke 40 tahun, waktu akta belia diwujudkan dalam Dewan ini. Apa impak, apa kesannya. Kesan itu harus dikaji, saya yakin ia akan memberi kesan besar apabila umur diturunkan kepada 30 tahun. Satu daripadanya ialah kita tidak menyediakan platform kepada yang berumur 31 tahun ke atas ini untuk bergiat dalam mana-mana organisasi. Oleh sebab waktu ini dia boleh bergiat dalam kegiatan belia, organisasi belia, selepas ini dia tidak ada lagi peluang. Dia akan menimbulkan pelbagai masalah. Oleh sebab itu kajian ini perlu dibuat, bandingkan dengan kesan waktu kita turunkan umur belia sampai 40 tahun, dengan apa yang kita buat. Walaupun kita hendak buat

tahun 2018, tetapi saya percaya kajian kena buat sekarang ini. Sila Yang Berhormat Sekijang. Ha, ini belia ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Lenggong. Tadi Yang Berhormat Lenggong ada sebut tentang pembangunan ekonomi berkaitan dengan belia. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sendiri selaku juga merupakan bekas pemimpin belia. Dulu kita ada Skim Tabung Usahawan Ekonomi untuk golongan belia dan kita tahu kementerian setiap tahun mengadakan Festival Belia dan menganugerahkan pemimpin-pemimpin yang terbaik, tokoh-tokoh belia daripada— dalam bidang berkaitan dengan ekonomi.

Jadi kita hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lenggong sendiri, kalaulah kita wujudkan semula Tabung Ekonomi Belia ini dan kita berikan kemudahan daripada segi pinjaman kepada pemimpin-pemimpin belia ini, dari segi ekonominya kepada mereka-mereka yang pernah menang anugerah dan sebagainya ini. Begitu juga kepada persatuan-persatuan belia yang kita tahu bergiat aktif dalam bidang ekonomi untuk membantu golongan-golongan usahawan belia ini, apakah saranan dan pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya sebut tadi memang penting tabung pembangunan ekonomi belia ini, mesti diwujudkan semula. Malah saya bersetuju, Yang Berhormat Baling ada bisik kita saya, bukan sahaja tabung buat bank belia. Tunjukkan kepada orang muda sana bahawa kita memang serius dalam soal pembangunan ekonomi belia, buat bank belia. Saya ingat kalau Yang Berhormat buat bank belia ini, memang orang muda akan berpusu-pusu ke Kementerian Belia dan Sukan.

Ini kerana lihat Kementerian Belia dan Sukan memang ingin merancang sesuatu untuk menaikkan ekonomi belia. Yang Berhormat, kalau kita lahirkan 10,000 usahawan dalam negara ini ia lebih hebat daripada kita lahirkan seorang Lee Chong Wei. Ini penting kepada negara kita sebenarnya, pada pandangan saya. Oleh sebab itu saya sokong supaya perkara ini dibuat.

Yang Berhormat saya cuma hendak tanya dalam Dewan yang mulia ini, kita buat Parlimen Belia, usaha yang cukup baik sekali. Untukgerakkan orang muda menyalurkan pandangan kepada kerajaan melalui forum yang dibuat. Saya hendak tahu sebab ikut laporan, hanya 10% bukan Melayu. Saya tidak tahu betul atau tidak betul Yang Berhormat ya. Akan tetapi Yang Berhormat bagi jelaskan dalam Dewan ini. Saya dengar pula, ada sebuah negeri yang pengundinya 30,000 tetapi yang mengundinya 300 orang sahaja.

Jadi Yang Berhormat dalam Dewan ini kalau boleh, boleh tidak perincikan, berapa pengundi yang layak mengundi dan berapa pengundi sebenar? Boleh kita tengok. Kalau kita lahirkan Ahli Parlimen Belia ini, siapa sebenarnya mengundi mereka? Apakah majoriti orang muda?

Ini kerana orang muda dalam negara ini lebih daripada 11 juta orang Yang Berhormat. Kalau yang mengundi hanya tidak sampai 200,000 orang, Apakah ia mewakili 11 juta itu? Oleh sebab itu saya rasa yang lebih sesuai ialah Majlis Perundingan Belia. Oleh sebab ia ada daerah, ia ada di negeri dan ia ada di Persekutuan. Di daerah, kita *implementkan* supaya dia mewakili

orang muda di peringkat daerah. Isu-isu daerah dibawa ke negeri di dalam Majlis Perundingan Belia Negeri. Di negeri, isu-isu dibawa ke Pusat Majlis Perundingan Belia Negara. Kalau pun dalam Akta Pembangunan Belia hanya terhad kepada mewakili persatuan belia, bukannya, kembangkan. Ini saya fikir yang lebih sesuai. Ini kalau diangkat biar lebih tinggi, saya rasa ia lebih mewakili orang muda dalam negara ini.

Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya minta supaya kajian terperinci dibuat. Kita ada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia, minta institut ini kaji terperinci semua perkara ini. Hendak turunkan umur belia, Parlimen Belia supaya semua perkara yang dibuat ini benar-benar beri impak dan yang penting sekali Yang Berhormat, saya minta supaya setiap sen yang kita belanjakan untuk pembangunan belia mesti ia memberi kesan besar kepada negara kita.

Oleh sebab itu saya harap kajian dibuat. Apakah ketika ini kita hendak laburkan begitu banyak kepada sukan ataupun kita hendak beri tumpuan kepada pembangunan belia yang lebih penting. Mereka perlukan pendidikan, mereka perlukan pembangunan ekonomi, pembangunan sahsiah dan sebagainya. Jadi saya harap program-program kepimpinan, ekonomi tidak hanya dibuat sekadar memang hendak buat, akan tetapi mesti dibuat serius. Kalau betul-betul kita hendak pergi hendak jaga orang muda, saya ingat tidak ada kementerian lain. Kementerian Belia dan Sukanlah yang perlu buatnya.

Jadi Yang Berhormat saya minta supaya, kalau kita lihat Parlimen Belia ini tidak sangat mewakili ke semua generasi muda ini, Yang Berhormat kaji balik dan cuba perkukuhkan, tambah nilai Majlis Perundingan Belia itu. Kalau hanya terhad kepada persatuan belia, tambahkan lagi, tingkatkan lagi, kembangkan lagi keanggotaannya. Saya ingat ia lebih mewakili, kalau tidak nanti Yang Berhormat Ahli Parlimen Belia daripada Lenggong, dia pun tidak ada mana-mana ahli persatuan belia di Lenggong pun. Dia pun tidak ada mewakili siapa pun, kalaulah.

Jadi Yang Berhormat saya minta perkara itu diberikan perhatian dan saya harap Kementerian Belia dan Sukan terus mampu untuk memainkan peranan. Saya percaya pegawai-pegawai dengan Yang Berhormat Menteri memang bersungguh-sungguh dalam perkara ini. Jadi, saya harap usaha dapat diteruskan. Apa yang penting, generasi muda dalam negara kita dapat terus diberi pembelaan. Terima kasih.

■1200

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila.

12.00 tgh.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada beberapa butiran iaitu Butiran 020300 – Pembangunan Belia, Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia.

Tuan Pengerusi, adalah wajib bagi pihak kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan untuk membangunkan belia agar belia yang bakal memimpin negara pada masa hadapan dapat menyambung kesinambungan pemimpin negara yang dahulunya untuk membawa negara

ke satu arah yang lebih adil, saksama dan berdaya saing dan rakyatnya bersatu-padu. Demi pembangunan belia serta membuka lebih ruang kepada golongan belia khususnya kepada mereka yang berumur di bawah 30 tahun, saya secara terbuka memberi sokongan yang penuh kepada usul yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan bahawa tafsiran umur belia pada tahun 2018 akan diturunkan daripada umur 40 tahun ke 30 tahun.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pemuda Sosialis DAP Malaysia (DAPSY) sebenarnya telah pun meluluskan satu usul di mana had umur ahli Pemuda DAP telah pun diturunkan daripada umur 40 tahun sehingga 35 tahun bermula tahun 2014 ketika Kongres Kebangsaan DAPSY 2012. Sebenarnya selain daripada persatuan-persatuan ataupun NGO belia, saya rasa parti-parti politik yang memimpin negara ini ataupun negeri-negeri juga harus *lead by example* dengan izin, memimpin dengan teladan, sepatutnya juga mengikut apa yang telah pun diusulkan iaitu menurunkan had umur sayap pemuda ataupun belia kepada had umur yang selaras dengan NGO belia.

Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar penurunan had umur ini dapat dilaksanakan dengan bermula daripada umur 35 tahun. Ini kerana saya rasa pada peringkat awal, kita memang perlu memberi lebih ruang ataupun lebih masa bagi NGO-NGO ataupun persatuan-persatuan untuk membuat persiapan.

Tuan Pengerusi, bagi program pembangunan belia, saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk menyatakan secara terperinci mengenai program-program yang sedang dan akan dijalankan di semua negeri. Ini kerana pada masa yang sama, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Belia dan Sukan bahawa sebenarnya banyak kursus ataupun program yang melibatkan pembangunan belia telah pun dijalankan tetapi ...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan. Tanjong. Ya, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya ingin mendapatkan pendapat Yang Berhormat Rasah. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap ketidaksanggupan Yang Berhormat Menteri untuk melaksanakan had umur yang sama iaitu 30 tahun atau 35 tahun terhadap Pemuda UMNO, pemuda-pemuda Barisan Nasional, khususnya Ketua Pemuda UMNO yang tiada had umurnya? Saya minta pandangan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Oleh sebab itu tadi saya ada menyebut, sebagai parti politik yang memimpin negara ini, pada ketika kita mengatakan kita hendak menurunkan had umur belia daripada umur 40 tahun sehingga 30 tahun, saya rasa kita harus *lead by example*. Jadi, saya memang amat mencadangkan dan berharap semua parti politik, khususnya sayap pemudanya juga dapat menurunkan had umur daripada 40 tahun ke 30 tahun.

Tuan Pengerusi, saya meneruskan perbahasan saya. Tuan Pengerusi, tadi saya telah pun membangkitkan mengenai isu pembangunan belia. Selepas itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa saya cukup yakin sekali golongan belia di negara kita memang taat dan setia kepada negara kita. Setiap pandangan dan juga kritikan daripada golongan belia haruslah kita mengambil perhatian dan juga haruslah kita mengambil berat. Saya secara terbuka mengalu-alukan usaha Kementerian Belia dan Sukan yang akan mengadakan

Parlimen Belia yang mana memberi peluang kepada belia untuk mengeluarkan pandangan serta rintihan mereka di Parlimen Belia.

Ia sememangnya telah pun menunjukkan keterbukaan pihak Kerajaan Barisan Nasional tetapi apa yang saya perhatikan di sini, kementerian berusaha untuk membangunkan negara, memberi lebih ruang kepada belia untuk mengeluarkan pandangan mereka. Akan tetapi apa yang saya perhatikan, baru-baru ini di institusi awam ataupun di institusi pengajian tinggi awam mempunyai beberapa tindakan yang cuba menggunakan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan juga Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 untuk menghalang belia-belia kita untuk bersuara khususnya ketika menyuarakan sesuatu yang dilihat bertentangan dengan pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, menurut satu memorandum yang telah pun diserahkan kepada SUHAKAM oleh Gerakan Mahasiswa, mansuhkan AUKU dan juga Akta 174 pada 5 Jun 2014, sebanyak 25 belia ataupun mahasiswa telah dikenakan tindakan prosiding tatatertib oleh pihak universiti masing-masing sepanjang tahun 2014. Saya rasa dalam perkara ini, walaupun ia melibatkan Kementerian Pendidikan sebagai satu kementerian menjaga portfolio belia, harus mengambil berat apa yang sedang berlaku dalam kalangan belia dan harus mengambil langkah yang sewajarnya untuk membantu belia-belia ini yang diambil tindakan oleh pihak universiti mereka agar mereka dapat meneruskan pengajian mereka tanpa sebarang halangan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Rasah. Sekarang ini ada satu pemikiran baharu dalam kalangan ibu bapa dan juga pendukung-pendukung masyarakat terhadap aktiviti pelajar kononnya, pelajar harus memberikan tumpuan kepada pelajaran, memberikan tumpuan kepada gerak kerja semasa menjadi mahasiswa dengan melupakan apa yang terjadi terhadap politik negara. Sikap ini menyebabkan pelajar-pelajar rasa *indifference*, tidak ambil kisah, apa yang hendak jadi pun jadilah asalkan mereka dapat *degree*.

Akan tetapi, adakah ini satu tindakan yang baik kalau berbanding dengan masyarakat kita di tahun 1990-an atau 1980-an dahulu, pelajar-pelajar begitu aktif dan mengambil tahu tentang apa yang berlaku dalam negara, menyebabkan pemimpin-pemimpin pelajar itu lazimnya menjadi pemimpin kepada satu gerakan dan akhirnya politik negara itu juga *dishapekan* oleh pemikiran-pemikiran pemimpin-pemimpin dan pelajar-pelajar. Malah kita tengok, kebanyakan Ahli Parlimen dalam Dewan ini juga bekas-bekas pemimpin pelajar. Maknanya, terbukti semasa mereka berada dalam alam kemahasiswaan dan kerana mereka tidak *indifference*, maka kita telah berjaya melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik di waktu ini. Apa pendapat Yang Berhormat Rasah tentang ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya memang bersetujulah 100% apa yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani yang mana memang kita memperlihatkan mahasiswa ataupun belia-belia yang baru-baru ini diambil tindakan oleh universiti. Sepatutnya kita harus melihat mereka sebagai aset kepada negara kita. Siapa tahu mungkin satu hari nanti mereka akan menjadi pemimpin negara kita, mungkin mereka menduduki jawatan Menteri KBS ataupun sebagai Perdana Menteri Malaysia kita yang akan datang.

Jadi Tuan Pengerusi, izinkan saya teruskan perbahasan saya. Baru-baru ini banyak persatuan yang terdiri daripada belia ataupun mahasiswa telah pun meluahkan keprihatinan mereka dan juga ketidakpuasan hati mereka terhadap tuduhan yang telah pun dikenakan oleh lapan orang mahasiswa di Universiti Malaya ekoran daripada penganjuran Pidato Umum Yang Berhormat Ketua Pembangkang di Universiti Malaya.

■1210

Pertubuhan-pertubuhan ini telah pun menunjukkan keprihatinan mereka terhadap pihak universiti yang menyekat hak kebebasan para mahasiswa. Sebuah institusi pengajian tinggi perlu berfungsi secara bebas sebagai pusat pembentukan idea dan ilmu dalam kalangan mahasiswa tanpa sekatan mana-mana pihak yang berkepentingan. Apakah salahnya pidato seperti itu diwacanakan dalam kalangan mahasiswa sedangkan mereka hanya ingin mengambil inspirasi dari Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebagai Alumni mahasiswa Universiti Malaya suatu masa dahulu? Tuan Pengerusi, kita juga sedar bahawa belia ataupun mahasiswa itu adalah harga yang bernilai dan juga aset kepimpinan negara suatu masa nanti. Bukankah mendidik lebih baik daripada menghukum mereka dan apakah pendirian Kementerian Belia dan Sukan dan adakah Kementerian Belia dan Sukan bersedia untuk mendengar rintihan mahasiswa serta memberi sokongan kepada desakan semua NGO belia yang mendesak pihak Universiti Malaya untuk menarik balik pertuduhan terhadap lapan orang mahasiswa yang juga belia yang merupakan pemimpin pada masa hadapan negara kita?

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya ramai yang mempunyai pandangan ataupun pemikiran bahawa mereka yang di bawah umur 30 tahun ini tidak berpengalaman, tidak mampu untuk memimpin dan tidak mampu buat kerja-kerja seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong. Dia kata, "*Ini golongan belia sapu longkang sahaja*". Bagi saya, saya pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri pada umur 28 tahun. Di dalam Dewan ini ramai Ahli Yang Berhormat telah pun dipilih sebagai wakil rakyat ketika mereka berumur 20-an atau 30-an. Saya rasa memang tiba masa untuk kita menurunkan had umur belia ini daripada umur 40 tahun sehingga 30 tahun. Dengan kata-kata ini, sekian, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin berbahas sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk sekejap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi, mengenai isu - saya agak Peraturan Mesyuarat 47. Saya telah pun membangkitkan soalan dalam perbahasan saya semasa peringkat jawatankuasa hari Rabu, dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Konsumerisme. Semasa jawapan dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau- walaupun sudah ada jawapan tetapi tidak jawab soalan saya dan berkata bahawa jawapan akan diberikan secara bertulis. Sehingga hari ini saya masih belum mendapat jawapan tersebut walaupun yang difahamkan saya jawapan tersebut bersedia. Saya harap jawapan itu dapat diserahkan secepat mungkin. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat, ini sebagai ingatan kepada menteri-menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat. Kalau ada perkara seperti begitu yang telah dijanjikan, tolong, saya faham Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sibuk tetapi pegawai-pegawai yang membantu kepada menteri-menteri, tolong buat kerja itu, hantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang telah dijanjikan terhadap jawapan-jawapan kepada yang mereka telah bangkitkan. Sila.

**12.14 tgh.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan perkara yang berkaitan dengan B.45 dan juga P.45, Butiran 020200 - Pembangunan Sukan. Butiran 050700 - Program Pencarian Bakat dan juga Butiran 00908 - Program Pembangunan Ahli Sukan, Program Latihan dan Bakat. Seperti yang kita sedia maklum, sukan ini amat penting di dalam pembangunan negara dan kejayaan sesebuah pasukan ataupun negara itu dalam bidang sukan akan mencerminkan imej dan juga sejauh mana kemajuan negara tersebut. Jadi sudah tentulah kita berterima kasih kepada pihak kerajaan yang selama ini mengambil berat tentang pembangunan sukan dalam negara. Namun yang menjadi masalah perbualan kepada masyarakat ialah tahap pencapaian negara dalam pelbagai jenis kejohanan sama ada di peringkat rantau mahupun sampailah ke peringkat Olimpik dan juga peringkat dunia, nampaknya makin menurun dari tahun ke tahun.

Jadi sudah tentulah kita sedang mencari jalan dan pelbagai persoalan bagaimana kita hendak atasi masalah-masalah ini. Maka kerajaan telah pun memutuskan untuk mewujudkan sekolah sukan. Contohnya, Sekolah Sukan Bukit Jalil dan juga Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) di Johor. Jadi kita tahu bahawa bila Sekolah Sukan Bukit Jalil dan juga SSTMI ini diwujudkan, maka mereka ini diberikan latihan yang saya kira *special* diberikan tumpuan khas dalam bidang-bidang tertentu dengan peralatan yang canggih, teknologi terkini dan jurulatih terbaik.

Namun dalam masa yang sama kita tengok setelah sekian lama sekolah-sekolah ini diwujudkan, tetapi pencapaian kita masih kurang membanggakan. Dalam masa yang sama juga, Kementerian Pendidikan telah mengadakan bersama-sama dengan Kementerian Belia dan

Sukan dan MSN, sekolah-sekolah di negeri-negeri yang dikatakan sekolah sukan negeri yang juga menumpukan kepada beberapa jenis sukan tertentu di negeri masing-masing.

Jadi di Sekolah Sukan Bukit Jalil contohnya, kita hanya ada 460 orang pelajar dan juga di SSTMI ini ada 554 orang pelajar. Jadi mereka ini diberikan latihan dan sebagainya tetapi pada pandangan saya, apabila diwujudkan sekolah-sekolah ini, mereka ini sudah tentulah dianggap sebagai atlet elit negara, atlet muda. Mereka ini juga diberi ruang untuk bersaing bersama-sama dengan atlet-atlet dari negara-negeri lain dari sekolah sukan ataupun yang dihasilkan sendiri melalui sekolah biasa.

Akan tetapi kita tahu bahawa apabila sekolah-sekolah dari SSTMI, SSBJ ini bertanding, sudah tentulah mereka menang. Tidak lawan lagi pun mereka sudah menang. Atlet-atlet dari sekolah-sekolah sukan negeri ini pula merasa rendah diri, tidak bersemangat dan tidak mampu hendak bersaing. Jadi secara tidak langsung kita melihat bahawa apabila diwujudkan elit sukan ini dengan lebih kurang dalam 900 ataupun 1,000 orang pelajar tetapi kita terlupa memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah sukan negeri.

Jadi sekolah-sekolah negeri katakanlah satu negeri itu ada pelajarnya lebih kurang 300 pelajar sekolah-sekolah negeri, yang kita ada 14 buah negeri, kita ada semuanya lebih kurang 4,200 orang pelajar yang terlibat. Akan tetapi yang menjadi masalah ialah kualiti ataupun pencapaian mereka ini kerana mungkin mereka tidak mendapat *facilities* atau kemudahan-kemudahan yang sama dengan pelajar-pelajar di SSBJ dan juga SSTMI. Jadi saya mencadangkan supaya MSN dan juga Kementerian Belia dan Sukan bersama-sama dengan kerjasama KPM melihat semula supaya kita jangan sempitkan bilangan atlet yang terlibat kerana apabila bilangan yang kecil ini, maka sudah tentu tahap persaingannya juga akan menurun.

Jadi selain dari itu, sudah tentulah kita tidak mahu pelajar-pelajar di SSBJ dan juga SSTMI ini merasa mereka ini hebat di dalam diri mereka ini sedangkan apabila mereka dipilih untuk mewakili negara, mereka tidak mampu bersaing di peringkat - jangan kata di peringkat sukan Asia, malahan juga di peringkat *regional* ataupun di Sukan SEA. Selain dari itu...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Jerlun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Sungai Petani, sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sedarkan Yang Berhormat Jerlun bahawa di barat khususnya di Amerika Syarikat, sekolah-sekolah atau universiti-universiti begitu memberikan tumpuan kepada sukan-sukan tertentu hinggalah jabatan-jabatan sukan di universiti itu menjadi suatu yang amat *glamorous* dengan *coach*nya, dengan *team*nya dan sebagainya dan menyebabkan universiti-universiti *offer scholarship* kepada pelajar-pelajar yang baik dalam bidang-bidang tertentu. Ini sekali gus membuatkan *competition* dia antara universiti-universiti itu menjadi hebat. Apabila mereka *graduate* dari universiti tersebut, mereka ada *credential*, ini menyebabkan pelajar-pelajar ataupun *graduate* ini *marketable*.

## ■1220

Apakah Yang Berhormat Jerlun rasa, masanya telah tiba. Di negeri kita, kita tumpukan. Mungkin kita tidak senaraikan 35 jenis sukan tetapi bermula dengan beberapa sukan yang amat popular di Malaysia. Apakah pandangan Yang Berhormat Jerlun tentang hal ini? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Okey Yang Berhormat Sungai Petani. Saya bersetuju. Kita melihat bahawa di Malaysia kita ini pun ada pertandingan di peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan ada beberapa orang, contohnya dalam bidang bola sepak, pemain-pemain bola sepak daripada universiti dipilih untuk mewakili negeri dan sebagainya. Namun, kalau kita mahu membandingkannya dengan sistem di US contohnya, dalam pertandingan *American Football* sendiri ataupun *basketball* dan sebagainya, apa juga jenis sukan, sudah tentu apabila pelajar-pelajar di peringkat kolej ataupun universiti ini keluar dan *graduate*, mereka boleh terus menjadi seorang ahli sukan profesional.

Namun, saya bersetuju bahawa sudah tiba masanya kita mesti mewujudkan sebuah sistem di mana persaingan di antara pelajar-pelajar di universiti dalam bidang sukan ini juga mesti ada kesinambungan, perlu ada *follow through*. Oleh sebab hari ini kita tahu bahawa pelajar-pelajar takut untuk berkecimpung secara sepenuh masa atau profesional dalam bidang sukan kerana tidak ada masa depan. Jadi, inilah perlunya dikaji semula dasar daripada peringkat rendah, menengah dan juga sudah tentu kolej dan juga di universiti.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Butiran 050400 – Penyelenggaraan Stadium dan juga Butiran 02100 – Naik Taraf Kompleks Sukan Negara. Jadi, kita tahulah Stadium Bukit Jalil ialah stadium utama negara kita. Akan tetapi kita hairan, kita sedar baru-baru ini pun rumput ditanam semula di stadium tersebut. Rumput, karpet dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa, secara peribadi saya melihat mungkin *carpet-grass* ataupun *bermuda-grass* ini tidak sesuai dengan padang, cuaca, jenis permainan umpamanya bola sepak. Kalau kita tengok di padang-padang golf memang cantik, rumputnya nampak indah mata memandang. Akan tetapi kalau padang golf itu pun dibenarkan orang bermain bola sepak, sudah tentu ia menjadi rosak. Sebab itulah di padang golf ini diperlukan memakai kasut yang khusus untuk golf kerana untuk menjaga padang.

Akan tetapi di Bukit Jalil walaupun baru-baru ini kita telah pun tanam semula rumput kemudian apabila ada *final* Piala Malaysia baru-baru ini antara Pahang dan Johor tetapi kita tengok mutu perlawanan akhir itu terganggu kerana kualiti padang yang rosak. Jadi, saya rasa saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula jenis rumput yang sesuai dengan cuaca kita. Panas, hujan yang melimpah ruah ini, mungkin kita balik semula kepada rumput yang asal iaitu *paspalum conjugatum* ataupun digelar dalam bahasa kampungnya iaitu rumput kerbau ataupun *cowgrass*. *Cowgrass* ini pun kalau kita *maintain* dengan elok serta sistematik, saya rasa ia pun boleh menjadi secantik Stadium Wembley.

Seterusnya Tuan Pengerusi, kita mengalu-alukan Butiran 050500 – Program Pembangunan Bola Sepak Negara di bawah KBSN diterajui oleh Yang Berhormat Menteri sendiri yang hendak mewujudkan serta melebarkan *base* ataupun asas pemain-pemain bola sepak di

peringkat kecil. Di mana kita hendak mewujudkan lebih banyak kemudahan-kemudahan *facilities* dan kemudahan akademi bola sepak seperti di Gambang. Kita yakin Program Pembangunan Bola Sepak Negara yang dianjurkan oleh kementerian ini akan membuahkan hasil jangka panjang.

Saya difahamkan, kita berhasrat untuk hendak menggalakkan serta mewujudkan sekurang-kurangnya 50,000 orang pemain bola sepak dalam negara daripada pelbagai peringkat umur. Saya yakin apabila *base* kita itu besar, maka pemilihan itu akan menjadi lebih terkawal dan mudah untuk kita mendapatkan bakat-bakat yang betul-betul dapat mewakili negara. Seterusnya, mengembalikan semula kecemerlangan negara dalam bola sepak pada masa depan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 060200 – Penganjuran dan Penyertaan Sukan. Kita berbangga sebagai rakyat Malaysia apabila kementerian memutuskan untuk memberikan satu identiti kepada semua atlet negara dengan mengeluarkan satu jersi ataupun pakaian sukan yang standard yang dipakai oleh semua atlet. Akan tetapi apabila kita melihat– saya sendiri berpeluang menonton TV, Kejohanan Sukan Komanwel di Scotland.

Apabila kita tengok pelbagai warna dipakai oleh pemain dan atlet-atlet kita, yang berbasikal berwarna merah, ada yang memakai baju warna biru, ada yang memakai baju kuning hitam yang *official* itu tetapi saya boleh sebut contoh, khusus peserta *lawn bowls force* pakai seluar hitam, baju kuning hitam, cantik dan nampak menawan. Akan tetapi sayangnya topi yang dipakai itu jenamanya *Titleist*, jenamanya PUMA seumpamanya mereka bermain golf. Jadi, kita tidak faham. Sebenarnya jersi ataupun pakaian sukan yang seragam. Contohnya, kita tengok *All Blacks*, New Zealand, dia pakai *all black*, Baik dia *lawn bowls* kah, dia ragbi kah, apa pun dia kira *all black with the white fern*. Dia menjadikan imej dan identiti negara, kebersamaan, semangat itu ada.

Akan tetapi apabila pelbagai pasukan yang dikawal oleh mungkin persatuan sukan itu sendiri membuat keputusan, contohnya basikal memakai baju merah kemudian saya tidak ingat baju biru macam renang dan sebagainya. Ia tidak ada satu identiti Malaysia itu. Jadi, di manakah hasrat kementerian hendak membawa rasa kebersamaan dalam contohnya, dalam *centralize training*, semua pasukan ataupun kontinjen yang hendak bertanding itu dibawa tetapi apabila di padang, mereka tidak membawa hak kebersamaan itu.

Jadi, sudah tentulah ia akan sedikit sebanyak mengurangkan rasa bangga diri ataupun rasa kita menjadi rakyat Malaysia. Sama juga ketika kita melihat di Sukan Asia di Incheon dan sebagainya lah. Jadi, nampak sangat betapa *colorful* pasukan Malaysia tetapi apa yang penting adalah pada kita, sasaran yang tidak dibuat itu tidak mencapai *targetnya* sehinggakan mereka takut hendak meletakkan bilangan pencapaian pingat. Kerana apa? Kerana takut nanti dimarahi apabila gagal takut untuk bertanggungjawab.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga meminta kementerian melihat semula tentang kepimpinan persatuan sukan. Saya ingat kerajaan sudah membuat bermacam-macam, berjuta-juta peruntukan diberikan. Daripada peringkat TID, kemudian kita membuat bimbingan, kita lahirkan mereka tetapi apabila mereka sudah keluar daripada bimbingan MSN, mereka berada

dalam naungan persatuan sukan, persatuan sukan ini pula berbagai ragam, politiknya pun tinggi. Jadi, umur pegawai-pegawai ataupun pemegang jawatan itu pun terlalu lanjut, hatta sudah mencecah 70-an, 80-an. Bagaimanakah mereka ini hendak *motivate* atlet-atlet muda yang mungkin tidak sama *wavelengthnya*.

Jadi, ini mungkin salah satu punca. Contohnya, beberapa persatuan sukan yang ada diberikan kepercayaan, masuk dalam surat khabar contohnya. Apabila kerajaan memberikan tajaan, LTDL untuk hadiah wang ganjaran tetapi wang itu digunakan untuk tujuan lain. Apabila hendak dianjurkan semula LTDL tahun ini, maka terkapai-kapai dan kita sedang menguji keyakinan peserta ataupun pasukan-pasukan yang *glamour* dan hebat-hebat untuk mengambil bahagian. Jadi, kalau inilah cara pengurusannya, maka sudah tentulah ia akan memberikan kesan terhadap pencapaian keseluruhan prestasi sukan negara. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

**12.29 tgh.**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*. Saya ingin turut berbahas Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan dalam Butiran 020200 – Pembangunan Sukan dan Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Pertama, saya ingin terus kepada untuk menyokong perbahasan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Rasah daripada Pemuda DAP mengenai hak mahasiswa untuk berkepimpinan. Kita tahu bahawa universiti ialah ladang yang paling sesuai untuk melatih kepimpinan anak muda negara. Cuma isu kita dalam negara ialah yang saya tengok kerajaan begitu pesimis terhadap perkembangan kepimpinan belia yang tidak berapa pro kerajaan.

■1230

Jadi, saya harap janganlah undang-undang dan juga akta menjadi penghalang kepada mereka terutama sekali mahasiswa untuk menggarap kepimpinan mereka. Ini kerana kepimpinan ini agak sukar untuk dibentuk. Ia memerlukan keberanian, amanah dan sebagainya. Jadi yang lahir di universiti ini hendaklah ditatang oleh pihak kerajaan. Jadi, itulah yang saya harapkan dan yang berlaku sekarang ini adalah sebaliknya. Kerajaan dilihat hanya mahukan kepimpinan belia itu lahir daripada rahim pertubuhan-pertubuhan belia yang pro kerajaan sahaja. Itu yang saya nak sebut menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rasah sekejap tadi.

Kemudian isu belia apabila kita bercakap mengenai belia, kita bercakap mengenai pembangunan jati diri dan ia secara ringkasnya ialah pembangunan fizikal dan juga pembangunan rohani. Dengan bajet yang saya tengok tahun ini agak besar yang kerajaan berikan kepada Kementerian Belia dan Sukan, yang saya harapkan ialah keberanian pihak kerajaan untuk melihat kembali bagaimana dasar pembangunan belia itu harus kita tangani.

Belia negara kita walaupun kita tekankan isu fizikal, pembangunan ekonomi juga sukan, tetapi yang lebih besar sekarang ini ialah masalah, gejala yang menimpa dunia belia kita hari ini.

Dari sudut ilmunya, kita tahu bahawa mereka ini mengalami gejala sosial yang teruk kerana kekosongan. Apabila hati itu kosong, maka ia tidak akan kosong. Ia akan masuk benda yang buruk. Benda yang buruk ini perlu dibuang.

Jadi, yang kita kena tahu bahawa jiwa belia ini tidak boleh kosong dan ia tak boleh diisi dengan wang. Ia tidak boleh diisi dengan hiburan. Itu ialah kekosongan yang buruk. Ia perlu diisi dengan sesuatu yang lebih kukuh, yang kita sebut sebagai jati diri. Kita sebagai negara umat Islam, saya ingin menyarankan supaya kerajaan – saya sebut tadi jangan hanya bergantung kepada pihak JAKIM untuk mengisi program-program yang bersifat agama. Bahkan, Kementerian Belia dan Sukan juga perlu ambil perhatian ini.

Saya ingin bacakan satu ayat kalau boleh dengan izin Tuan Pengerusi, yang sering dibaca tiap-tiap minggu oleh khatib ataupun imam pada hari Jumaat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Allah Taala menyebut mengenai pembinaan manusia. Pertama ialah kefahaman agama *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Wahai Muhammad, bacalah Al-Quran”. Itu ilmu. Isikan tubuh manusia dengan ilmu. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Dan kamu Muhammad, dirikanlah solat.” Kerana apa? Allah Taala jawab *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Sesungguhnya solat itu mencegah manusia daripada buat perkara buruk dan juga perkara mungkar.”

Ertinya, dua perkara. Pembangunan belia hendaklah diteraskan kepada pengisian ilmu. Jadi, selain daripada Kementerian Pendidikan, itu di sekolah. Adapun apabila mereka keluar daripada sekolah, apatah lagi apabila mereka telah habis belajar di sekolah ataupun universiti, maka belia dia jadi kosong dalam kehidupan sosial mereka, perlu diisi. Di sinilah Kementerian Belia dan Sukan harus memainkan peranan untuk mengadakan program-program bahkan membentuk, membina model baru, mungkin dengan bantuan pihak JAKIM atau golongan agama untuk melihat, menggunakan wang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk membina jati diri belia melalui ilmu agama dan juga usaha untuk pembinaan solat.

Yang saya tengok sebelum ini isu walaupun kita boleh memuji, saya pun sebut sebelum ini mengenai aspek pembangunan ekonomi belia kita. Yang saya nak tegur ialah peruntukan yang besar yang diberikan untuk tujuan hiburan. Walaupun kita tahu hiburan itu adalah benar untuk belia bahkan untuk orang tua juga tetapi hiburan yang melampau, saya harap pihak kerajaan ambil perhatian. Tahun lepas, dua tahun lepas isu mengenai hiburan melampau yang ditaja oleh kerajaan menjadi isu negara. Saya harap untuk tahun-tahun akan datang, isu ini diambil perhatian oleh pihak-pihak kerajaan.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Rasah tadi, ulang balik mengenai Parlimen Belia. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kerajaan kerana tidak ada peruntukan yang disebut dalam bajet tahun depan. Saya ingin tahu apakah perkembangan Parlimen Belia yang kita harapkan juga menjadi satu forum yang menarik untuk pembinaan belia.

Kemudian saya ingin menyentuh mengenai sukan negara kita. Tuan Pengerusi, kalau saya melihat kepada belia negara kita pada hari ini, anak muda bercakap mengenai sukan ini.

Sektor sukan ini seperti sektor yang agak murung untuk negara kita. Dalam semua, bermula daripada bola sepak sehinggalah kepada sukan yang cuba kita naikkan menjadi kekuatan negara kita termasuk lumba basikal dan sebagainya. Yang saya nak sebut ialah mengenai pembangunan sukan berdasarkan kepada sains sukan dan teknologi sukan.

Saya melihat perkembangan beberapa negara Asia yang maju terutama Jepun dan Korea Selatan. Walaupun tubuh mereka hampir sama dengan tubuh kita orang Asia tetapi mereka begitu maju dalam dunia sukan. Rujukan yang kita buat menunjukkan bahawa kejayaan mereka banyak kepada keupayaan mereka untuk memanfaatkan sains sukan dan juga teknologi sukan yang semakin hari semakin berkembang.

Saya bimbang negara kita di bawah Institut Sukan Negara yang banyak terlibat dengan sains sukan ini tidak memanfaatkan sepenuhnya. Sama ada kita dah ada formula tetapi kita gagal dalam formula tersebut ataupun kita masih lagi mencari formula sebenar untuk sukan rakyat Malaysia sehingga kita mampu untuk menjadi juara di peringkat dunia ataupun sekurang-kurangnya di peringkat negara Asia kita.

Semalam kita tengok Malaysia main bola ya, sukan Suzuki Cup. Kita seri semalam. Sepatutnya kita menang. Saya pernah sebut dua– kalau saya boleh sebut dua, tiga bulan lepas dalam *Twitter* saya, saya hairan setiap kali bola sepak main di peringkat luar negara, banyak sangat kad merah kena pemain kita. Saya sebut dua-tiga bulan lepas dan orang yang puji dan ada yang kritik saya. Akan tetapi, semalam belum apa-apa dah kad merah. Jadi saya nak tahu, ini tak termasuk sains sukan kad merah ini sebenarnya. Jadi, saya harap isu-isu seperti ini harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Kelolaan sains sukan yang berada di bawah tanggungjawab Institut Sukan Negara perlu diperkembangkan lagi terutama sekali melibatkan aspek psikologi, *nutrition*, *technicality* termasuk juga pada aspek kejurulatihan. Tidak kurang juga keupayaan teknologi dapat membantu kepada pembangunan sukan di dalam negara terutama sekali bagi atlet-atlet negara. Ini dibuktikan di beberapa negara Eropah termasuklah UK, Perancis, Sepanyol, Itali yang mengoptimumkan peranan teknologi sekali gus membantu mereka merangkul pingat dalam sukan-sukan besar termasuk Sukan Olimpik. Jadi harapan saya, saya mengharapkan agar pihak kementerian dapat memberi penekanan yang paling utama terhadap aspek ini demi kelangsungan pembangunan negara kita. Tuan Pengerusi, negara kita adalah layak untuk menggunakan sains sukan dan teknologi yang berkembang pesat di dunia sukan hari ini.

Kemudian yang terakhir yang saya nak sebut ialah mengenai... tadi pun telah disebut mengenai penyelenggaraan Stadium Bukit Jalil. Ini Butiran 050000 – Dasar Baru. Perincian di bawah Butiran 050400 – Penyelenggaraan Stadium dan juga Butiran 050500 – Program Pembangunan Bola Sepak Negara.

Kerajaan telah belanja untuk baiki padang stadium ini dah RM1.5 juta pada tahun 2013 baru-baru ini. Proses itu berjalan tetapi hasilnya macam sama. Sudah berapa kali kita habiskan duit untuk stadium nasional ini tetapi masalahnya ialah masalah yang sama berulang. Jadi harapan saya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun ya, sama. Saya nak tahu apa isu

sebenarnya sehingga kita terus gagal dalam isu yang sama, isu padang rumput. Saya ingat tak tahu, negara mana ada isu macam negara kita ini. Isu padang rumput pun dah bertahun-tahun tak selesai. Itu sahaja yang saya nak sebut. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■ 1240

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020300 – Pembangunan Belia dan 030200 – IKBN. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah memberi tumpuan yang begitu baik kepada pembangunan kemahiran kepada belia-belia negara kita. Tetapi saya lihat bahawa kemahiran-kemahiran bidang-bidang yang tertentu ini adalah daripada bidang-bidang tradisional, yang juga merupakan pasaran-pasaran atau pun memberi sokongan kepada industri-industri tradisional, dan juga pasaran-pasaran tradisional.

Saya ingin menyentuh tentang satu perkara di mana kita lihat bahawa ada bidang-bidang khusus yang mana kita lihat kerja boleh mencari pekerja. Kalau bidang-bidang tradisional, kita melatih dan mencari pekerjaan. Tetapi sudah ada bidang-bidang yang khusus, yang khas di mana kerja mencari pekerja. Saya beri contoh seperti bidang-bidang dalam *oil and gas*, bidang-bidang dalam perkhidmatan khas, pengendalian mesin-mesin canggih dan juga perkara-perkara yang menyentuh tentang perkara hiliran dan juga hospitaliti industri, yang mana kemahiran itu agak berlainan. Jadi kita boleh mencadangkan supaya kementerian menyediakan kursus-kursus pendek untuk kemahiran-kemahiran khas ini.

Kalau kita lihat sebagai contoh dalam pekerjaan, kita mencari *professional driver* dengan izin, *professional bodyguard*. Ini satu perkara yang diperlukan, seperti kita lihat dulu, mendiang Yang Berhormat Bukit Gelugor pun, bahawa pemandu beliau pun bukan daripada orang sini, mungkin tidak cukup kemahiran. Perkara-perkara seperti ini, pasaran-pasaran sedia ada, kita boleh memberi kemahiran kepada anak muda kita. Bekas-bekas ahli sukan, bekas-bekas komando, walaupun tidak tua sangat, tapi masih muda. Bekas-bekas komando, bekas-bekas ahli sukan, bekas-bekas sesiapa yang telah menjalani bidang pertahanan diri, mereka-mereka inilah kalau dididik ataupun diberi kursus pendek oleh kementerian, nescaya pasaran itu dapat memenuhi permintaan yang begitu tinggi dan begitu baik kerana pendapatan pekerjaan-pekerjaan yang khas ini begitu tinggi dan lumayan. Kita mesti cuba memberi penekanan kepada perkara-perkara ini supaya kita mendapat satu lagi barisan pelapis dalam industri-industri ataupun pasaran-pasaran yang memerlukan daripada kalangan-kalangan belia kita ini.

Saya juga lihat bahawa dua tiga perkara yang telah disebut, bagaimana cabaran utama kita? Bagaimana kita boleh mengubah minda anak-anak muda kita, belia-belia kita tentang kemahiran? Walaupun kita memberi penekanan kepada akademik, pencapaian akademik, dan juga kerja-kerja yang tradisional, yang profesional, yang bekerja dengan kerajaan. Tetapi kita mesti beri tumpuan kepada bagaimana kita boleh menukarkan minda anak-anak muda kita melalui bagaimana anak-anak muda kita boleh menceburkan bidang di dalam bidang-bidang

baru yang dilihat sebagai 3D (dengan izin) yang begitu tidak diminati oleh belia-belie. Maksud saya ialah *dangerous*, bidang-bidang yang begitu *dangerous*, *dirty* dan juga *degrading*.

Saya rasa inilah cabaran bagaimana pihak Kementerian Belia dapat menukar minda anak-anak muda kita nescaya kalau mereka dapat memahami bidang-bidang yang 3D ini sebenarnya memberi keuntungan dan juga pulangan untuk kerjaya dan juga pendapatan yang begitu tinggi dan memberi sumbangan yang baik kepada negara kita. Itulah harapan saya kepada pihak kementerian supaya melihat semula perkara-perkara ini dalam kursus-kursus yang boleh menyediakan kursus pendek yang saya percaya boleh dibuat dan memberi manfaat secara *instant*, secara langsung dan secara cepat untuk memenuhi pasaran yang ada kepada kerjaya-kerjaya khas yang begitu lumayan, yang tidak diambil peluang oleh belia-belie, mungkin kerana tidak ada penyediaan kepada kursus-kursus yang sedemikian. Itulah pandangan saya Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

#### 12.44. tgh.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala B.45 Butiran 010000 – Pengurusan. Perbelanjaan pembangunan bagi Kementerian Belia dan Sukan dilonjakkan dengan begitu banyak bagi tahun 2015 iaitu kepada RM415 juta berbanding dengan tahun 2014 iaitu hanya RM174 juta sahaja. Anggaran perbelanjaan pembangunan ini adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan tahun 2011 hingga tahun 2014. Apakah projek-projek pembangunan sukan yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 yang mengehendaki peruntukan yang begitu banyak?

Pada masa yang sama perbelanjaan mengurus juga telah dikurangkan RM45 juta pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2014. Bagaimana Kementerian Belia dan Sukan mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM45 juta itu? Perbelanjaan apakah yang telah dipotong?

Tuan Pengerusi, Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Pada tahun hadapan dijangka 1,200 orang belia diberi peluang untuk menyertai Rancangan Pertukaran Belia Luar Negara dan Dalam Negeri. Ini adalah satu program yang baik untuk mendedahkan belia-belie kita kepada segala budaya, ekonomi, politik, sosial, teknologi dan lain-lain daripada luar. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih belia-belie yang menyertai program pertukaran ini? Adakah peluang diberi kepada semua kaum, jika ya, bagaimana ia diterapkan dan dilaksanakan oleh kementerian?

Tuan Pengerusi, Butiran 060200 – Penganjuran dan Penyertaan Sukan. Kerajaan telah membelanjakan RM59.8 juta untuk menghadapi Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow 2014 untuk 14 jenis sukan yang diambil bahagian. Malaysia menduduki tempat ke-12 dengan meraih 6 pingat emas, 7 pingat perak dan 6 pingat gangsa. Adakah pihak kementerian sudah mula membuat persediaan untuk menghadapi Sukan Komanwel ke-21 pada tahun 2018? Apakah acara-cara sukan yang telah dikenal pasti dan telah dimulakan latihan setakat ini? Kita kena pastikan pungutan pingat dan prestasi pencapaian yang lebih baik dalam Sukan Komanwel ke-

21. Apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk memperkasakan pencapaian pasukan hoki negara menghadapi pasukan-pasukan antarabangsa?

Malaysia pernah mencatatkan pencapaian yang unggul dalam permainan hoki suatu masa dahulu. Kini, di mana silapnya? Apakah sasaran kerajaan untuk Sukan Komanwel ke-21 yang bakal diadakan pada 4 hingga 15 April 2018 di Bandar raya Gold Coast, Queensland, Australia.

Tuan Pengerusi, Butiran 020200. Integriti pengadil adalah penting untuk menjaga mutu sukan dan imej negara di arena antarabangsa. Perkara ini harus diberi perhatian yang serius oleh FAM. Kita perlu melahirkan pengadil-pengadil yang berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa. Berapakah ramai pengadil kita yang telah diberi pengiktirafan FIFA? Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk melahirkan pengadil-pengadil bola sepak yang mencapai piawai antarabangsa supaya kredibiliti pengadil tempatan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak?

Tuan Pengerusi, di bawah butiran yang sama, pengurusan dan pentadbiran persatuan-persatuan sukan di negara kita perlu dipantau dengan ketat oleh kementerian. Kerajaan perlu memberi fokus dalam isu ini, berkaitan dengan kawal selia pengurusan dan kewangan persatuan-persatuan sukan ini. Kita sering dengar bahawa terdapat salah guna kuasa dan penyelewengan di kalangan pegawai-pegawai persatuan sukan yang melemahkan lagi prestasi sesuatu sukan. Masalah dalaman seperti ini perlu dibendung jika kita benar-benar mahu melihat mutu sukan negara berkembang maju. Apakah kaedah-kaedah atau mekanisme yang sedia ada atau yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian bagi menangani masalah dalaman persatuan-persatuan sukan ini?

Tuan Pengerusi, masih di dalam butiran yang sama, ramai atlet-atlet veteran negara pernah mengharumkan nama baik dan imej negara pada suatu ketika dahulu, kini mungkin telah berusia, bersara dan menjadi uzur. Sumbangan mereka dalam bidang sukan negara tidak boleh diketepikan. Apakah langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menjamin masa depan atlet-atlet yang pernah mengharumkan nama negara, tetapi tidak lagi berkecimpung dalam arena sukan.

#### ■1250

Kerajaan juga harus memberi penghargaan kepada veteran-veteran dengan menamakan padang-padang permainan, pusat-pusat sukan, stadium-stadium sempena nama mereka. Ini adalah lebih baik daripada menamakan tempat-tempat ini mengikut nama kawasan bangunan itu dibina. Ini memberi peluang kepada kita untuk mengenang dan menghargai jasa dan sumbangan mereka serta menjadi motivasi kepada anak-anak muda yang menceburi bidang sukan.

Tuan Pengerusi, Butiran 050500 – Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Pelbagai kaedah serta perbelanjaan telah disalurkan oleh kerajaan demi menaikkan martabat pasukan bola sepak kebangsaan. Memang ternyata hasilnya tidak begitu menyerlah malah prestasi pasukan bola sepak negara semakin merosot di tangga kedudukan FIFA.

Sudahkah kementerian melakukan bedah siasat yang menyeluruh bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahannya yang perlu diperbaiki dari segi pengurusan FAM, teknikal, pemilihan pemain dan latihan. Adakah kerajaan pernah menggunakan khidmat nasihat pakar diagnostik, *performance diagnostic specialist*, dengan izin dari luar negara dalam membantu mengenal pasti masalah sebenar dalam menyelesaikan masalah ini secara komprehensif. Saya lihat terdapat peruntukan baru sebanyak RM7 juta dalam Anggaran Perbelanjaan 2015 untuk program pembangunan bola sepak negara. Minta penjelasan Menteri mengenai peruntukan baru ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 050700 – Program Pencarian Bakat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Gajah mencelah sedikit.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu Gajah hendak tanya pandangan Yang Berhormat Batu Gajah lah. Kita sudah lama berusaha untuk meletakkan bola sepak ini pada tahap yang membanggakanlah. Setuju atau tidak kalau saya cadangkan kita ambil mana-mana pemain luar negara, kemudian kita bagi kerakyatan buat macam Singapura dan sebagainya kemudian bagi dia main dalam *team* Malaysia supaya dia dapat membantu untuk menaikkan pasukan bola sepak negara. Setuju atau tidak setuju?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini saya tidak terima, Tuan Pengerusi. Ini bukan satu cadangan yang baik. Kita mahu pemain-pemain negara kita. Kita hendak lahirkan pemain negara kita. Kita tidak mahu bawa pemain-pemain import. Itu satu cadangan yang saya tidak boleh terima Yang Berhormat Lenggong. Minta maaf.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Itu cadangan Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada pihak kementerian supaya remaja-remaja yang menjadi banduan di Penjara Remaja dijadikan sasaran mencari bakat terutamanya dalam bidang sukan. Golongan ini boleh dikerah dan diberi latihan khas dengan pemantauan yang rapi untuk menggembleng bakat-bakat sukan yang mereka miliki itu. Ini juga memberi peluang kepada anak-anak muda yang terkandas jalan ini kembali kepada pangkuan masyarakat.

Melalui program seperti ini kementerian juga mungkin akan mengenal pasti bakat luar biasa yang terpendam. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan cadangan saya. Saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah banduan muda yang tergolong dalam kategori belia berada di penjara di seluruh negara, apakah langkah-langkah Kementerian Belia dan Sukan untuk mendekati mereka?

Tuan Pengerusi, butiran terakhir 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia. Sejak kebelakangan ini kita sentiasa mendengar bahawa terlalu ramai belia India terjerumus dalam aktiviti-aktiviti anti-sosial dan jenayah. Walaupun pelbagai usaha, program dan aktiviti dijalankan

oleh kerajaan dan badan-badan NGO, tetapi masalah ini tidak dapat dibendung malah menjadi semakin meruncing.

Saya berpendapat bahawa program-program seperti ini tidak dapat menyelesaikan masalah ini sepenuhnya. Kita harus meneliti secara terperinci apakah punca sebenar masalah sosial yang dihadapi oleh sebahagian besar belia-belia India ini. *I would not go wrong*, dengan izin kalau saya berkata ekonomi merupakan punca atau faktor utama yang mendorong golongan ini bergiat dalam aktiviti-aktiviti haram. Walaupun apa sahaja program yang dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan jika masalah asas di peringkat akar umbi iaitu soal ekonomi tidak diselesaikan, selagi itu masalah yang diperkatakan ini akan wujud dan bertambah buruk.

Saya juga berpendapat bahawa program-program sedia ada untuk membantu belia dan sukan dalam bidang pertanian dan keusahawanan tidak tersampai kepada kumpulan sasaran ini. Saya mencadangkan supaya kementerian serius dalam melancarkan lebih banyak program-program pembangunan ekonomi untuk belia-belia India, program enam sahaja tidak mencukupi. Saya juga mahu menyarankan supaya satu forum dianjurkan supaya masalah-masalah belia India dan mekanisme penyelesaian dapat dibengkelkan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat, politik, NGO dan pihak kementerian.

Isu yang perlu dititikberatkan ialah kaedah-kaedah ekonomi sebagai penyelesaian. Masalah belia India patut dianggap sebagai masalah nasional dan bukan hanya masalah kaum India. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**12.56 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. [*Dewan riuh*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bola, bola.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, ada beberapa butiran – apa fasal sindir? [*Ketawa*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Fasal bola sepak dahulu, bola sepak dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan, 020100 - Belia dan Sukan, 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia dan 050500 – Pembangunan Bola Sepak Negara. Melihat kepada pembangunan sukan negara, saya melihat bahawa mutu sukan negara kita ini makin lama makin merudum. Satu ketika Tuan Pengerusi, sepak takraw ini adalah dicipta oleh Malaysia, Indonesia dan Thailand. Akan tetapi hari ini Malaysia boleh dikalahkan oleh Korea dalam sepak takraw. Tidak masuk akal.

Apa sudah jadi dengan sepak takraw kita ini Tuan Pengerusi? Pemimpinnya bertelagah berebut jawatan tetapi pembangunan sepak takraw itu tidak jadi juga. Apabila kalah baru-baru ini dia punya alasan macam tidak masuk akal. Dia kata kita kalah dengan Korea sebab Korea main tekwando dia cepat, pantas. Kita main silat *slow* dia kata. *Slow movement*.

Kalau inilah alasan rasa saya Menteri Belia dan Sukan perlu melihat secara bijaksana dalam pembangunan takraw ini. Cukuplah bola sepak kita diperlekehkan oleh negara-negara yang memperlekehkan negara kita Myanmar. Myanmar ini kemudahan sukan dia pun tidak ada. Dia main di padang lumpur tetapi dia belasah kita.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru-baru ini satu sama, nasib.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan pendek sahaja. Adakah prestasi pasukan sepak takraw kita begitu teruk berkaitan dengan beberapa pemain sepak takraw yang didapati mengambil dadah ataupun mengambil ubat-ubat yang tertentu dalam perkara ini. Adakah ini menjadi satu perkara yang menjadi lebih meluas dalam bidang sukan di negara kita?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, mungkin ini salah satu faktor menyumbang ke arah kita gagal sebab pada saya apabila dalam sukan kita kena sihat. Seharusnya Persatuan Takraw ini mengimport pemain-pemain takraw ke luar negara. Biar Korea ambil, biar Thailand ambil, ini kita yang kena import. Import saya nampak. *[Ketawa]* Sebab kita sudah kecundang dengan Korea. Bayangkan tidak pernah terlintas di fikiran saya Korea belasah kita main takraw. Kalau main bola, ada jalan.

Jadi ini Presiden dia cuba buka mindanya, buka besar-besar. Jangan fikir kedudukannya dalam persatuan itu sendiri. Fikir bagaimana hendak melahirkan pemain-pemain sepak takraw yang berkualiti. Biar Malaysia menjadi pengimport jangan kita dibelasah oleh pasukan-pasukan yang lemah daripada kita satu ketika dahulu tetapi mereka pertingkatkan kualiti mereka.

Pada saya sepak takraw ini sebetulnya permainan orang Melayu tetapi hari ini tidak lagi boleh kita banggakan, dia menjadi permainan antarabangsa. Seharusnya kita bersedia ke persada antarabangsa. Kalau Thailand kita jumpa minta maaflah Tuan Pengerusi, memang orang kata boleh taruk 10-1 lah, kalah. Jadi ulam, kalau orang Sabah bilang jadi sayur. Kita orang Malaysia ini jadi sayur kepada Thailand. Bola sepak pun begitu. Myanmar sayur kita, Vietnam sayur kita, Singapura kecil-kecil pun sayur kita juga. Badminton lagi Tuan Pengerusi, harap-harap Lee Chong Wei tidak tahu macam mana pula dia terkena racun.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh sambung hujah sebelah tengah hari nanti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti, terima kasih.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]***

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa.*]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan, ada berapa lama lagi?

**2.32 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada lapan minit saja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, tadi saya menyambung soal kemalapan persatuan sukan di negara kita iaitu tentang bola sepak dan badmintonnya. Kalau sukan-sukan lain saya tidak mahu cakaplah, saya tidak tahu. Orang Indonesia cakap *kanan* lagi kita mahu melihat atlet-atlet kita yang berjaya. Kalau adapun dalam bola sepak ini dia menjadi satu kali, sekejap itu dia lenyap macam Safee Sali. Dia hebat satu ketika tetapi dia buat kerenah macam-macam.

Di Malaysia ini itulah, tidak boleh berjaya, asal berjaya dia bunuh diri. Jadi itu masalah yang kita hadapi, ini mungkin kementerian perlu melihat ke arah bagaimana, kalau ada atlet kita yang berjaya, harus dikawal, dibantu dan dibagi motivasi supaya mereka ada ketahanan diri, ketahanan mental. Ini asal dia sudah berjaya, dia rasa dunia dia sudah lupa, macam-macam kerenah dia buat.

Menyentuh soal pembangunan belia Tuan Pengerusi iaitu saya melihat bahawa sudah tiba masanya kementerian lebih fokus iaitu kalau kita melihat industri pasaran dunia. Contohnya saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Di negara kita ini kita *based on exam oriented*, peperiksaan semata-mata. Kalau gagal SPM bermakna dia tidak akan boleh melanjutkan ke universiti. Bermakna dia akan tercicir.

Dalam era abad 21 ini, mana ada lagi pekerjaan menanti dengan kelulusan SPM. Orang hendak sekurang-kurangnya diploma, *degree* ataupun *master*. Jadi apa yang berlaku kepada masa depan remaja-remaja yang tercicir ini, takkan mereka gagal di sekolah, mereka juga mesti gagal dalam hidup. Akan tetapi kalau ruang lingkup tidak disediakan oleh kementerian atau kerajaan, maka masa depan mereka akan malap, timbullah gejala-gejala yang negatif, menjadi samseng, *road bully* dan menjadi macam-macam.

Jadi apa mekanisme? Mekanisme dia, kementerian harus mewujudkan satu *course* yang singkat yang singkat sahaja, seperti saya setuju mungkin kita boleh mengeluarkan pemandu yang profesional. Oleh sebab hari ini pun pasaran pemandu ini sudah tinggi, RM1,500 gaji dia. Jadi kita *create* negara ini sebagai pengeluar pemandu profesional, *security* profesional dan *bodyguard* profesional. Kita ada industri ladang. Di negara ini terlampau banyak. Kita memerlukan buruh-buruh asing, beratus-ratus ribu orang. Kenapa tidak kita *create* orang kita jadi

tukang toreh getah profesional, jadi tukang sabit kelapa sawit profesional. Lihat negara Eropah, di Australia dan Amerika, dia ada *waitress* profesional. Dia gaji 70 *pound* satu jam. Kita di sini mana ada? Cuba kita *train* benda-benda sebegini, duit yang ada sedikit itu kita manfaatkan.

Saya hairan kenapa pegawai-pegawai kita di kementerian bukan Kementerian Belia dan Sukan saja, keseluruhan kementerian, mereka tidak kreatif untuk melihat pembangunan modal insan ini, melihat pembangunan negara. Kalau mereka kreatif, mungkin kita boleh berjaya satu hari nanti. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bawalah usul saya di mesyuarat Kabinet nanti, sebab ini perlu supaya belia-belie kita ada tempat, ada ruang dan bolehlah macam di Philippine Tuan Pengerusi, mereka mengeksport tenaga-tenaga mahir seperti pembantu rumah, *nurse* di hospital-hospital di Arab Saudi, di mana-mana dan pulangan untuk negara mereka lebih kurang USD5 hingga USD10 bilion satu tahun. Mereka *pump in* duit ke negara mereka. Akan tetapi kita, kita hantar duit kita pergi negara luar, terbalik pula.

Jadi kalau ini kita tidak kawal, memanfaatkan dengan baik, saya bimbang kita akan berhadapan dengan masalah sukan kita gagal, belia pun kita gagal. Sedangkan dalam mana-mana negara, kemajuan sebuah negara itu bergantung kepada bagaimana kemajuannya masa depan belia itu nanti. Saya berpesan yang terakhir kepada presiden-presiden persatuan-persatuan sukan ini, jangan berlagak macam orang politik. Pegang sajalah sekejap, setahun, dua tahun, kalau sudah gagal berhentilah. Macam takraw, sudah kalah dengan Korea pun mahu lagi. Tidak tahu apa dia hendak. Kementerian pula tidak ada kuasa hendak menentukan, jadi masalahlah. Orang *criticize* kerajaan, orang marah dengan kerajaan, bukan marah dengan dia. Kalau macam ini *gentleman* sikitlah. buat peraturan. Jangan bagi persatuan itu buat undang-undang dia sendiri.

Mana-mana persatuan sukan presiden dia gagal menjayakan misi negara dua tahun, berhentikan dia. Mesti ada kuasa sedikit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum jemput lagi.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Belum lagi, mohon kebenaran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan bermaksud untuk memastikan tahap, martabat kesukanan dan juga belia itu dapat diberikan persaingan dalam bentuk daya jati diri yang kuat. Isunya sekarang ialah, undang-undang itu dibuat di mana? Kalau diperlukan, apakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan Yang Berhormat Kuala Langat, kementerian harus merangka satu kerangka dasar luas untuk masa depan anak belia, anak muda untuk memastikan undang-undang kecil perlembagaan persatuan-persatuan ini dapat dipinda dalam Dewan ini supaya diberi kuasa kepada kementerian untuk menghala tujuan masa

depan anak muda ini. Apakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Langat? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang selalu setuju dengan Yang Berhormat Kuala Langat ini. Ini pandangan yang baik. Jadi masukkan ucapan dia, Yang Berhormat Menteri kalau boleh ambil tindakanlah. Kita lihat bagaimana Setiausaha Agung OCM, Olimpik Malaysia, sudah 80 tahun masih di situ. Macam mana kita hendak layak ke Olimpik kalau begini. Ini pun kementerian tidak boleh tengok, tidak perasankah? Ataupun perasaan sendiri.

■1440

Saya tidak faham apa hala tuju negara. Orang lain menuju kepada perubahan yang baik, satu perubahan yang lebih drastik. Jadi mungkin kalau perlu perubahan, akta itu kita pinda dalam Dewan Rakyat. Jangan Timbalan Menteri, Menteri diam-diam kata tidak ada kuasa. Kalau hendak kuasa, bawa kuasa dalam Dewan ini, kita ubah dia supaya ada kuasa. Jadi kita boleh menentukan hala tuju, masa depan negara kita. Kalau tidak kita buat begini, kita akan rugi, rugi dalam industri sukan. Di negara luar orang bersukan ada dapat hasil berjuta-juta, main golf, main bola, menyanyi atau tenis, pokoknya dia berjaya dalam sukan, dia menjadi jutawan, bukan jutawan sementara. Ini yang kalau kita yang menyanyi, yang rasa saya kalau yang menyanyi dalam negara kita yang ada kategori okey, Datuk Siti Nurhaliza. Dia stabil tetapi kalau yang lain-lain saya nampak, lepas sudah popular merempat. Kalau berlakon pun begitu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Macam isteri Yang Berhormat okey?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sama.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat punya isteri okey? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kinabatangan, kalau kita tengok di luar negara, aktiviti sukan ini, kejohanan pasukan bola sepak atau pasukan-pasukan diurus oleh badan profesional hingga membolehkan dia betul-betul boleh fokus kepada pencapaian yang diletakkan, tetapi dia terbalik sedikit dalam negara kita ini. Apakah perkara ini juga harus dilihat oleh kementerian sebab saya tahu bahawa kita mengkaji di luar negara ambil contoh ini, banyak sangat sudah Yang Berhormat tetapi tidak jadi-jadi juga. Apa punca ini Yang Berhormat Kinabatangan? Ulas sedikit Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Masalahnya di sini kita tidak mahu berubah. Dunia sudah berubah, cuaca sudah berubah, keadaan sudah berubah tetapi mentaliti kita tidak mahu berubah. Itulah masalahnya. Pemimpin di kementerian tidak mahu berubah, kerajaan biar tetap... [Ketawa] Ini sebab kerajaan ini memanfaatkan rakyat, memberi kepada rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kerajaan Negeri Selangor jangan kacaulah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Akan tetapi soal-soal bidang sukan ini perlu dirubah. Menteri, Timbalan Menteri harus merubah minda pegawai-pegawai kementerian.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri pun sudah ubah banyak kali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ikut peraturan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Ketawa*] Menteri biar berubah tetapi kalau Menteri berubah, mentaliti tidak berubah, dasar tidak berubah, kita memang kecundanglah. Dahulu kita boleh lawan bola sepak Korea, hari ini jangan mimpi, jangan mimpi, jangan mimpi. Kalau main, *sure* kena 10 – 0 punya. Ini jaminan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila Yang Berhormat Jerlun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang saya tidak faham Yang Berhormat Kinabatangan ialah Persatuan Sukan kata kerajaan tidak berhak campur tangan urusan persatuan. Akan tetapi bila persatuan minta peruntukan, dipaksa kerajaan membantu mereka. Masalahnya ialah apa kelemahan yang ada dalam persatuan yang ditunjukkan oleh atlet yang mewakili persatuan itu, yang kena *blame* adalah kerajaan. Jadi apa masalah yang kita hendak kena selesai ini? Jadi saya ingat kena tukar aktanya supaya kita boleh campur tangan, kalau tidak sia-sia sahaja. Apa pandangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Jerlun, memang saya setuju. Itu sebab saya mahu minta kepada kementerian, Menteri dia, kalau dari segi akta tidak mengizinkan, akta ini ditubuhkan di Parlimen ini. Kenapa tidak bawa ubah? Ini akta yang lapuk pun masih dipegang. Alasan kita tidak ada kuasa, tetapi duit kita bagi. Sukan yang malap pun kita *pump in* duit tetapi hasilnya tidak ada, ROInya tidak ada. Apa yang ada kita dengar, porak-peranda dalam organisasi sukan itu sendiri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Lenggong hendak tambah sedikit. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di negara kita, komitmen kerajaan untuk membangunkan sukan ini kita tidak boleh nafi. Buktinya ada Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan Negara dipengerusikan sendiri oleh bukan Menteri Belia dan Sukan, oleh Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh pelbagai kementerian-kementerian yang ada kepentingan. Maknanya komitmen kerajaan cukup tinggi.

Pada saya hendak menghasilkan seorang atlet ini, dia bukan hanya boleh letakkan tanggungjawab di bawah Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Baik Rancangan Makanan Tambahan di sekolah pun perlu diprogramkan lebih sesuai lahirkan otot yang hebat, biar jadi tinggi sedikit. Jepun buat dahulu Yang Berhormat. Dahulu pemain Jepun rendah-rendah Yang Berhormat, sekarang tinggi. Jadi, semua aspek kita kena ada. Ini saya ingat ada kelemahan Yang Berhormat. Macam mana kita hendak gerakkan seluruh pihak baik sektor swasta, baik kementerian biar sama-sama gembeng tenaga. Saya ingat itu yang dilakukan oleh banyak negara lain hinggan saya percaya satu hari nanti Singapura boleh kalahkan Malaysia dalam acara badminton Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Boleh Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak tanya, saya bersetuju cakap Yang Berhormat Lenggong tadi bahawa kerajaan bagi komitmen, macam-macam komitmen kerajaan bagi, peruntukan. Baru ini dicadangkan dari segi melihat bagaimana pemakanan. Akan tetapi saya rasa ada satu lagi faktor yang kita kena tengok sudah lihat di pihak kementerian, bagaimana persatuan-persatuan sukan ini dikendalikan atau ditadbir untuk menjurus ke arah kecemerlangan.

Kalau kita hendak atlet yang cemerlang, kalau kita hendak keputusan yang bagus, kalau kita hendak terkenal di dunia, tetapi kalau pengurusan persatuan-persatuan sukan ini tidak ditadbir secara sempurna, banyak *politicking*, saya ingat sukar untuk kita mencapai. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kinabatangan, sila gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Titiwangsa dan juga Yang Berhormat Lenggong. Memang betul kerajaan komitmen dia cukup tinggi, cukup banyak ke arah untuk membangunkan sukan. Berbagai-bagai peruntukan diadakan, strategi tetapi kemudahan sukan? Kalau kita lihat Yang Berhormat Lenggong berhubung dengan negara-negara maju ini, Korea, Jepun, Australia, kita jauh sudah ketinggalan, kira-kira mungkin 30 tahun ketinggalan. Akan tetapi kalau kita tengok negara Laos, Myanmar, Cambodia, Thailand, Filipina, apa dia bagi makan? Tidak adapun, tetapi kita kalah juga... [Ketawa] Bagi orang yang tidak ada *facility* sukan pun kita kalah, apa lagi kita cakap dengan negara-negara yang maju. Saya tidak faham apa sudah berlaku dalam negara kita ini.

Cuba Menteri, Timbalan Menteri duduk, renung, duduk bincang dengan KSU, dengan pengarah-pengarahnya, bincang *what happen to us*, apa berlaku dalam kementerian kita? Kenapa kita tidak boleh majukan sukan ini? Akan tetapi kalau di kementerian pun semua bertindak sebagai orang politik, organisasi sukan pun macam orang politik, binasalah semuanya. Politik, biarkan dengan kita main politik, biarkan dengan saya, Yang Berhormat Lenggong dan lain-lain, kita main politik, yang lain jangan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sambung sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, sebab itu Yang Berhormat Kinabatangan, saya sebut tadi kita buat pelaburan dalam pembangunan sukan begitu banyak, hasilnya tidak seberapa. Apakah sudah sampai waktu dan ketikanya lebih baik Kementerian Belia dan Sukan tumpu kepada pembangunan belia, buat program ekonomi, buat program keusahawanan. Ini lebih baik daripada kita laburkan perkara yang langsung tidak dapat hasil sampai sekarang. Macam mana pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Lenggong, saya setuju dari dahulu. Boleh *check* ucapan saya, hujah saya. Saya kata bagilah kementerian ini,

bahagi dua, belia lain sukan lain, biar kita sama-sama berjaya. Akan tetapi sampai hari ini kerajaan tidak buat pun apa-apa tindakan. Akhirnya kita ambil wang kita, bak kata pepatah orang tua-tua dahulu, '*Tuang air ke daun keladi*'. Air mengalir begitu pantas, tetapi hasilnya tidak ada. Tuan Pengerusi, itu sahajalah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**2.49 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas tentang tajuk Butiran 030200 – Latihan Kemahiran Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Cuma sebelum saya menyatakan beberapa pandangan tentang perkara ini, saya fikir tadi ramai anggota Parlimen, Ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan tentang pembangunan sukan, belia dan sebagainya. Saya tidak yakin bahawa Menteri ataupun Timbalan Menteri akan jawab dengan baik dalam masa yang terbatas. Kita pun tidak mahu seperti pepatah Melayu, "*Seperti anjing menyalak bukit.*"

Kita bercakap degar-degar, tetapi kementerian akhirnya ambil endah tidak endah. Saya fikir elok kalau katakan perlu kepada suatu perubahan yang besar. Saya cadangkan kepada kementerian supaya mana-mana anggota Parlimen yang berminat untuk memberikan pandangan terhadap pembangunan belia dan sukan, kita panggil, buat satu *close door*, dengan izin, perbincangan dan kemukakan pandangan-pandangan ini. Kita senaraikan masalah-masalah yang boleh dan tidak boleh kita atasi.

■1450

Kalau tidak boleh, setiap kali sidang Dewan Rakyat kita akan mendengar tindakan-tindakan dan kritikan-kritikan yang mana saya fikir kekecewaannya ialah sekadar 10% ataupun 20% sahaja yang kementerian dengar. Lain-lain seolah-olah kita tidak berikan perhatian. Bagi IKBN ini, saya setuju dengan pandangan wakil rakyat tadi soal kemahiran, penting. Dari satu kajian Institut Khazanah Nasional Berhad, *report* atau laporan Institut Khazanah Nasional Berhad yang menyatakan bahawa hanya 36% sahaja mereka yang menduduki SPM ini melanjutkan pelajaran sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Selebihnya tidak ada.

Oleh kerana mereka tidak ada ruang, sewajarnya IKBN ini menjadi antara tempat fokus untuk mereka yang tidak boleh maju sampai ke peringkat universiti, masuk ke dalam bidang kemahiran ini. Cuma, saya diberi maklum bahawa IKBN ini tidak diiktiraf oleh JPA. Maknanya mereka yang masuk dalam IKBN dapat kemahiran tetapi tidak diiktiraf oleh JPA. Bila saya semak di dalam portal MQA, bila saya klik dekat IKBN ini, memang tidak ada Institusi Kemahiran Belia Negara yang diberikan pengiktirafan. Apakah saya salah? Kalau saya salah saya minta kementerian betulkan.

Kalau perkara ini betul-betul berlaku, maka sewajarnya kementerian perlu memperkasakan IKBN ini, berikan pengiktirafan kepada graduan-graduan ataupun mereka yang

lepas dari IKBN. Kalau tidak, sekadar kita belanjakan sejumlah wang untuk menambah baik, melakukan transformasi tetapi akhirnya tidak diiktiraf. Jadi, tidak ke mana juga anak-anak yang ingin mencapai kecemerlangan ini masuk dalam bidang kemahiran tetapi tidak diberikan ruang yang secukupnya oleh kerajaan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bukit Katil tadi menyebutkan soal memperkasa IKBN. Bagaimana kalau saya mencadangkan IKBN ini diperkasakan untuk menjadi jambatan dari pelajar-pelajar yang keluar SPM menyambung kemahiran-kemahiran dan juga keupayaan mereka yang sesuai untuk mereka masuk ke pasaran pekerjaan? Ini kerana kalau kita lihat, program IKBN dan sebenarnya mana-mana program pun yang disebut dalam pembangunan belia dan sukan tadi seharusnya memenuhi beberapa kriteria.

Pertama, ia menyelesaikan masalah. Masalah kita sekarang ialah masalah belia yang menganggur. Masalah belia kita yang menganggur keluar SPM tidak sesuai dengan pasaran pekerjaan. Masalah kita pasaran pekerjaan dipenuhi oleh PATI dan lain-lain masalah lagi. Jadi, kalau soal memperkasakan IKBN ini, kalau kita mahu dapat kesan yang berbeza, maka pendekatan harus berbeza. Kalau kita ulang sahaja dia punya ulang tayang program-program yang selama ini dibuat, maka kita akan dapat kesan yang sama.

Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat Bukit Katil kalau kita mencadangkan supaya pertama tadi dia mesti menyelesaikan masalah belia kita yang menganggur ini yang membawa macam-macam masalah sosial? Jadi, ertinya mesti membangun generasi muda atau anak-anak lepasan sekolah yang boleh mandiri akhirnya. Ya, terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya setuju dengan pandangan, itulah maksud lebih kurang yang saya sebutkan tadi di peringkat awal tentang reformasi yang harus dilakukan di IKBN dan saya jadikan sebahagian daripada ucapan perbahasan saya dan mohon kementerian tolong ambil tindakan.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi ialah Butiran 050800 - Pengurusan Institut Sukan Negara. Saya ingin merujuk terus kepada soal yang berlaku, saya fikir kebanyakan wakil rakyat telah pun sentuh tetapi yang lebih penting sekarang ini ialah soal Agensi Anti *Doping* Malaysia (ADAMAS) ini. Saya membaca portal BNBBBC yang memuatkan berita. Ini musim atlet negara terjebak dalam penggunaan dadah dan saya fikir ini satu perkara yang penting. Kita teliti jawapan Menteri Belia dan Sukan sendiri dalam penggulungan peringkat dasar bahawa ADAMAS ini menjalankan ujian saringan sebelum atlet menyertai mana-mana pertandingan di dalam dan di luar negara tanpa mengira jenis sukan berisiko tinggi ataupun berisiko rendah.

Akan tetapi saya lihat dalam kes khusus mengenai jaguh badminton negara kita, ada pandangan-pandangan yang berbeza. Misalnya, bekas pemain beregu negara Rashid Sidek

membuat kenyataan pada 10 November yang lalu selepas daripada Yang Berhormat Menteri menggulung bahawa kesalahan penggunaan barang terlarang oleh pemain itu sudah lama berlarutan. Ini tentunya mengejutkan kita dan sudah pastilah kredibiliti sukan, kredibiliti pemain nombor satu badminton negara juga terjejas. Saya tidak nafi soal kita hendak berikan pembelaan dan keadilan kepada beliau dan juga kepada mereka yang lain kerana pada saya yang penting itu ialah bagaimana kita hendak jadikan bidang sukan ini bebas daripada elemen dadah dan sebagainya.

Sebab itu saya hendak berbalik kepada kenyataan Menteri bahawa ADAMAS ini mesti melakukan saringan yang komprehensif, maka satu jaminan mesti diberikan agar tidak ada seorang pun atlet yang terlepas daripada saringan *doping* ini dan supaya slogan kita memusuhi dadah itu dapat kita terapkan sepenuhnya dalam industri sukan. Kalau tidak tentunya negara kita berhadapan dengan masalah kredibiliti dan juga masalah imej yang merosakkan negara apatah lagi kepada sukan yang cukup membantu negara kita iaitu sukan badminton.

Ketiga Tuan Pengerusi ialah soal Program Pembangunan Bola Sepak Negara iaitu Butiran 050500. Kita tahu sekarang ini sukan Piala AFF Suzuki, semalam kita seri dengan Myanmar. Pasukan kebangsaan sebelum ini tewas dengan negara perang Syria, 0-2. Tewas pula dengan Vietnam, 1-3. Ini bukan satu perkara yang baik buat negara kita. Saya fikir banyak faktor yang mana kementerian perlu teliti soal kepincangan pasukan kebangsaan dan saya fikir ramai Ahli Yang Berhormat telah menyatakan pandangan yang *concern*, dengan izin, yang prihatin terhadap perkara ini.

Dalam senarai 22 orang pemain yang dikeluarkan oleh FAM, saya juga hairan kenapa pemain-pemain ini hanya memamaskan bangku simpanan lalu dalam Piala FAM seperti Safee Sali dan Norshahrul Idlan Talaha dipilih menggalas tanggungjawab sebagai penyerang utama sedangkan Nor Farhan Muhammad yang prestasinya terbaik sepanjang Liga Super 2014, malah dinobatkan penyerang terbaik Anugerah Bola Sepak Kebangsaan juga diketepikan. Kita ada seperti seorang pemain Farhan Roslan, umur 17 tahun yang digelar "Messi Kedah".

Hari itu dipanggil masuk latihan, *team* Kebangsaan tetapi untuk AFF ini juga diketepikan. Kita juga pernah ada tokoh-tokoh seperti Titus James Palani yang Malaysia hantar ke Perancis pada tahun 2000, bimbing dia. Khabarnya ada bermain di Liga Perancis tetapi kita tidak tahu ke mana tokoh-tokoh ini. Adakah dia hilang terus ataupun ada masalah yang saya fikir kementerian tahu bagaimana status pemain-pemain ini?

Jadi, saya fikir semua pihak menyatakan pendirian yang begitu positif terhadap sukan bola sepak ini dan kita mahu satu perubahan yang sangat serius. Selepas itu saya cadangkan, pemilihan pemain berdasarkan prestasi semasa. FAM mesti mempertimbangkan, kementerian mesti bantu campur tangan dalam hal ini, mesti mempertimbangkan keperluan jurulatih kebangsaan itu disokong oleh panel-panel pemilihan pemain yang benar-benar profesional dan bebas dalam menilai prestasi pemain yang menggalas tanggungjawab bersama dengan pasukan kebangsaan.

Ambil kira pandangan-pandangan peminat dan pemerhati bola sepak. Misalnya di England, ada inisiatif media melalui di telegraf untuk dapatkan pandangan awam siapakah yang wajar menyertai pasukan Kebangsaan melalui *online poll*, mungkin boleh dilakukan supaya peminat-peminat juga dapat memberikan pandangan secara bebas. Sistem demerit...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kalabakan bangun.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Saya habiskan sedikit lagi. Sistem demerit pasukan Kebangsaan dilaksanakan ke atas pemain Kebangsaan yang gagal beraksi cemerlang dalam setiap perlawanan antarabangsa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kalabakan, belum beri laluan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** ...Kita harus berhenti memfokuskan kepada ganjaran jika menang, sebaliknya fokus kepada apa hadiah jika kalah. Program Pembangunan Bola Sepak di Kampung dan Desa, penumpuan kepada bakat-bakat tersembunyi di kampung-kampung dan di desa-desa bukan sekadar tertumpu di kawasan bandar melalui liga-liga yang dianjurkan. Skuad *team, team* yang hendak cari ini juga perlu turun ke daerah-daerah ceruk untuk mencari bakat. Bukan sekadar melihat prestasi di liga sekolah-sekolah, liga IPT semata-mata. Silakan Yang Berhormat Kalabakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Apabila saya mendengar mengenai FAM saya memang berminat kerana pasukan negara kita ini semakin hari semakin merosot kedudukannya dan sekarang hingga lebih 163 dalam dunia. Jadi, saya berfikiran bahawa negara-negara yang dahulunya berperang seperti negara Iraq dan Iran sudah menunjukkan prestasi yang begitu membanggakan. Mungkin FAM tidak mempunyai kewangan. Jadi, saya ingin cadangkan FAM ini dibawah jagaan Petronas supaya kita boleh membeli kelab di London untuk melatih budak-budak kita dalam akademi sukan di London. Bawalah seberapa banyak orang-orang muda kita dari Malaysia ini untuk berlatih. Mungkin dalam lima tahun akan datang, prestasi kita boleh baik daripada apa yang ada sekarang. Yang Berhormat Bukit Katil, setuju atau tidak?

■1500

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil, boleh gulung.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya setuju dengan semua kemungkinan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kalabakan. Jadi, saya minta semua kemungkinan itu dijadikan sebahagian daripada ucapan ini dan mohon penjelasan daripada kementerian. Saya ingin sentuh sikit lagi iaitu tentang 050600 - Program Pembangunan Sukan OKU, ini yang akhir. Kita tengok pencapaian atlet negara dengan atlet paralimpik negara. Pencapaian Sukan Asia 2014, Malaysia emas – 5; perak – 14; gangsa – 14. Pencapaian Sukan Paralimpik Asia 2014, emas kita dapat 15; perak – 20; gangsa – 27. Dari segi jumlah pingat untuk

pencapaian sukan Asia – 33; sukan paralimpik – 62; lebih separuh, maknanya orang paralimpik ini lebih hebat lagi.

Jadi, sebab itu saya yakin ini tentunya memberikan tamparan kepada atlet negara yang sempurna sifatnya kerana di sebalik jutaan ringgit yang kita labur untuk pembangunan sukan tetapi pencapaian itu begitu mendukacitakan. Jadi, saya mohon supaya fokus juga kena diberikan kepada atlet paralimpik ini kerana pada saya insentif sepanjang pengetahuan saya, insentif kepada atlet paralimpik ini seakan-akan tidak sebanding dengan atlet yang normal. Menteri sendiri pernah umum bahawa Skim Hadiah Kemenangan Atlet iaitu SHAKAM yang diterima atlet normal selama ini akan turut dinikmati oleh atlet paralimpik.

Jadi, saya ingin tahu berapa insentif yang telah diterima oleh atlet paralimpik yang menyumbang pingat dalam Sukan Asia Paralimpik tahun ini? Apakah perancangan kementerian? Apakah fokus yang ditumpukan oleh KBS dalam sukan paralimpik? Seserius manakah kementerian ingin laksanakan kerana saya tidak mahu dan saya fikir rakyat Malaysia juga tidak mahu kita jadikan mereka sebagai atlet kelas kedua. Saya juga ingin cadangkan akhirnya Tuan Pengerusi, ini akhir iaitu tentang kompleks sukan komuniti dan penyelenggaraan kompleks kemudahan sukan negeri-negeri.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya ingin tanya kementerian, apakah terdapat peruntukan yang disediakan untuk membaik pulih gelanggang-gelanggang, menyelenggarakan gelanggang-gelanggang futsal ini. Ini kerana bila kita turun padang dan bertemu dengan persatuan-persatuan belia ini, kebanyakan daripada mereka kata pergi ke pejabat daerah atau majlis perbandaran. Jadi, ada *ding-dong-ding-dong* begini, dengan izin. Pada saya, elok kalau diletakkan di bawah kawal selia Kementerian Belia dan Sukan. Kalau ada mana-mana pertubuhan belia yang *local*, yang bercadang untuk membuat sendiri misalnya, secara gotong-royong padang takraw, padang badminton sesuai dengan keperluan mereka.

Saya fikir harus ada kemudahan untuk mereka sendiri berurusan dengan Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri supaya mereka tidak dijadikan seperti bola. Kalau pergi kena ke pejabat daerah, ke majlis perbandaran. Jadi, saya fikir elok kalau ada fokus yang sebegitu supaya kita dapat pastikan penurunan peruntukan itu diberikan kepada kelompok sasar iaitu mereka yang berminat di peringkat *local* ini untuk menganjurkan program-program yang boleh membantu merangsang pertumbuhan sukan dan memastikan agar belia khususnya, dapat program-program yang baik untuk mereka. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, berapa ramai? Lima, saya boleh benarkan sehingga pukul 3.30 petang. Selepas pukul 3.30 petang, Yang Berhormat Menteri jawab dalam masa satu jam sehingga 4.30 petang. Lima minit Yang Berhormat Sekijang.

**3.04 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengulas berkenaan Butiran 020300 - Pembangunan Belia dan juga 020700 - Akademi Pembangunan Belia Malaysia.

Baru-baru ini, seperti Yang Berhormat lain-lain dah membincangkan berkaitan dengan Dasar Belia berkaitan dengan umur iaitu antara 15 hingga 30 tahun. Saranan ini walaupun mendapat sambutan yang amat baik, kita tahu sesuai dengan susur waktu garis umur belia untuk diturunkan kepada 30 tahun. Jika kita lihat di negara maju lain, had umur belia adalah dalam lingkungan yang lebih kurang sama seperti yang dirancang iaitu 30 tahun ke bawah. Cuma apa yang menjadi persoalan kami di peringkat pimpinan belia pada hari ini ialah tahap persediaan kerajaan untuk melaksanakan dasar baru ini. Ini kerana kita cuma ada masa lebih kurang tiga hingga empat tahun sahaja daripada sekarang untuk melaksanakannya.

Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah serta peranan yang akan dimainkan kementerian dalam merealisasikan perkara ini. Adakah pihak kementerian sudah menyediakan modul latihan serta program pembangunan belia yang diyakini mampu melahirkan golongan belia ataupun pemimpin belia yang sentiasa mendepani cabaran untuk masa hadapan. Perlu dilihat juga, persediaan melahirkan pimpinan berumur 30 tahun ke bawah ini, kita perlu mulakan daripada sekarang.

Kita tidak mahu nanti seperti Akta Belia 2007, apabila kita hendak laksanakan, mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun barulah persatuan-persatuan belia ini dapat bersedia untuk meletakkan pemimpin di bawah umur 40 tahun. Jadi, kalau tahun 2018 nanti, sekiranya akta ini telah dilaksanakan, kita minta supaya persatuan-persatuan belia yang ada di peringkat akar umbi ini dapat benar-benar melahirkan pemimpin yang berumur 30 tahun ke bawah. Walaupun kita dah laksanakan Parlimen Belia di bawah umur 30 tahun tetapi kita minta supaya kementerian mempelbagaikan lagi program-program yang boleh melatih pimpinan belia ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, bagi Butiran 060300 - Kepengerusian ASEAN 2015. Kita maklum pada tahun hadapan Malaysia bakal menjadi pengerusi kepada ASEAN. Pada peringkat kerajaan, saya yakin kita sudah bersedia, cuma apabila sampai ke peringkat akar umbi, terutamanya golongan belia ini, adakah mereka boleh memainkan peranan aktif serta penting sesuai dengan status negara sebagai pengerusi. Kita mahu lahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan belia. Kita mahu lebih ramai anak muda kita untuk turut sama memainkan peranan aktif dalam pembangunan negara.

Namun, jika kita lihat pada keadaan semasa, mereka ini masih kurang aktif terutamanya dalam program-program di peringkat ASEAN. Jadi, apakah kementerian mungkin bekerjasama dengan badan tertinggi belia iaitu Majlis Belia Malaysia untuk melibatkan lebih banyak lagi program-program dan aktiviti yang berkaitan dengan golongan belia ini di peringkat ASEAN. Itu berkenaan dengan pembangunan belia.

Untuk Butiran 050700 - Program Pencarian Bakat. Ia adalah perkara yang selalu kita tekankan, masih lagi gagal mencari bakat-bakat baru yang mampu menjulang nama negara, terutamanya berkaitan dengan sukan. Kita tahu di antara kuasa-kuasa besar seperti badminton, takraw serta skuasy ialah antara sukan-sukan yang sememangnya menjadi tumpuan negara pada waktu ini. Namun, tidak pasti di mana silapnya sama ada di peringkat kementerian ataupun di peringkat persatuan-persatuan sukan.

Jadi, saya minta pihak kementerian menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan kementerian yang lebih *detail* untuk memastikan kita mempunyai atlet yang sentiasa mampu menjulang nama negara. Kalau boleh biarlah ia bermula dengan kerjasama bersama dengan Kementerian Pendidikan melalui sukan-sukan di peringkat sekolah. Saya kira kita ada kemudahan pusat-pusat sukan yang baik. Jadi, bagaimanakah kementerian dapat memanfaatkan perkara ini supaya atlet-atlet baru ataupun mereka-mereka yang kita boleh latih bermula daripada sekarang dapat kita laksanakan.

Kemudian Tuan Pengerusi, untuk Butiran 02400 - Gelanggang Sukan. Saya minta perhatian pihak kementerian agar melihat semula keadaan gelanggang-gelanggang sukan 1Malaysia, terutamanya gelanggang futsal kerana banyak gelanggang ini sudah pun mengalami kerosakan yang agak teruk. Saya diberitahu oleh rakan-rakan yang memaklumkan ada sesetengah gelanggang itu sudah tidak dapat digunakan semula.

Jadi, mohon jasa baik daripada kementerian agar menyediakan sedikit peruntukan untuk membaik pulih gelanggang-gelanggang futsal yang ada di seluruh negara ini kerana kita tahu hari ini kebanyakan gelanggang futsal ini memang menjadi tumpuan, terutamanya golongan belia berkumpul, terutamanya pada waktu malam untuk bermain futsal. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

### **3.09 ptg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih di atas peluang yang diberikan di mana saya ingin merujuk kepada Butiran 020300 – Pembangunan Belia. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kesanggupan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk meminda takrifan umur belia untuk diturunkan kepada umur 30 tahun di mana persatuan-persatuan belia akan diberi tempoh masa tiga tahun untuk mematuhiinya.

#### **■1510**

Ini merupakan satu pendekatan yang dikenali sebagai '*short therapy*' terhadap pertubuhan-pertubuhan belia yang sedia ada. Menurut reaksi yang diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan belia, kebanyakan mereka berasa masa terlalu singkat untuk membuat penyesuaian diri. Jadi, saya rasa adalah lebih baik supaya pendekatan sedemikian dapat dilaksanakan dalam dua peringkat di mana peringkat pertama diturunkan kepada umur 35 tahun dan peringkat kedua, dalam tiga tahun selepas itu diturunkan lagi kepada 30 tahun.

Jadi golongan muda kita biasanya lewat menceburi diri dalam bidang kerjaya, selepas universiti sudah umur 24 tahun baru hendak menceburkan diri dalam bidang kerjaya dan pada

masa yang sama mereka perlu mendirikan rumah tangga dan mencari rezeki hidup bagi menanggung keluarganya. Biasanya selepas itu baru mereka hendak menceburkan diri dalam persatuan-persatuan belia. Jadi mungkin pada masa itu umur sudah melebihi had umur tersebut atau masa tidak lagi mencukupi bagi mereka membawa diri atau mengembangkan diri dalam persatuan-persatuan belia tersebut.

Saya percaya bahawa Majlis-majlis Belia Negara dan majlis-majlis belia negeri adalah diterajui oleh mereka yang merupakan belia tua. Haraplah Majlis Belia Negara setiap negeri ini dapat dirombak semula terlebih dahulu supaya pendekatan sedemikian dapat dipakai ke atas mereka. Jikalau dasar ini dapat dilaksanakan dengan berjaya di atas Majlis Belia Negara atau setiap negeri maka ia dapat dilaksanakan ke atas pertubuhan-pertubuhan yang lain.

Terdapat dua jenis pertubuhan belia. Yang pertama adalah berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah KDN. Yang kedua adalah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Memandangkan terdapat ketidakselarasan di antara Pendaftaran Pertubuhan di bawah KDN dan juga Pendaftar Pertubuhan Belia di bawah KBS, jadi saya rasa untuk menjayakan dasar sedemikian adalah dicadangkan supaya satu penyelarasan di antara Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dan Akta Pertubuhan 1966 dapat dilaksanakan. Jadi, saya berharap dengan ini kita dapat melahirkan generasi muda yang berdaya dinamik dan juga berkaliber untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, sila Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

### **3.12 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.45, Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Belia dan sukan ini tidak dapat dipisahkan. Ibarat irama dan lagu. Daripada kecil lagi, daripada tadika lagi sudah ada sukan untuk tadika. Sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat universiti dan sebagainya. Jadi bukan sahaja kita hendak menang. Kita dengar tadi pendapat ramai yang mengatakan mesti menang, rugilah kalau kita tidak menang dan sebagainya. Itu ada betul juga tetapi yang lebih penting lagi kita hendak belia-belia kita yang sihat dan cergas.

Untuk dapat kesihatan, sukan perkara yang baik kerana untuk buat sukan kena ada latihan, senaman itu kena ada kerana kalau belia tidak sihat maka negara juga nanti akan jadi tidak sihat. Kita tidak dapat pergi negara maju berpendidikan tinggi dengan kecerdasan fikiran kalau kesihatan tidak ada. Malah dengan adanya sukan, belia yang terlibat dengan sukan ini maka kesihatan belia-belia kita, masa depan pemimpin kita akan jauh lebih terjamin. Kalau tidak belia kita ini akan sibuk makan banyak nanti dia jadi masalah dengan kesihatan. Jadi ini satu lagi.

Yang keduanya tentang perpaduan. Bila belia bersukan dan di negara kita yang majmuk yang ada pelbagai bangsa maka di sini akan jadi perpaduan yang kuat, yang rasa kasih sayang,

rasa cinta dan sebagainya akan menguatkan lagi kerana perpaduan ini juga akan membawa kita kepada kejayaan negara.

Yang ketiganya belia dan sukan ini ialah untuk meningkatkan kepimpinan kerana dalam kejayaan satu sukan perlu ada *teamwork*, dengan izin, perlu ada semangat kerjasama, kekuatan bersama, semangat dan sebagainya maka ini akan mewujudkan kepimpinan juga dan akhirnya akan memberi keuntungan kepada negara. Jadi, belia dan sukan ini juga akhirnya kalau kita menang akan memberikan nama baik kepada negara. Baik dari segi perhubungan, *business* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, belia dan sukan ini kalau dicemari dengan dadah, ini yang membawa masalah kepada kita. Jadi akhir-akhir ini kita dengar cerita tentang *doping test* atau ujian *doping* yang mana boleh jadi positif. Apa yang saya minta kementerian ini, patut ada satu usaha untuk memberi penerangan yang jelas apa dia *doping test*. Macam mana dia buat? Prosedurnya? Ketelusannya? Kerana bila ada ujian positif nanti ada atlet kata, "*Saya tidak ambil apa-apa, saya tidak tahu apa-apa.*" Buat *test* ini dan *test* itu dan sebagainya kerana orang tidak mengaku pun. Jadi perlu ada satu usaha untuk memberi penerangan dan kalau atlet kita jumpa dengan doktor, atlet mesti bagi tahu doktor yang dia akan pergi sukan dan doktor mesti bagi tahu kepada atlet kandungan ubat dan kesan ubat. Adakah ubat ini mempunyai steroid yang boleh menyebabkan *doping test* menjadi positif. Penerangan ini mesti jelas dan doktor yang merawat mesti memberi penerangan kepada mereka. Jadi, ini persoalan saya, apakah tindakan kementerian untuk menghalang perkara ini daripada terjadi di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Butiran 02004 – Program Pembangunan Rakan Muda, yang mana ini satu inisiatif yang baik, yang menarik golongan belia untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang baik dan tidak terjebak dengan aktiviti tidak sihat. Program ini dilancarkan dengan rasminya pada 29 Oktober 1994 dengan misi dan terasnya untuk melahirkan potensi tertinggi generasi muda supaya berupaya mendukung matlamat pembangunan negara. Jadi, cabaran pencapaian misi ini ialah membentuk generasi muda yang lengkap dengan gugusan nilai-nilai, berfikiran positif, menguasai ilmu dan kemahiran bagi menempuh kemajuan peradaban yang akan datang.

Program Rakan Muda ini dizahirkan melalui sembilan gaya hidup yang mengadukan elemen-elemen pembangunan minda, kemahiran, rohani, pembangunan masyarakat dan kecergasan fizikal. Akan tetapi berdasarkan prestasi pada akhir-akhir ini Program Rakan Muda yang dijalankan nampak seperti tidak secara menyeluruh di mana para peserta akan dipilih di kalangan peserta yang sudah mengikuti program dan tidak memfokuskan secara umum kepada belia di kawasan tersebut.

Kompleks Rakan Muda juga akhir-akhir ini kita lihat ada yang tidak terurus, di mana peralatan serta kemudahan di kompleks tersebut nampak usang dan tidak lagi dapat digunakan masyarakat setempat. Kadang-kadangkala penduduk setempat ada juga yang melahirkan rasa kurang senang kerana apabila mereka ingin menggunakan kemudahan tetapi yang disediakan di kompleks ternyata hampa kerana berkunci dan sebagainya.

Kita juga lihat tadi ada di antara kita yang telah beritahu tentang kewujudan gelanggang futsal yang dibiarkan. Masa buat itu semangat, hendak main pun semangat tetapi hendak jaga sahaja tidak semangat. Jadi belia hari ini perlu ada disiplin juga. Saya pernah tanya di satu tempat di kawasan itu, "*Apa sudah jadi?*" Sebab saya tengok berlubang, pagar berlubang dan sebagainya, berlopak. Dia kata tidak ada orang hendak jaga. Jadi, saya hendak tanya kementerian, bila buat itu bagus. Belia-belia ini main bagus tetapi siapa yang sepatutnya jaga? JKK kah ataupun persatuan belia kah kerana ini yang terjadi selalu.

Jadi, sedikit cadangan yang ingin saya berikan kepada kementerian di mana Program Rakan Muda ini memerlukan satu transformasi yang baru, sebagai contoh penghebahan yang dilakukan juga hendaklah setaraf dengan perkembangan teknologi terkini. Melantik satu jawatankuasa khas dalam mencari dan menggilap bakat-bakat belia di kawasan terbabit dan bukanlah lagi menunggu di kaunter dan mengharapkan golongan belia ini datang untuk mendaftar dan memperbanyakkan program beraktiviti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedikit lagi. Saya mohon kementerian menyatakan apakah rancangan yang akan dilakukan oleh kementerian dalam menggerakkan kembali Program Rakan Muda yang telah dijalankan dengan anggaran peruntukan yang diberikan pada tahun hadapan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor. Lepas Yang Berhormat Tasek Gelugor Yang Berhormat Labuan, lepas Yang Berhormat Labuan Yang Berhormat Kota Tinggi, lepas Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.18 ptg.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN); dan juga Butiran 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia dan Program-program yang berkaitan dengan pembangunan belia.

Saya bersetuju dengan beberapa pandangan sahabat-sahabat tadi bahawa kita perlu menilai semula peranan Kementerian Belia dan Sukan kerana dua elemen ini nampaknya sudah menjurus kepada perbezaan yang agak ketara di mana pembangunan belia adalah satu isu negara dan pembangunan sukan adalah satu isu yang mana pada pandangan saya kita perlu memfokuskan secara lebih teliti.

Jadi dengan sebab itu bagi Butiran 04007 - Kajian Pembangunan Belia, kita harapkan dapat dilakukan oleh kementerian dengan begitu teliti dan menyeluruh kerana pada masa sekarang ini kita dapati bahawa belia bukan hanya berkait dengan sukan, belia bukan hanya berkait dengan orang muda.

## ■1520

Akan tetapi pembangunan belia merupakan satu persediaan masa depan negara. Sebab itu kita biasa dengar cendekiawan dan juga orang mengatakan bahawa kalau nak tengok masa depan negara, tengok belianya pada hari ini. Maka dengan sebab itu, saya nak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian telah pun mempunyai satu kajian berkaitan dengan penglibatan belia khususnya dalam penagihan dadah, gejala sosial dan lain-lain lagi dan kalau ada, kita mohon pihak kementerian membentangkan kepada Parlimen tentang kedudukan penglibatan generasi belia khususnya belia-belia di FELDA, belia-belia di kampung dan sebagainya.

Saya suka memetik di sini, di tempat saya sendiri, di kampung dalam Parlimen saya sendiri saya boleh dan saya berani menyatakan bahawa sekurang-kurangnya satu kampung ada 15 hingga 20 orang belia yang terlibat dalam aktiviti penagihan dadah. Tetapi perkara ini tak pernah diambil tahu ataupun diambil tindakan atau apa-apa program dibuat oleh Jabatan Belia bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan gejala yang amat tidak sihat ini.

Jadi sebab itu penumpuan belia tidak hanya boleh ditumpukan kepada pembangunan sukan semata-mata. Sekarang ini kita tengok Kementerian Belia, Jabatan Belia di peringkat negeri dan daerah menumpukan kepada pembinaan gelanggang futsal, menumpukan pembinaan kepada aktiviti-aktiviti tertentu tetapi tidak sesiapa pun yang pernah menyebut tentang dadah di kalangan belia. Yang kita lihat, penagihan dadah ini, isu ini ditangani oleh KDN, ditangani oleh pihak-pihak lain yang tertentu tetapi jabatan belia kurang.

Pada pandangan saya, kurang menumpukan perhatian kepada isu ini. Justeru dengan sebab itu selain daripada kajian pembangunan belia mesti melihat kepada *wear and tear* dengan izin, apa yang ada dan apa yang kurang di kalangan peringkat belia kita dan kita perlu merancang aspek-aspek yang perlu kita bina kepada generasi belia kita. Aspek mental, aspek fizikal, aspek yang berkaitan dengan kebolehpayaan, nilai tambah dan sebagainya.

Justeru dengan sebab itu, kajian yang perlu dibuat dalam Kajian Pembangunan Belia 04007 mestilah juga diselaraskan dengan 020500 – Pembangunan Ekonomi Belia. Pada hari ini kita lihat pelan atau perancangan pembangunan ekonomi belia adalah terlalu kecil dan seperti, "*Melepaskan batok di tangga*". Tidak ada program untuk pembangunan belia yang komprehensif dan dilihat secara berterusan. Semuanya boleh dikatakan bersifat *ad hoc*.

Kementerian Belia, betul ada peruntukan untuk pembangunan ekonomi belia tetapi yang diperuntukkan itu bersifat *ad hoc* dan juga peruntukan yang diberi kecil-kecilan. Tidak ada usaha untuk membangunkan belia secara menyeluruh khususnya daripada segi ekonomi dan yang kedua, kalau kita lihat hari ini program pembangunan belia dibuat oleh pelbagai pihak tetapi tidak ada satu kolaborasi ataupun penyelarasan.

Kita tengok MARA juga buat program untuk GIATMARA dan apa-apa lagi, Kemahiran MARA dan sebagainya tetapi saya tak nampak apa yang dibuat oleh MARA adalah diintegrasikan dengan apa yang dirancang oleh Kementerian Belia itu sendiri dan apa yang dibuat oleh Kementerian Belia pula melalui IKBN dan sebagainya tidak ada satu kolaborasi

perancangan. Sebab itu berlakunya isu apabila kita menawarkan kursus tetapi tidak ada *match makingnya*, apabila kita menawarkan peluang tetapi kadang-kadang tidak menyeluruh. Ada yang dapat untuk kampung sahaja, bandar tak dapat. Ada bandar dapat, kampung tak dapat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jadi akhirnya saya simpulkan di sini bahawa pembangunan belia bukan hanya dilihat daripada aspek sukan tetapi perlu juga dilihat kepada pembangunan daripada segi kebolehpayaan sama ada fizikal, sama ada mental, ekonomi dan sebagainya. Saya juga ingin mencadangkan kepada menteri dan juga kepada kerajaan untuk memikirkan sudah sampai masanya Kementerian Belia itu dibuat asing, Kementerian Sukan juga adalah diasingkan. Baru kita ada fokus yang terbaik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Labuan. Pendek sahaja, Yang Berhormat Labuan.

### 3.24 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Pendek sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan saya kata Yang Berhormat Labuan pendek, ucapan perbincangan hendaklah dipendekkan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Orang pendek terasa, Datuk Seri.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya tak terasa, *partner* yang terasa. Rasa hebat. Okey, terus ke Pembangunan Sukan, Butiran 020200. Labuan ataupun Majlis Sukan Labuan sebenarnya adalah didaftarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan kedudukannya agak unik sedikit memandangkan Labuan ini kadang-kadang dia macam negeri, kadang-kadang dia sebahagian dari wilayah. Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan kementerian, untuk perkara-perkara seperti sukan SUKMA dan sebagainya memanglah kita menjadi sebahagian daripada pasukan Wilayah Persekutuan dan kebanyakan programnya akan dibiayai oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tetapi untuk sukan-sukan lain terutamanya pembangunan sukan di Labuan yang mana kita ada 27 jenis sukan yang kita adakan pembangunan, kita tidak menerima apa-apa bajet pembangunan.

Kita memerlukan lebih kurang RM500,000. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kementerian Belia dan Sukan yang telah melantik saya sebagai Pengerusi Majlis Sukan Labuan baru-baru ini. Saya sudah mula memahami akan keperluan-keperluan di Labuan daripada mesyuarat-mesyuarat yang telah kami adakan baru-baru ini dan pembangunan sukan ini amat penting di Labuan ini sebenarnya walaupun negeri yang kecil tetapi kita telah mengeluarkan ramai ahli sukan yang telah mewakili negara sebenarnya. Di sini saya ingin merayu supaya peruntukan pembangunan sukan itu disalurkan terus ke Majlis Sukan Labuan

untuk tujuan pembangunan dan Labuan juga sebenarnya adalah tempat di mana kita kena *host* pelbagai jenis kejohanan penganjuran sukan.

Untuk pengetahuan, tahun lepas kita baru sahaja menjadi hos kepada Sukan Borneo dan pada hujung tahun ini 6 Disember, kita lagi akan menjadi *host* kepada BIMP-EAGA Friendship Games di mana ada 14 kontinjen daripada Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina akan menghantar kontinjen ke Labuan. Dengan itu, Labuan walaupun alhamdulillah kita mempunyai prasarana sukan yang sudah boleh mampu menjadi tuan rumah kepada kejohanan-kejohanan internasional seperti ini tetapi masih banyak diperlukan penambahbaikan daripada segi kualiti dan satu padang yang kita amat memerlukan di mana kita ada program pembangunan sukan adalah hoki.

Jadi kita mengharapkan gelanggang sukan di bawah Butiran 02400, kita akan diberikan peruntukan untuk mengadakan gelanggang hoki dan yang lain ini, sebenarnya banyak lagi tetapi memandangkan masa yang diberikan adalah sedikit, jadi saya sudah dengan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

### 3.28 ptg.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh khusus kepada kemahiran. Saya rasa kemahiran adalah satu perkara yang amat penting sebab kalau belia esok umur dia turun sampai 30 tahun, daripada umur 18 tahun keluar SPM, RM500,000 tiap-tiap tahun kita hanya ada 12 tahun sahaja untuk mereka membina upaya agar mereka boleh diintegrasikan dalam ekonomi negara, arus perdana.

Kita tahu umur 30 tahun kalau mereka 12 tahun ini mereka dapat membina keupayaan baik daripada segi pelajaran, pekerjaan dan sebagainya bermakna saya ingat 50 tahun kemudian mereka akan hidup selesa. Ini amat penting untuk kita sebagaimana anak-anak kita ini sekolah rendah, sekolah menengah 11 tahun tetapi pembangunan belia ini, kemahiran mesti sebab kemahiran mesti diterjemahkan dalam bentuk kerja dan akhirnya kerjaya yang boleh mampu membina satu masyarakat yang seiring dengan pembangunan negara dan berterima kasih atas mendapat nikmat pembangunan itu sendiri.

Atas sebab itu saya melihat bahawa data-data dekat sini contohnya prestasi aktiviti IKBN. Contohnya kita ada tiga tahun iaitu 2013 sampai 2015 lebih kurang 58,000 tenaga kemahiran yang dibuat tetapi tidak *detail*. Apakah ini mengambil kira keperluan-keperluan perubahan yang besar berlaku di *oil and gas*, di *economy efficient energy vehicle* termasuk pembangunan perumahan dan juga sektor-sektor lain yang kita rasakan berkembang dengan pesat. Jadi saya lihat kemahiran ini mesti diberi perhatian yang khusus.

### ■1530

Tuan Pengerusi, kalau kita ada 500,000 anak-anak kita keluar setahun, kita kena sediakan pekerjaan. Kalau mereka dapat RM2,500 sebulan, setahun 12 bulan, mereka akan

menjana ekonomi sekitar RM15 bilion. Kalau kita lihat, pembangunan RM15 bilion di sudut ekonomi, kumpulan belia 500,000 ini.

Untuk mencapai 15% keuntungan perniagaan, kita perlu menjana RM100 bilion. Akan tetapi ini lebih terus kepada individu yang boleh menjadi warganegara yang berterima kasih sebab mereka terkesan positif daripada pembangunan. Atas sebab itu, kemahiran ini satu perkara yang besar dan saya mencadangkan bersama dengan Kementerian Sumber Manusia mesti diadakan kerangka kemahiran kebangsaan yang mantap mengambil kira keperluan-keperluan industri pada hari ini. Ia mesti *demand driven* iaitu memerlukan dijana oleh permintaan.

Kita lihat kadang-kadang kursus yang dibuat ini, sudah keluar dia tak ada kerja sebab memang tak ada keperluan. Jadi saya minta kepala ini supaya diberi pecahan khusus supaya kemahiran ini dijadikan satu aspek yang amat penting dalam memperkasa beliau supaya mereka mempunyai keupayaan untuk membeli rumah, membeli perkara-perkara yang mereka perlukan dalam keadaan sekarang.

Saya juga hendak menyentuh tadi Yang Berhormat Kinabatangan, saya bersetuju dan juga Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sebenarnya terpulang kepada kerajaan sama ada kita hendak ada satu kementerian khas sukan dan belia. Akan tetapi yang pastinya *weightage* atau pemberat untuk perhatian ini mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya. Ada persepsi mengatakan bahawa lebih kepada sukan, kurang kepada kemahiran.

Sebenarnya kemahiran ini amat penting kerana mereka menentukan kerjaya dan masa depan mereka. Atas itu, saya minta supaya kementerian diberi pertimbangan dan sekiranya perlu kementerian ini dipisahkan, ada kewajarannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sik, panjang kah pendek?

**3.51 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua minit ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan Butiran 00100, 02007 dan 02400. Saya minta kerajaan dan kementerian memberi peruntukan kepada Parlimen Sik mempunyai satu kompleks untuk belia atau Kompleks Rakan Muda di mana kompleks yang seumpama ini menyediakan semua keperluan untuk para belia.

Kedua, dalam peruntukan 02007 dalam kompleks sukan komuniti, Butiran 02400 – gelanggang sukan dan pembinaan, keperluan sukan *indoor* seperti gelanggang badminton, bola tampar, bola jaring, tinju dan futsal. Selain daripada itu, kompleks sukan ini juga perlu dilengkapi dengan kemudahan *gym*.

Dalam Butiran 00100, Parlimen Sik juga memohon peruntukan untuk membina Institut Kemahiran Belia (IKBN) dan kemudahan-kemudahan seperti ini belum ada lagi di Parlimen Sik

dan memandangkan dari segi belia dan sukan, Sik tidak berapa maju. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.32 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Hampir 22 orang Ahli Yang Berhormat telah berucap dan memberi cadangan dan pandangan demi kebaikan pembangunan belia di negara ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang perlu dijawab dan ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi cadangan dan pandangan demi kebaikan belia. Maka sebarang pandangan dan cadangan akan diambil kira secara terbuka dan akan dikaji secara mendalam dan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan golongan belia tidak tercicir daripada arus pembangunan.

Kita lihat pada ucapan-ucapan pada petang ini, kebanyakan isu-isu adalah terlibat dengan pembangunan belia dan ekonomi belia. Apabila kita sebut ekonomi belia, kita lihat negara kita yang terdiri daripada 45.4% adalah golongan belia yang terdiri daripada 6.56 juta wanita dan 7.11 juta adalah golongan lelaki di mana golongan belia ini akan menentukan masa depan negara ini dalam masa abad yang akan datang. Maka tanggungjawab bukan sahaja pihak di sebelah sini, kedua-dua pihak mempunyai satu tanggungjawab yang begitu tinggi untuk memastikan masa depan belia ini terjamin.

Kedua, ramai juga telah membangkitkan isu mengenai memperkasa ekonomi belia ataupun pembangunan belia dan kemajuan belia. Apabila kita lihat walaupun gambaran seolah-olahnya diberi sebagai golongan belia menghadapi masalah yang begitu penuh dengan risiko, tetapi kebetulannya apabila kita mengkaji secara di peringkat akar umbi, kita melihat satu masalah yang cukup besar di mana golongan yang tidak dapat melanjutkan pendidikan seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, mereka yang tidak dapat melepasi Tingkatan 3 ataupun Tingkatan 5 akan menghadapi satu masalah yang cukup rumit di negara ini.

Puncanya adalah kalau kita lihat sebelum tahun 80-an, golongan yang tidak dapat melanjutkan pendidikan selepas Tingkatan 2 ataupun Tingkatan 5 ataupun *drop out*, dengan izin, mereka masih dapat peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Mereka boleh kerja di kilang, kedai-kedai makanan, kebun, sektor *construction* dan sebagainya. Dalam masa 20 tahun yang lalu, kerja-kerja ini semua telah diambil alih oleh pekerja asing yang hari ini seorang murid yang tercicir yang tidak dapat melanjutkan pendidikan hanya boleh dapat kerja sebagai *bouncer* kelab malam ataupun budak tarik kereta kerana kerja-kerja yang sebelum ini semua telah diambil alih oleh pekerja asing tak kira sama ada mana-mana kaum, golongan belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran akan menghadapi masalah besar dalam abad yang akan datang.

Tambahan pula dalam enam tahun yang akan datang, negara ini akan mencapai negara berpendapatan tinggi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan mungkin akan capai status negara berpendapatan tinggi sebelum tahun 2020. Maka golongan yang tidak dapat melanjutkan pendidikan tidak akan dapat, yang pertama, mereka tidak akan dapat peluang-peluang pekerjaan di peringkat bawah.

Yang kedua, walaupun mereka dapat kerja, mungkin pendapatan mereka kurang daripada RM3,000 dan negara ini akan jadi tidak relevan kepada golongan belia sekiranya pendapatan mereka tidak melebihi daripada RM3,000 ke RM5,000. Maka sebagai kementerian yang prihatin, Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja fokus kepada program-program sukan, tetapi juga mengambil kira masalah yang akan dihadapi oleh golongan belia telah menambah baik kedudukan IKBN dan program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Seterusnya izinkan saya memberi jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama daripada Yang Berhormat Lenggong telah membangkitkan beberapa isu. Dari segi langkah-langkah membaik pulih prestasi atlet negara, saya setuju pandangan dan hujah-hujah oleh Ahli Yang Berhormat mengenai prestasi atlet negara memang tidak begitu memuaskan. Walau bagaimanapun, kementerian memang serius terhadap mutu persembahan dan prestasi atlet-atlet negara ketika bertanding dalam sukan temasya seperti Sukan SEA, Sukan Commonwealth, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Berikutan persembahan kontinjen negara di Glasgow, langkah-langkah awal sedang diambil untuk melihat semula sejauh mana keberkesanan program latihan persediaan atlet yang dilaksanakan sekarang. Usaha-usaha pemulihan atau penambahbaikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program persediaan atlet sukan berprestasi tinggi menjadi perkara asas untuk mencipta kejayaan yang lebih besar di masa akan datang. Beberapa pendekatan awal akan diambil seperti berikut:

- (i) hanya sukan-sukan yang mempunyai daya saing yang tinggi dan berpeluang memenangi pingat dicadangkan untuk menyertai temasya-temasya sukan antarabangsa;
- (ii) penstrukturan semula program pro penyediaan atlet jangka panjang, lapan hingga sepuluh tahun yang bersepadu dan seragam di peringkat negeri, pelapis dan elit; dan
- (iii) memperuntukkan, memperkukuhkan struktur organisasi persatuan Sukan kebangsaan (PSK) dengan meletakkan sasaran KPI PSI sebahagian daripada perancangan utama persatuan.

Bagi mempertingkatkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di peringkat atlet elit dan atlet pelapis dengan mengadakan program latihan berpandukan pelan produk sasi latihan yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan dan juru latih-juru latih setiap tahun.

Program ini merangkumi aspek-aspek latihan pendedahan luar negara dan program pendek *attachment*, pertandingan dalam dan luar negara. Kem-kem tahunan dan latihan pusat pengikut sukan, kem motivasi, latihan pusat akhir dan juga penerapan komponen latihan sains dan perubahan sukan.

#### ■1540

Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet ini yang menjadikan sukan sebagai satu kerjaya untuk mencapai kecemerlangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Lenggong juga telah membangkitkan isu Program Pembangunan Belia dan Sukan. Kerajaan sememangnya serius dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja pada masa kini seperti aktiviti tabiat melepak, vandalisme, pergaduhan, pengambilan alkohol dan penyalahgunaan dadah. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan bagi memastikan masa lapang anak-anak muda sentiasa diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Kementerian merancang dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sukan yang berpaksikan minat, bakat dan kehendak generasi muda pada masa kini. Antara program yang dianjurkan merangkumi program sukan rekreasi, sukan permotoran, sukan kecergasan, sukan OKU, sukan wanita serta turut memperkenalkan dan menganjurkan sukan yang baru diminati oleh generasi muda. Inisiatif yang telah dilaksanakan kementerian ini bukan sahaja melahirkan generasi muda yang aktif tetapi juga ke arah pembentukan masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu. Kementerian telah melaksanakan pelbagai program pembangunan belia meliputi peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Program ini dilaksanakan secara menyeluruh dan penyertaan adalah terbuka kepada belia seluruh Malaysia. Antara program yang dilaksanakan merangkumi program kemahiran, kepimpinan, keusahawanan dan kesukarelaan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu Parlimen Belia Malaysia dan Majlis Perundingan Belia Negara. Parlimen Belia Malaysia dan Majlis Perundingan Belia Negara adalah dua program yang berbeza. MPBN ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia [Akta 668], Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang mana MPBN bertindak sebagai badan perundingan dalam hal yang berhubung dengan pembangunan belia.

Keahlian MPBN terdiri daripada mereka yang merupakan Ahli Majlis Tertinggi sesebuah persatuan dan badan gabungan Majlis Belia Malaysia. Manakala PBM ataupun Persatuan Parlimen Belia Malaysia merupakan program inisiatif yang diwujudkan di bawah Makmal Transformasi Pembangunan Belia yang telah diadakan pada tahun 2010.

Dengan fokus dan peluang kepada belia yang tidak berpersatuan iaitu merangkumi sebanyak 80% jumlah belia di Malaysia. Secara amnya pelaksanaan Parlimen Belia adalah bertujuan untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan muda yang berkaliber dan berwibawa sejajar dengan keperluan negara masa kini dan masa hadapan.

Parlimen Belia Malaysia berperanan sebagai satu platform untuk belia menyuarakan idea dan pandangan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Parlimen Belia Malaysia telah selesai proses pengundian atas talian yang bermula pada 22 Oktober 2014 sehingga 31 Oktober 2014.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Seramai 120 orang daripada 433 orang calon telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia. Mereka terdiri daripada 99 kaum Melayu, dua kaum Cina, tiga kaum India dan 16 dari pelbagai kaum Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada segi pengundian oleh belia-belia yang ada tidak memuaskan.

Akan tetapi kita perlu mengambil kira perkara ini adalah permulaan. Mungkin daripada segi kesedaran belum cukup lagi. Ada juga ramai yang telah mohon, yang ingin menjadi calon selepas tarikh tamat. Maka pada masa hadapan mungkin pada tahun-tahun yang akan datang sambutan lebih baik daripada sambutan tahun ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak nafi banyak program Kementerian Belia dan Sukan buat di peringkat kementerian, negeri, daerah dan di kampung-kampung. Saya cuma hendak tahu daripada segi kajian impaknya. Berapa *percent* kerana generasi muda dalam negara ini 11 juta orang Yang Berhormat. Berapa peratus yang mendapat nikmat daripada program ini, satu. Kajian impaknya, daripada segi kajian, satu. Dari segi penglibatan.

Kemudian penyelesaian masalahnya. Isu Yang Berhormat sebut tadi gengsterisme, sosial dan dadah. Adakah dengan program yang kita buat selama ini ia memberi kesan tak? Menyelesaikan atau tidak masalah tadi? Mengurangkan atau bertambah, itu satu bab.

Kedua Yang Berhormat, daripada segi MPBN memang itu saya tahu, memang dalam akta. Cuma saya hendak sebut di sini kumpulan diwakili. Parlimen Belia memang betul bagus, memang baik tetapi mereka mewakili berapa peratus anak muda dalam negara ini? Itu yang perlu kita buat kajian. Ini penting Yang Berhormat.

Saya bimbang nanti mereka nanti tidak mewakili dan tidak dilihat mewakili keseluruhan anak muda dalam negara ini. Saya boleh kalau saya minta Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong beritahu kepada saya, daripada 100,000 orang mengundi tadi ikut negeri berapa? Negeri ini berapa, negeri Selangor berapa, Perak berapa? Berapa jumlah yang terlibat dalam pengundian ini?

Saya rasa kalau Yang Berhormat beritahu ini kali pertama, memang kali pertama Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat telah rancang bertahun-tahun. Kementerian sudah rancang lama. Apakah sistemnya salah kah ataupun apa? Oleh sebab itu kalau saya lihat dari segi bila hanya dua atau tiga orang bukan Melayu terlibat dalam Parlimen Belia ini, ini mesti dilihat secara bersungguh-sungguh. Jadi nampaknya kumpulan kaum-kaum lain ia tidak begitu menyeluruh, tidak melambangkan keseluruhan daripada anak muda.

Oleh sebab itu pada saya, secara peribadi saya lebih lihat Majlis Perundingan Belia Negara. Ia mewakili daerah dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong, ini pencerahan atau berbahas?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi Yang Berhormat saya minta perkara ini dikaji setelitinya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya setuju pandangan Ahli Yang Berhormat. Mengenai jumlah pengundi belia mengikut negeri, saya akan bagi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya menafikan mungkin ini tidak akan refleksi keseluruhan belia, tetapi ini adalah julung kali kementerian telah mengadakan pemilihan Parlimen Belia Malaysia.

Saya setuju sekali lagi memang daripada segi pengumuman yang telah dibuat sejak tahun 2010, tetapi kita telah buat sebaik mungkin. Akan tetapi ini harus beribu-ribu persatuan yang sedia ada harus memainkan peranan, jangan meletakkan beban itu kepada Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Itu permintaan kami kepada persatuan-persatuan yang sedia ada, harus memainkan peranan untuk melahirkan kesedaran di kalangan belia-belia supaya menyertai dalam program Parlimen Belia ini supaya mereka boleh memberi suara mereka, di tempat yang sesuai daripada reformasi-reformasi di tepi-tepi jalan. Dan seterusnya Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong bukan dengar pun. Dia berborak dengan Yang Berhormat Kapar... *[Ketawa]* Tajuk lain Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Steady* Tuan Pengerusi, kantai Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lain kali pencerahan daripada Yang Berhormat Lenggong jawapan bertulis... *[Ketawa]*

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Dia hendak dengar *selected* sahaja. Tuan Pengerusi, walaupun Ahli Yang Berhormat tidak mendengar, tetapi maklumat ini penting untuk semua wakil rakyat supaya kita sama-sama menjalankan tanggungjawab supaya memastikan nasib golongan belia dibela secara baik.

Seterusnya Yang Berhormat Lenggong juga telah membangkitkan isu Program Ekonomi Belia bagi tahun 2013. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, program yang sedia ada untuk tahun 2015, Program Pembangunan Ekonomi iaitu Kursus Asas Keusahawanan, Kursus Smart Manager and Partnership Usahawan Belia, Kursus Teknikal Tani, Kursus Reka Bentuk Pelabelan Produk, Kursus Pengurusan Perniagaan Intensif Youth Bazar dengan izin, Program Outreach Usahawan Belia, FAMA dan promosi keusahawanan, Program Belia Bestari dan seterusnya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian-kementerian juga turut ada program-program lain untuk memastikan golongan belia dapat menikmati melalui agensi-agensi di bawah

kementerian tertentu iaitu *Agropreneur Muda* untuk golongan muda di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga bantuan kewangan TEKUN di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dengan adanya program-program ini saya yakin bahawa golongan belia tidak akan tercicir daripada arus pembangunan. Walau bagaimanapun segala pandangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dan Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Rasah telah membangkitkan beberapa isu yang terlibat dengan mahasiswa-mahasiswa yang tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti.

■1550

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Walaupun mereka terlibat atau terdiri daripada golongan belia, tetapi setiap institusi tidak kira sama ada institusi pendidikan ataupun mana-mana institusi termasuk parti-parti politik sama ada pembangkang dan pemerintah. Setiap institusi ada dasar dan peraturan-peraturan sendiri. Apabila ada ahli daripada persatuan ataupun penuntut yang melanggar peraturan-peraturan yang sedia ada, institusi akan mengambil tindakan mengikut dengan dasar dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Isu dan cadangan mengenai Program Pembangunan Belia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun. Ya, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang belia-belie, anak muda di institusi pendidikan. Akan tetapi saya hendak tanya juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa walaupun ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan tetapi oleh sebab ia berkenaan dengan belia dan masa depan belia, bukankah itu adalah satu perkara penting untuk diambil perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan terutamanya apabila kita lihat salah satu faktor kemerosotan belia dari segi pekerjaan ataupun pendidikan adalah kerana kehilangan autonomi universiti.

Jadi saya rasa Kementerian Belia dan Sukan patut memperluaskan skop kementerian, bukan sahaja tertumpu kepada program-program riadah, program-program sukan. Semua ini penting, tetapi juga memberikan tumpuan kepada pembinaan, penjanaan tenaga kerja dan sumber manusia golongan muda di negara kita. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat. Saya tidak pernah menafikan, ini adalah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan untuk membela nasib golongan belia. Walau bagaimanapun, kementerian juga menasihatkan kepada golongan belia untuk mematuhi peraturan-peraturan sedia ada apabila

mereka berada di institusi-institusi tertentu, itu penting. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja menjaga sukan dan program-program pembangunan belia, tetapi keseluruhan. Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji secara mendalam dan membantu golongan belia di semua bidang yang melibatkan belia.

Seterusnya Program Pembangunan Belia yang sedang dan akan dilaksanakan, Majlis Perundingan Belia Negara, Parlimen Belia Malaysia, Program Pertukaran Belia Antarabangsa, Felo Perdana, Kursus Kepimpinan dan Sahsia Individu dan Organisasi, Kursus Keusahawanan Belia dan Program Kepimpinan Muda Islam. Program ini dilaksanakan secara berterusan dan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi. Bagi persediaan kepada penurunan umur belia, KBS ada menyediakan program kepimpinan sehingga ke peringkat akar umbi. Isu akta, adakah KBS sedia mendengar rintihan mahasiswa? KBS sentiasa mendengar suara belia termasuklah mahasiswa. Salah satu platform ialah Parlimen Belia Malaysia.

Seterusnya Tuan Pengerusi, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jerlun melalui prestasi sukan, saya telah pun menjawab. Mengenai padang, masalah padang Bukit Jalil bukan sahaja Ahli Yang Berhormat, hampir ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai padang Bukit Jalil. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan empat penjuru padang dan kawasan gol merupakan kawasan kritikal yang kurang mendapat cahaya matahari. Faktor ini menyebabkan pertumbuhan rumput menjadi perlahan dan terbantut. Tempoh masa rumput jenis ini akan matang adalah dalam masa enam bulan. Akan tetapi disebabkan oleh faktor kekurangan cahaya, akar rumput masih pendek. Langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah pencahayaan adalah dengan membeli peralatan *grow light*. Peralatan ini banyak membantu pertumbuhan rumput di kawasan yang tersebut. Rumput yang ditanam di Stadium Nasional adalah sesuai memandangkan iklim Malaysia sama dengan iklim negara Thailand dan menggunakan jenis rumput yang sama.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan tanya, pencerahan. Jerlun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Adakah kerajaan atau kementerian bercadang hendak tukar jadi *Cow Grass* ini? Saya ingat *once and for all*, supaya stadium itu dapat digunakan sepanjang tahun. Jadi kalau kita hendak gunakan- saya tidak tahulah adakah ia disebut *Bermuda Grass or what*, tetapi nampaknya tidak sesuai dengan cara hendak main bola sepak untuk di ganyah oleh tapak-tapak kasut yang begitu berat. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula benih rumput yang hendak ditanam dan sesuai dan boleh digunakan sepanjang masa? Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Pengerusi, penggantian rumput baru tidak akan dibuat di dalam tempoh masa terdekat. Walau bagaimanapun, masalah kualiti rumput pada masa ini disebabkan oleh faktor struktur stadium, bukan rumput sahaja jadi masalah. Keseluruhan masalah kualiti rumput pada masa kini disebabkan oleh faktor struktur stadium dan faktor kekurangan cahaya matahari. Oleh sebab itu kementerian telah membeli *grow light* untuk

memastikan rumput ini tumbuh lebih sihat. Justeru, tindakan yang diambil ialah membeli tiga unit tambahan *grow light* yang terbukti boleh membantu pertumbuhan rumput. Rumput lama yang ditanam di Stadium Nasional adalah bukan jenis *Cow Grass*, rumput yang ditanam pada tahun 2006 adalah dari jenis *Marimo Paspalum*.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu masalah dalaman dan kepimpinan dalam persatuan sukan. Bukan sahaja Ahli Yang Berhormat, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu masalah dalaman dalam persatuan. Kami sentiasa setuju dengan pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sampai masa kita mengemas kini kedudukan persatuan-persatuan sukan yang sedia ada seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada yang duduk 20 tahun, 30 tahun sebagai pengerusi dan sebagainya.

Sehingga 21 November 2014, sebanyak 7,798 badan sukan yang telah didaftarkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Daripada jumlah tersebut, hanya 659 iaitu 8% badan sukan sahaja yang telah dibatalkan pendaftarannya di mana kebanyakan adalah kerana tidak aktif apabila gagal untuk menjalankan aktiviti dan tidak mengemukakan laporan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Pejabat Pesuruhjaya Sukan setiap tahun purata sebanyak 0,1% sahaja badan sukan yang mengalami masalah seperti pergolakan dalaman di mana kebanyakannya telah pun diselesaikan. Masalah-masalah yang berlaku di dapati berpunca daripada kegagalan pemegang jawatan untuk mematuhi Perlembagaan dalam mentadbir badan sukan tersebut sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli serta atlet.

Di samping itu, isu-isu seperti konflik kepentingan juga dikenal pasti menjadi punca berlakunya pergolakan dalam sesebuah badan sukan. Namun, keadaan ini dilihat tidaklah membimbangkan dan bukan menjadi punca utama kemerosotan prestasi dan mutu sesebuah sukan tersebut. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ramai pengetua-pengetua ataupun ahli-ahli jawatankuasa daripada persatuan ini telah dipilih atau dilantik mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada dengan ahli-ahli yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Dewan yang mulia ini berkuasa untuk menukar sebarang akta dan sebagainya. Kementerian buat masa kini mengkaji secara mendalam cara-cara untuk mengatasi masalah ini dan akan dipanjangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila sampai masa nanti.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Jerlun juga membangkitkan isu *uniform*. *Uniform* yang digunakan oleh para atlet sebagai *uniform* rasmi kepada Kementerian Belia dan Sukan adalah *uniform* harimau ataupun kuning itu adalah *uniform* rasmi. Walau bagaimanapun, ada juga persatuan-persatuan yang begitu kagum dan menggunakan uniform mereka sendiri. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil pandangan Yang Berhormat sebagai serius dan akan menasihati atlet-atlet yang mewakili negara supaya menggunakan *uniform* rasmi sebagai *uniform*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan sedikit. Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya ingat perkataan kementerian kerana hendak menasihati persatuan ini saya ingat tidak boleh. Kita kena mandatori. Kita jadikan satu hukum sebab yang memberikan, mengeluarkan bajet jersi dan segala jenis peralatan lain adalah kementerian. *So, why not* kita jadikan- sebab pada saya ia akan- kita hendak cipta bangga diri, rasa kebersamaan, *those are the issues* sekarang, dengan izin. Selepas itu kalau persatuan ikut suka dia, jadi susahlah, jadi tidak ke manalah. Jadi saya ingat *make it mandatory*lah kalau boleh. Terima kasih.

■1600

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Pengerusi, kalau minta pendirian saya atau pendapat saya, saya amat setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi sebagai kerajaan yang prihatin dan kementerian yang prihatin kita harus mengikut dasar dan peraturan-peraturan sedia ada. Kalau saya hendak buat keputusan sekarang sahaja saya akan memberi arahan yang sama mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat tetapi kita tertakluk kepada dengan peraturan-peraturan. Setiap persatuan mereka ada peraturan sendiri dan sebagai kementerian kita harus mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan isu yang sama iaitu hal mahasiswa. Saya rasa sudah jawab. Masalah gejala sosial di kalangan belia. Saya rasa saya sudah jawab. Seterusnya, padang Bukit Jalil juga turut telah dijawab.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah membangkitkan isu-isu mengenai IKBN. Kerajaan sememangnya berasal untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran belia melalui Pelan Transformasi Belia Negara. Suka saya menyatakan pelaksanaan *double shift* di IKBN yang mula dilaksanakan pada tahun ini. Untuk menampung keperluan semasa dan untuk memastikan golongan belia tidak tercicir, Kementerian Belia dan Sukan telah menambah *double shift*.

Sebelum ini kita hanya boleh menampung lebih kurang 7,000 orang belia dalam satu masa. Buat masa ini Yang Berhormat Menteri dan kementerian telah bersetuju dan telah pun melaksanakan menambah dua *shift* di mana setiap tahun kita boleh memberi latihan kepada hampir 15,000 orang belia. Kerajaan dalam memastikan pelbagai bidang latihan kemahiran diberikan kepada belia.

Pelaksanaan ini bermula secara berperingkat di mana penambahan pelajar seramai 2,545 orang telah dilatih pada tahun 2014. Peningkatan ini menyaksikan lebih ramai belia termasuk belia luar bandar dapat dilatih dalam bidang kemahiran. Secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran. Melalui kajian kebolehpasaran graduan IKBN pada tahun ini didapati sebanyak 83% lepasan IKBN telah mendapat pekerjaan berbanding dengan sasaran awal iaitu sebanyak 82%.

Susulan itu, bagi memastikan lebih ramai belia mendapatkan pekerjaan, kementerian akan menaikkan sasaran ke boleh pasaran kepada 85% pada tahun 2015. Manakala dari segi purata gaji pula peningkatan daripada RM1,300 kepada RM1,400 telah diperolehi oleh lepasan IKBN.

Cadangan supaya lebih banyak institut kemahiran diwujudkan di kawasan Parlimen khususnya di luar bandar bagi memberi peluang kepada golongan belia untuk menjalani kursus-kursus kemahiran. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk menambahkan bilangan IKBN di seluruh negara. Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan untuk tidak membina Institut Latihan Kemahiran Awam yang baru dalam RMKe-10. Seterusnya, Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa isu. Saya rasa saya akan menjawab selaras dengan soalan-soalan lain.

Seterusnya Yang Berhormat dari Kinabatangan telah membangkitkan masa depan belia. Saya rasa sudah jawab. Usul Yang Berhormat Kinabatangan untuk menaik taraf tadi akan disampaikan kepada pihak kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan juga mencadangkan supaya memberi latihan kepada pembantu rumah, memberi latihan ataupun membuat keputusan mengenai pembantu rumah diletak di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Saya harap pegawai-pegawai yang berada di dalam Dewan ini akan mengambil kira.

Yang Berhormat Kinabatangan juga mencadangkan tukar peraturan untuk membuat satu akta baru yang boleh mengehendakan tempoh pemimpin persatuan. Saya sendiri bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Kita harus menubuhkan satu akta baru yang boleh mengehendakan tempoh kepimpinan pengerusi-pengerusi persatuan. Kalau tidak ada, yang duduk di sana 30 tahun hingga 40 tahun berterusan.

Tuan Pengerusi, seterusnya ada juga cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Katil mengenai insentif Skim Hadiah Kemenangan Atlet Malaysia antara atlet normal dan atlet Paralimpik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mengumumkan intensif yang sama akan dinikmati oleh atlet Paralimpik dan pada sukan para Asian di Myanmar disahkan untuk atlet Paralimpik telah mula dibayar sama jumlah seperti untuk atlet-atlet normal.

Nilai insentif disahkan untuk para Asian di Incheon, atlet Paralimpik yang memenangi pingat emas dibayar sebanyak RM80,000, pingat perak RM40,000 dan pingat gangsa RM20,000 iaitu nilai yang sama diberikan kepada atlet normal. Jumlah keseluruhan para Asian 2014 di Incheon ialah sebanyak RM2,544,000. Jumlah besar termasuk Skim Galakan Jurulatih ialah RM508,000. Maka, keseluruhan ialah RM3,112,000.

Yang Berhormat Bukit Katil juga membangkitkan isu Kompleks Sukan Komuniti. Peruntukan sebanyak RM20.7 juta pada tahun 2015 termasuk menaik taraf Kompleks Sukan Komuniti. Sehingga kini sebanyak 11 buah Kompleks Sukan Komuniti telah dibina. Kementerian akan memohon sejumlah peruntukan dari pihak EPU di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas untuk memenuhi keperluan naik taraf Kompleks Sukan Komuniti bagi memastikan kemudahan yang baik dan berkualiti dapat disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil juga telah membangkitkan isu *doping*. Kementerian telah pun menubuhkan sebuah Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) sejak tahun 2007 yang bertindak secara bebas dan diurus secara pentadbiran oleh Institut Sukan

Negara. ADAMAS bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan anti doping. Pemberantasan gejala doping ini pemantauan terhadap atlet-atlet negara.

ADAMAS juga menjalankan ujian saringan sebelum atlet menyertai mana-mana pertandingan di dalam dan di luar negara tanpa mengira jenis sukan berisiko tinggi ataupun berisiko rendah. ADAMAS akan mengambil langkah yang sesuai dalam mengelak sebarang kontroversi yang boleh mencalarakan imej sukan Malaysia iaitu dengan menjalankan ujian saringan dan pemantauan dengan lebih komprehensif pada tahun 2015 iaitu dengan peningkatan sebanyak 1,000 sampel kepada 2,000 sampel pengujian setahun.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Pahat juga telah membangkitkan IKBN menjadi jambatan untuk lepasan SPM masuk ke dalam pekerjaan untuk menyelesaikan masalah belia menganggur dalam memastikan lepasan SPM atau belia yang menganggur mendapat akses kemahiran teknikal. Kementerian menawarkan program-program di luar IKBN melalui kerjasama dengan agensi swasta bagi menampung permintaan para belia yang tercicir dari sistem pendidikan mahupun para belia yang telah bekerja tetapi ingin menambah kemahiran mereka.

Antaranya ialah program seperti Latihan Kemahiran Tidak Formal (LKTF) dan *Partition*. Di samping itu juga terdapat 20 buah IKBN yang menawarkan kursus latihan teknikal sepenuh masa dengan mengenakan syarat asas iaitu tamat tingkatan lima sahaja untuk kemasukan belia ke IKBN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IKBN menjalankan program pentauliahan sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang menawarkan peringkat Sijil Tinggi Diploma. Seterusnya, Yang Berhormat Bagan Serai...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Pengerusi, boleh sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri tentang IKBN tadi saya bangkitkan secara khusus tentang soal pengiktirafan. Adakah ia diiktiraf oleh JPA ataupun agensi-agensi kerajaan yang lain? Oleh kerana kalau ikut maklumat saya ia tidak diiktiraf. Jadi kalau katakan kita hantar masuk ke dalam IKBN, mereka selesai belajar, akan ada masalah untuk kembali berkhidmat juga di dalam IKBN ataupun di agensi-agensi kerajaan yang lain. Jadi kalau belum ada, saya minta perkara ini diteliti dan disegerakan kerana ianya tentu membantu mereka yang terlibat dalam kemahiran di IKBN.

Kedua, adakah kementerian setuju untuk kurangkan umur kemasukan ini? Ini kerana saya difahamkan umur masuk 18 tahun. Jadi kalau kemahiran itu boleh dimulakan selepas tingkatan tiga misalnya, umur 16 tahun saya fikir itu juga boleh membantu pelajar-pelajar yang mungkin tidak berminat untuk sambung ke peringkat PhD dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sedikit sahaja berkaitan IKBN. Terima kasih tadi pencerahan tentang IKBN tetapi saya lebih menjurus kepada kursus-kursus yang ditawarkan bersifat dijana oleh permintaan *or demand driven* berasaskan perkembangan terkini tiga ke empat tahun ini pembangunannya besar dan pelaburan yang begitu besar dalam sektor minyak, *oil and gas*, pembangunan perumahan, *tourism* contohnya.

■1610

Jadi, saya hendak menjurus ke arah itu supaya kementerian lebih spesifik agar mereka yang masuk kursus itu kemungkinan besar akan dapat kerja. Saya tengok *figure* statistik yang diberi tadi itu, pandangan saya mungkin ada lagi yang perlu dilihat sudut-sudut yang saya rasa *figure* ini masih kecil lagi dibandingkan dengan permintaan yang begitu besar akhir-akhir ini. Jadi, saya minta kementerian kena refleksi keperluan ini.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Pertama, isu mengenai umur, mengehendkan ataupun mengehendkan umur daripada 18 tahun ke 15 tahun, Kementerian Belia boleh mengkaji. Sekiranya perlu, kita akan memastikan perubahan-perubahan di peringkat pilihan mengikut umur. Buat masa ini kita masih dalam kajian mengkaji mengurangkan *limit*, mengehendkan umur belia daripada 15 tahun ke 30 tahun. Maka, tidak ada masalah untuk mengkaji.

Kedua, mengenai sijil IKBN.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, IKBN. Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri baharu hendak jawab pasal IKBN ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya hendak tambah sedikit tadi Yang Berhormat Kota Tinggi sebut. Kalau boleh- kebetulan Timbalan Menteri Sumber Manusia pun sudah masuk ini. Boleh atau tidak Kementerian Belia selaraskan dengan Kementerian Sumber Manusia, tengok bidang kerja ataupun kemahiran mana yang sebenarnya mendapat perhatian ataupun keperluan yang lebih di peringkat pasaran supaya kita boleh serapkan perkara-perkara ini dalam IKBN supaya pelajar-pelajar yang kita lahirkan melalui IKBN ini nanti dapat terus diserapkan dalam industri-industri yang ada dalam negara. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]**

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kedua, isu mengenai sijil IKBN yang tidak diiktiraf. Untuk makluman Yang Berhormat, IKBN menjalankan program pentauliah sistem pensijilan Kemahiran Malaysia yang menawarkan peringkat sijil hingga diploma. Ini akan diberi peluang yang lebih baik.

Kedua, mengenai program-program yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. IKBN juga menjalankan program-program yang boleh berkebolehpasaran seperti *oil and gas* yang memberi peluang di arena antarabangsa. *Oil and gas*, *welding*, dengan izin dan robotik.

Program-program ini memberi peluang pekerjaan bukan sahaja di negara kita tetapi di seluruh dunia.

Kedua Tuan Pengerusi, kementerian juga begitu sensitif mengenai program-program yang ditawarkan oleh IKBN dan sedang mengkaji secara mendalam sama ada...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Isu yang sama.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** ...Program-program ini relevan atau tidak untuk abad yang akan datang. Di mana kita lihat ada juga program-program di bawah IKBN mungkin memberi pendapatan lebih kurang RM1,000 atau RM2,000. Kalau dalam masa enam tahun yang akan datang, negara menjadi negara berpendapatan tinggi, mungkin mereka yang mendapat pendapatan kurang daripada RM3,000...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** ...Tidak boleh hidup di negara ini ataupun mereka masih akan hidup di bawah kadar kemiskinan. Maka, kementerian juga dalam proses mengkaji latihan-latihan atau kemahiran yang dijalankan oleh IKBN sama ada daripada segi kebolehpasaran itu relevan atau tidak. Kementerian akan buat perubahan daripada segi program-program yang sedia ada dan memastikan program ini memberi pendapatan lumayan kepada golongan belia supaya mereka relevan apabila negara menjadi negara berpendapatan tinggi.

Seterusnya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata tentang graduan-graduan daripada IKBN akan mampu memperoleh gaji RM2,000 ke atas. Akan tetapi saya hendak juga tunjukkan satu statistik dan saya rasa ini statistik penting daripada Kementerian Sumber Manusia. Saya tidak tahu sama ada Kementerian Belia dan Sukan sedar akan statistik ini, statistik yang saya rasa amat dukacita tentang gaji anak muda. 66.8% daripada anak muda kita mempunyai gaji kurang daripada RM1,000 sebulan.

Jadi, saya rasa walaupun diuar-uarkan bahawa IKBN ataupun Institut Kemahiran Belia Negara kita, latihan semula kita dilaksanakan, kebolehpasaran mencecah 80% tetapi jika dapat kerja pun, sebilangan besar, majoritinya 66.8% anak muda gajinya hanya RM1,000 ke bawah, 99% anak muda gaji mereka RM3,000 ke bawah. Jadi, saya rasa ini satu perkara yang patut juga dilihat, bukan sahaja boleh dapat kerja, kalau dapat kerja gajinya RM500, RM600 tidak guna juga. Jadi, saya harap...

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *This one* statistik daripada- baru dapat 12 November daripada Menteri Sumber Manusia. Jadi, saya harap Kementerian Belia juga ambil prihatin tentang masalah bukan sahaja pengangguran tetapi juga masalah *underemployment* ataupun guna tenaga tidak penuh, keadaan penggajian yang teruk di kalangan anak muda di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Selepas ini Kementerian Sumber Manusia. Ingat, 15 minit lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, saya tidak pasti...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu ada pencelahan lagi.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Saya tidak pasti Yang Berhormat dapat statistik itu daripada mana. 66% warga...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jawapan Menteri Sumber Manusia di Parlimen pada 12 November.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Ia adalah pendapatan daripada kurang RM1,000. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, kita harus bersetuju hampir 7 juta orang telah menerima BR1M. Ini menunjukkan 7 juta orang layak menerima BR1M, bererti 7 juta, 1/3 ataupun ¼ daripada populasi Malaysia adalah daripada golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah. Hari ini kita lihat di bandar-bandar besar...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak akan kita hendak lihat anak-anak muda kita menjadi penerima BR1M sebaik sahaja keluar daripada universiti.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Saya tidak suruh mereka menerima BR1M. Cuba dengarlah Yang Berhormat. 66%, 7 juta orang telah menerima BR1M. Maksudnya, 7 juta orang menerima pendapatan kurang daripada RM3,000. Hari ini sara hidup di Malaysia RM3,000 ke bawah, tidak relevan lagi. Maka, kementerian akan mengkaji sama ada statistik itu betul atau tidak. Saya tidak menafikan ada kecacatan daripada segi pelaksanaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita mengambil langkah-langkah yang terbaik untuk memastikan perkara-perkara ini diatasi demi kebaikan belia.

Seterusnya, Yang Berhormat Bagan Serai telah membangkitkan isu Gelanggang Futsal 1Malaysia diuruskan oleh jawatankuasa yang dibentuk di sesuatu tempat atau komuniti yang terdiri daripada kelab-kelab, persatuan-persatuan atau NGO yang berkaitan dengan pembangunan belia dan sukan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bagan Serai juga telah membangkitkan isu mengenai Program Rakan Muda ataupun program Kementerian Belia dan Sukan akan memperkasa Program Rakan Muda melalui penambahbaikan serta pendekatan baharu yang mampu menarik golongan muda di samping membentuk sahsiah diri. Melalui pendekatan baharu ini, generasi muda akan digerakkan dengan diperkasa bagi merancang dan melaksanakan sendiri program mengikut kehendak dan kreativiti mereka.

Selain itu, Program Rakan Muda juga akan dijadikan platform utama pembangunan bakat belia melalui program menyerlahkan bakat, *talent showcase* yang akan dilaksanakan di seluruh negara. Anak-anak muda diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang menyerlahkan bakat mereka berdasarkan lapan komponen teras Program Rakan Muda iaitu Alam Sekitar, Komuniti, Khidmat Komuniti, Keusahawanan, Seni Mempertahankan Diri, Inovasi Kecergasan, Seni Budaya, Digital Alam Siber.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Ya, seterusnya Yang Berhormat Batu Gajah juga telah membangkitkan- bukan Yang Berhormat Batu Gajah sahaja, ramai lagi Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu program pembangunan bola sepak negara. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan terhadap mutu bola sepak negara. Pelan Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) 2014 ke 2020 merupakan satu pelan jangka panjang yang mana fasa pertama akan bermula dari tahun 2014 sehingga tahun 2020. Pelan ini memberikan tumpuan kepada pembangunan bakat muda bola sepak yang berumur antara 7 tahun hingga 17 tahun yang mana program pembangunan akan melibatkan pemain muda lelaki mahupun perempuan.

Pelan pembangunan bola sepak negara telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 April 2014 di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari di Gambang, Pahang. Visi pelan ini adalah untuk melahirkan ramai pemain bola sepak bertaraf dunia secara konsisten, manakala misi pelan ini adalah untuk mewujudkan satu ekosistem pembangunan bola sepak yang sistematik dan menyeluruh ke arah meningkatkan kualiti serta kuantiti pemain bola sepak negara. Bagi merealisasikan objektif yang telah digariskan, pelan ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan lima teras strategik utama iaitu:

- (i) membentuk gaya, meningkatkan kualiti dan membina sendiri berteraskan falsafah yakni bola sepak negara;
- (ii) mengenal pasti dan membentuk wira bola sepak negara;
- (iii) meluaskan akses kemudahan yang menepati piawaian kepada semua pihak;
- (iii) meningkatkan pembangunan kejurulatihan; dan,
- (iv) mengukuhkan struktur pertandingan di pelbagai peringkat.

Pembangunan pusat-pusat latihan, pembangunan pihak persatuan bola sepak negara, akademi tunas PPBN, 30 akademi tunas beroperasi di seluruh Malaysia, 14 akademi tunas baru mula beroperasi pada tahun 2014, 4,500 pelajar Tahun 1 hingga 6 berlatih di akademi-akademi tunas di seluruh negara, 14 ketua jurulatih remaja negara dan 180 jurulatih separuh masa.

**■1620**

Sekurang-kurangnya 240 jam sesi latihan berserta untuk setiap pelatih setahun. Sebanyak 15 buah lokasi dikenal pasti untuk penubuhan Akademi Tunas bagi tahun 2015. Seterusnya Yang Berhormat Batu Gajah telah membangkitkan isu mengenai prestasi atlet kita di Glasgow. Untuk maklumat Yang Berhormat, di temasya sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu, kontinjen negara gagal mencapai sasaran. Sebanyak tujuh pingat emas, dengan hanya memungut enam pingat emas, tujuh pingat perak dan enam pingat gangsa untuk menduduki tangga ke-12 daripada 71 negara yang telah mengambil bahagian. Empat sukan yang telah menyumbangkan pingat emas iaitu badminton tiga, terjun satu, angkat berat satu, skuasy satu. Ini merupakan sukan-sukan utama yang dipertandingkan di temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Kegagalan negara mencapai sasaran pingat adalah berpunca daripada kegagalan beberapa jenis sukan mencapai sasaran awal yang telah ditetapkan. Sukan tersebut ialah berbasikal dan *lawn bowls*. Walaupun sasaran awal yang telah ditetapkan adalah dibuat berdasarkan kepada pencapaian sebenar mereka serta perbandingan dengan atlet di negara-negara lain tetapi atlet berkenaan tidak mampu memberikan pencapaian mereka yang sebenar. Selain daripada itu kecederaan Datuk Lee Chong Wei dan Pandalela Rinong juga menyebabkan kita terlepas pingat emas. Sungguh pun temasya Sukan Komanwel merupakan yang ketiga terbesar selepas Sukan Olimpik dan Sukan Asia, namun dari segi kualiti bagi sesetengah sukan yang dipentingkan adalah bertaraf Olimpik dan dunia seperti berbasikal, bola jaring, boling padang, hoki, olahraga, ragbi dan renang.

Walaupun bagaimanapun, pihak kementerian sedang dalam proses menilai keberkesanan Program Latihan Sukan Prestasi Tinggi khususnya program elit tahun 2011 hingga tahun 2014, Majlis Sukan Negara. Pihak kementerian telah pun menerima laporan *post-mortem* daripada semua persatuan sukan kebangsaan yang terlibat. Satu kajian yang menyeluruh akan dibuat bagi mengenal pasti punca-punca sebenar mengapa atlet-atlet negara gagal menyerlah di temasya sukan antarabangsa. Penyertaan badminton masih dianggap cemerlang kerana mampu mencapai sasaran dengan mendapat tiga pingat emas walaupun ketiadaan Datuk Lee Chong Wei yang mengalami kecederaan.

Sebanyak tiga pingat emas tersebut diperoleh melalui pasukan campuran beregu lelaki iaitu Tan Wee Kiong, Goh V Shem serta beregu wanita Woon Khe Wei dan Vivian Khoo. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan ada agensi-agensi di bawah kementerian mengambil langkah-langkah yang cukup positif memastikan kita mencapai sasaran pada masa akan datang. Seterusnya Yang Berhormat juga telah memohon supaya kementerian mencadangkan kementerian buat bedah siasat, memang kita telah dan sedang membuat kajian yang terperinci untuk cara-cara yang terbaik bagi mengatasi masalah ini. Yang Berhormat juga telah mencadangkan ekonomi belia India, masalah belia India harus dilihat sebagai masalah kebangsaan. Sebagai kerajaan yang prihatin, kerajaan dan kementerian begitu sensitif dan peka terhadap golongan belia dan sebarang masalah akan dan sedang dilihat sebagai masalah kebangsaan.

Kini kita telah- walaupun saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, golongan India perlu perhatian khas kerana kita lihat golongan India sebelum ini telah dapat peluang pekerjaan di peringkat bawah. Kalau kita lihat sejarah negara kita sebelum 20 tahun ini, di peringkat bawah sama ada KTM, Telekom, TNB, *waterworks* ataupun sektor perladangan, sektor pembinaan, semua adalah daripada golongan belia masyarakat India. Akan tetapi dalam masa 20 tahun yang lalu sepertimana saya sebut, semua ini telah diambil alih oleh pekerja asing. Maka walaupun dalam masa enam, tujuh tahun yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan peruntukan khas untuk masyarakat India khususnya golongan belia. Pelbagai peruntukan melalui TEKUN, pembangunan sekolah-sekolah Tamil, pemberian bantuan kepada rumah-rumah ibadat, pembangunan badan-badan bukan kerajaan walaupun hampir RM1 bilion

telah disalurkan kepada masyarakat India dalam masa lima, enam tahun yang lalu. Pada masa yang sama kita lihat gejala sosial di kalangan golongan India masih meningkat.

Sepatutnya apabila kita beri peruntukan yang begitu banyak untuk rumah ibadat dan peluang-peluang pendidikan untuk masyarakat India. Seharusnya gejala sosial harus turun tetapi puncanya adalah golongan belia yang tidak dapat melanjutkan pendidikan dan tiada lagi peluang pekerjaan di negara ini. Walaupun mereka dapat peluang pekerjaan di peringkat bawah, pendapatan lebih kurang RM1,000 atau RM2,000. Hari ini kita lihat kos sara hidup yang begitu tinggi, dengan pendapatan RM1,000 hingga RM2,000 kita tidak boleh hidup di negara ini. Maka ada juga golongan belia terlibat dengan gejala sosial. Walau bagaimanapun kerajaan melihat ini sebagai satu masalah kebangsaan bukan sebagai masalah-masalah masyarakat India. Maka dengan bantuan khas, contohnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi RM37 juta untuk dua tahun bagi melatih golongan belia dalam sektor-sektor tertentu khususnya dalam sektor pertanian.

Kita lihat masyarakat India juga harus melihat peluang-peluang yang sedia ada. Kita import hampir RM3 bilion nilai produk-produk pertanian. Maka melalui Program NAAM kita mencadangkan golongan belia India supaya menceburkan diri dalam sektor pertanian yang memberi pendapatan yang begitu lumayan, mencecah lebih daripada RM5,000.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri. Depan, Yang Berhormat Kota Raja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Kota Raja, gulung ya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat mengenai remaja daripada kaum India. Kawasan saya mempunyai 28% daripada kaum India. Inilah masalah yang mereka hadapi tentang pekerjaan dan tentang latihan kemahiran, mereka agak terbantut di mana hendak pergi walaupun ada TEKUN, ada ini semua. Mereka yang berminat pada pertanian, masalah mendapat tanah untuk pertanian juga menghantui mereka. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat menjenguk ke kawasan Kota Raja untuk membawa program-program ini *insya-Allah*. Saya harap begitu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Pengerusi, perkataan ataupun latihan kemahiran ini harus dikaji secara mendalam. Kebanyakan latihan kemahiran yang dibekalkan oleh badan-badan bukan kerajaan akan memberi pendapatan RM1,000 atau RM2,000 ataupun RM2,000 ke bawah. Dalam masa enam tahun negara ini akan menjadi negara berpendapatan tinggi. Apabila negara jadi negara berpendapatan tinggi, hari ini kita lihat dengan RM2,000 kita tidak boleh hidup di Kota Raja. Barang dapur sahaja sudah mencecah RM1,200 sebulan, seminggu barang dapur RM300, tidak kurang daripada RM300. Kalau seminggu RM300, sebulan sudah RM1,200.

Hendak bayar kereta, hendak bayar sewa rumah, *handphone* dua, kadang-kadang isteri dua. So, hendak hidup dengan RM3,000 memang tidak boleh di negara ini.

Dapat bayangkan gaji RM2,000 bayar bil api, bil air, barang dapur, sudah habis. Macam mana hendak memberikan pendidikan yang berkualiti kepada anak-anak mereka? Sekali lagi kita akan lahirkan *drop-out*, mungkin tidak... dalam negara ini, maka perkataan latihan kemahiran itu harus dikaji semula. Oleh sebab itu hari ini kita lihat sektor pertanian sebagai satu sektor yang cukup lumayan. Melalui Program NAAM, kita mendapatkan tanah daripada kerajaan-kerajaan negeri dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tanah terbiar. Kerajaan negeri Selangor telah memberi hampir 100 lebih ekar tanah untuk belia melalui Program NAAM.

Kita lihat di Selangor sahaja, kerajaan negeri telah memberi 108 ekar tanah untuk sektor pertanian melalui Program NAAM. Kerajaan negeri Perak telah memberi hampir 200 ekar. Kerajaan Negeri Sembilan telah memberi hampir 200 ekar. Maka melalui Program NAAM hari ini kita mendapat tanah, kita memberi latihan kemahiran, kita memberi modal untuk menjalankan perniagaan dan kita akan membuat pasaran dan kita harap golongan belia bersedia bekerja lima atau enam jam satu hari dengan jaminan mereka boleh dapat RM5,000 hingga RM20,000 sebulan. maka saya sedia membantu Yang Berhormat di kawasan Kota Raja, tidak ada masalah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, beberapa permintaan daripada Yang Berhormat Labuan meminta untuk menambahkan peruntukan akan dikaji secara mendalam dan dipertimbangkan. Yang Berhormat Tasek Gelugor juga menyatakan isu belia terlibat dengan dadah. Untuk makluman Yang Berhormat mengenai isu dadah, ini bukan sahaja melibat dengan kesedaran tetapi melibatkan dengan penguatkuasaan. Maka lebih sesuai pihak Kementerian Dalam Negeri menguruskan isu-isu ini kerana ia terlibat dengan penguatkuasaan.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Tinggi, pandangan akan dikaji, saya sudah jawab. Yang Berhormat Sik telah minta peruntukan akan dipertimbangkan dan itu sahaja Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang serius terhadap pembangunan belia di negara ini. Saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, sebarang pandangan dan cadangan akan dikaji dengan serius dan mengambil tindakan dan langkah-langkah yang positif supaya kita sama-sama pastikan golongan belia tidak tercicir daripada arus pembangunan kerana dalam abad yang akan datang mereka yang akan menentukan hala tuju negara ini. Sekian, terima kasih.

■1630

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM534,835,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM534,835,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM415,107,800 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM415,107,800 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Maksud B.46 [Jadual] -  
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**4.31 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas mengenai Butiran 010200, Butiran 010300 dan Butiran 010500. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan. Pertama ialah mengenai *N.T.S. Arumugam Pillai College* di mana saya nampak kebelakangan ini semasa ia telah diluluskan pada tahun 1999 di Parlimen ini, terdapat peruntukan khas setiap tahun akan tetapi saya tengok tahun ini tidak ada nama *N.T.S. Arumugam Pillai College* dinyatakan, pertama. Kedua, tidak ada terdapat peruntukan khas untuk penggunaan wang diagihkan untuk kolej ini.

Saya perlu mengingatkan kerajaan bahawa pada tahun 1999, kerajaan telah memberikan Aku Janji di Parlimen ini, kepada saya apabila saya membangkitkan harta warisan masyarakat India yang diambil alih oleh kerajaan dan kerajaan memberikan Aku Janji bahawa selepas pembinaan kolej tersebut, dua perkara akan berlaku secara automatik *autopilot*. Pertama, ramai di antara pelajar di institut tersebut adalah daripada masyarakat India, lebih daripada 50% sepatutnya daripada masyarakat India.

Kedua, *administrative*, staf dan sebagainya juga akan daripada masyarakat India. Saya hendak tanya apakah keadaan terkini mengenai perkara tersebut. Berapa ramai pelajar yang sedang mengikuti kursus-kursus di sana dan apakah yang telah dilakukan supaya Aku Janji yang dibuat oleh kerajaan di Parlimen pada tahun 1999, akan diikuti dan diambil tindakan untuk mengimplementasikan Aku Janji tersebut.

Perkara kedua Tuan Pengerusi ialah mengenai SOCSO. Saya juga nampak dalam pengagihan wang ini tidak ada menyatakan apakah peranan, institusi PERKESO dalam kementerian ini, berapa banyak wang diguna pakai dan berapakah yang dibelanjakan. Seperti ada *something hiding*. Saya hendak tahu berapa orang pekerja yang telah diberikan manfaat pada tahun-tahun dahulu dan apakah manfaat-manfaat yang tertentu yang diberikan di antaranya untuk pekerja-pekerja yang cedera semasa bekerja. Saya difahamkan ada ramai di antara

pekerja-pekerja yang memohon untuk mendapatkan Skim Ilat yang telah ditolak. Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa SOCSO dan PERKESO ini bukan sebuah pertubuhan komersial. Ia adalah sebuah pertubuhan sosial. *The priority* perlu difikirkan.

Saya ingin mengingatkan lagi iaitu semasa Dr. Azman memberikan keterangan di dalam *Public Account Committee* semasa saya salah seorang anggota di sana. PERKESO mengaku bahawa peranan mereka sepatutnya lebih pro *worker* dan bukannya pro *employer*. Akan tetapi, kebelakangan ini nampaknya ramai di antara walaupun telah diberikan kebenaran dan disyorkan oleh para doktor untuk mendapatkan Skim Ilat serta skim-skim lain tetapi SOCSO tidak berpuas hati dan merayu- jangan *appeal* kerana ramai di antara- *I can say* 100% adalah pekerja-pekerja yang miskin yang mendapat pendapatan kurang daripada RM1,500.

*Why you make their life impossible?* Ramai di antara mereka tidak dapat mengambil peguam dan datang berjumpa dengan kita, memberitahu bahawa niat dan justifikasi yang digunakan oleh PERKESO langsung tidak boleh diguna pakai. Saya berharap kementerian melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri faham apakah *role* dan peranan PERKESO di mana adalah untuk pekerja-pekerja, menolong mereka, memberikan pertolongan kepada mereka dan jangan menyusahkan lagi mereka. Ramai di antara mereka yang mendapat macam-macam...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh mencelah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa SOCSO perlu lebih sosial. Adakah Yang Berhormat Ipoh Barat bersetuju bahawa mungkin definisi bencana kerja ini tentang apa itu bencana kerja mesti diubah menjadi lebih liberal interpretasinya kerana banyak kes ditolak kerana dikatakan bukan bencana kerja. Adakah itu satu langkah untuk menyelesaikannya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya ingat Tuan Pengerusi, semasa PAC saya telah memperkatakannya tetapi sehingga sekarang pun tidak dibuat. Terdapat di mana walaupun seorang pekerja telah bersara, kalau semasa beliau bekerja ada kemungkinan beliau akan mendapat penyakit kanser dan sebagainya- macam *declare* kerja di *factory asbestos*. Sepatutnya memberikan, menghantar surat kepada pekerja tersebut apabila pekerja tersebut berusia 60 tahun dan sebagainya dengan memberitahu bahawa dia mempunyai hak. Ini kerana *cancer is not insidious*. Ia mungkin terjadi sepuluh tahun terdahulu selepas itu barulah ia *disrupts*. Mereka memerlukan pertolongan. Saya tahu.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa definisinya perlu diperluaskan supaya merangkumi lebih ramai pekerja. Kita jangan ingat PERKESO- saya rasa ramai di antara di *higher up in PERKESO* ingat itu adalah satu *business organization, to make money, to save money, no! Priority is social. Must go out to help these workers*. Itu prioriti dia. Saya berterima kasih dan saya difahamkan kadangkala pejabat dibuka pada hari Sabtu dan Ahad, itu ialah satu tindakan yang baik.

Akan tetapi saya hendak bertanya, adakah semua pejabat SOCSO di seluruh negara seperti di Ipoh dan sebagainya, dibuka juga supaya lebih bermakna kepada pekerja bukannya beroperasi semasa mereka bekerja dan bukan semasa pekerja bekerja. Akan tetapi apabila pekerja senang, selepas pukul lima petang, sepatutnya pejabat SOCSO dibuka agar mereka dapat datang. Ini kerana ramai di antara mereka tidak mendapat cuti dan sebagainya. Ini adalah satu di antara perkara yang perlu diingat.

Satu lagi Tuan Pengerusi ialah saya difahamkan terdapat *driver-driver* lori yang tidak mempunyai *coverage* SOCSO. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan supaya mereka mendapat *coverage*? Kita tahu ramai di antara mereka telah dikontrakkan. Di mana sebenarnya kalau kita tengok terma-terma tersebut, sebenarnya mereka ialah pekerja tetapi tauke-tauke mereka mengatakan ini *contract for labor* untuk mengelakkan obligasi SOCSO dan EPF. Apakah yang dibuat oleh kementerian supaya dapat membantu mereka kerana pekerja-pekerja *don't have the bargaining power*. Mereka memerlukan bantuan daripada kementerian. Apakah usul yang dilakukan oleh kementerian? Saya sendiri Tuan Pengerusi ada beberapa kes...

■1640

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kalabakan bangun.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Di mana kes di mahkamah- bukan perusahaan. *Labor*- buruh.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Buruh, buruh.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Mengambil banyak masa. Saya sendiri ada satu kes Tuan Pengerusi, 20 tahun belum habis lagi. Dari Mahkamah *Labor* ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Balik ke Mahkamah Tinggi lepas itu menang balik, pergi ke Mahkamah Rayuan. Sudah menang duit belum terima.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kalabakan bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, ya. *Sorry*.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat berkenaan PERKESO ini kita ada banyak masalah di Sabah kerana apabila ada *accident*, PERKESO tidak mahu melayan sama sekali. Mereka mengatakan mungkin ada insurans. Apa macam kalau sekiranya pekerja itu tidak ada insurans? Dia sepatutnya di bawah jagaan majikan.

Jadi bolehkah kita minta kementerian, asal mereka ini bukan warga asing ya, ini warga tempatan yang menghadapi masalah *accident*, PERKESO sepatutnya mengambil berat tentang perkara kebajikan mereka. Di Sabah, Pengarah PERKESO Sabah ini daripada semenanjung. Kenapa tidak ada orang Sabah kah yang layak? Jadi kita minta supaya orang Sabah yang layak, bagilah dia jawatan pengarah di Kota Kinabalu di Sabah sana. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat, habiskan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, ada dua hal. Nombor satu mengenai *accident* dan sebagainya. Saya setuju ada banyak kes semasa dalam perjalanan ke pejabat, dia pergi makan dan lepas itu dia datang balik tidak coverage. Mengelak. *The* fikiran oleh SOCSO *must be more flexible*. Itu yang setuju. Itu nombor satu.

Mengenai insurans dan sebagainya, itu bukan soalan kepada PERKESO. Dia patut ingat *the whole idea is to help this workers*. Saya setuju. Kenapa orang Sabah tak boleh jadi ketuanya? Kenapa kita perlu dari semenanjung untuk menjadi Ketua Eksekutif di sana? Apa sebab, apa rasionalnya? Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Akhir sekali adalah mengenai Mahkamah Perusahaan. Saya difahamkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Kita kekurangan beberapa pengerusi, kebelakangan ini dua pengerusi yang betul-betul *very active*. Satu adalah Pengerusi Frederick Nicholas dari Ipoh telah diberhentikan. Dia adalah satu di antara sebelum itu peguam dan sangat arif, sangat efisien. Ramai di antara kita berfikir bahawa dia adalah layak untuk menjadi hakim di Mahkamah Tinggi.

Walhal, kebelakangan ini tiba-tiba dia telah diberhentikan dan juga lagi satu pengerusi mahkamah telah diberhentikan. Walaupun ada kekosongan yang tertentu dan ada banyak kes di bawah seksyen 20. Saya nak tahu berapakah kes yang sedang tertunggak dengan Menteri yang telah dirujuk oleh *department* tersebut yang belum lagi diselesaikan. Apakah inisiatif baru supaya kes-kes ini akan diselesaikan dan seberapa cepat yang boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Sudah...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Akhir sekali Tuan Pengerusi, lebih kurang 15 tahun dahulu Tuan Pengerusi. Kementerian telah memberitahu kepada saya bahawa satu mahkamah rayuan untuk kes-kes majikan akan disediakan? Sudah 15 tahun. Lagi 15 tahun kah diperlukan sebelum satu tindakan diambil? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini sahaja yang nak berbahas untuk kementerian ini? Okey ada sepuluh orang. Memadai kalau tujuh, lapan minit seorang Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Ipoh Barat 14 minit tadi. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**4.44 ptg.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 090300 – NKRA Program AZAM Kerja 1Malaysia. Saya difahamkan sehingga Jun lepas, kadar pengangguran negara mencatatkan penurunan iaitu hanya 2.8% berbanding 3.1% pada tahun lalu. Saya juga difahamkan antara faktor dikenal pasti berlakunya pengangguran adalah disebabkan mereka yang terlibat mencari pekerjaan yang lebih

baik berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang ada, pencari kerja aktif berdaftar sehingga 1 September lalu berjumlah 403,897 orang dengan 231,169 daripadanya merupakan siswazah untuk mengisi 115,672 peluang pekerjaan.

Saya difahamkan oleh kementerian bahawa projek atau program Karnival AZAM Kerja 1Malaysia yang akan menjelajah ke setiap kawasan Parlimen di seluruh negara bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapatkan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengetahui sejauh manakah partisipasi dan penyertaan golongan muda serta agensi pekerjaan dan syarikat swasta dalam karnival yang diadakan setakat ini dalam membuka peluang kepada golongan pencari kerja untuk menilai rasional dalam meneruskan program ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 080400 – Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing. Saya difahamkan kira-kira 1.5 juta pekerja asing datang ke Malaysia hampir setiap tahun. Pada masa sekarang dianggarkan terdapat 6.7 juta pendatang asing di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, hanya 2.1 juta sahaja mempunyai permit yang sah. Selebihnya kira-kira 4.6 juta memasuki secara haram. Daripada jumlah tersebut, majoriti pekerja asing dari Indonesia. Bagaimanapun, kita mempunyai jumlah pekerja yang agak besar. Dari Myanmar, Nepal dan Bangladesh.

Selain daripada masalah kebanjiran, penguasaan sesetengah bidang kerja, masalah penempatan dan setingan, pergaduhan dan jenayah, juga masalah perkahwinan– saya khuatir akan wujud pula masalah-masalah lain yang belum dijangka oleh kita. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan Kementerian Sumber Manusia haruslah bekerjasama lebih erat lagi dengan Kementerian Dalam Negeri khususnya dalam memastikan pekerja asing diambil hanya mengikut keperluan sahaja di mana sektor yang majikan gagal mendapat pekerja tempatan.

Selain daripada itu, program pemutihan ke atas pekerja-pekerja asing ini harus dilakukan di mana yang datang secara haram itu akan ditahan dan dihantar balik ke negara asal. Kemudian jika ingin datang semula, mestilah datang dengan cara yang sah. Saya juga ingin bertanya sejauh manakah pembinaan pangkalan data majikan yang merupakan salah satu inisiatif yang dikemukakan pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) untuk pengurusan pekerja warga asing yang lebih berkesan. Harapan saya ialah jabatan khas yang bakal diwujudkan bagi mengelakkan lambakan pekerja asing diperkasakan dengan kerjasama semua pihak di mana operasi bersepadu ini harus dijalankan lebih kerap dan berterusan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan Kementerian Sumber Manusia harus mengkaji dan membuat pindaan seterusnya terhadap Akta Sekatan Kerja 1966 bagi tujuan mengawal kemasukan pekerja asing ke negara kita dengan lebih berkesan sekali gus menetapkan had kemasukan pekerja asing yang diperlukan oleh sektor-sektor tertentu di negara kita dan majikan harus mengutamakan pekerja tempatan berbanding pekerja asing.

Ini penting untuk memastikan pekerja asing hanya dibenarkan bekerja di sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh pekerja tempatan dan diupah bukan kerana pekerja jenis ini upahnya lebih murah dan sebagainya, yakni mengurangkan kemasukan pekerja asing negara kita. Badan

atau suruhanjaya baru yang akan diwujudkan untuk menangani isu pekerja asing juga harus menerajui perkara ini selain merangka dasar yang jelas dalam pengambilan pekerja asing yang merupakan inti pati yang sangat penting. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

**4.48 ptg.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 030000 – Keharmonian Perhubungan Perusahaan bersekali dengan Butiran 030100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Saya ingin mencadangkan supaya kajian semula isu pengiktirafan yang memakan masa dan memecat pemimpin kesatuan sekerja yang diambil ke atas penubuhan kesatuan dipanggil '*Union Busting*' untuk dikenal pasti seperti mana contoh yang diberi sebelum ini di dalam Kesatuan West Port dan juga Elektronik Barat dan juga beberapa kesatuan yang terlibat secara langsung atas penganiayaan tersebut.

Saya juga merujuk kepada Butiran 010500 – Dasar Sumber Manusia. Saya ingin memohon kepada kementerian dalam kajian semula ke atas gaji minimum atas Panduan Gaji Minimum Perkara 3(5) dalam *hotel sector*. Dalam Perkara 3(5) dengan izin, "*For the hotel sector where the service charge collection is implemented, the employer may convert all or part of the service charge meant for distribution to the employee, to form part of the minimal wages.*"

■1650

Dalam isu ini, kes yang dibawa ke mahkamah melebihi mengikut laporan daripada kementerian, lebih daripada 40 kes yang terikat dengan isu ini yang memberi kesan buruk kepada mereka-mereka yang bekerja dalam sektor perhotelan.

Saya ingin merujuk kepada Perkara 3(5) supaya kementerian perlu dan wajib menegaskan tentang konsep gaji minimum atas kelayakan. Apakah elaun itu boleh di masuk dalam gaji pokok, sementara itu bila mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak, maka saya ingin mencabar kementerian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri membuktikan dan meminda di bawah Peraturan 3(5) dalam sektor hotel.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga Tuan Pengerusi Butiran 030200 – Perhubungan Perusahaan. Saya ingin memaklumkan bahawa penjelasan kes di mahkamah dan mengadakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat *brake* tidak makan, Yang Berhormat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [*Ketawa*] Itu sebab tujuh minit Tuan Pengerusi. Meningkatkan penjelasan di mahkamah dengan mengadakan kes...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Takut penat nanti.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Yang mana yang disebut Yang Berhormat Ipoh Barat tadi itu memastikan kalau boleh menambahkan lagi Pengerusi Mahkamah dan memastikan bahawa Pengerusi itu tidak mengikat ataupun jatuh hukum yang memberikan kesan, beban kemudian hari untuk pekerja-pekerja. Ini adalah satu isu yang saya

anggap rangkaian untuk memastikan hak pekerja itu di segera proseskan sebab kita hanya ada 24 bulan Tuan Pengerusi. Selama 24 bulan *settlement* kalau tidak *settle* makna dia akan pergi balik kepada tiga, empat tahun bayar 24 bulan. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 itu perlu dibuat kajian semula, dibuat pindaan [*Tepuk*]

Saya juga merujuk kepada kes 030300 – Mahkamah Perusahaan. Satu, saya ingin merujuk award 1228/2014 Kesatuan Eksekutif AIROD lawan AIROD melibatkan 15 orang *retirement benefit*. *Compulsory retirement* di bawah seksyen 17(1) dan 17(2), mahkamah dikelirukan dengan, bila mana kes CA ataupun perjanjian bersama itu ditandatangani, diambil pada waktu tandatangan. Proses untuk kita mencadangkan dan terus berlakunya penyelesaian itu makan masa tiga, empat tahun, tetapi mahkamah menjatuhkan hukum dia kata *upon signing the CA*, dengan izin.

Maknanya mereka dalam *duration, period* itu dalam proses itu tidak dapat apa-apa. Yang meninggal, yang sakit, yang *retire*, tidak dapat faedah daripada perjanjian bersama yang termaktub dalam seksyen 13 yang membolehkan kita mendapat nikmat daripada perjanjian bersama di bawah Akta Perusahaan 1967. Saya ingin melihat daripada sudut implementasi cara kehakiman itu dibuat walaupun kes itu telah pun diputuskan, tetapi saya memohon supaya kementerian mengkaji dan memberikan *more detail* untuk hukum jatuh itu perlu adil kepada semua pihak, kerana ini amalan kita dalam negara yang saya terlibat dalam puluhan tahun, tidak pernah berlaku dalam keputusan yang dibuat tidak dikira dalam cadangan dikira dalam keputusan. Kalau empat tahun banyak orang meninggal Tuan Pengerusi dan mereka ini perlu juga dibela. Yang Berhormat Timbalan Menteri berperanan untuk memastikan hak itu dapat ditegakkan.

Seterusnya nombor dua award 1160/2014 di bawah '9', bonus. Saya tahu bahawa kes yang berlaku itu antara pegawai AIROD dan AIROD untung dapat jualan Tuan Pengerusi lebih RM350 juta, tetapi bonus satu bulan tidak boleh bayar. Anak pakai *Porsche*, anak pakai *business jet* berjuta-juta kosnya, tetapi hendak bayar bonus satu bulan pun tidak boleh. Jadi kita kena ada satu dasar kerangka kerajaan ini, kementerian mengenal pasti bahawa kalau syarikat ini untung kena kongsi dengan pekerja... [*Disampuk*] Ini pengurusan, majikan, *owner* beli *Porsche*, naik jet eksklusif, pekerja ditindas. Ini kementerian harus tengok dan rujuk dengan seriusnya.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 050100 – Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bersekali dengan 080400 – Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing. Saya diberitahu dalam laporan *New York Times*, melaporkan di Bukit Besi Terengganu Tuan Pengerusi, dia ambil pekerja asing, dia pecat pekerja tempatan, dia kata dia mengaibkan, memalukan negara. Dia kata apa, "*Kami datang ambil tanah bagi dekat pemimpin tempatan, bagi dekat pemimpin nasional, kami dapat berurus niaga di sini, kami pecat pekerja tempatan kerana kos mereka tinggi.*"

Celaka betul, dia boleh cakap, dia tuduh kita dan dia memecat pekerja tempatan. Menteri harus wajib berperanan dan tolong memastikan pekerja tempatan ini diambil [*Tepuk*] Daripada mereka mengambil pekerja asing dan bawa duit keluar daripada negara kemudian

berlagak sombong. Kita hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri berperanan untuk memastikan celaka punya syarikat ini... Dengar! *business* ini buat cara kami, jangan buat cara kamu. Jadi ini saya minta daripada kementerian untuk memastikan bahawa rakyat ini tidak digadaikan dengan apa yang boleh didakwa dan kita kena lawan yang mendapat rasuah pun kena hukum, bahawa mereka ini pengkhianat kepada negara.

Seterusnya Tuan Pengerusi, *last* atas pekerjaan asing tadi ini, kita diberitahu oleh Kementerian Sumber Manusia, 69 juta seperti mana Yang Berhormat Kuala Selangor cakap tadi, itu dalam kertas yang kita maklum. Akan tetapi saya diberitahu pula hampir, 10 juta pekerja asing yang tidak berdaftar. Oh! Dahsyat... [*Dewan riuh*]

Ini memberikan satu amaran bahawa kalau ini berterusan, habis ranap pekerja tempatan dan saya mohon supaya Kementerian Sumber Manusia ambil alih Kementerian Dalam Negeri ini untuk pengambilan pekerja asing sebab dia lebih faham. Dia lebih tahu, kalau sudah 10 tahun, 20 tahun tidak selesai, cuba kementerian yang baru Kementerian Sumber Manusia, tolong cadangkan kepada Kabinet letakkan pekerja asing ini di bawah Kementerian Sumber Manusia, supaya ia dapat lebih efisien, lebih berkemampuan dalam membentuk untuk memastikan pekerja asing tidak berpusu-pusu datang ke negara.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 010700 – Hal Ehwat Antarabangsa. Saya ingin merujuk kes seorang *steward* yang didakwa *sexual harassment*, yang dikatakan bahawa dalam penerbangan dia buat perkara tidak baik dan saya amat terkejut apabila usianya 57 tahun, bekerja 32 tahun dalam MAS. MAS tiba-tiba cuci tangan Tuan Pengerusi. Belum lagi didakwa dia sudah buang pekerja ini. Apa punya! Hai, saya tidak tahulah [*Ketawa*]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sabar, sabar. Bawa bersabar.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya tidak tahulah apa punya pentadbiran MAS. Saya sudah kata, saya sudah cakap Tuan Pengerusi dengan Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Sumber Manusia, supaya pengurusan MAS ini, Khazanah kena memainkan peranan. Budak itu belum lagi dihukum, bukan budak bapak budak, 57 tahun.

Belum lagi dihukum sudah cuci tangan dibuang. Orang itu tidak dapat hendak bela diri, 60 hari di bawah seksyen 20 dikena fail. Sekarang dia hendak fail macam mana. Duduk dalam lokap dekat Perancis dan kementerian kena beritahu tunjuk ajar kepada pengurusan MAS ini jangan biadab sangat, jadi bodoh tidak tentu arah itu fasal apa... [*Disampuk*] Selama 60 hari itu dia tidak ada dekat sini, Tuan Pengerusi. Kementerian bangkit dan pastikan bahawa pembelaan terhadap semua pekerja dalam negara ini tidak kira siapa mereka, kalau mereka wajib dibela, kena bela.

Jangan tunduk ditambah ini, GLC apa benda Khazanah ini, yang ambil alih MAS ini, campur tangan. Mana yang tidak betul kita di pengurusan MAS kita pecat, CEO tambah lagi setahun. Pengurusan Sumber Manusia ambil lagi pekerja-pekerja suku sakat dia. Jadi saya cadangkan kementerian supaya ambil kes pekerja MAS ini supaya negara kita ini berbangga mempunyai kerajaan yang berhati mulia. Terima kasih Tuan Pengerusi... [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Gudang.

**4.58 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyebut Butiran 040000 – Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Ada beberapa perkara Tuan Pengerusi yang ingin saya sebut di sini iaitu Butiran 040300 – Pemeriksaan Berkanun. Sekarang ini melalui SOCSO iaitu kesihatan pekerjaan dibenarkan untuk setiap pekerja dihantar ke *medical check-up* tahunan.

Permasalahannya begini, ini akan dibenarkan selagi pekerja itu bekerja di sesebuah syarikat. Apa yang ingin saya tekankan di sini adalah kesan-kesan sampingan apabila pekerja ini sudah berhenti. Antaranya kerana kesan pekerjaan di kilang-kilang asbestos sebagai contoh, di kilang mengecat, penggunaan *liquor* dan kesan juga *caseinogens* dalam bahan-bahan mereka dan *fiber glass*.

Kadang-kadang kesan-kesan ini tidak dapat dikesan dengan awal dan kita ada beberapa ramai pekerja mereka hanya mendapat kesan daripada pekerjaan mereka ini, sakit daripada pekerjaan mereka ini, setelah mereka bersara daripada pekerjaan mereka. Akan tetapi SOCSO tidak lagi melindungi mereka dan akhirnya mereka ini tidak mendapat tuntutan pencen ilat yang sepatutnya mereka dapat. Ini kerana melalui SOCSO selepas 36 bulan, mereka tidak layak lagi untuk menuntut pencen tersebut.

Jadi mintalah pihak kementerian mengkaji perkara ini. Saya bersetuju bahawa SOCSO adalah sebuah institusi menjaga pekerjaan kesihatan pekerja untuk sama ada mereka sedang bekerja, pergi kerja, balik kerja dan juga semasa mereka selepas kerja. Ini kena ambil kira. Jangan bila mereka sampai kepada umur persaraan, semuanya dihentikan.

■1700

Seterusnya tentang saya hendak menyebut tentang pentadbiran Butiran 05000 - Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan. Ini di bawah tajuk Butiran 050100, saya juga ingin menyentuh tentang pekerja perhotelan. Saya sudah beberapa kali menyebut sistem bayaran upah di perhotelan ini, cara pengiraannya yang dimaksudkan adalah seperti selain daripada gaji pokok yang rendah, mereka ada *service charge* dan beberapa perkara yang boleh diambil kira oleh majikan sebagai sebahagian daripada gaji yang akhirnya menyebabkan pekerja ini menerima gaji yang rendah dengan waktu kerja yang panjang.

Jadi, dimintalah pihak Kementerian Sumber Manusia menimbang perkara ini kerana kita kasihan kepada anak-anak tempatan kita. Ini kerana di hotel-hotel sekarang, saya rasa semua pun bersetuju kita pergi ke hotel, boleh dikira anak-anak tempatan yang bekerja. Kebanyakannya dipenuhi, kerja-kerja senang tetapi dipenuhi dengan warga-warga asing. Jadi satu kawalan standard perburuhan seperti juga Akta Sekatan Pekerja 1966 ini harus dilihat secara teliti. Untuk tujuan itu, saya juga ingin mencadangkan di bawah tajuk ini supaya Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan dari segi mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing.

Kalau dulu kita mintalah lihat perkara ini dengan teliti, jangan kita asyik berpindah undang-undang. Sekejap macam ini, sekejap macam itu. Kita balik kepada satu undang-undang di mana kalau hal perburuhan, Kementerian Sumber Manusia mesti jaga kerana mereka sepatutnya lebih rapat dengan industri dan dia lebih mengetahui apa yang diperlukan di dalam industri itu. Ini kerana di bawah Kementerian Dalam Negeri, keadaannya agak tidak tersusun dengan hanya persetujuan kecil sahaja, mereka boleh mendapat jumlah yang agak tinggi bagi menggaji pekerja-pekerja asing.

Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing kita di bawah tajuk Butiran 080400 ini, saya juga ingin meminta pihak kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia melihat perkara ini dengan teliti. Setelah dihentikan program-program di bawah KDN sebagai contoh, kita sudah memang tahu yang berdaftar ini berjuta-juta, yang tidak berdaftar kita tidak tahu jutanya berapa pekerja asing. Akan tetapi keadaan ini sangat membimbangkan kerana lambakan mereka ini, akhirnya menjadikan warga tempatan kita kurang peluang pekerjaan. Sebagai contoh di peluang perniagaan. Mereka sudah mula memonopoli di kawasan-kawasan tertentu untuk meniaga. Jadi kita kena semak jika ada majikan yang menyalah gunakan kelulusan yang diberikan, mereka sepatutnya terus ditamatkan dan tidak diberi lagi kelonggaran untuk mendapat pekerja asing.

Saya yang terakhir Tuan Pengerusi, sikit saja. Saya hendak minta juga dilihat tentang seksyen 20 Akta Mahkamah Perusahaan ini di bawah Keharmonian Perhubungan Perusahaan – Butiran 030000 di mana bila pekerja ini untuk dan juga pindaan yang bakal dilakukan oleh sumber manusia kepada Akta Perburuhan, *Employment Act 1959*, dengan izin, supaya melihat dengan teliti sekarang ini dia hanya *cover* RM2,000 ke bawah, yang *discover* oleh akta ini. Jadi kita mohon di naikkanlah, sekurang-kurangnya mengikut kepada garis panduan BR1M. Garis panduan mereka yang layak menerima BR1M juga patut dilindungi di bawah akta *Employment Act 1959* ini. Itu saja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**5.04 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Assalamualaikum*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya mohon untuk berbahas mengenai Butiran 030000 - Keharmonian Perhubungan Perusahaan dan secara spesifiknya kepada Butiran 030200 - Perhubungan Perusahaan. Saya hanya akan memfokuskan Tuan Pengerusi kepada isu berkaitan dengan pekerja-pekerja George Kent yang telah datang jumpa saya dan meminta supaya dibangkitkan dalam Parlimen ini. Ia berhubung tindakan baru-baru ini berlakunya piket daripada pihak pekerja yang membantah terhadap tindakan kerajaan, tindakan *company*, syarikat untuk *review* balik perjanjian *collective* itu, perjanjian bersama di mana ada cadangan-cadangan dikemukakan itu secara jelas telah tidak memihak kepada kepentingan pekerja.

Sebagai contoh Tuan Pengerusi iaitu berkaitan dengan isu bonus. Syarikat telah mencadangkan supaya bonus yang di dalam perjanjian bersama itu adalah dua bulan gaji. Akan tetapi baru-baru ini syarikat mencadangkan supaya dikurangkan bonus tahunan itu iaitu dengan

mengurangkan bonus daripada dua bulan gaji itu. Bonus dua bulan gaji itu adalah bonus yang bersifat *contractual* dan mereka telah berjuang, pekerja-pekerja berjuang lebih kurang 30 tahun, untuk tempoh 30 tahun untuk dapatkan dua bulan gaji ini. Jadi tidak semena-mena dalam keadaan kos kenaikan, kos sara hidup makin tinggi, tiba-tiba bonus ini ingin dikurangkan.

Seterusnya, syarikat juga tidak mahu *adjust* dan perbaiki kadar maksimum seluruh skala gaji dan ini akan menyebabkan penafian kenaikan gaji lebih kurang 50% para pekerja George Kent ini. Saya melihat pekerja-pekerja ini adalah mereka yang memang bukan orang kaya dan mereka ini memang dalam keadaan tertekan dengan *proposal* daripada syarikat ini, yang baru ini. Ramai yang tidak dapat kenaikan gaji untuk enam tahun yang lepas ini, mereka tidak dapat apa-apa kenaikan gaji. Oleh sebab itulah mereka minta supaya kadar maksima hendaklah ditetapkan berdasarkan norma-norma industri.

Seterusnya mereka juga tidak berpuas hati dengan isu kenaikan gaji tahunan di mana syarikat mencadangkan untuk melenyapkan sekali, *to remove* kenaikan gaji tahunan, sebaliknya ia ditukar dengan satu penyelarasan berdasarkan CPI atau *consumer price index* pada kadar 2% minimum dan 3% maksimumnya. Ini adalah satu pengurangan yang begitu drastik daripada apa yang telah ditetapkan dalam perjanjian bersama.

Seterusnya Tuan Pengerusi mengenai penyelarasan gaji. Syarikat telah mencadangkan untuk kenaikan 5% saja kepada pekerja yang di bawah kadar maksima dan ini lebih rendah daripada CPI untuk tiga tahun yang lepas. Jadi, pekerja mencadangkan penyelarasan mestilah diberi pada semua pekerja termasuk yang melepasi kadar maksimum. Jadi cadangan setelah dibincangkan, mereka telah mencadangkan supaya syarikat kekalkan kadar bonus itu yang terdapat dalam perjanjian usaha sama itu, perjanjian bersama itu selama dua bulan. Ini perjanjian yang telah saya kata tadi, *has been fought for 30 years*.

Seterusnya skala gaji, semua kadar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes, yes boleh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini untuk dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Sepang. Baru-baru ini telah diumumkan bahawa satu majlis pengampunan untuk pekerja-pekerja KTMB. Dalam majlis itu dipanggil Majlis Keampunan. Saya sedih kerana Majlis Pengampunan ini Yang Berhormat Sepang, seolah-olah macam kita minta pengampunan sedangkan mereka dibuang kerana mereka berpiket. Jadi isu sekarang ialah saya minta supaya kementerian untuk menasihatkan pengurusan KTMB supaya jangan taruk 'Majlis Pengampunan'. Ini seolah-olah menghina pekerja-pekerja KTMB. Saya mohon supaya ianya dipanggil 'Majlis Penyelesaian Terbaik'. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih pada sahabat saya. Saya bersetuju sebab piket ini adalah satu hak yang dijamin dalam akta-akta yang berkaitan dalam pekerjaan ini, ia ada satu yang dijamin dan sepatutnya apabila adanya berlaku piket ini, maka

diambil tindakan dan sebagainya. Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh rakan saya tadi.

Saya teruskan tadi berkaitan dengan tadi kata gaji tadi iaitu bonus minta supaya kerajaan supaya dapat campur tangan supaya mengekalkan dua bulan gaji yang ada berdasarkan *collective agreement* itu.

■1710

Saya rasa tidak ada masalah dalam perkara ini kerana Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini berdasarkan laporan *NST*, bertarikh 31 Januari 2014, berdasarkan penyata tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014. Kita lihat Syarikat George Kent ini telah merekodkan 41.7% keuntungan bersih meningkat kepada RM36.2 juta. Dalam keadaan mereka mengaut keuntungan yang begitu besar di mana *year on year rise in revenue* ialah sebanyak RM506.3 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014. Saya hendak *code* apa yang dikatakan oleh Tan Sri Tan Kay Hock Pengerusi Syarikat George Kent ini.

Dia mengatakan, "*George Kent received shareholder's approval for one bonus share for every three existing shares held for RM75 million new ordinary shares during the EGM, bringing the total paid-up shares to RM304 million from RM225.3 million shares. The group has a strong balance sheet with a nett cash of RM200 million out of RM225 million shares.*"

Dalam keadaan kedudukan kewangan mereka begitu kukuh tiba-tiba hendak beri bonus pada pekerja pun syarikat ini nampaknya tidak mengambil kira keringat yang telah ditunjukkan oleh pekerja. Saya difahamkan pekerja-pekerja yang di Puchong itu yang telah terlibat dalam syarikat itu, ada yang 30 tahun dan ada yang 35 tahun, itu adalah ibarat *foundation* kepada George Kent sebab di situlah asalnya syarikat itu ditubuhkan yang membuat meter air ini.

Syarikat inilah - *company* di Puchong inilah sebagai ia punya asas *business* ini. Jadi sudah tentu mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ataupun kemajuan syarikat. Apatah lagi baru-baru ini dilaporkan George Kent ini terpilih salah satu syarikat di Malaysia ini termasuk dalam kategori *Ford 2004-2014, Asia under RM1 billion*. Maknanya satu syarikat yang telah dipilih sebagai satu syarikat yang kukuh kewangannya. Jadi saya harap syarikat ini tidak memandang ringan terhadap kebajikan pekerja. Saya harap pihak kerajaan ataupun pihak Menteri supaya dapat campur tangan dalam hal ini supaya kebajikan pekerja, perlindungan kepada pekerja ini mesti diambil berat.

Seterusnya isu tentang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey saya hendak habiskan ini. Tentang kenaikan gaji. Pihak pekerja minta supaya kadar kenaikan gaji yang terdapat dalam perjanjian kolektif hendaklah dikekalkan. Kadar permulaan minimum, syarikat telah selaraskan kadar permulaan minimum untuk *lowest gred* sebanyak RM200. Oleh itu, kadar minimum untuk semua gred haruslah juga diselaraskan sebanyak RM200, bukan hanya untuk golongan tertentu.

Seterusnya isu penyelarasan gaji. Semua pekerja diberi 8% penyelarasan gaji berdasarkan tangga gaji mereka sekarang. Mereka harap ianya dikira bermula pada 31 Mac 2014. Seterusnya sedikit sahaja Tuan Pengerusi, pekerja juga membangkitkan isu sekarang ini seolah-olah ada satu diskriminasi pekerja asing dengan pekerja tempatan. Di mana di George Kent dilaporkan bahawa ada 40% pekerja George Kent adalah pekerja dari tenaga asing.

Untuk beberapa bulan yang lepas ini mereka menyatakan syarikat hanya beri kebenaran kepada pekerja asing sahaja untuk dapatkan kerja *overtime*. Maknanya dapat pendapatan yang lebih. Semua pekerja- mungkin ini kerana pekerja-pekerja ini telah mengadakan piket. Jadi kita takut dan kluatir akibat mereka melaksanakan hak mereka berpiket itu sebagai hukuman mereka telah pun dinafikan hak untuk bekerja ataupun dapatkan *overtime*.

Jadi saya harap syarikat perlu diberikan peringatan dan saya harap Menteri boleh campur tangan. Saya ingin bertanya kepada Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tutup ini. Saya hendak tanya kepada Menteri, wujudkah kuota pekerja asing di mana-mana syarikat? Maknanya adakah kuota tertentu hanya pekerja asing ini berapa yang syarikat boleh ambil? Kalau ada, apakah kuota tersebut? Jika tidak ada, saya mengharapkan kerajaan boleh menimbangkan supaya mana-mana pekerja swasta ini mesti ada had untuk mereka mengambil pekerja asing sebab kita risau jika tidak ada kuota itu pekerja dengan mudah- pekerja asing akan diambil dan mungkin akan jadi hamba kepada syarikat sebab mereka dapat gaji yang lebih rendah dan sekali gus menafikan hak pekerja-pekerja *local*. Apatah lagi pekerja-pekerja yang telah lama berjasa kepada syarikat. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

**5.15 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010600. Walaupun sama telah dibincangkan dengan secara meluas iaitu berkenaan dengan paras gaji minimum tetapi persoalan saya di sini ialah mengenai dengan sekiranya pekerja ingin membuat aduan. Kadang-kadang mereka tersepit kerana takut di diskriminasi ataupun ditindas dan sebagainya juga yang paling parah dibuang kerja. Jadi mereka takut tidak dapat kerja lain, jadi mereka terpaksa tidak membuat aduan. Jadi persoalan saya, apakah jaminan di pihak kerajaan dalam memberi perlindungan kepada mereka yang ingin tampil membuat aduan berhubung dengan majikan yang gagal membayar gaji minimum? Saya juga ingin tahu mengenai langkah kerajaan dalam mendidik warga pekerja ini terutama di syarikat swasta untuk mengetahui hak mereka serta tampil membuat aduan dan sebagainya.

Kedua, berhubung dengan Butiran 050100 iaitu Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Ini berkenaan dengan penipuan di pihak majikan dalam menyediakan slip gaji dan sebagainya. Kadang-kadang pihak pekerja juga bersetuju ini adalah merugikan sama sekali kerana kita tahu KWSP ini untuk bekalan hari tua dan sebagainya. Persoalan saya ialah apakah sebenarnya

hukuman yang dikenakan atau tindakan dibuat oleh pihak kerajaan terhadap majikan yang tidak mahu mencarum dalam jumlah yang sepatutnya? Gaji yang tinggi tetapi dijadikan gaji yang rendah dengan cara memansuhkan pengisytiharan gaji pekerja-pekerja.

Akhirnya ialah Butiran 080400 - Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing. Walaupun telah diperbincangkan secara meluas, saya ingin tahu berkenaan sama ada pihak kementerian setakat bila maknanya memerlukan pekerja asing ini dan kebergantungan kepada pekerja asing? Ini kerana kalau kita lihat pekerja asing yang berdaftar di Malaysia setakat ini melebihi 1.3 juta orang. Ramai sekali, jadi seolah-olah pekerja tempatan kita dianaktirikan. Persoalan kedua sama ada pihak kerajaan juga bercadang untuk menaikkan tangga gaji kepada pekerja tempatan dalam memberi minat kepada mereka untuk menceburi bidang pekerjaan yang kasar iaitu sebagai buruh kasar. Itu sahaja dan saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya beri DAP Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat Klang.

**5.19 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkit beberapa isu berkait dengan Butiran 080400, B.46. Baru-baru ini Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa angka ataupun *number* pekerja asing adalah lebih kurang 6.7 juta orang.

■1720

Akan tetapi ada juga pandangan-pandangan lain yang menyatakan bahawa jumlah sebenarnya adalah lebih kurang 10 juta orang. Kebanyakan daripada mereka iaitu lebih kurang 4 juta boleh dikatakan adalah kategori *undocumented*. Saya ingin hendak minta pandangan kementerian, bagaimana sejumlah besar ini masih tinggal di Malaysia dan masih bekerja di Malaysia. Kehadiran satu kumpulan yang sangat besar ini akan memberi tekanan yang besar bagi gaji pekerja di Malaysia.

Keadaan ini akan mengakibatkan apa yang dipanggil *race to the bottom*. Apakah cadangan kerajaan untuk *regulate race to the bottom* ini? *Race to the bottom* ini mungkin diakibatkan oleh kerana tidak ada kawalan terhadap pengambilan pekerja migran dari luar negara, pekerja yang baru. Adakah ini sebab terlalu banyak permit diberikan kepada firma-firma *outsourcing* untuk membawa pekerja-pekerja dari luar negeri?

Isu yang berkait ialah eksploitasi pekerja atau penindasan pekerja asing bila mereka datang ke Malaysia. Baru-baru ini di Kulai, pekerja asing telah mogok oleh kerana penindasan terhadap mereka. Kita juga mendapati bahawa kematian pekerja asing semasa dalam tahanan, *death in custody*. Kita juga dapati banyak kematian semasa bekerja di rumah, *domestic maid*, khususnya pekerja asing dari *Cambodia*. Soalan saya ialah bagaimanakah penindasan terhadap pekerja asing boleh diatasi.

Pada pandangan saya, satu cara ialah untuk muktamadkan *ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of Migrant Workers*. Perbincangan ini telah bermula atau pun perundingan ini telah bermula pada tahun 2007 tetapi hingga sekarang iaitu tujuh tahun selepas, masih belum dimuktamadkan lagi. Saya diberitahu bahawa penghalang yang besar ialah Kerajaan Malaysia tidak hendak memuktamadkan *declaration* ini. So, saya ingin tahu, apakah dasar kerajaan sekarang dan adakah kerajaan akan *continue* untuk menjadi *barrier* untuk *conclude ASEAN declaration* ini?

Soalan yang berkait Tuan Pengerusi, *last issue* yang saya hendak bangkitkan ialah berkait dengan insurans atau *social security* untuk pemandu teksi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Minta penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli Parlimen Klang. Saya hanya hendak minta sedikit pandangan daripada Ahli Parlimen Klang kerana tentang rusuhan di Kulai Jaya. Kalau menurut satu jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia, memang syarikat itu telah didapati bahawa telah buat potongan gaji yang tidak sah di bawah seksyen 24, Akta Kerja.

Akan tetapi syarikat setakat ini hanya dikompaun. Tidak ada sesiapa pun yang dibawa ke mahkamah. Jadi, dalam pandangan Ahli Parlimen Klang, adakah ini adil dan sama ada kita perlu satu tindakan yang lebih keras daripada kerajaan supaya memastikan bahawa pekerja-pekerja asing ini tidak akan didera oleh majikan mereka.

Selain daripada itu, saya juga ada satu perkara yang hendak minta pandangan dari Ahli Parlimen Klang kerana satu kajian yang dibuat oleh *Global Slavery Index 2014*, dengan izin, mendapati bahawa di antara lebih kurang 30 juta penduduk di Malaysia kita ada 48% iaitu lebih kurang 142,000 orang pekerja yang dianggap sebagai *slave* di Malaysia. Jadi, saya rasa kalau penduduk warganegara kita pun perlulah kerja dalam satu *condition*, situasi yang begitu teruk. Bagaimana kita hendak cakap hak asasi untuk pekerja-pekerja kita. Jadi, hendak mintalah pandangan daripada Ahli Parlimen Klang. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kulai, sebenarnya ada satu lagi laporan yang telah dibuat oleh satu organisasi sosial audit yang juga mengatakan bahawa *we have slaves* di Malaysia. Pekerja Malaysia adalah seperti hamba abdi, bekerja dalam satu keadaan hamba abdi. Mereka telah membuat beberapa cadangan untuk kerajaan supaya membuat sesuatu perubahan cara pengurusan *migrant workers* di Malaysia. Akan tetapi saya cadangkan sebenarnya kementerian menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai. Oleh sebab kerajaan *are the administrators of law and therefore, they are in a better position to answer the question*.

Isu yang saya hendak bangkit yang akhir sekali Tuan Pengerusi ialah berkait dengan insurans atau pun *social security* untuk pemandu-pemandu teksi. Beberapa bulan lalu, kementerian telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa satu skim *social security* akan diimplementasikan dalam masa yang singkat untuk kepentingan *drivers* atau pun pemandu-pemandu teksi. Saya hendak dapatkan penerangan atau pun pandangan kementerian, bila

skema ini akan dimulakan dan apakah butiran-butiran terperinci dalam skema ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**5.25 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Kepala B.46 040000 – Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Pekerja adalah aset kita, tiada pekerja, tiada *business*. Kalau ada pekerja, pekerja itu sakit, *business* pun jatuh. Kalau ada pekerja, pekerja itu seronok dan *happy*, pekerja itu sihat, maka dia dapat kerja dengan baik, maka majikan juga yang dapat untung.

Jadi, seorang majikan yang bijak sebenarnya adalah majikan yang jaga pekerjanya. Kalau majikan tidak jaga pekerjanya, makanya dia tidak berapa bijak. Kesihatan pekerjaan adalah penting terutama kesihatan fizikal, mental dan sosial. Jadi, kita lihat dengan negara kita yang sedang mengorak langkah menjadi negara maju, perindustrian menjadi perkara yang penting. Ada banyak pekerjaan yang boleh menyebabkan kesihatan pekerjaan yang buruk. Contohnya, orang-orang yang bekerja di lapangan terbang. Kebisingan yang kuat akan mengganggu pendengaran dan boleh menyebabkan seseorang itu jadi pekak. Kalau dia tidak ada alat pelindung atau kalau tidak dia menggunakan alat pelindung, maka jangka panjang kerosakan akan berlaku. Malah, ada yang akan jadi jangka pendek kerana kebisingan yang amat kuat.

Juga pekerja-pekerja contohnya yang bekerja di kilang yang menggunakan bahan-bahan kimia, maka kerosakan pada kulit akan berlaku. Kalau tidak ada pemantauan, tidak ada pemeriksaan yang rapi, tidak ada rawatan yang baik, maka pekerja-pekerja ini akan mengalami masalah di masa depan. Satu perkara lagi yang saya sering pernah tengok ialah pekerja-pekerja di estet. Pekerja-pekerja di estet menggunakan racun dan ada di antara mereka tidak menggunakan alat pelindung.

Kadang-kadang majikan tidak menyediakan alat pelindung tetapi ada kalanya majikan menyediakan alat pelindung tetapi pekerja sendiri yang tidak gunakan. Jadi, dia kata dia sudah kerja 20 tahun, 30 tahun tidak rasa apa-apa. Sambil dia meracun, sambil dia hisap rokok lagi. Benda ini pernah terjadi. Jadi, saya sarankan bahawa patut ada disiplin yang tinggi, kesedaran yang tinggi. Justeru itu, majikan-majikan patut mengadakan ceramah-ceramah kesedaran supaya dapat mengingatkan tentang bahaya di tempat kerja, keselamatan di tempat kerja dan juga untuk keselamatan di masa depan.

Jadi, kita hendak tahulah apakah tindakan kepada pekerja-pekerja atau pun majikan-majikan yang engkar untuk mengikut peraturan-peraturan keselamatan ini. Kita sudah pasti dengan adanya kerjasama antara majikan dan pekerja-pekerja, maka mereka ini akan mendapat keselamatan dan dapat bekerja baik, dapat mencari rezeki dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah tentang pemeriksaan berkala, pemeriksaan kesihatan berkala yang diadakan. Saya ingat sudah beberapa tahun diadakan. Apakah

kesinambungan daripada pemeriksaan ini? Apakah kesan yang kita dapat hari ini? Adakah kerajaan telah dapat data atau pun butiran? Berapa orang yang sakit paru-paru, berapa orang yang sakit kulit, berapa orang yang ada sakit yang berhubung dengan pendengaran dan sebagainya yang berhubung dengan pekerjaan dan sebagainya? Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan atau adakah pemeriksaan ini hanya dilakukan tiap-tiap tahun, kemudian tidak ada apa-apa dilakukan? Apabila mereka ini sudah bersara, maka tidak ada lagi bantuan untuk mereka. Inilah yang jadi kepada pekerja-pekerja yang tidak dijaga sebenarnya. Habis manis, sepah dibuang.

Butiran seterusnya iaitu Bekalan 46, 050000 – Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan. Saya ingin bercakap tentang gaji tadi. Gaji minimum ini RM900. Ceritalah dekat saya, siapa yang rasa seronok dapat gaji minimum RM900? Itu pun setelah diberikan penangguhan selama satu tahun, kalau tidak silap saya. Daripada 1 Januari 2013 kepada 1 Januari 2014. Baru-baru ini saya lihat dalam surat khabar ada lagi majikan yang kena denda. Kena RM10,000, mungkin kena penjara dan ada lagi majikan-majikan yang tidak mahu bayar RM900. RM900 ini majikan rugikah atau majikan ini tamak sahaja dan mendera orang supaya dapat RM900, sebab RM900 tidak seronok pun.

■1730

Malah sekarang ini dalam suasana kos kehidupan makin meningkat, saya berpendapat naikkan RM1,200 dengan kesedaran yang kita ada kerana kalau pekerja tidak dijaga, majikan juga yang akan rugi akhirnya. Jadi saya difahamkan ada penyelarasan pada hujung tahun ini, apa kerajaan akan buat kepada majikan-majikan yang masih lagi tidak mahu mengikut peraturan? Adakah pekerja-pekerja hari ini berani tampil ke depan? Adakah pekerja-pekerja akan dilindungi? Adakah pekerja-pekerja berani menyaman majikan mereka kerana tidak mengikut peraturan ini? Kalau ada pekerja-pekerja yang begini, adakah kerajaan akan melindungi masa depan mereka.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, saya berpendapat tidak adil tangga gaji, skim gaji yang sama untuk pekerja tempatan dan pekerja asing. Pekerja asing dia datang sini, dia hantar duit balik tempat dia. Kalau tempat dia mata wang lebih rendah maka dia hantar duit yang banyak dan di sini juga dia disediakan rumah, disediakan tempat tinggal dan sebagainya. Walaupun duduk ramai-ramai tetapi dia tidak pernah bayar sewa rumah umpamanya. Sedangkan pekerja tempatan terpaksa membayar segala-galanya. Jadi, patutlah saya berpendapat diasingkan skim gaji untuk pekerja tempatan dan pekerja luar negeri.

Saya berharap kerajaan mengambil tindakan ini kerana negara kita hendak menjadi negara maju, kita cakap tentang negara maju berpendapatan tinggi tetapi mereka-mereka yang jauh di bawah ini kita sedang bincang untuk dapat RM900, RM900 saya rasa tidak cukup, sekurang-kurangnya RM1,200. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**5.31 ptg.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu, membahaskan isu bagi Butiran 010000 – Pengurusan Kementerian dan juga Butiran 010700 – Hal Ehwal Antarabangsa.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, tahun 2012 *US Labor Department* telah memberi *commission* satu NGO dinamakan *Varitay* untuk membuat satu *survey* atau *study* tentang buruh paksaan di Malaysia. Pada tahun ini, September 2014 *Verité* telah mengumumkan laporan mereka yang dipanggil *Forced Labor in the Production of Electronic Goods in Malaysia* atau *Buruh Paksa Dalam Sektor Pengeluaran Barangan Elektronik Di Malaysia*. Laporan ini agak membimbangkan kerana mengikut laporan ini ada lebih kurang 28% pekerja yang di sektor *E&E or Electronic and Electrical* yang dikategorikan sebagai buruh paksaan.

Kalau kita bandingkan statistik, mengikut laporan daripada kementerian, lebih kurang 700,000 pekerja asing yang berdaftar bekerja di sektor E&E. Maka kalau kita kata 28%, ia bersamaan dengan 196,000 pekerja dalam kategori buruh paksaan. Ini adalah satu yang memeranjatkan dan cukup membimbangkan. Di dalam laporan tersebut, antara yang dinyatakan adalah kategori buruh paksaan bermaksud:

- (i) *recruitment fee charging and indebtedness comply workers to work* atau 'keberhutangan' memaksa pekerja bekerja keras;
- (ii) *deceptive recruitment* atau *recruitment* yang berbentuk penipuan;
- (iii) *passport retention* atau majikan menahan pasport pekerja asing;
- (iv) tempat tinggal yang teruk; dan
- (v) pekerja asing susah berhenti kerja sebelum kontrak tamat.

Jadi ini adalah kategori yang dilaporkan dan kita tahu bahawa sekarang *US Labour Department* sedang membuat keputusan untuk meletakkan Malaysia ke dalam senarai hitam iaitu *International Ranking on Forced Labour*. Kalau Malaysia diletakkan dalam senarai hitam tersebut maka Malaysia akan mengalami sesetengah *sanction*. Keputusan ini adalah kurang daripada satu minggu dari sekarang iaitu 1 Disember 2014. Jadi, kita cuma ada enam hari sahaja dari hari ini untuk memberi *feedback* kepada *US Labour Department*. Ini adalah perkara yang cukup serius dan *very pressing issues*. Kalau Malaysia diletakkan dalam *International Ranking on Forced Labour* maka syarikat-syarikat Amerika Syarikat dilarang berniaga dengan kilang-kilang elektronik di Malaysia.

Kedua, pelaburan asing FDI akan menjunam. Ketiga, eksport ke US dan *Europe* akan terjejas kerana *labour practices* mereka lebih ketat.

Ekoran daripada itu, kita mungkin akan mengalami pengangguran yang banyak atau kilang-kilang terpaksa berpindah ke tempat lain. Jadi *in short*, secara rumusan, ini adalah *single biggest threat to the survival for electronic and electrical sector* di Malaysia, dengan izin. Maka saya telah membangkitkan isu ini di dalam perbahasan MITI tetapi ia macam bola, ia ditendang ke Kementerian Sumber Manusia. Saya rasa ini adalah satu isu yang serius, yang harus

dibincangkan dan diambil tindakan. Bukan sahaja MITI tetapi juga Kementerian Sumber Manusia. Jadi, saya terpaksa membangkitkan isu ini sekali lagi di sini.

Malaysia tidak boleh atau *cannot afford* disenaraihitamkan kerana ia melibatkan RM236.8 bilion eksport E&E, ini tahun lepas atau bersamaan dengan 33% total eksport Malaysia. Jutaan pekerja Malaysia baik rakyat Malaysia atau warga asing akan terjejas, ia terlibat dalam sektor E&E. Kalau warga asing sudah mencapai 700,000 pekerja dalam *E&E sector*, maka warga Malaysia lagi ramai, mungkin mencapai dua juta atau tiga juta orang.

Jadi ini adalah sesuatu yang – saya bukan kata semua laporan Verité ini benar, mungkin ada kebanyakannya silap atau *not reflecting the reality on the ground*. Walau bagaimanapun, kita ada kambing-kambing hitam yang perlu tindakan daripada Kementerian Sumber Manusia, takkan semua baik sahaja, tidak ada penindasan terhadap pekerja.

Saya sendiri daripada Bayan Baru, kawasan saya banyak kilang-kilang elektronik, ada banyak rungutan. Pekerja Malaysia pun ditindas, masalah pekerja asing lebih serius. Jadi apa yang kita boleh buat, kita ada akta-akta yang mencukupi, akta-akta pekerja yang komprehensif. Saya menyeru Kementerian Sumber Manusia jalankan tindakan, *enforcement* terhadap kilang-kilang, pekerja atau ejen-ejen pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab. *Set the high standard*, jangan kita tutup semua masalah tetapi kalau kita ikut undang-undang, *enforce law, set the high standard*, maka tidak ada orang lain boleh membuat *study* dan *expose problem* yang berlaku di Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Jadi, saya minta kementerian bagi maklum balas kepada *US Labour Department* sebelum 1 Disember. Saya minta Menteri jawab soalan ini, bila boleh bagi? Ini soalan spesifik ya. Bila Menteri akan jawab laporan Verité ini? Bagi satu *timeline* kerana *time is running out*.

Kedua, bekerjasama dengan *American Malaysian Chamber of Commerce* (AMCHAM) untuk mengeluarkan *counter report*, buat satu laporan yang lain, *counter accusation*. Menjalankan tindakan *enforcement* terhadap agen-agen atau majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab. *Commit* terhadap *best practices* dalam piagam pekerja supaya Malaysia boleh mencapai satu tahap yang bagus dan kita pun harus kurangkan pekerja-pekerja asing dan memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan.

Akhir sekali, kalau boleh biarkanlah *electronics and electrical sector* untuk menubuhkan *labour union*. Jadi kalau ada *labour union*, ia akan *protect the workers right*. Jadi, ia akan kurangkan masalah-masalah pekerja paksaan sekali gus *reform the issue* dan kita tidak akan terjejas satu sektor yang begitu penting. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

■1740

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, sebelum jam 6.00 Yang Berhormat Menteri menjawab. Cukuplah satu jam setengah perbahasan. Saya kira tadi ada sepuluh orang bangun tapi sudah bertambah Yang Berhormat. Saya bagi Yang

Berhormat Jasin selepas itu Yang Berhormat Kota Raja, kemudian Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang lain itu minta maaf Yang Berhormat.

#### 5.41 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang untuk membahaskan tentang B.46 Kepala 010700, 070200, 00600. Saya ringkas sahaja Tuan Pengerusi.

Pertamanya Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang mensasarkan tahun 2020 menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Pada ketika ini kita dapat lihat bahawa gaji-gaji pekerja hanyalah merupakan sebanyak 33% sahaja daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP). Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah sebenarnya usaha-usaha yang bakal dibuat oleh kerajaan bagi memastikan sasaran kita supaya pekerja-pekerja mendapat sekurang-kurangnya 40% seperti yang disasarkan daripada KDNK kita.

keduanya, Malaysia sekarang pada ketika ini menjadi tuan rumah untuk perbincangan ASEAN ataupun *ASEAN Economic Council* (AEC). Pada ketika tersebut apabila AEC akan dilaksanakan tahun 2015 akan kita dapat lihat kemasukan bukan sahaja barangan bahkan tenaga-tenaga kerja biasa dan juga mahir. Maka apakah sebenarnya langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan supaya hak rakyat Malaysia semua akan sentiasa terjamin dan bukan sahaja peluang-peluang pekerjaan ini akan terus terbuka kepada mereka yang datang daripada luar.

Seterusnya saya pergi kepada KWSP. Satu instrumen yang cukup terbaik sekali KWSP merupakan satu agensi yang paling kaya sekali. Pungutan mereka lebih kurang RM5 bilion satu bulan dan RM2 bilion daripadanya adalah untuk dilaburkan disimpan. Kita dapati lebih kurang 20% wang yang disimpan oleh KWSP dilaburkan keluar negara bagi mendapatkan pulangan supaya pekerja-pekerja akan mendapat pulangan yang paling terbaik sekali. Jadi soalan saya, apakah usaha KWSP supaya semua pelaburan mereka akan dibuat hanya dalam negara supaya memastikan bukan sahaja jaminan bahkan kita juga mahu menyokong apa juga usaha bagi membangunkan ekonomi dalaman.

Akhirnya saya pergi kepada diskriminasi. Pada ketika ini Tuan Pengerusi, kita dapat lihat saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap diskriminasi yang berleluasa yang berlaku di sektor swasta. Ini sebenarnya tidak seiring kalau ia dilaksanakan maka hasrat murni kerajaan untuk melonjakkan pendapatan minimum gaji-gaji pekerja hanya akan dapat dinikmati oleh satu golongan sahaja. Saya ingin melaporkan tentang satu laporan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan tentang satu perkara yang benar-benar tidak seimbang bukan sahaja tentang pengambilan pekerja-pekerja swasta di antara kaum bahkan pendapatan mereka juga tidak setara.

Jadi saya berharap semoga ada satu *engagement* yang benar-benar bersepadu di antara kerajaan dan juga semua majikan dalam usaha kita untuk memastikan satu keadilan benar-benar dapat ditegakkan dan bukan hanya akan dapat dirasakan faedahnya oleh satu kaum sahaja.

Saya tidak dapat berikan peratusan dan angka-angka sebenar pengisian kerana menghormati masa. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kota Raja.

**5.44 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh Butiran 04000 – Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan (PERKESO). Saya agak kadang-kadang tertanya-tanya juga tentang konsistensi di dalam pembayaran sama ada Pencen Ilat ataupun untuk masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja. Saya pernah bertemu dengan kes di mana seorang pesakit kanser yang menjalani kemoterapi telah ditolak permohonannya untuk Pencen Ilat. Sementara itu seorang pesakit buah pinggang kronik yang menjalani dialisis menerima Pencen Ilat. Kalau di dalam sektor kerajaan atau awam, seorang yang berpenyakit kanser dirawat dan selepas itu dia dapat cuti tanpa gaji kadang-kadang sehingga ke dua tahun bergantung tetapi di sektor swasta adalah mustahil mereka untuk mendapat cuti bergaji daripada majikan mereka. Jadi kadang-kadang kumpulan ini agak kira terdesak kerana bila pohon Pencen Ilat tidak dapat kerana mereka tidak mengalami penyakit ataupun ilat kekal.

Jadi saya fikir ada perkara yang kita perlu tengok semula dari segi dasar dan juga mengenai konsistensi di dalam pembayaran. Kita lihat setengah ada kes yang kita terkejut dia ada dapat Pencen Ilat. Kita tanya sakit apa dahulu saya sakit belakang buat *operation* dan masa itu saya tidak boleh kerja. Saya dibantu oleh doktor untuk mendapat Pencen Ilat. api kes lain pula yang sakit belakang serupa tidak boleh kerja tapi tidak dapat Pencen Ilat. Jadi bila tanya dengan PERKESO, PERKESO akan jawab kami hanya mengambil apa yang telah diluluskan oleh jemaah doktor. Kalau jemaah doktor kata boleh kami bayar, kalau jemaah doktor kata tidak boleh maka kami tidak boleh memberi Pencen Ilat itu.

Jadi definisi keputusan untuk mengatakan seseorang itu sudah tidak boleh bekerja agaknya berlainan daripada satu jemaah doktor dan jemaah doktor yang lain. Ada pesakit atau ada pekerja yang mengatakan agaknya Yang Berhormat kalau kita pergi situ kalau tidak duduk atas *wheelchair*, tidak tunjuk letih, tidak tunjuk ini kita tidak dapat. Kalau kita boleh cakap membela diri kita tidak dapat. Serupa juga dengan pekerja yang mengalami misalnya diabetes **mellitus**. Penyakit kencing manis kaki terpaksa dipotong. Sementara itu mereka tidak berpendapatan dan kemudian bila mereka memohon Pencen Ilat mereka dikatakan mereka masih lagi bekerja. Apa kerja yang mereka boleh buat? Majikan mana yang akan ambil mereka? Kalau mereka biasa bekerja sebagai *security guard* (pengawal keselamatan) dengan kaki satu dan belum ada kaki palsu dan terpaksa menjalani pemulihan dan sebagainya mereka tidak dapat Pencen Ilat.

Jadi saya harap pihak PERKESO dapat mengkaji semula perkara-perkara ini kerana saya rasa ketidakadilan di sini sedangkan PERKESO mempunyai lebih daripada 5.71 juta pencarum setiap bulan dan mengutip lebih kurang RM1,754 juta setiap bulan dan hanya membayar lebih

kurang RM1,469 juta sebagai pampasan ataupun sebagai faedah. Jadi sementara dana yang PERKESO ada sekarang RM22,778 juta lebih yang ada. Jadi maknanya di sini caruman bulanan dikutip itu sudah cukup untuk membayar faedah. Kenapakah kita terlalu berkira, terlalu *straight* dengan pekerja-pekerja ini sedangkan mereka ini berpendapatan tidak tinggi. Kurang daripada RM3,000.

Kalau saya hendak sebut lagi tadi disebut juga oleh sahabat-sahabat saya mengenai penyakit yang bermula sebelum mereka ambil pencen dan kemudian *manifestfully* selepas pencen. Contoh saya bagi seorang pekerja datang kepada saya dia hanya dapat buta kedua belah matanya selepas dia pencen akibat penyakit glaukoma. Penyakit glaukoma adalah satu penyakit *slow on set blindness* yang disebabkan peningkatan tekanan *intraocular* yang bermula bertahun-tahun sebelum dia bekerja tetapi akhirnya bila dia tidak dapat lihat sepenuhnya dia terpaksa bawa ke mahkamah dan mahkamah tidak memberi apa-apa faedah kepadanya kerana tidak layak kerana penyakit itu hanya dikesan selepas dia pencen.

#### ■1750

Jadi perkara-perkara ini saya harap dapat kita kaji kerana mereka ini tidak ada insurans lain sedangkan ini adalah program takaful. Daripada berjuta-juta orang yang mencarum itu, hanya berapa peratus sahaja yang mungkin memerlukan. Ia adalah satu skim untuk tolong-menolong di antara pekerja. Jadi saya tidak tahu bilakah kali akhir dasar dan juga pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta PERKESO ini dan saya harap inilah masanya kita melihat semula dan sebenarnya banyak lagi penyakit yang perlu *review*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Satu lagi sahaja. Seperkara lagi, pekerja persendirian. Untuk pekerja persendirian, dia tidak ada majikan tetapi saya kira untuk pekerja persendirian yang tidak ada KWSP, yang tidak ada pencen, maka tabung ini juga dibuka kepada pekerja persendirian yang sanggup membayar caruman setiap bulan jumlah tertentu supaya mereka juga sekiranya menemui kecelakaan semasa mereka bekerja mencari nafkah, juga ada tempat untuk mereka dapat sedikit faedah. Tambahan sekarang ini dengan kos kehidupan yang begitu tinggi dan mereka tidak ada pencen.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 080400 – Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing. Sahabat-sahabat saya tadi banyak sudah menyebut ini, saya cuma ingin menyebut satu perkara. Di mana tanggungjawab majikan bila mereka mengambil pekerja asing di dalam memberi penginapan kepada pekerja asing? Adakah satu garis panduan bahawa satu rumah itu berapa orang boleh tinggal ataupun disumbatkan berpuluh-puluh orang di dalam satu rumah? Ini berlaku di dalam kawasan-kawasan kita ini di mana kita ada banyak kawasan kilang. Satu rumah mungkin 20 orang dan *toilet*nya ataupun tandasnya hanya satu.

Daripada pekerja-pekerja PBT dan juga daripada pekerja-pekerja kontrak, mereka menceritakan perkara-perkara yang apa mereka jumpa dalam beg-beg plastik apabila mereka *clear* atau mengutip sampah, di situ letaknya najis kadang-kadang kerana kalau kita boleh bayangkan satu rumah 20 orang, tandasnya satu, nak pergi kerja pukul 7 pagi, tandas tak

mencukupi. Maka mereka mengambil jalan *shortcut* atau jalan pendek, buang sahaja dekat mana-mana, campak sahaja di dalam tong sampah.

Jadi perkara-perkara ini mungkin boleh kita ketawakan tetapi ini adalah satu bentuk penindasan kerana kita membayar gaji yang rendah. Kita tak nak bayar gaji yang tinggi kepada pekerja-pekerja tempatan, kita bayar gaji yang rendah kepada mereka dan mereka ini tidak-saya tak tahu sama ada mereka menerima taklimat-taklimat *the do's and the don'ts* setelah sampai ke Malaysia. Pekerja-pekerja Vietnam misalnya suka berlonggok di kawasan-kawasan di taman, minum-minum tempat terbuka dan polis tidak dapat mengawal kesemua ini. Seharusnya mereka ini diberi juga pendidikan supaya ada perkara yang mereka tidak boleh lakukan di negara kita ini.

Seterusnya ada satu lagi tentang pengambilan pekerja asing. Saya juga mendapat maklumat bahawa agensi-agensi yang membawa masuk pekerja asing ini yang akhirnya pekerja ini tidak bekerja dengan majikan-majikan seperti yang dia ambil itu tetapi mereka dilepas bebas di dalam masyarakat maka sekarang ini ramai di antara mereka yang bekerja membuka atau bekerja untuk orang tempatan basuh kereta, potong rumput. Semua ini adalah kerja yang boleh dilakukan oleh orang tempatan. Kalau kita tengok tempat cuci kereta ini, lima enam orang mereka boleh buat kerja sedangkan kita tanya awak kerja masuk macam mana. Oh saya ada masuk melalui kontrak. Habis, kenapa tak kerja dengan ini? Oh, sudah tak ada kerja sana, kita boleh kerja sini. Jadi di mana pengawalannya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya satu lagi Tuan Pengerusi ialah mengenai pembantu rumah. Akhir sekali. Pembantu rumah saya tahu tak masuk di bawah Kementerian Sumber Manusia ini tetapi kita harus sama memikirkan kerana sampai sekarang ini pun orang tempatan tak mahu bekerja sebagai pembantu rumah tetapi orang luar ramai dan satu cara kita nak kawal, ramai di antara mereka yang bekerja dengan orang-orang rakyat kita sebagai pembantu rumah, mereka masuk sebagai pelawat ataupun mereka masuk sebagai pekerja kontrak dan akhirnya mereka lepas bebas untuk bekerja.

Saya ingat Kementerian Sumber Manusia perlu berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mempermudah orang tempatan untuk mengambil pekerja-pekerja wanita ini sekiranya mereka sanggup menjadi pembantu rumah daripada mengambil melalui agensi yang sekurang-kurangnya RM10,000. Nak suruh mereka balik dahulu, masuk kemudian, ini semua akan meningkatkan kos. Jadi inilah cadangan saya kepada Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam tapi saya terpaksa panggil Yang Berhormat Sekijang selepas ini untuk mengimbangi bilangan antara Barisan Nasional dengan Pakatan untuk kementerian ini.

**5.55 ptg.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang ini kepada Bukit Mertajam. Saya ingin merujuk kepada butiran 010500 – Dasar Sumber Manusia, 010600 – Dasar Perburuhan, 010800 – *Institute of Labor Market Information and Analysis* dan 080400 – Dasar Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing.

Tuan Pengerusi, di sini saya hanya ada dua isu untuk diketengahkan iaitu pertama, anak muda dan pekerjaan dan kedua, kelestarian hidup warga emas selepas bersara.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, anak muda merupakan 62.8% daripada tenaga kerja kita pada hari ini, namun pada masa kini dari segi pekerjaan, anak muda menghadapi dua masalah besar. Satu, pengangguran ataupun *unemployment*. Walaupun Menteri Ekonomi pernah kata bahawa kadar pengangguran di negara kita adalah rendah (3.4%) namun pengangguran anak muda amat tinggi iaitu 10.4%. Dalam jawapan Menteri Sumber Manusia kepada saya pada 12 November yang lalu, beliau kata pengangguran anak muda di Malaysia 10.4% ini boleh dianggap normal.

Akan tetapi beliau juga memberikan perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain seperti Singapura, 7% dan Thailand 3.4%. Jadi jika 10.4% itu normal, mengapa negara-negara jiran kita yang bersempadan dengan kita, Singapura dan Thailand boleh mempunyai kadar pengangguran anak muda yang jauh lebih rendah. Jadi, saya ingin tanya kepada kerajaan dan saya juga ingin ambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Menteri, mungkin boleh berikan secara bertulis, apakah kadar pengangguran mengikut (umur, jantina, kaum dan negeri) bagi tenaga kerja di Malaysia.

Keduanya, masalah kedua anak muda di Malaysia ialah guna tenaga tidak penuh ataupun *underemployment* dan saya berharap kementerian juga boleh memberikan statistik guna tenaga tidak penuh iaitu umur, jantina, kaum dan negeri, tetapi di sini saya ingin katakan bahawa masalah *underemployment* ini bukan sahaja terhad kepada definisi *formal* oleh kementerian iaitu mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan boleh bekerja lebih daripada itu tetapi kita juga kena lihat kualiti penggajian. Contohnya ada pekerjaan tetapi gajinya rendah ataupun bekerja di jawatan yang tidak sepadan dengan kelayakan, keadaan kerja yang tidak kondusif dan lain-lain lagi.

Contohnya jawapan kerajaan kepada saya dalam Dewan ini pada tahun lepas menyatakan bahawa 21% daripada graduan kita bekerja di jawatan yang tidak memerlukan sebarang ijazah. Jadi ini merupakan salah satu contoh saya rasa fenomena guna tenaga yang tidak penuh dalam takrifan yang lebih meluas. Dari segi gaji, walaupun Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah Malaysia 2013 keluaran bulan Ogos ini menyatakan bahawa purata gaji bulanan pekerja di Malaysia adalah lebih kurang RM2,000 – RM2,052 dan penengah ataupun medium gaji adalah RM1,500 sebulan tetapi majoriti besarnya anak muda ataupun tenaga kerja belia iaitu 67% tenaga kerja belia di Malaysia mempunyai gaji RM1,000 dan ke bawah dan 21% daripada tenaga kerja belia di Malaysia bergaji antara RM1,000 hingga RM1,500 sahaja.

Ini bermakna Tuan Pengerusi, 99% tenaga kerja belia di Malaysia kita bergaji kurang daripada RM3,000 sebulan dan jika kita ikut paras garis kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Pakatan Rakyat di Selangor iaitu RM1,500 sebulan, maka 88% pekerja belia kita boleh ditakrifkan sebagai miskin. Tadi Timbalan Menteri Belia dan Sukan ada menyoal tentang kesahihan data-data ini tetapi data ini diperoleh sendiri daripada Menteri Sumber Manusia sendiri pada minggu lepas dalam soalan Parlimen.

■1800

Jadi jika ini tidak benar maka Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kena jawab dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

Ini apa makna semua ini? Ini bermakna, sistem pendidikan kita gagal untuk menyediakan para belia untuk pekerjaan. Bukan sahaja sistem pendidikan, malah sistem latihan, kemahiran, sistem latihan semula yang ada di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan, semuanya gagal menyediakan anak muda kita untuk memasuki pasaran pekerjaan.

Jika mereka ada kerja pun, gajinya rendah, keadaan kerjanya yang tidak baik, jadi apa gunanya, Ini saya rasa, pandangan ini tentang sistem pendidikan dipersetujui oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir sendiri baru-baru ini.

Kerajaan perlu sedar bahawa kedua-dua isu *unemployment* dan *underemployment* anak muda, bukan sahaja masalah masa kini semata-mata. Mengikut satu artikel daripada *The Economist* pada September 2011, bertajuk "*The Jobless Young Left Behind*". Kajian daripada Amerika Syarikat dan UK mendapati bahawa pengangguran anak muda semasa mereka berumur awal 20-an akan meninggalkan parut gaji atau pun *wage scar* yang akan memberikan kesan kepada kualiti pengajian mereka ataupun pekerjaan mereka sehingga umur 30-an.

Ini bermakna kualiti pendidikan, kualiti latihan dan pekerjaan anak muda pada hari ini amat penting, sebab kesannya akan terasa sehingga 10 tahun kemudiannya. Jika kerajaan masih tidak melaksanakan rombakan secara radikal terutamanya terhadap sistem pendidikan negara kita, maka anak muda kita dan secara tidak langsung ekonomi negara kita akan menghadapi kesan yang buruk dalam dekad yang akan datang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ya. Keduanya, saya ingin bangkitkan isu kelestarian hidup warga emas. Pada minggu lepas Timbalan Menteri Kewangan dalam jawapan beliau kepada pertanyaan lisan saya mengatakan bahawa, mengakui bahawa simpanan KWSP majoriti pencarum adalah amat rendah. So saya tidak ingin bangkitkan statistik. Saya rasa semua sudah sedia maklum. Timbalan Menteri Kewangan juga memberikan saranan kepada para pekerja terutamanya ahli-ahli KWSP untuk mencontohi amalan pekerja di negara maju iaitu terus bekerja untuk meningkatkan ekonomi keluarga dan negara selepas mencapai umur persaraan.

Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk menyarankan kerajaan terutamanya Kementerian Sumber Manusia agar seperti saranan Timbalan Menteri kewangan, supaya kerajaan sendiri mencontohi amalan kerajaan di negara maju dan mewujudkan satu perlindungan kepada pesara yang ingin memasuki semula ke pasaran kerja. Tanpa perlindungan formal,

warga emas ataupun pesara yang memasuki pasaran kerja, akan menghadapi pelbagai cabaran seperti diskriminasi atas faktor umur walaupun mereka masih boleh berkhidmat, penindasan dari segi gaji dan lain-lain faedah pekerjaan.

Sebagai satu langkah menangani kelestarian hidup warga emas selepas bersara serta masalah penuaan populasi atau *aging population*, saya menyarankan agar Kementerian membentangkan satu akta baru melindungi dan mempermudah penggajian semula ataupun *reemployment* pesara. Perkara yang patut dipertimbangkan dalam perundangan baru ini termasuklah pemudahcaraan, pengambilan semula para pesara, latihan bagi kemasukan semula para pesara ke pasaran kerja, syarat-syarat pengambilan semula, hak-hak pekerja, pasca persaraan yang diselaraskan bersesuaian dengan umur mereka sebagai warga emas dan lain-lain lagi. Di sini saya ingin menyarankan supaya model yang boleh diambil sebagai panduan, bukan ikut semua tetapi sebagai panduan adalah *Retirement and Reemployment Act of Singapore*. Jadi saya rasa *last* sekali, akhir sekali...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, setakat itulah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Akhir sekali, *just* berkaitan dengan dua isu ini, anak muda, pekerjaan anak muda dan warga emas. Saya rasa perkara paling asas telah disebut oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini ialah kebergantungan kita kepada tenaga kerja asing. Sektor perkhidmatan terutamanya dan sektor pembuatan sebenarnya mampu menyerap anak muda dan pekerja pasca persaraan. Akan tetapi mereka kini bergantung pada tenaga kerja asing. Jadi saya menggesa agar kerajaan boleh merangka satu *roadmap* untuk membantu industri, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja kurang mahir ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sekijang.

#### 6.04 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tak banyak, dua perkara sahaja. Butiran 060000, berkaitan dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran sebanyak RM15 juta.

Kita sedia maklum yang tabung ini memang mendapat perhatian rakan-rakan terutamanya pelajar-pelajar yang mengambil bidang berkaitan dengan kemahiran untuk mendapatkan pinjaman. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah tambahan lagi bajet untuk Tabung Pembangunan Kemahiran ini supaya ia kalau tidak pun setara dengan PTPTN, sekurang-kurangnya ia mampu menampung perbelanjaan untuk pelajar-pelajar ini untuk memohon Perbadanan Tabung Pembangunan berkaitan dengan kemahiran.

Kemudian yang kedua untuk Butiran 030300 iaitu Mahkamah Perusahaan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, bagaimanakah pemantauan dibuat jika ada kes yang berlaku. Contohnya, baru-baru ini di Parlimen saya ada kes sebuah kilang berlaku pergaduhan

antara pemilik. Di mana yang menjadi mangsanya adalah pekerja-pekerja yang diabaikan kebajikan dan apabila perkara itu berlaku, mereka ini telah mengadu kepada pejabat buruh dan akhirnya, mereka tidak dapat sebarang kebajikan oleh sebab syarikat tersebut dikatakan telah tutup dan bankrap dengan sepenuhnya.

Jadi bagaimanakah Kementerian memantau kilang-kilang kecil ini terutamanya kilang-kilang swasta yang berada di dalam negara kita ini yang rata-ratanya mengambil kesempatan, tidak boleh hendak berniaga, tidak boleh hendak meneruskan operasi, tutup dan membiarkan pekerja-pekerja mereka ini tanpa sebarang usaha untuk melihat kebajikan-kebajikan mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**6.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Parlimen yang cukup berminat tentang isu di Kementerian Sumber Manusia ini. Saya kira 14 orang Ahli Parlimen membahaskan isu di bawah kementerian ini.

Saya tengok Tuan Pengerusi, macam peluru bagi saya. Macam Yang Berhormat Kuala Selangor pula macam peluru mengerjakan saya. Akan tetapi tidak apa Tuan Pengerusi, mereka merupakan pejuang masyarakat dan pejuang para pekerja di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya bagi pertama ialah Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Seorang Ahli:** Tak ada.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tidak ada? Jawab bertulis? Oh, *sorry*, dia tidak jawab. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat menimbulkan beberapa isu tentang Kementerian Sumber Manusia. Pertama ialah tentang sebuah institusi pendidikan ataupun institusi latihan swasta iaitu ILP Arumugam Pillai, Nibong Tebal. Untuk makluman Yang Berhormat, enrolmen pelajar India di ILP Arumugam Pillai, Nibong Tebal ialah 107 orang berbanding 388 jumlah keseluruhan bagi tahun 2014 iaitu 27.5%. Usaha meningkatkan pelajar India akan diteruskan. Bajet Mengurus bagi ILP ini ialah RM7 juta setahun, bajet pembangunannya adalah RM3 juta setahun. Terima kasih banyak Yang Berhormat atas keprihatinan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, Tuan Pengerusi. Terima kasih, dengan izin. Saya perlu mengingatkan semua bahawa Aku Janji itu yang dibuat pada tahun 1999 tidak diikuti. Itu saya khuatir kerana ini ialah harta warisan masyarakat India, di mana kerajaan telah mengambil alih tanah tersebut dan memberi Aku Janji. Jadi *they did not fulfill it*, sampai sudah 15 tahun. Lagi satu adalah dalam *administration, lecturers* dan sebagainya, *majority should be Indian*. Apa yang dibuat, itu yang Aku Janji diberi. Jadi bolehkah Yang Berhormat terangkan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat, tak apa, saya akan tengok kes ini, isu ini dan kalau boleh kita akan menjawab secara bertulis Yang Berhormat ya, sebab kita dapatkan *detail* daripada Aku Janji itu sendiri dan jawapan-jawapan yang tepat untuk kita berikan kepada Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat? Okey, terima kasih.

Saya Tuan Pengerusi, saya tidak akan jawab secara *detail*. Saya bagi *point* sebab ada sesetengah ada yang berlapis-lapis. Kedua ialah tentang SOCSO ini. SOCSO yang ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Sebenarnya untuk maklumat Yang Berhormat, SOCSO ini adalah satu organisasi yang cukup hebat dalam membantu pekerja-pekerja di negara kita ini. Bagi tahun 2012 sahaja, SOCSO telah mengeluarkan perbelanjaan lebih daripada RM2 bilion untuk menanggung pembiayaan pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan dan berbagai-bagai. Kalau saya hendak huraikan terlalu panjang Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Mungkin saya boleh berikan kemudian secara bertulis.

■1810

Bagi tahun 2013, SOCSO telah mengeluarkan dan membelanjakan lebih RM2.2 bilion termasuk pelbagai kemalangan yang berlaku kepada pekerja-pekerja kita. Sebenarnya dakwaan yang dibuat oleh sebahagian Yang Berhormat adalah tidak tepat. SOCSO adalah satu badan ataupun di bawah kementerian kita yang cukup prihatin. Bukan sahaja pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan di tempat kerja dan sebagainya, bahkan pekerja-pekerja OKU pun setelah mereka menjadi OKU, kita ada juga skim untuk kita membantu mereka iaitu kita panggil *returns to work*, mengembalikan mereka yang telah menjadi OKU untuk bekerja semula.

Jadi saya ingat Yang Berhormat, tidak tepat kalau kita katakan bahawa SOCSO ini adalah satu badan yang mengeksploitasi ataupun menindas pekerja dan sebagainya. Jadi, saya harap Yang Berhormat kena melihat apa yang sebenarnya yang berlaku dan yang dilakukan oleh SOCSO ataupun PERKESO ini dan cukup memberikan faedah yang besar. Andai kata berlaku aduan-aduan, saya juga menerima Yang Berhormat aduan-aduan daripada penerima-penerima faedah SOCSO ini. Pencen Ilat, mereka tidak puas hati dan sebagainya. Ini saya ingat daripada segi SOCSO banyak ditimbulkan oleh boleh kata sebahagian besar daripada Ahli-ahli Parlimen sendiri. Jadi mungkin yang lain kalau ada belakang mungkin kalau tidak perlu, saya tidak perlu jawab. Saya kira isunya lebih kurang sama.

Kalau ada, sila maklumat kepada kita dan kalau boleh laporkan kepada saya. *Insyallah* kita akan membantu apa yang sepatutnya boleh kita bantu. Keputusan yang dibuat terhadap apa-apa kepada pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan ialah ditentukan oleh panel doktor kita. Kalau kita tidak percaya kepada panel, siapakah lagi kita hendak percaya? Jadi pada saya, doktor atau panel doktor ini tidak harus melakukan sesuatu yang boleh menindas pekerja. Begitu juga bagi pekerja seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kalau perlu hendak mendapatkan faedah daripada SOCSO, kita perlu naik kerusi roda, itu satu penipuan bagi saya. Begitu juga pekerja dan majikan, panel doktor tidak boleh melakukan seperti ini.

Tuan Pengerusi, ...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, sebenarnya apa yang saya hendak sebut di sini ialah tidak konsisten antara satu jemaah rayuan ataupun jemaah doktor dengan jemaah doktor yang lain. Ada orang penyakit yang sama, *problem* yang sama boleh dapat pencen ilat, ada orang tidak dapat. Maknanya tidak ada penyelarasan ataupun doktor-doktor itu - Doktor itu bukanlah maksudnya mereka itu tidak boleh buat silap. Jadi kadang-kadang sampai ke rayuan tidak dapat lagi, sedangkan pekerja ini tidak boleh bekerja. Kita tidak merasa apa yang mereka rasai. Cuba kita bayangkan satu kaki tidak ada, hendak pergi jadi *security guard*? Tidak ada Pencen Ilat kerana katanya boleh dibaik pulih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya faham maksud Yang Berhormat, tetapi itulah saya susah hendak menjawab secara lisan. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi kerajaan bahkan kementerian tidak mahu perkara seperti ini berlaku. Sepatutnya panel doktor tidak seharusnya melakukan perkara seperti ini, apatah lagi pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan tidak seharusnya melakukan sesuatu yang juga boleh menipu panel doktor untuk membolehkan mereka mendapat faedah daripada SOCSO ini.

Satu perkara ialah yang ditimbulkan juga kenapa pegawai-pegawai SOCSO tidak dipilih dari Sabah dan Sarawak. Pada kita Tuan Pengerusi, tidak berlaku perkara seperti ini. Sudah menjadi saya ingat dasar kerajaan ataupun di mana-mana sahaja, kita tidak mahu sebuah negeri itu diterajui oleh rakyat dari negeri itu sahaja. Paling penting ialah bagaimana kita adakan pertukaran, orang Sabah boleh bekerja di Semenanjung, orang Semenanjung bekerja di Sabah, orang Sarawak dan sebagainya. Ini ialah proses biasa dalam pertukaran dan sebagainya. Pada saya tidak ada masalah, tidak ada timbul isu mendiskriminasikan pekerja-pekerja dari Sabah, Sarawak dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, daripada Yang Berhormat Ipoh Barat juga iaitu isu pekerja pemandu lori di Mahkamah Buruh berkenaan dengan kontrak sebagai pekerja ataupun tidak. Kes-kes di Mahkamah Buruh melibatkan tuntutan berbentuk wang ringgit yang termaktub dalam Akta Kerja 1955, Akta 625 atau disebut dalam Kontrak Pekerjaan. Jika kes dirayu di Mahkamah Tinggi, maka ia adalah prosedur kehakiman dan keadilan di negara. Isu Yang Berhormat Ipoh Barat lebih kepada isu definisi kontrak pekerjaan, *contract for service* atau kontrak untuk pekerjaan, *contract for service* sama ada pekerja ataupun kontraktor. Saya ingat ini Yang Berhormat, isu-isu mahkamah ini saya tidak hendak hurai dengan terlalu panjang dan kita serahkan kepada keputusan mahkamah.

Tuan Pengerusi ...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit. Sebenarnya apa yang saya maksudkan di sana, pekerja-pekerja pembawa lori itu sebenarnya pekerja tetapi hakikat majikan adalah menandatangani satu *contract for service* dan sebagainya untuk mengelakkan kena bayar SOCSO dan EPF. Jadi maksud saya adalah supaya kementerian dapat pergi menyiasat perkara-

perkara macam ini. Ini kerana ramai di antara pekerja-pekerja lori, pemandu-pemandu lori melaporkan kepada kita bahawa ini adalah masalah yang mereka hadapi. Saya harap kementerian dapat mengetahui perkara tersebut dan ambil perhatian, juga ambil tindakan untuk menolong mereka. Cari jalan supaya mereka dapat manfaat dalam PERKESO dan sebagainya. *That is my intention.*

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. *Insyallah* saya akan ambil perhatian kementerian.

Satu lagi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ialah kedudukan pengerusi mahkamah iaitu Yang Amat Mulia Yang Arif Tuan Frederic Nicholas. Beliau telah dipindahkan dari Mahkamah Perusahaan Ipoh ke Mahkamah Perusahaan Pulau Pinang untuk memberi lebih pendedahan beliau kepada kes-kes pertikaian perusahaan, Pulau Pinang banyak kes pertikaian yang melibatkan perusahaan. Jadi oleh sebab kepakaran kemahirannya, maka kita berikan dia peluang untuk dia mengembangkan ilmu pengetahuan, kemahiran dia dalam bidang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Lagi satu perkara yang saya bangkitkan ialah mengenai adalah pengerusi, di mana kekosongan *has not been filled out*. Kita semua tahu mereka ini *specialize* dalam *security of tenure* iaitu dalam untuk menentukan adakah seseorang pekerja itu dengan majikan, dia ada hak untuk menjadi, dipanggil sebagai pekerja dan sebagainya. Dia yang menentukan *security of tenure* iaitu pengerusi. Akan tetapi dia sendiri ada *security of tenure* kerana dia ada kontrak sahaja. Adakah kerajaan akan ingat, saya telah bangkitkan perkara ini banyak kali sebelum ini, 10 tahun. Banyak kali saya bangkitkan, kerajaan kata, Menteri, Timbalan Menteri mengatakan akan kaji, akan mengambil tindakan kerana *it does not make sense* apabila dia yang menentukan, Pengerusi Mahkamah Perusahaan menentukan *security of tenure*, tetapi dia sendiri tidak *security of tenure*. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat Ipoh Barat, berkenaan dengan isu pengerusi mahkamah ini, kita ada empat orang pengerusi yang telah tamat kontrak pada 31 Ogos 2014. Walau bagaimanapun atas pengalaman mereka, atas kebolehan mereka, kerajaan telah bersetuju kontrak empat orang pengerusi tersebut telah diluluskan oleh SPA untuk diambil semula. Saya ingat tiga orang daripadanya tidak silap saya disambung lebih kurang dua tahun tidak silap saya Yang Berhormat saya beritahu ini dan seorang lagi mungkin tidak sampai kerana umurnya telah melebihi. Jadi saya kira dengan adanya pengerusi-pengerusi Mahkamah Perusahaan yang berpengalaman ini, apa Yang Berhormat sebutkan tadi akan dapat kita cari penyelesaian. Terima kasih banyak.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya hendak balik ke isu pemandu lori yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya harap kementerian boleh tubuhkan satu *task force* untuk kaji isu ini kerana

selain daripada *situation contract for labor* di mana mereka dianggap sebagai *labor*, ada juga syarikat di mana mereka dianggap dan ditafsirkan sebagai pekerja tetapi gaji *basic*nya adalah rendah dan *the main income* adalah daripada komisen. Akan tetapi semua KWSP dan PERKESO didasarkan kepada gaji *basic* yang begitu rendah dan juga mereka tidak dapat *overtime*, mereka tidak dapat *overnight allowance*.

■1820

Akan tetapi KWSP dan PERKESO semua berdasarkan kepada gaji *basic* yang begitu rendah. Mereka juga tidak dapat *over time*, mereka tidak dapat *overnight allowance*. Mereka ada banyak, berpuluh-puluh ribu orang pemandu lori ada masalah. So, saya harap kita boleh buat *task force*, kaji situasi mereka, tengok adakah mereka dapat perlindungan yang harus mereka dapat dalam *Employment Act*? Akan tetapi sekarang nampaknya mereka tidak dapat. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat saya ambil pandangan Yang Berhormat sebagai satu pandangan yang baik dan kita akan bawa dalam kementerian.

Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat Ipoh Barat sudah habis rasanya. Kita pergi kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Beberapa isu ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, saya ucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Kuala Selangor atas isu yang ditimbulkan. Pertama ialah - saya mungkin dari segi susunannya Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor boleh betulkan nanti. Tentang pekerja asing, pekerja asing ini banyak ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari pelbagai kawasan. Sesetengahnya, ada menyatakan 6 juta orang, ada yang menyatakan 4 juta orang, ada 2 juta orang dan sebagainya.

Bagi kita, mungkin - kita ada Jawatankuasa Khas Pelarasan, pekerja asing di bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Jawatankuasa Khas Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin. Rekod yang kita ada di bawah JCS, di bawah kementerian ialah lebih kurang 2 juta orang. Jadi saya tidak tahu bagaimana 6 juta orang itu diperoleh sebab ini tidak boleh saya hendak katakan yang setepatnya.

Sudah tentu bagi kita, kita serius. Saya melihat kehadiran pekerja asing ini adalah satu beban yang cukup besar kepada negara kita. Bukan sahaja seperti mana yang disebutkan oleh sebahagian Yang Berhormat tadi, dari segi jenayah, dari segi penyakit dan sebagainya. Bahkan mereka mengambil peluang pekerjaan yang sepatutnya diisi oleh anak-anak muda kita di negara ini. Oleh sebab itulah bagi kita...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Bagi saya kita amat serius untuk melihat supaya kadar pekerja asing ini dikurangkan. Walaupun mereka, kita masih memerlukan mereka tetapi tidaklah sebegitu banyak saya kira, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi jumlah mengikut rekod jawatankuasa itu ialah pekerja asing dalam negara kita adalah lebih kurang 2 juta orang. Boleh saya dapat penjelasan sama ada jumlah 2 juta orang yang disebut itu adalah termasuk pekerja asing yang tidak didokumentasikan *because* ada dua kategori. Satu yang di dokumentasi, yang di mana ada pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan secara rasmi oleh Jabatan Imigresen. Ada yang tidak ada dokumentasi tetapi masuk dalam negara kita dan kerja.

Jadi sebab ikut rekod yang ada dalam buku ini juga Jabatan Imigresen Tuan Pengerusi, pada tahun 2013 telah dikeluarkan 1.38 juta pas untuk kerja. Tahun 2014, jumlah di sini ialah - ini anggaran, 1.45 juta pas dan tahun depan dianggarkan 1.55 juta pas akan dikeluarkan. Jadi maksud saya ialah - soalan saya tadi, saya harap boleh dapat pengesahan 2 juta orang ini adalah yang mana? ini kerana jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan beberapa Yang Berhormat tadi, kita dengar jumlah 6 juta orang, 7 juta orang dan juga 10 juta orang ini adalah termasuk semua iaitu yang didokumentasikan dan juga yang tidak didokumentasikan. Minta penjelasan, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Saya sebutkan tadi sebenarnya kementerian kita, kita mengambil pekerja asing berasaskan *Job Clearance System* (JCS), dengan izin. Maknanya setiap majikan yang memohon pekerja asing, dia akan kemukakan permohonan mereka. Katalah majikan A, dia perlukan di perladangan umpamanya ataupun di *construction*, pembinaan. Dia mohon mungkin 1,000 orang pekerja. Sekarang ini kita buat *online system*. Kita ada *online* dan mereka terpaksa mengemukakan kepada kita dokumen-dokumen yang sebenarnya mereka perlukan pekerja.

Andai kata kita melihat kepada pembinaan projek yang akan dilaksanakan sebenarnya tidak perlukan 1,000 orang, mungkin 500 orang. Maka berdasarkan JCS ini, kita akan luluskan sekadar itu sahaja. Jadi sebab itulah data yang ada pada kita ialah berasas kepada *Job Clearance System* ataupun permohonan pekerja asing yang dimohon oleh majikan-majikan yang kita sudah tapis berasaskan keperluan, yang dibuat kajian, dibuat semakan dan pemeriksaan oleh pegawai-pegawai kita di bawah, baru kita keluarkan.

Jadi yang lain ini Tuan Pengerusi, saya tidak sepatutnya, saya tidak mahu keluarkan *statement* berapa juta. Akan tetapi itulah bagaimana kita menentukan kadar ataupun jumlah pekerja mengikut sistem yang kita ada.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Yang Berhormat, jumlah ini adalah - Tuan Pengerusi, jumlah ini adalah sangat penting. Kita perlu tahu, Dewan ini perlu tahu secara tepat. Mengikut data oleh Jabatan Imigresen, dalam tahun 2013, 2014 dan tahun depan, mereka akan keluarkan 4.5 juta pas untuk kerja. Itu ialah yang didokumentasikan. Jadi kita belum dapat satu gambaran yang jelas dan saya rasa Kementerian Sumber Manusia pun perlu ada maklumat yang jelas tentang kedudukan jumlah pekerja asing yang bekerja di negara ini, tetapi tanpa

dokumentasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab itu? Adakah angka atau statistik itu di dalam pengetahuan kementerian atau tidak?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi, kita kena *refer* baliklah pada jawatankuasa. Kita ada Jawatankuasa Khas tentang menangani pekerja asing dan pendatang tanpa izin ini sebab saya tidak ada komen dari segi kementerian walaupun kita bersama dengan Kementerian Dalam Negeri yang paling rapat hubungan, tetapi kita hendak supaya penyelarasan itu ada. Seperti mana yang saya sebutkan tadi itu asas yang kita buat.

Apabila permohonan pekerja asing dimohon, maka kita akan proses melalui *Job Clearance System* (JCS). Kita ada lebih kurang 14 buah negara sumber yang membekalkan pekerja di negara kita ini, Tuan Pengerusi. Sehingga kini seperti yang saya sebutkan tadi, *two point something*, 2 juta orang lebih kurang. Jadi saya ingat kita beralih ke tajuk lain Yang Berhormat. Kita akan buat pelarasan.

Yang Berhormat Kuala Selangor ada juga menyentuh tentang azam kerja dan karnival pekerjaan. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebenarnya - inilah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi bahawa anak muda adalah modal kita pada masa hadapan. Mereka cukup penting kepada negara. Kalau mereka ini tidak diberi kerja, sudah tentulah suatu yang boleh berlaku kepada negara kita. Oleh sebab itulah bagi saya dasar kita amat jelas.

Kita hendak berikan penekanan peluang pekerjaan yang terbaik untuk anak-anak muda kita. Oleh sebab itulah bagi kementerian kita dan kementerian-kementerian lain, kita ada lebih kurang lima, enam atau tujuh buah kementerian yang secara bersama merancang termasuk Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya bagaimana kita hendak mengisi ruang-ruang kosong ini? Bagaimana kita hendak mengambil ruang-ruang yang telah pun diisi oleh pekerja asing untuk kita mengisi dengan anak-anak muda kita?

Jadi saya berharap bukan sahaja pihak kerajaan, bukan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Belia dan Sukan dan sebagainya tetapi seluruh kita harus bersama-sama berjuang memberikan kesedaran kepada anak muda. Rebutlah peluang yang ada. Kalau orang lain boleh bekerja di negara kita, kenapa anak muda kita tidak boleh bekerja? Inilah kadang-kadang menimbulkan masalah pengangguran dan sebagainya.

Berhubung dengan azam kerja ini dan juga karnival pekerjaan, sehingga 24 Oktober 2014 sebanyak 100 karnival telah pun dijalankan dengan jumlah penempatan pekerjaan ataupun pekerja telah mendapat kerja pada masa itu sebanyak 22,361. Maknanya kita sudah buat berbagai-bagai cara dan kita pergi Yang Berhormat - Tuan Pengerusi, ke kampung-kampung, di Sabah, Sarawak di Semenanjung dan sebagainya.

Kalau dahulu kita pergi mencari kerja, hari ini kementerian, jabatan yang pergi ke kampung mencari pekerja membawa majikan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita ataupun lebih kurang 10.3% daripada jumlah 217,296 keseluruhan penempatan pekerjaan. Daripada jumlah 22,391 itu sebanyak 8,319 ialah siswazah. Daripada 12 aktiviti yang

kita laksanakan, saya ingat kalau kita hendak bercakap ini Tuan Pengerusi, panjang. Kita ada 12 aktiviti yang kita laksanakan, untuk bagaimana kita hendak menarik pekerja-pekerja, anak-anak muda ini untuk mencari kerja ataupun aktiviti 3P, ataupun aktiviti penempatan pekerjaan sebanyak 45,904 ialah siswazah daripada 217,296 orang berjaya ditempatkan ke alam pekerjaan. Terima kasih, itu dari segi karnival pekerjaan.

■1830

Tuan Pengerusi, fokus kepada orang miskin yang di dalam senarai eKasih juga kita beri melalui AZAM Kerja dan juga karnival pekerjaan ini. Setiap orang miskin ini akan dijemput dari rumah ke karnival-karnival pekerjaan untuk ditemu duga oleh syarikat-syarikat yang menyertai karnival. Mereka dijemput kerana mereka adalah orang miskin. Sampai tahap itu Yang Berhormat Kuala Selangor. Bagaimana usaha yang kita buat.

Sehingga Oktober 2014 seramai 3,262 orang telah berjaya ditempatkan pekerjaan di kalangan orang miskin. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Selangor, itu sahaja rasanya. Yang Berhormat Kuala Selangor ada? Tidak ada. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Langat.

Yang Berhormat Kuala Langat ini sahabat saya. Yang Berhormat Kuala Langat, saya hendak betulkan sedikit Yang Berhormat Kuala Langat. Kes kereta api ini Yang Berhormat Kuala Langat panggil apa? Dipanggil apa?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Majlis Keampunan— *sorry* Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Majlis Pengampunan?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Boleh mohon Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Majlis Perampunan. Definisinya itu seolah-olah macam menghina. Jadi, minta ia dipanggil 'Majlis Penyelesaian'. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Langat ini Tuan Pengerusi, dia memang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** ...Sebab itu saya ajak dia ke mari supaya bersama dengan saya memperjuangkan nasib pekerja ini. Dia ini jarang hendak kutuk-kutuk macam orang lain. Orang lain kadang-kadang kerajaan buat bagus sahaja dia kata tidak bagus tetapi dia ini...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tukar tempat, tukar tempat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak hendak tukar. Saya ajak sebelah saya. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, beberapa perkara ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat. Pekerja asing, saya ingat Yang Berhormat, saya rasa tidak payah

jawablah, sudah disebut panjang lebar. Kemudian pekerja asing, gaji minimum pun saya rasa sudah banyak Yang Berhormat, saya jawab.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, boleh? Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksud saya tadi ialah di bawah artikel yang dirujuk oleh gaji minimum ini yang bermaksud dalam panduan gaji minimum hotel. Dia kata *service charge* itu masuk dalam gaji pokok tetapi Timbalan Menteri kata dua hari yang sudah, tidak. Minggu lepas, Timbalan Menteri kata tidak.

Jadi, soalan saya ialah peraturan ini telah pun dimaktubkan di dalam 3(5) yang tidak membenarkan gaji *allowance* yang lain di kategori dalam kategori *service charge* itu dimasukkan ke gaji minimum. Itu yang saya pertikai Timbalan Menteri. Saya minta ianya diperbaiki di dalam Mesyuarat Akta Gaji Minimum ini yang baru ini akan dibuat dalam tahun depan. Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Dari segi prinsip, kalau elaun sudah dibayar kemudian kita *implement* gaji minimum, ia tidak boleh masuk dalam. Ia prinsip keseluruhan. Oleh sebab itulah kalau di majikan-majikan di mana pun, dia mesti bayar di Semenanjung ini RM900 dan RM800 di Sabah dan Sarawak dan juga Labuan.

Jadi, Perintah Gaji Minimum 2012 membenarkan elaun-elaun tertentu termasuk *service charge* diambil kira sebahagian gaji minimum. Oleh sebab itulah pokoknya di dalam Majlis Perundingan Gaji Negara ini, persetujuan antara pekerja dan majikan adalah cukup utama Yang Berhormat. Tertakluk kepada perundingan dengan pihak kesatuan atau pekerja. Maknanya, kalau pekerja itu bersetuju, jadi kita tidak ada masalah. Akan tetapi sepatutnya kita tidak mahu begitu. Ini kalau ikut Perintah Gaji Minimum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Kuala Langat dia bangun lagi. Saya percaya Yang Berhormat Kuala Langat cadangkan...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Bincang kemudian?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak. Cadangkan yang supaya pandangan Yang Berhormat Kuala Langat itu diambil kira. Itu sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak betulkan apa yang Timbalan Menteri cakap. 137 Hotel-hotel Union tidak bersetuju dan menentang keras *service charge* itu dimasukkan dalam gaji pokok, dikira gaji minimum. Oleh sebab itu dalam peraturan yang dibuat oleh Panduan Dasar Gaji Minimum Hotel 3(5) mengatakan, dengan izin, "*For the hotel sector where the service charge collection is implemented, the employer may convert all or part of the service charge means for distribution to the employer to form part of the minimum wage.*"

Oleh sebab itu kes di mahkamah yang berlaku atas kemenangan Hotel Union terhadap Hotel Crystal Crown yang merujuk kepada gaji minimum tidak boleh dimasukkan dalam *service charge* sebab *service charge* itu Yang Berhormat Timbalan Menteri dia pelbagai. Adanya hotel RM30 satu *point*. Ada yang RM200 satu *point*, bergantung kepada *star* yang dia ada Tuan Pengerusi.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan saya ialah peraturan di bawah Panduan Gaji Minimum 3(5) itu diperbetulkan, supaya tidak ada boleh 40 kes di bawah mahkamah itu berpandu kepada itu. Jadi, saya mohon kementerian supaya timbang semula bawah panduan gaji minimum ini. Terima kasih tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu yang saya sebut tadi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum ini kita ada 40 kes. Jadi, ini di dalam tindakan mahkamah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berikutnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat ialah keharmonian perusahaan dan juga kereta api itu apa dipanggil, saya lupa Yang Berhormat. Yang Berhormat. Keampunan?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya disiplin. Peraturan jaga ini. Saya cakap pun tengok muka Tuan Pengerusi. Dia isunya ialah Majlis Pengampunan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Majlis Pengampunan, kita tidak mahu Majlis Pengampunan seolah-olah macam kita bersalah. Kita hendak minta majlis penyelesaian terbaik daripada KTM dengan... Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kuala Langat. Saya tidak pernah dengar, baru ini saya dengar. Sebenarnya, yang *handle* kes kereta api ini saya, Tuan Pengerusi. Percayalah, dalam satu ke dua hari lagi kes KTM akan diselesaikan. Tidak ada pengampunan. Mana pula yang ampun? Raja yang ampun orang atau Tuhan minta ampun dengan Tuhan. Tidak ada. Saya ingat Yang Berhormat, saya tidak hendak *elaborate* panjang tentang kereta api ini. *Insyaa-Allah* tunggu dan lihat, kita akan selesaikan masalah kereta api ini.

Yang berikutnya ialah kes pramugara MAS. Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya berjumpa dengan keluarga kes ini. Saya tidak hendak komen banyak kerana saya tidak tahu secara *detailnya*. Cumanya Yang Berhormat persoalkan kenapa pramugara ini diberhentikan tanpa ada DI sebagainya ya. Siasatan dalaman. Saya ingat Yang Berhormat bagi saya lihat dan kita lihat dan jawab secara bertulis. Saya tidak mahu komen perkara ini. Kita tidak tahu *detail*. Mungkin akan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Kereta api selesai.

Bukit Besi ini, Yang Berhormat mengambil pekerja asing dan menamatkan pekerja tempatan. JTK tidak mendapat apa-apa aduan berhubungan dengan isu ini. Saya ingat Yang Berhormat, tolong minta, beri kepada kita. Kita akan buat siasatan. Saya tidak mahu melihat

adanya diskriminasi antara pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing. Di kawasan Bukit Besi ini, tuntutan kes pun belum ada. Jadi, satu kesalahan di bawah seksyen 60(n) dan 60(m), Akta Kerja 1955 jika majikan berbuat demikian. Yang Berhormat, sila lapor kepada kita, kepada saya, *insya-Allah* kita akan buat tindakan susulan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Pengerusi, boleh celah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu Bukit Besi ini Tuan Pengerusi, isunya maruah daripada maruah negara. Oleh sebab mengikut laporan *The New York Times* yang melaporkan bahawa *CAA Resources* telah mengambil alih Bukit Besi untuk ambil besi bawa pergi ke negeri China dengan keluasan 500 ekar dan dia boleh bawa 500 ribu tan.

Isunya ialah dia cakap dalam '*The Publicly*', pada umum di seluruh dunia yang mengatakan bahawa dalam hendak berurusan dengan negara ini, mudah dua perkara. Untuk menjaga kepentingan negara dan pemimpin dan seolah-olah menjurus kepada rasuah dan dia *replace* pekerja daripada tempatan, ambil pekerja China dan Bangladesh dan sebagainya.

Isunya ialah kementerian saya minta supaya siasat syarikat *CAA Resources* ini dan kenal pasti bahawa penindasan yang berlaku itu, mintakan pembelaan kerana di kalangan mereka tidak tahu di bawah peraturan undang-undang yang membolehkan mereka menuntut hak, terutama sekali di bawah seksyen 20, yang dipecat daripada kerja dan digantikan dengan pekerja asing. Walaupun ada di bawah seksyen 60M, Akta Kerja 1955 yang mengharamkan pekerja tempatan ditukar ganti dengan pekerja asing.

#### ■1840

Itu jelas dan kalau boleh ia diambil tindakan, ambil tindakan terhadap syarikat yang biadab ini. Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi, *insya-Allah* kita akan lihat sebab saya tidak hendak mendengar *rumours* kecuali ada *facts and figures*nya ataupun maklumat yang diberi kepada kita. Sebab saya tidak tahu, patut kita jangan berlandaskan pada persepsi tetapi biarlah ada bukti, hantar kepada kita, *insya-Allah* kita akan buat siasatan. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya banyak ini. Saya baru empat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau boleh sehingga pukul 7.00 malam ya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya ingat tidak habis agaknya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita ada dua lagi kementerian.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya ada 14 Tuan Pengerusi. Seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Betul, betul.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Okey, tidak apalah Tuan Pengerusi. Saya cuba. Terima kasih. Saya pergi kepada yang keempat iaitu Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat pasir Gudang juga menyebut tentang SOCSO. Pekerja hotel juga Yang Berhormat Pasir Gudang sebut. Saya ingat saya sudah jawab. Pekerja asing juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya sudah jawab secara umum. Lagi apa Yang Berhormat Pasir Gudang? Itu sahajalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Selesai saya punya itu Yang Berhormat Pasir Gudang. Terima kasih. Kalau [Disampuk] Puas hati? Sebab kalau memahami apa yang saya sampaikan tadi, saya kira jawapan telah ada di situ tetapi kalau berasa tidak puas boleh berjumpa dengan saya, Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang ini bukan saya minat kerana Pasir Gudang itu tetapi prihatin...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Tuan Pengerusi, satu sahaja tertinggal tentang pindaan *Employment Act 1955*, dengan izin. Sekarang *coverage* untuk RM2,000 ke bawah minta dinaikkan. Sekurang-kurangnya mengikut tahap pembayaran BR1M.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** *Insya-Allah* Yang Berhormat. Kita ambil perhatian. Berikutnya ialah daripada Yang Berhormat Sepang. Keharmonian persekitaran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Keharmonian perusahaan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya, perusahaan. *Sorry*. Saya ingat sama yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi cuma isu itu berbeza tempatnya. Itu *job kind*. Isu ini telah dapat diselesaikan di peringkat perundingan dan ia untuk diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri untuk dirujuk ataupun tidak dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Ia panjang sedikit isu ini. Saya ingat, itu jawapan yang dapat saya beri.

Tadi Yang Berhormat juga masalah KTMB, yang mana Yang Berhormat Kuala Langat mencelah. Lagi Yang Berhormat Sepang, kesatuan sekerja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan adalah berdasarkan merit kes terma kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif. *Job kind* saya sudah sebut.

Yang Berhormat juga menyebutkan pekerja asing. Saya ingat ini pun sepertimana yang telah pun saya jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingat Yang Berhormat, itu sahaja rasanya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi saya bertanya Timbalan Menteri sebab saya ada satu surat daripada Kesatuan Pekerja Perusahaan Logam yang memberitahu bahawa diskusi ini telah banyak kali diadakan tetapi tidak ada penyelesaian. Jadi, saya harap Menteri dapat campur tangan dalam hal ini sebab antara yang paling besar ialah isu bonus itulah.

Sudah ada dalam satu perjanjian kolektif itu bahawa mereka seharusnya diberikan dua bulan bonus tetapi sekarang dia hendak *review* balik, hendak *remove* dua bulan bonus itu.

Jadi, saya harap, Menteri – saya tidak tahulah kalau Timbalan Menteri ada jawapan bertulis, tidak apalah, beri kepada sayalah keseluruhan jawapan bertulis itu. Lebih mudah untuk ini. Cuma tentang yang saya bertanya tadi Timbalan Menteri, adakah ada kuota tertentu untuk pekerja-pekerja asing ini yang bekerja di industri ini? Kalau ada, berapakah kuota itu? Kalau tidak ada, adakah Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan kuota itu?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tentang kuota pengambilan pekerja asing ialah mengikut sektor Yang Berhormat. Kuota ini adalah nisbah pengambilan pekerja tempatan dan asing seperti sektor pembuatan berikut, elektronik – 1:2. Maksudnya satu pekerja asing, dua orang pekerja tempatan. Ini lebih kurang kuota yang ada, kita buat. Dalam sektor. Saya kena beri detil, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam kes George Kent ini berapa nisbahnya?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Oh! Saya ingat saya kena *check* balik Yang Berhormat. Minta maaf.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh dapat jawapan bertulis?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya saya akan lihat dan kita akan beri jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya pergi kepada yang keenam iaitu Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu juga menimbulkan masalah pekerja asing dan juga mencadangkan supaya menaikkan gaji minimum ini. Sebenarnya kita ada Majlis Perundingan Gaji Negara dan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum yang telah pun berbincang dan sepatutnya seperti mana yang saya sebutkan pagi tadi, mungkin di akhir tahun ini ataupun awal tahun depan, rumusan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara akan kita dapat lihat.

Bagi saya Tuan Pengerusi, memang saya bersetuju naikkan gaji. Kalau boleh bukan setakat RM1,200 Yang Berhormat Setiu, lebih daripada itu kerana kepentingan pekerja kita. Akan tetapi persoalannya apakah majikan kita mampu? Jangan sampai kita korbankan majikan sehingga pekerja sendiri akhirnya sebulan sahaja dapat gaji tinggi tetapi selepas itu tidak ada kerja. Sebab itulah kita ada Majlis Perundingan Gaji Negara dan kita telah mendapatkan pandangan daripada pekerja-pekerja, majikan dan *insya-Allah* Yang Berhormat, percayalah, tunggulah rumusan yang akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara melalui semakan semula yang dibuat dua tahun sekali ini. Saya ingat itu sahaja daripada Yang Berhormat Setiu.

Ketujuh ialah Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat Klang juga tentang pekerja asing. Saya telah berikan sedikit jawapan. Berikutnya ialah skim-skim pemandu teksi juga Yang Berhormat Klang sebutkan tadi dan telah pun cadangan...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Bagaimana untuk mencari jalan membantu pemandu-pemandu teksi ini. Sebab itulah seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi ada

kerajaan mencadangkan supaya satu liputan bencana kerja untuk pemandu teksi ini dapat dibuat dan ini sebenarnya sedang dibuat penelitian Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Mungkin cadangan kalau tidak silap saya pada tahun 2016.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Telah memberikan satu komitmen di Dewan yang mulia ini bahawa program itu akan dimulakan pada tahun 2015, saya percaya awal tahun 2015 dan akan ditaja menerusi SOCSO, PERKESO. Minta pandangan.

Isu kedua berkait dengan peranan Malaysia untuk memuktamadkan *ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers* sebab saya diberitahu oleh kawan-kawan saya yang terlibat dalam rundingan itu bahawa penghalang yang terbesar ialah Malaysia. So, adakah Malaysia masih akan menghalang memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah pada tahun 2015 untuk ASEAN?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Klang dan juga sekali Yang Berhormat Bayan Baru ialah laporan kononnya negara kita adalah negara yang mengamalkan buruh paksa. Saya ingat ini tidak betul Yang Berhormat. Kadang-kadang laporan daripada luar ini perlu kita lihat dan mereka buat *survey* ke atas kira-kira 500 orang pekerja asing di kilang elektronik tanpa merujuk kepada pihak majikan, oleh itu laporan tersebut adalah berdasarkan input sebelah pihak. Walau bagaimanapun, KSM dan agensi berkaitan menilai dan menyiasat perkara ini. Jika benar, tindakan-tindakan susulan akan diambil. Saya ingat kita akan lihat hal ini Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak tanya sedikit. Buruh paksa itu, kalau dalam pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa itu adalah tidak betul. Jadi saya hendak tanya bagaimana dengan kajian yang dibuat oleh *Global Slavery Index 2014*? Boleh atau tidak saya hendak mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Apakah respons kerajaan kita terhadap laporan itu yang menyatakan bahawa di negara kita adalah sebanyak 142,000 pekerja adalah dipandang sebagai *slave* di negara kita? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan yang sama. Timbalan Menteri, kita tidak boleh respons dengan kata ini tidak benar dan tutup kes. Ia bukan macam ini kerana *US Labor Department* sudah *commission* dia sudah dapat input daripada *Verité Report*.

■1850

Akan tetapi kalau kita tidak beri laporan yang sebenar dari Malaysia, maka *US Labor Department* akan buat keputusan berdasarkan *Verité Report*. Jadi tadi soalan spesifik saya

tanya, adakah Menteri akan memberi satu *counter report* atau berhubung dengan *US Labor Department*, bagi keadaan yang sebenar supaya kita punya E&E sektor ini *protected*.

Ini kerana *the stake is to high*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Jadi kita minta *when are you going to do your action? Take your action. Thank you*, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai sebuah negara yang bermaruah, kita akan bela. Kita akan membuat pembelaan di atas tuduhan dan dakwaan. Sebab itulah saya kira MITI ataupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengambil tindakan untuk pastikan. Yang Berhormat katakan sebelum 1 Disember jawapan akan diberikan kepada pihak berkenaan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri. Minggu lepas saya tanya MITI, MITI kata tanya Kementerian Sumber Manusia. Hari ini Menteri Sumber Manusia kata, tanyalah MITI. Apa ini? Apa cerita ini? Berilah satu ketetapan. Siapa yang akan ambil tanggungjawab? Ini tanggungjawab Kementerian Sumber Manusiakah atau tanggungjawab MITI?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat, kementerian ini kita ada pelbagai kementerian. Kita ada pelbagai kementerian. Jadi, itu maklumat yang saya terima. Jadi yang penting ialah bagaimana kita boleh membela negara kita? Bagaimana kerajaan bertanggungjawab? Sama ada Kementerian Sumber Manusia, MITI dan sebagainya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini yang kita tanya. Menteri pun tidak jawab.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sudah jawab tadi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Siapa yang bertanggungjawab? Kalau tidak boleh, janganlah. Kalau tidak boleh jawab, tukar ke sini kami pergi. Kami akan buat kerja. Tidak apa.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat... Kalau saya hendak berlawan dengan Yang Berhormat, saya boleh berlawan.

**Seorang Ahli:** Lawan apa? Jawablah! [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Nanti dahulu, relaxlah. Saya boleh relax. Relaxlah Yang Berhormat. Kadang-kadang benda yang bagus pun kerajaan buat, semua Yang Berhormat kata tidak bagus. Saya mula itu. [*Dewan riuh*]

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ala, jangan tukar topik.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebab itulah fikir rasional. Kita rasional. Saya hendak beritahu laporan maklum balas diselaraskan oleh MITI. Kita ada kementerian. Pelbagai kementerian. Berdasarkan input kementerian kita. Kita ada *authority*. Macam hal-hal yang berkaitan dengan pekerja asing dan lain-lain - Jabatan Imigresen. Walaupun kita bersama dengan Kementerian Dalam Negeri tetapi saya tidak boleh menjawab kerana kita ada Menteri kementerian berkenaan. Akan tetapi, kita adalah secara kolektif *responsibility*. Kolektif bertanggungjawab bersama yang diselaraskan oleh MITI.

Berdasarkan input, KSM, KDN dan juga lain-lain. Okey, Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi bila? Bila hendak beri *counter report* kepada *US Labor Department*? Ini tinggal enam hari sahaja...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat kita tidak perlulah semua benda kita hendak beritahu Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini Parlimen. Kalau kita tidak tanya di sini, hendak tanya mana?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Janji boleh jawab.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Menteri, Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini Parlimen. *Highest decision making body in the country*. Jadi Menteri kena tanggungjawab kepada Parlimen.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat...

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sila, sila.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Setujukah Menteri jika saya katakan begini bahawa Kementerian Sumber Manusia dan juga industri MITI sedang mengkaji tentang laporan yang disediakan ini dan jawapan yang sepatutnya akan diberikan? Setujukah Menteri?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau begitu Yang Berhormat Menteri letak jawatanlah, beri Yang Berhormat Pasir Gudang jadi Menteriilah. Apalah...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Itu pun Yang Berhormat saya jawab. Itu pun Yang Berhormat saya jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** BN *Backbencher* jadi *Minister* ini. Apa ada hal ini?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya terima cadangan, masukkan separuh dalam... [Ketawa]

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya sokong. Menteri tidak boleh jawab soalan, beri *backbencher* jadi Menteri. Saya sokong Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya sokong.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri duduk *backbencher*lah.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Itu apa yang saya jawab. Akan tetapi kalau tidak mahu dengar saya jawab macam mana hendak buat? Terima kasih. Yang berikutnya ialah...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan mudah Menteri. Mana satu kementerian yang bertanggungjawab?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Mana? Bila hendak beri *report*? Ini tinggal enam hari sahaja Menteri. Enam hari sahaja.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sudah beritahu...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sudah beritahu jawapan ini diselaraskan oleh MITI. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Duduklah, duduklah. *[Dewan riuh]* Ini *millions of workers at stake*.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Betul...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey? RM326 bilion eksport Malaysia *at stake*. Jadi Menteri harus pandang dengan serius. Jangan jawab sambil lewa sahaja, Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat, tadi saya sudah jawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jawab apa?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Dia hendak sebelum 31 Disember. Kita akan jawab sebelum 31 Disemberlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul kah?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebab itu saya khabar Yang Berhormat. Saya cakap Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Menteri terlalu lambat menjawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, 31 Disember...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terlalu lambat menjawab.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Apa ini menjawab...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh buatlah. Apalah.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Pengerusi, bila saya cakap itu, *you* tanya betulkah? Apa yang kita buat betul pun kadang-kadang *you* cakap tidak betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tariklah, tarikh.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ini masalahnya. Apa lagi saya hendak jawab? Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak. 1 Disember hari ketetapan. Dia akan *listing* Malaysia.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yes.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi kita sudah tahu isu ini, *US Labor Department, US Department* dan juga Kedutaan Amerika Syarikat sudah *alert* MITI dan juga Kementerian Sumber Manusia, tiga bulan yang lalu, bulan September. Akan tetapi, kita tidak ambil tindakan sampai hari ini. Minggu lepas saya tanya MITI, MITI kata, "*Oh, ini isu Kementerian Sumber Manusia*". Sekarang ini kata MITI pula.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi ini ialah koordinasi dua kementerian yang cukup tidak *coordinated*. Jadi hari ini kita tinggal enam hari sahaja. Kita cukup khuatir.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Apa yang penting kerajaan menjawab tetapi kalau saya sudah beritahu Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak percaya, saya hendak buat macam mana.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, bila?Jawab.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya sebut sebelum 1 Disember.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sebelum 1 Disember?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Percaya? Yang Berhormat tidak percaya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bolehkah Menteri berikan laporan tersebut kepada Ahli-ahli Parlimen supaya kita pun boleh jawab dengan- kalau dia tanya kita pun boleh jawab.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Buat apa pembangkang hendak jawab? Kita boleh jawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh?Boleh beri laporan itu? Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kalau kerajaan kita boleh jawab, kenapa you hendak jawab? Tidak perlu.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kita ada hak untuk menuntut laporan di Parlimen.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Itu tidak apa, itu isu lain.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mustahak. Menjawab soalan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan, Menteri. *As of today*, adakah kerajaan sudah *prepare* satu laporan *counter report*? Sudah *prepare*, belum? *As of today*?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sudah. Tunggu dan akan jawab sebelum 1 Disember. [*Dewan riu*] Tidak perlu beri dekat *you*. [*Dewan riu*] Tidak payah, yang penting kita jawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa pula tidak boleh beri? Bentangkanlah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri? Saya hendak tanya boleh?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terangkanlah. Jawablah. Apa pula tidak boleh dibentangkan?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tidak apa Yang Berhormat, itu kita jawab. kita jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Menteri mana yang akan jawab?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *No, they have no such things.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa cerita ini, Tuan Pengerusi? Saya duduk diam tetapi janganlah beri jawapan macam ini. Mendesak saya menjawab dan bertanya soalan? Tidak boleh jawab macam itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, kementerian mana yang akan jawab nanti? Adakah kementerian...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kita ada beberapa kementerian dan kita diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Maknanya MITI akan jawab?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kerajaanlah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, kerajaan itu saya tahulah. Kerajaan mana? Kerajaan fasolakah?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebab kita ada *authority*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kerajaan ada *Ministry*. *Ministry* mana supaya kita senang hendak berhubung.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** MITI selaraskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** MITI kah atau Kementerian Sumber Manusia? Kalau Kementerian Sumber Manusia, cakap Kementerian Sumber Manusia. Kalau MITI cakap MITI. Mana satu?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Kita dalam komuniti, kita ada kementerian-kementerian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita itu, siapa?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Jadi diselaraskan oleh MITI.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri pasti kah tidak jawapan Menteri? Itu sahaja.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Apa yang susah Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak pasti kata tidak pasti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita tanya dalam ini. Dia jawab MITI. MITI kata...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, okey. Ikut peraturan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi... Menteri, kita dalam dilema. Kita tidak tahu hendak percaya MITI kah atau hendak percaya Kementerian Sumber Manusia sebab MITI kata ini ialah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Sekarang kementerian kata ini ialah tanggungjawab MITI. Siapa hendak percaya ini? Ini Parlimen ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Esok Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pula yang kata, ini bukan bawah Kementerian pelancongan dan Kebudayaan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat, kita kementerian-kementerian ini ada tanggungjawab masing-masing.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Siapa yang *in charge*?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Menteri, ya Yang Berhormat Bayan Baru. Sudah berapa kali diingatkan oleh Speaker peraturan kena ikut. Saya sengaja biarkan lebih kurang lima minit untuk *exercise* diri kita. Saya tengok Yang Berhormat Tanjong pun sudah *exercise* kiri, kanan dan di belakang.

Jadi saya sengaja biarkan Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Sepang pun *exercise* juga. Mata mengantuk waktu maghrib ini. Saya ingat Yang Berhormat Menteri kepada isu yang lain. Kalau panjang lagi boleh bekerjasama dengan saya untuk jawapan bertulis?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang sekejap Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang saya sedang berurusan dengan Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita ikut peraturan. Okey.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Yang Berhormat, saya ada 12...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terlalu panjang Yang Berhormat Menteri.

#### ■1900

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** ...14 orang Ahli Parlimen. Jawapan-jawapan ini saya sebenarnya perlu disampaikan. Akan tetapi saya tidak ada masalah saya boleh jawab secara bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya boleh jawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Kita semuanya ada di sini lagi.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mintalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu, satu ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya. Saya minta izin daripada Tuan Pengerusi untuk meminta penjelasan terakhir daripada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini berkaitan dengan laporan tadi. Bagi saya isu ini cukup penting, jadi saya minta penjelasan. Sama ada dalam tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang, adakah kementerian sudah menyiapkan satu laporan bertulis untuk menjawab laporan yang disiapkan oleh pertubuhan **Verite** yang dibincangkan tadi, itu sahaja. Adakah dalam tangan sekarang jawapan bertulis itu? Adakah, tiada?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Soalan Yang Berhormat ini baru timbul dalam ini. Akan tetapi apa yang penting ialah kerajaan telah bersedia untuk menjawab dan diselaraskan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bila?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sebelum saya sebutkan tadilah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita kena faham Laporan **Verite** ini bukan laporan yang dibuat dalam satu hingga dua hari. Pertubuhan ini sudah ditubuhkan sejak dahulu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang. Duduk sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Adakah di dalam tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri atau tiada?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tiada sekarang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada sekarang ini. Okey, itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Okey. Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya ada 14...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Pengerusi, satu isu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, saya benarkan Yang Berhormat Klang, satu isu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sikap, pandangan serta dasar Malaysia untuk memuktamadkan *ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers*. Saya fokus kepada isu ini kerana saya diberitahu bahawa Malaysia merupakan negara yang menghalang deklarasi ini untuk dihabiskan. *So, if Malaysia can agree to conclude the agreement, then in January Malaysia can launch the declaration. What is Malaysia's position?* Itu sahaja soalan saya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Saya ingat Yang Berhormat, boleh saya berikan jawapan secara bertulis? Saya *refer* balik. Okey, terima kasih banyak. Tuan Pengerusi,

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** ...Kalau izinkan saya jawapan bertulis, saya akan memberikan jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih banyak. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin tentang kementerian ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM801,770,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM801,770,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM594,000,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM594,000,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Maksud B.30 [Jadual] –  
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, belum sebut lagi. Ya, ya, *exercise* dulu. Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Saya nampak Yang Berhormat Rasah sudah *exercise*, sila. Terpandang saya Yang Berhormat Rasah. 10 minit Yang Berhormat Rasah.

**7.04 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya turut bersama-sama untuk membahas. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01200 – Agensi Angkasa Negara. Tuan Pengerusi, seperti apa yang telah dimaklumkan selepas angkawan pertama kembali ke tanah air, kita telah pun diperlihatkan projek Angkasawan Negara ini sebenarnya sedikit sebanyak telah pun membawa nama negara kita di mana seluruh dunia mengetahui bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berjaya menghasilkan seorang angkasawan.

Akan tetapi apa yang kita diperlihatkan? Sepanjang tahun 2007 sehingga sekarang, kita tidak melihat ada apa-apa *follow up program* ataupun ada apa-apa program lanjutan untuk kita *fully utilize* hasil-hasil eksperimen ataupun hasil-hasil yang telah pun diperoleh daripada program angkasawan yang pertama. Saya perhatikan pada tahun akan datang sebanyak RM84,100,000 itu akan diperuntukkan untuk Agensi Angkasa Negara. Sebenarnya rakyat jelata memang mempunyai banyak persoalan terhadap Agensi Angkasa Negara.

Ini kerana pada pembentangan bajet pada bulan lepas, kita diperlihatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina mendapat peruntukan sebanyak RM50 juta, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mendapat peruntukan sebanyak RM50 juta, sekolah mubaligh mendapat RM50 juta dan juga Sekolah Agama Rakyat yang diiktiraf oleh pihak kerajaan juga mendapat RM50 juta. Sebenarnya, peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan untuk pendidikan rakyat itu memang tidak boleh dipertikaikan tetapi ramai yang bertanya kalau Agensi Angkasa Negara ini diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM80 juta dan berapakah – mereka ingin tahu, berapakah jumlah kakitangan ataupun anggota yang berada di dalam agensi ini dan apakah usaha serta sumbangan mereka yang sebenarnya kepada masyarakat Malaysia.

Tadi yang saya sebut sekolah-sekolah memang mendapat peruntukan. Akan tetapi saya ingin mengetahui peruntukan sebanyak RM80 juta ini, berapa ramaikah rakyat Malaysia yang

sebenarnya akan diberikan manfaat. Saya berharap dalam perkara ini, pihak kementerian dapat memberikan jawapan. Sebenarnya ramai yang juga ingin bertanya iaitu adakah kita akan menghantar seorang lagi angkasawan ke luar angkasa. Itu memang salah satu persoalan yang ditanyakan oleh rakyat jelata. Tuan Pengerusi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah, saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Rasah. Kita tahu apabila dalam jawapan Menteri pada tahun 2008 bahawa kos penghantaran angkasawan itu berjumlah RM39.11 juta. Jadi, antara tujuan penghantaran itu ialah untuk tujuan penyelidikan bagi mendidik, apa yang dipanggil mikrograviti untuk menyelidik tentang kanser dan leukemia. Jadi, saya hendak tanya – kita dimaklumkan dalam jawapan ini, hasil penyelidikan telah dihantar ke Jepun untuk di analisa. Persoalan saya, setelah kerajaan membelanjakan begitu banyak wang tersebut, apakah hasil analisa itu dan bagaimanakah rakyat mendapat manfaat daripada pendidikan itu kerana menelan belanja berjuta-juta ringgit. Kita ingin tahu adakah sesuatu telah dicapai untuk mencari formula bagaimana untuk menyelesaikan masalah kanser dan juga leukemia ini. Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Sepang dan saya juga ingin masukan pertanyaan dan juga soalan daripada Yang Berhormat Sepang ke dalam perbahasan saya dan saya berharap pihak kementerian dapat memberikan satu penjelasan.

Tuan Pengerusi, perkara kedua iaitu Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan. Jadi, dalam *research and development* ini sebenarnya saya cuma ingin mengemukakan beberapa soalan kepada pihak kementerian kerana kita diperlihatkan – sebenarnya ada rakan-rakan daripada pihak Kementerian Kesihatan yang memaklumkan kepada saya yang sebenarnya ubat semburan pembunuh nyamuk aedes yang digunakan oleh pihak Kementerian Kesihatan itu merupakan ubat yang diimport dari luar negara. Saya juga difahamkan sebenarnya di negara kita, kita mempunyai saintis-saintis ataupun kita mempunyai pihak yang telah pun mencipta ubat semburan nyamuk aedes ini tetapi negara kita tidak menggunakan produk dari negara kita tetapi menggunakan produk yang diimport dari luar negara.

■1910

Jadi dalam perkara ini, saya juga ingin memohon kepada pihak kementerian untuk memberi penjelasan kepada Dewan ini. Akhir sekali, ketika ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan, beliau ada menyentuh bahawa pihak kerajaan mengesahkan sebanyak 360 jenis produk inovasi berimpak tinggi akan dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang dan seterusnya menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti *research and development* yang berimpak tinggi.

Jadi saya juga ingin kepada memohon pihak kementerian jika boleh memberi jawapan di dalam Dewan ini ataupun jika senarai itu terlalu panjang sangat, saya mengalu-alukan jawapan bertulis. Apakah produk inovasi yang berimpak tinggi yang disebutkan? Sebab di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyatakan sebanyak RM360 jenis produk yang berinovasi tinggi. Sekian, perbahasan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin.

**7.11 mlm.**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 30000, Butiran 70000 dan Butiran 80000. Perkara yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah perkara nombor satu Program RazakSAT atau RazakSAT-1 . Saya bersama dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam pernah membangkit beberapa perkara mengenai program tersebut di mana kita masih tidak mendapat jawapan yang memuaskan. Memang hasrat kita untuk melihat negara kita berjaya serta mendapat kejayaan dalam penerokaan angkasa.

Saya ingin menegaskan bahawa kita sedar dalam penerokaan serta bidang penyelidikan. Kegagalan itu sendiri adalah suatu penemuan baru di mana ia boleh *empower*, dengan izin, pakar-pakar kita dalam melangkah ke hadapan penyelidikan mereka. Jadi adalah hasrat kita membangkitkan perkara yang boleh menghalang atau sembunyi atas nama penyelidikan tetapi sebenarnya adalah satu pemborosan kerana pengurusan yang tidak ber*competent*.

Tuan Pengerusi, semenjak program ini dimulakan iaitu daripada program-program mikro yang berkaitan serta peralatan kepakaran yang dibiayai telah melebihi RM500 million. Jadi saya ingin tahu apakah sumbangan terutamanya dari segi data-data sains yang dikumpul telah pun bermanfaat kepada komoditi sains? Saya faham ataupun *conference* serta *research paper*, dengan izin, yang diterbitkan serta dibentangkan. Akan tetapi ianya adalah lebih cenderung kepada *preliminary conceptual design*, dengan izin, satelit tersebut dan bukannya butiran data selepas pelancaran. Contohnya, adakah *research paper* di terbit berdasarkan - contohnya kenapa kegagalan RazakSAT-1 boleh terjadi dari segi teknikal serta aspek reka bentuk sistem? Apakah yang telah terlihat ataupun *overlook* yang mengimbangkan kepada kegagalan tersebut? Penyelidikan dari segi ini boleh menyumbang kepada *know-how* yang lebih mendalam seperti yang saya katakan tadi bahawa saya faham, setiap kegagalan itu sendiri adalah suatu penemuan yang baru yang boleh mendorong kita ke arah kejayaan.

Begitu juga dengan gambar-gambar yang diambil, di mana ianya luar daripada sasaran. Kenapa ianya keluar daripada sasaran? *What has been overlooked that the four term particles fight the navigation system*, dengan izin, sebagai cadangan. Contoh tajuk penyelidikan yang boleh diterbitkan seperti *mathematical model* apakah yang telah pun gagal, *which and where do the miss conceptual occur*, dengan izin, 'viable' manakah telah di luar jangkaan yang menyebabkan *change of even that leads to the failure*, dengan izin.

Dari segi gambar-gambar yang terlepas sasaran kerana kerosakan sistem *positioning* serta navigasi. Tajuk penyelidikan boleh dituju kepada melahirkan suatu model matematik bagi menjelaskan fenomena tersebut dan saya yakin ini boleh menyumbang terhadap kefahaman yang lebih mendalam dari segi reka bentuk sistem satelit. Jadi saya mencadangkan satu kali lagi supaya butiran RazakSAT-1 serta gambar-gambar yang diambil serta kertas teknikal boleh dibuka bagi kegunaan semua para penyelidik kita jika ianya belum dibuat sedemikian.

Perkara kedua yang saya mahu bangkitkan ialah Pengurusan Dana Penyelidikan yang lebih cekap serta terbuka. Tuan Pengerusi, saya juga dikejutkan apabila Yang Berhormat Menteri memberitahu saya bahawa status RazakSAT-2 yang diumumkan tahun lepas di mana peningkatan sebanyak 35% iaitu daripada asal RM200 million kepada RM272 juta. Masih belum ada apa-apa kemajuan. Ini sangat membimbangkan. Nombor satu kenapa Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa R-2 masih dalam peringkat pemilihan rakan teknologi serta dalam proses mengenal pasti program *offset* yang boleh ditawarkan? Fasa dua hanya dijangka bermula pada tahun 2015 di mana kesemuanya hanya meliputi *design and operation review*. Jadi kenapakah *in this 'invention' stage*, dengan izin, dana telah pun dipertingkatkan dan diperuntukkan. Ini tidak masuk akal serta sangat tidak munasabah.

Bayangkan sudah dekat dua tahun semenjak projek R-2 ini dimulakan tetapi ianya masih belum dimulakan dan hanya bermula pada tahun 2015. Di sini pula Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa R-2 dijangka beroperasi pada tahun 2017. Tuan Pengerusi, jika kita mempertimbangkan sejak projek ini dimulakan termasuk projek serta penyelidikan yang lain yang berkaitan dengan aset-aset yang diperoleh kemungkinan peningkatan kos serta pemilikan aset-aset lain pada jangka masa yang akan datang, ini mungkin adalah suatu projek yang berpotensi mencatat RM1 bilion. Jadi kementerian perlu lebih cekal dalam mengendalikan projek ini dari segi pengurusan aset-aset sumber manusia, peralatan serta pakar yang sedia ada serta menggunakan strategi di mana merangkumi universiti-universiti yang sedia ada.

Kedua ialah soalan seterusnya saya minta kementerian menyenaraikan agensi-agensi universiti-universiti yang bakal terlibat serta sumbangan mereka dalam projek penyelidikan tersebut. Selain itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu apakah yang telah terjadi kepada 166 orang pakar sains, *staff engineer* kita hasil daripada program R-1? Kita telah pun membiayai RM142 million dan apakah yang akan terjadi kepada mereka jika program R-2 belum bermula, saya hairan apakah yang terjadi kepada mereka? Tidak mungkinlah mereka hanya *sit there and doing nothing*, dengan izin, selepas R-1 selama dua tahun? Kementerian mesti ada satu rancangan yang wujud kerana RM142 juta telah pun digunakan bagi memperoleh *no how* dan bukannya menunggu selama dua tahun dan R-2 masih dalam peringkat memilih rakan teknologi. Ini merupakan satu pembaziran yang besar dari segi sumber manusia serta *know-how* yang telah pun diketahui.

Jadi saya minta laporan yang lengkap terhadap apakah yang telah terjadi kepada semua aset kita dari semua aspek semenjak program R-1. Silakan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Stampin. Nampaknya syarikat milikan kerajaan *Astronomic Technological Sdn. Bhd* (ATSB) tidak diberikan kepercayaan untuk menguruskan projek RazakSAT ini memandangkan hampir kesemua proses-proses pembinaan RazakSAT-2 akan diberikan kepada teknologi *partner*. Jadi seperti Yang Berhormat Stampin katakan 166 *in-house expert* nampaknya tidak diberi kepercayaan. Jadi kita hendak tanya juga siapakah teknologi, teknologi *partner* yang sedang dipertimbangkan dan apakah nilai kontrak-kontrak termasuk nilai-nilainya sekali yang akan diberikan kepada *technological partner* ini? Ini kerana mereka ini nampaknya lebih hebat daripada *in-house expert* yang telah dilatih oleh kerajaan kita sejak RazakSAT-1, terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Betul Tuan Pengerusi. Jadi saya ingin masukkan ucapan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Itulah mungkin sebabnya RazakSAT-2 ini, ditunggu dan ditangguhkan selama dua tahun. Apakah yang terjadi kepada *engineers* serta *scientists* kita? Tuan Pengerusi, pihak Indonesia juga telah pun memulakan program angkasa mereka. Saya tidak ingin melihat apa yang berlakunya jika pakar-pakar kita pergi ke sana. Ini seumpama *train them for free*, dengan izin, kepada negara lain. Oleh kerana kegagalan kita *to retain the talent*. Berikut adalah suatu petikan dari portal berita *PressTV.com* yang membawa dengan izin, "*Indonesia is in the final stages of developing a new space rocket the RX550 when launch could be the longest range spacecraft Indonesia has ever made. The country's developing its capability, capacity so it can launch a large satellite into orbit.*"

Tuan Pengerusi, ini tahun 2012 apabila berita ini dikeluarkan dan sudah tentu mereka telah pun sampai ke tahap di mana pembangunan satelit akan begitu pesat dan sudah pasti akan menarik pakar-pakar kita yang kita pinggirkan terutamanya yang 166 orang pakar tersebut yang kita pinggirkan bukan sahaja pakar bahkan pelajar-pelajar *masters* serta Ph.D kita yang berkaitan kerana kegagalan kementerian untuk asimilasikan mereka ke program tersebut secara langsung dan tidak langsung.

■1920

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Perkara yang terakhir. Dengan ini Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir. Ini perkara yang seterusnya iaitu saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya juga memberi perhatian yang serius kepada pembangunan *launch vehicles* atas sebab jika kita mampu membuat satelit, sudah tentu kita juga mempunyai keupayaan untuk membangunkan *launch capability* iaitu roket yang berkemampuan untuk menghantar satelit berkelas mikro hingga kecil. Ini merupakan satu *inclusive strategy* di mana dengan adanya *launch capability*, banyak universiti-universiti kita yang mempunyai program *aerospace* dan astronautik seperti UKM, UPM, UiTM, UIAM, USM dan seterusnya boleh terlibat secara tidak langsung dalam pembangunan satelit. Ini akan mempercepatkan pembangunan program angkasa kita kerana sudah pun adanya saintis-saintis kita yang telah bermula

penyelidikan mereka dalam reka bentuk teknologi satelit, mahupun teknologi dalam pelancaran roket yang telah pun mendapat pemerhatian antarabangsa.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Stampin, boleh celah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin sebenarnya sudah habis masa ini.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey, 30 saat

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Stampin, hendak tanya sedikit, apakah perbezaan antara RazakSat dengan RazakSat-2? Adakah banyak perbezaan dari segi teknologi ataupun orbitalnya dan apakah pandangan Yang Berhormat Stampin tentang bagaimana perbezaan itu boleh menjejaskan kos ataupun penjadualan atau pelaksanaan satelit yang terbaru ini. Terima kasih.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat bangkitkan, saya akan biarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab kerana Yang Berhormat Menteri pernah menjawab soalan tersebut. Memang ada bezanya dari segi orbit yang dilancar kepada dua-dua satelit tersebut. Jadi, saya akan biarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Sila masukkan soalan itu dalam hujahan saya.

Jadi tadi apa yang saya tinggalkan, mengenai universiti itu. Ini akan mempercepatkan pembangunan program angkasa kita kerana sudah pun adanya saintis-saintis kita yang telah bermula penyelidikan mereka dalam reka bentuk teknologi satelit, mahupun teknologi dalam pelancaran roket yang telah pun mendapat pemerhatian antarabangsa. Yang Berhormat Menteri, sudah tentu ini akan mempercepatkan program ini kerana lebih banyak pakar pintar yang akan terlibat dan tidak terhad kepada rakan-rakan teknologi yang dipilih oleh kementerian sahaja. Ini penting kerana *know-how* yang terlibat negara maju lain akan berlaku dengan lebih cepat kerana saintis-saintis kita inilah yang sentiasa ada interaksi dengan saintis-saintis negara lain termasuk saintis-saintis yang kementerian tidak tahu kewujudan mereka, terutamanya jika ia membabitkan teknologi atau *know-how* yang agak sensitif. Jadi tidak kira bangsa, jika kita gagal asimilasikan mereka, sudah tentu saya pasti mereka akan berhijrah ke negara lain dan membawa kesemua *know-how* ini bersama mereka dan mendekati program angkasa negara lain. *Last 20* saat ya.

Perkara yang keempat, saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan bertulis sebelum berakhirnya sesi Parlimen ini iaitu jumlah dana penyelidikan kepada setiap IPTS serta IPTA, senaraikan dan juga kategorikan jumlah *journal publications* serta *conference paper* yang dibentang dari setiap IPTS dan IPTA dari segi penerbitan berpiawaian ISI dan tidak mempunyai ISI. Dengan ini, saya mengakhiri perbahasan saya dan saya mohon Yang Berhormat Menteri menerima cadangan yang dibentangkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu, dua, tiga, empat, lima. Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Bukit Katil dan juga Yang Berhormat Hulu Langat. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila.

**7.23 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada kepala B.30 Butiran 050100 – Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Butiran 010200 - Dasar STI. Sains dan teknologi adalah perkara yang sangat penting untuk program transformasi negara. Tanpa kemajuan sains dan teknologi, negara tidak akan capai kemajuan. Akan tetapi, apa yang kita hadapi sekarang ini di negara ini adalah minat kepada mata pelajaran Sains, contohnya Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) adalah masih rendah. Apakah yang patut dilakukan? *What need to be done actually*, dengan izin? Adakah kita perlu mengadakan satu kempen secara *nationwide*, secara seluruh ataupun kita mengadakan kempen ke arah minat sains dan teknologi ini kepada semua daerah di negara ini. Ini kerana tanpa sains dan teknologi, tanpa kemajuan, tanpa minat pelajar-pelajar ini, maka hasrat negara untuk mencapai negara maju mungkin akan terbantut. Kerajaan telah meletakkan *target* atau sasaran 60% untuk golongan-golongan muda memilih pembelajaran dan kerjaya dalam STEM, iaitu untuk mencapai negara maju. Satu pelaburan yang penting dan cukup bermakna. Ia merupakan satu keperluan untuk menzahirkan negara maju. *Target 60:40* diharap dapat dicapai untuk negara mencapai negara maju. Pada September yang lepas, nisbah yang didapati adalah 42:58 dan kita dapati negara kita mempunyai nisbah sains dan mata pelajaran yang bukan sains pada tahun 2000 adalah 25:75.

Jadi ekoran komitmen kerajaan ini, kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai usaha. Contohnya memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru seperti program Sains untuk Tindakan atau Science to Action (S2A), bermulanya kerjaya untuk memacu minat ke arah STEM dan mencernakan minda ke arah mewujudkan contohnya melahirkan ahli Nobel. Ini adalah tumpuan bagi suatu pembinaan sains dan teknologi melalui pendidikan dengan pengetahuan ke arah perindustrian umpamanya, dijana secara pesat.

Kerajaan mahu Malaysia suatu hari, kita sampai ke tahap dapat melahirkan pemenang Anugerah Nobel yang akan menjadi sumber inspirasi kepada negara. Fokus Malaysia terhadap STEM ini telah dipuji Ketua Pengarah UNESCO, H.E. Irina Bokova. Ingin saya bertanya kepada kementerian, apakah perkembangan S2A (Science to Action) terkini dan apakah perancangan untuk memajukan S2A?

Tuan Pengerusi, perkara program yang dilancarkan lagi untuk mewujudkan minat kepada sains dan teknologi. Suatu program yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Bitara STEM UKM merupakan satu inisiatif di bawah Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Program ini merupakan satu program berimpak tinggi iaitu *human capacity building* dengan izin dan Cradle to Career (C2C). Bagi merealisasikan agenda ini, pada bulan September 2013, satu MoA telah ditandatangani di antara UKM dengan New York Academy of Sciences dan New York University Polytechnics bagi melaksanakan program Bitara STEM iaitu Science of Smart Cities dengan izin. Rasional bagi program ini adalah untuk mencapai hasrat negara bagi menjadi

negara berteraskan sains dan teknologi. Satu usaha dan peluang bagi menyediakan tenaga kerja yang berasaskan sains. Hasil daripada program ini, sebanyak 10 orang pelajar Felda telah dihantar ke New York Academy untuk diberi pendedahan mengenai STEM.

Tuan Pengerusi, objektif-objektif bagi Program Bitara STEM ini adalah:

- (i) untuk menjadikan sumber manusia sebagai pemandu teknokrat yang sesuai dengan inisiatif negara;
- (ii) untuk mencetus dan menimbulkan minat pelajar generasi baru untuk mempelajari STEM melalui pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar berasaskan projek, aktiviti yang multi-disiplin dan pembelajaran melalui inkuiri; dan
- (iii) menyediakan suasana pembelajaran sains yang menyeronokkan lalu mengurangkan *anxiety* terhadap STEM dan seterusnya menyahkan perasaan takut terhadap STEM.

Ini yang ada hari ini. Akan tetapi kita lihat dahulu, banyak pelajar-pelajar khususnya orang Melayu, bila sebut *science subject*, memang takut. Oleh sebab itu bila hendak buat *engineering* pun memang takut. Dulu, saya ingat zaman saya. Kalau hendak buat perubatan pun memang takut. Sebab apa, dia ada *fear*, dia ada ketakutan di situ, dia ada *anxiety* di situ, dia rasa tidak selesa dan tidak seronok. Ini kerana sains itu dia bagi gambaran yang susah, nanti masuk tidak *pass*.

#### ■1930

Jadi suasana sekarang ini yang kita hendak wujudkan untuk menimbulkan minat. Kita hendak beritahu rakyat, kita hendak beritahu golongan muda, sains itu bukan takut, bukan menakutkan. Sains itu sepatutnya *happy*, sepatutnya satu benda yang boleh dipelajari.

Saya dalam dua tahun ini telah membawa pelajar-pelajar daripada sekolah menengah, daripada Parlimen Bagan Serai untuk *Science Camp*, pergi ke universiti untuk menghayati bagaimana pembelajaran sains, untuk mengikuti perkara-perkara yang dilakukan di makmal dan bagi pendekatan-pendekatan yang lebih menyeronokkan supaya anak-anak daripada luar bandar ini dapat rasa seronok dan minat kepada pelajaran sains.

Seperti yang saya katakan pada awal tadi, hanya dengan mempunyai minat dan mengambil bahagian dalam pembelajaran dan kerjaya yang bersangkutan dengan sains, teknologi, *engineering* dan matematik ini sahajalah negara boleh mencapai kemajuan.

Perkara keempat ialah meningkatkan kemahiran proses sains.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [*Bangun*]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kemahiran abad ke-21, kemahiran saintifik, kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran penyelidikan pelajar-pelajar. Kelimanya menyahkan salah konsep tentang konsep pengajaran dan pembelajaran sains yang difikirkan mesti dilakukan di dalam bilik darjah atau makmal semata-mata.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Meluaskan pandangan pelajar tentang aplikasi sains dalam kehidupan, kerjaya dalam bidang sains dan teknologi. Perkara ketujuh yang saya kira amat penting ialah meningkatkan keterlibatan ataupun *engagement*, dengan izin ibu bapa, pelajar sekolah melalui beberapa aktiviti, tujuan meningkatkan peranan dan kesedaran ibu bapa dalam membudayakan STEM ini dan yang kelapan ialah mencungkil bakat generasi baru yang terpendam dalam pelajar-pelajar di Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai saya amat tertarik dengan semangat Yang Berhormat Bagan Serai untuk meningkatkan minat dan keupayaan anak-anak kita dalam sains, matematik atau STEM. Setujukah Yang Berhormat Bagan Serai jika saya katakan bahawa walaupun pencapaian kita secara umumnya anak muda kita dalam sains dan matematik rendah terutamanya seperti yang dibuktikan dalam Laporan PISA, tetapi keupayaan sains dan matematik sekolah-sekolah vernakular, terutamanya sekolah-sekolah vernakular Cina menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik.

Jadi bersetujukah Yang Berhormat Bagan Serai jika saya katakan bahawa kerajaan ataupun parti pemerintah sering memandang serong terhadap sekolah vernakular terutama sekolah vernakular Cina, patut mengambil pedoman dalam dan saya masih ingat lagi pada tahun 90-an semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir, beliau sendiri telah meminta supaya Menteri Pendidikan patut mengambil pedoman model pengajaran sains dan matematik daripada sekolah-sekolah Cina ini. Bolehkah berikan pandangan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Pertamanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai boleh gulung ya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya? Pertamanya pandangan serong oleh kerajaan terhadap sekolah vernakular itu saya rasa mungkin Yang Berhormat Bukit Mertajam dia sudah tersalah fikir. Itu tidak betul. Akan tetapi kalau ada sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar yang dapat mencapai pencapaian sains yang baik itu adalah sekolah-sekolah di negara Malaysia. Ini untuk kita semua, untuk generasi kita membawa kita sebagai rakyat Malaysia. Saya tidak katakan mana-mana perkauman, tetapi untuk kita berfikir tidak baik tentang orang lain itu adalah satu perkara yang salah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menamatkan dengan memberi beberapa pertanyaan sekali lagi kepada kementerian apakah perancangan universiti-universiti lain untuk meningkatkan

*student* kepada STEM dan apakah perkembangan GIS sekarang ini dan perancangan seterusnya untuk memajukan negara ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bakri.

**7.34 mlm.**

**Tuan Er Tech Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Saya merujuk kepada maksud B.30 di bawah Butiran 020200 – Meteorologi. Jabatan Meteorologi telah memaklumkan bahawa jabatan boleh mengesan insiden taufan dan akan memberikan amaran dalam tempoh tiga jam sebelum taufan melanda. Akan tetapi selepas itu masih lagi berlaku keadaan di mana orang ramai tidak dimaklumkan kedatangan angin taufan di negeri Kedah sehinggalah menyebabkan berlakunya kerosakan harta benda walaupun tiada kemalangan jiwa.

Persoalan yang saya ingin bangkitkan adalah mengapa tiada notis awal seperti yang dijanjikan oleh jabatan dan adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan sistem amaran awal taufan untuk membolehkan penduduk setempat mengambil langkah-langkah sepatutnya sebelum taufan melanda. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**7.35 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 020300 yang kena-mengena dengan Pusat Sains Negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih kerana tiada salam reformasi, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sebenarnya tunggu Tuan Pengerusi sebab Tuan Pengerusi sudah lebih kuat iman dengan perkataan dengan “salam reformasi” itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Salam 1Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, butiran.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Saya ulang sekali lagi Butiran 020300 Pusat Sains Negara yang peruntukannya adalah sebanyak RM12.9 juta. Kita akui bahawa Pusat Sains Negara adalah untuk meningkatkan kesedaran, minat dan penglibatan rakyat terhadap kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam pembangunan negara.

Persoalan saya adalah apakah penglibatan belia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi? Berapa banyak dana yang telah dikhaskan dan disalurkan kepada belia supaya memupuk kesedaran dan minat mereka terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi. Ada tidak

apa-apa rancangan yang dikhaskan untuk tahun hadapan 2015, untuk belia mengambil bahagian dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Saya juga ingin menuntut penjelasan sama ada peruntukan yang disalurkan kepada Institusi Pengajian Tinggi khususnya IPTA sebagai usaha untuk menggalakkan kesedaran dan minat mereka dalam bidang inovasi. Saya juga minta penjelasan dan ke perincian jika dana tersebut disalurkan.

Butiran kedua adalah Butiran 050000 Akademi Sains Malaysia iaitu RM8.8 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2014 dan juga RM8.8 juta untuk tahun 2015. Amaunnya ialah amaun yang sama. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian bagaimana amaun ini akan dibelanjakan dan apakah ke perincian wang ini akan diguna untuk tahun 2015 daripada kementerian.

Butiran seterusnya adalah kena-mengena dengan Butiran 070330 dan Butiran 080300, kedua-duanya adalah untuk Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Tahun 2014 tiada peruntukan tetapi tahun 2015 sebanyak RM3.16 juta untuk Butiran 070300 dan sebanyak RM3.84 juta untuk Butiran 080300. Bagaimana peruntukan ini akan dibelanjakan? Apakah bidang atau dengan izin, *area of expertise* yang akan kita terokai? Pembelian aset untuk butiran 080300 juga adalah sebanyak RM1.98 juta, bagaimanakah ke perincian tentang aset yang akan dibeli dan dibelanjakan.

Seterusnya tentang Butiran 040100 sebanyak RM16.592 juta dibelanjakan terhadap Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA). Ini untuk memastikan penggunaan tenaga atom tidak mendatangkan bahaya atau mudarat kepada pekerja, orang awam mahupun alam sekitar. Saya ingin meminta penjelasan kepada kementerian, berapa banyakkah pemegang lesen atom di negara ini dan ada atau tidak di kalangan mereka dihadapkan ke mahkamah? Jika ada saya minta penjelasan kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah. Terima kasih Tuan Pengerusi kali ini biar betul salam reformasi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**7.39 mlm.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pertamanya rakamkan ucapan tahniah kepada kedua anak Malaysia iaitu yang pertamanya Profesor Ir. Dr. Sharifah Rafidah Wan Alwi, Jabatan Kejuruteraan Kimia, UTM yang telah memenangi ASEAN Young Scientist and Technologist Award. Keduanya Profesor Dr. Harith Ahmad, Jabatan Fizik Universiti Malaya yang telah memenangi ASEAN Outstanding Scientist and Technologist Award.  
*[Tepuk]*

Tuan Pengerusi saya ingin bangkitkan beberapa isu di bawah perkara 070200, 080300 dan juga 010100.

## ■1940

Yang pertama ialah soal produk inovasi. Saya dimaklumkan dan sempat meneliti ucapan Timbalan Menteri di Jasin baru-baru ini yang menyatakan bahawa Kementerian akan membawa peruntukan sebanyak RM500 juta dalam Bajet 2015 bagi membeli produk-produk inovasi untuk membantu mengkomersialkan produk tempatan. Cuma saya ingin tahu, apakah perincian produk-produk yang telah pun ada dalam perancangan Kementerian. Ini kerana saya difahamkan antara produk yang saya fikir penting dan relevan terhadap negara ini ialah produk menghapuskan pembiakan nyamuk aedes iaitu *moticide*. Di Bukit Katil sekarang ini banyak wabak. Jadi, saya minta Kementerian dan juga tempat-tempat lainlah, saya fikir sama juga, minta Kementerian memberikan tumpuan. Kalau ada betul produk ini, maka sewajarnya ia diberikan keutamaan.

Antara perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam program tersebut yang diadakan di Jasin, beliau menyatakan bahawa produk inovasi yang dihasilkan pencipta tempatan berdepan masalah untuk dikomersialkan kerana rakyat merasa ragu-ragu untuk membeli dan menggunakannya. Saya ingin tanya Kementerian, apakah perancangan dan juga tindakan segera yang boleh dilakukan untuk memastikan agar produk ini tidak ada perkara-perkara yang boleh menghalang untuk dimajukan. Bukan sekadar di rantau, di peringkat di dalam negara, malah juga dirantau dan juga di peringkat dunia ini. Yang keduanya Tuan Pengerusi ialah soal yang terbaru yang dibangkitkan oleh beberapa saintis dalam Majalah Saintifik Malaysia pada bulan 11, bulan ini iaitu pakar-pakar sains telah membangkitkan beberapa masalah yang berkaitan dengan perkembangan sains dan teknologi dalam negara. Di antaranya ialah kemudahan tentang sains ini kebanyakannya kalau mengikut mereka dalam majalah tersebut banyak tertumpu di Kuala Lumpur.

Tidak ada perkembangan di tempat-tempat di luar daripada Kuala Lumpur. Apakah kerajaan dan Kementerian mempunyai perancangan untuk memastikan agar pengembangan ini berlaku misalnya di Kelantan, di Melaka, di Johor dan sebagainya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil tadi membangkitkan soal pembangunan dan juga kemajuan inovasi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Katil, dalam satu bidang iaitu bioteknologi, kemajuan bioteknologi di Malaysia ini sebagai satu bidang baru dalam pembangunan negara di bawah P.30, Butiran 00605 - Bahagian Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK). BIOTEK telah diperuntukkan RM34.98 juta. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bukit Katil, di bawah pembangunan bioteknologi negara ini, ia ada satu insentif diberikan kepada syarikat-syarikat yang melaksanakan bidang bioteknologi ini iaitu dipanggil *bionexus status company*.

Jadi, adakah Yang Berhormat Bukit Katil mempunyai maklumat berapa *company* yang telah diberikan status *bionexus* ini dan saya secara spesifiknya saya hendak tanya kalau ada maklumat. Di Kelantan ada beberapa syarikat. Antaranya Kelantan Bio Teknologi Corporation Sdn. Bhd., adakah syarikat ini atau apa-apa, mana-mana syarikat di Kelantan telah diberikan status *bionexus* ini. Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya jadikan pandangan Yang Berhormat Kota Bharu sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan kedua adalah masalah yang dibangkitkan dalam majalah tersebut ialah soal pendanaan sains yang saya fikir juga penting. Ini kerana di dalam unjuran yang dikemukakan oleh UNESCO misalnya, terdapat ketidakseimbangan di antara saintis dan juga rakyat. Ini kerana kalau ikut statistik UNESCO pada tahun 2011, kita di Malaysia ini hanya ada lima orang saintis daripada 1,000 orang pekerja. Berbanding dengan negara jiran, Singapura, 13 daripada 1,000 pekerja. Saya fikir pendanaan ataupun *funding* ini, dengan izin, juga perkara yang perlu diberikan titik berat. Ini kerana soal ketidakseimbangan ini yang saya fikir perlu oleh para saintis ini untuk membantu projek-projek mereka untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh.

Yang seterusnya Tuan Pengerusi ialah soal Akta Sains Negara. Saya difahamkan, mengikut pembacaan saya, saya mungkin silap, mohon diperbetulkan, akan dibentangkan di Parlimen. Jadi, saya ingin tahu sedikit. Kalau sudah ada persiapannya, apakah perkembangan akta ini? Apakah keutamaan diberikan kepada soal sains dan juga peluang-peluang pekerjaan yang berkaitan dengan sains ini? Ini kerana ini perkara yang saya fikir ramai mereka yang mendapat pendidikan di dalam bidang sains ini memerlukan satu jaminan kerajaan. Misalnya, *neuro* saintis, mereka perlukan juga jaminan daripada kerajaan untuk memastikan agar kerjaya mereka dan bidang-bidang yang mereka ceburi itu boleh dikembangkan di dalam negara kita.

Yang seterusnya Tuan Pengerusi ialah soal isu *recognition* atau pengiktirafan inovasi tempatan. Berdasarkan semakan saya, ada tiga agensi yang terlibat dalam kawal selia inovasi ini. Yang pertama, Unit Inovasi Khas atau UNIK. Kemudiannya saya difahamkan ada Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan *Malaysian Productivity Center*. UNIK dan AIM ini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala MPC ataupun *Malaysian Productivity Center* ini di bawah MITI. Jadi, saya ingin tanya, mengapa semuanya tidak berada di bawah MOSTI. Ini seolah-olah membuktikan bahawa peranan pengupayaan inovasi di kalangan rakyat Malaysia tidak dilaksanakan di bawah MOSTI selaku kementerian yang bertanggungjawab di dalam hal ini.

Ini juga wujud gambaran seolah-olah tidak wujud desentralisasi antara Perdana Menteri dan Menteri bertanggungjawab, malah dalam konteks yang lain memberikan kesan kepada unjuran kewangan yang membabitkan kedua-dua kementerian antara JPM dan juga MOSTI serta agensi-agensi yang berkenaan. Justeru, saya cadangkan agar pada tahun 2015 ini Tuan Pengerusi, kawal selia pengurusan agensi-agensi ini diletakkan sepenuhnya di bawah MOSTI agar fungsi MOSTI itu lebih dilihat dalam konteks pengupayaan inovasi di kalangan rakyat.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah soal Tahun Pengkomersialan MOSTI 2014 yang ada tertera di dalam *website* MOSTI sendiri. Cuma saya ingin hendak tanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya membaca *website* ini dan dilihat kita telah membelanjakan lebih kurang RM3.87 bilion dalam RMKe-9 dan bagi RMKe-10 setakat ini RM831.4 juta.

Saya fikir jumlah yang dibelanjakan untuk memaksimumkan pulangan pelaburan ini cukup tinggi. Jadi, saya ingin tahu apakah ada kejayaan-kejayaan, *success story*? Adakah berbaloi wang rakyat yang digunakan sebanyak ini untuk memastikan agar negara kita ini ada inovasi yang cemerlang? Ini kerana ia merupakan antara pra-syarat untuk menjadikan negara kita sebagai *high income country*. Kalau kita tidak keluar daripada kepompong ini, akan meletakkan kita kepada suatu asakan daripada negara-negara jiran yang sekarang ini telah pun keluar pun keluar daripada kepompong ini dengan inovasi dan teknologi mereka yang baik.

Yang Berhormat tadi membangkitkan soal STEM yang merupakan singkatan daripada *Science, Technology, Engineering dan Mathematics Education Programme* di sekolah-sekolah. Saya ada satu spesifik tentang perkara ini kerana saya agak terkesan. Oleh sebab ada satu sekolah di Hulu Selangor yang terpilih, Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor yang terpilih di dalam *Cromex Racing Team*. Tuan Pengerusi, dalam sekolah ini ada satu *team*, satu pasukan yang buat kereta F1 ini dan diuji dan sampai ke peringkat antarabangsa. Tidak silap saya di Abu Dhabi. Akan tetapi masalahnya ialah masalah *funding*. Jadi, apabila mereka datang bertemu kita dan sebagainya, saya pun hairan apakah tidak ada koordinasi kah? Kalau diberi, diminta sumbangan dengan sekolah, Kementerian Pendidikan mungkin kata tidak ada peruntukan. Jadi, saya fikir perkara-perkara ini boleh kita atasi kalau perkara-perkara yang berkaitan dengan inovasi, perkembangan sains, sewajarnya MOSTI mempunyai sumbangan yang besar terutama di kalangan peringkat sekolah menengah. Ini kerana saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Bagan Serai yang memberikan pandangan tentang STEM ini.

Jadi, kalau STEM ini kita tidak dukung dengan baik, hilang *steam* dia lah. Ia tidak berkembang. Jadi, yang ini saya fikir perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan dalam Kementerian ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

**7.49 mlm.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung perbincangan anak muda Kapar tadi, merujuk kepada Butiran 020300 - Pusat Sains Negara (PSN), yang mempunyai objektif utama untuk *promote* sains, teknologi dan kehidupan seharian. Akan tetapi adakah cukup hanya pameran di Pusat Sains yang terhad. Sebilangan kecil sahaja yang dapat hadir ke Pusat Sains. Jadi, saya berharap kementerian perlu juga membuat pendedahan mengenai sains dan teknologi ini melalui mungkin di samping pameran-pameran, aktiviti inovasi, motivasi, penerangan-penerangan yang lebih berkesan. Mungkin melalui tayangan filem atau video di saluran TV Perdana - TV1, TV2,

TV3 yang menjelaskan proses dan mekanisme sebenar dalam alam tabii, perubahan atau industri.

■1950

Rakyat juga perlu dijelaskan bahawa fakta sains dan teknologi boleh digali dalam al-Quran dan Hadis serta dalam kitab-kitab agama dan kebudayaan yang lain seperti dalam Agama Kristian, Hindu, Buddha, Confucian dan sebagainya. Jadi persoalan saya adakah kementerian berhasrat – saya sudah bangkit banyak kali jugalah, berhasrat untuk mengembangkannya kepada berbagai-bagai sumber yang lain?

Butiran 050100 – Akademi Sains Malaysia (ASM) yang saya difahamkan berfungsi untuk menasihatkan kerajaan mengenai sains dan teknologi, merangsang budaya sains dan teknologi, menggalakkan kesedaran mengenai sains dan teknologi dan memberi galakan STEM dan lain-lain. Jadi, sejauh mana Akademi Sains Malaysia ini membantu memajukan sains dan teknologi? Saya difahamkan juga Akademi Sains Malaysia ini juga menjadi koordinator juga dalam R&D. Jadi, sejauh mana sumbangan Akademi Sains Malaysia ini kepada pembangunan sains dan teknologi negara. Saya difahamkan juga Akademi Sains Malaysia ini juga mengurus Tabung Penyelidikan Ranjeet Bhagwan Singh. So, siapakah sasarannya?

Butiran 070300 dan Butiran 080300 – Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi dan di bawah Maksud P.30 Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Jadi, sejauh mana kementerian mengawal agar penyelidik berjaya melaksanakan R&D hingga dapat dikomersialkan memandangkan ada teguran daripada Audit Negara yang menyebut ada lima projek R&D ditamatkan walaupun kerajaan telah membuat pembayaran dana berjumlah RM3.1 juta. Di samping itu ada lebih peruntukan dana sains yang tidak dibelanjakan sebanyak RM0.83 juta di tiga daripada empat *research management centre* yang tidak dipulangkan balik lagi. Jadi saya minta penjelasan atau pencerahan.

Secara umumnya R&D mencapai kejayaan yang baik dan saya minta sedikit perincian mengenai perkembangan R&D sekurang-kurangnya pada tahun 2013. Akan tetapi adakah peruntukan R&D yang disediakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dapat dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik secara menyeluruh? Ini kerana saya difahamkan mungkin hanya sebahagian sahaja daripada *allocation* yang diberi itu digunakan oleh penyelidik. Adakah ia kerana ada banyak lagi tabung-tabung R&D ataupun kemampuan penyelidik-penyelidik itu sendiri dalam menghasilkan penyelidikan yang boleh dikomersialkan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.53 mlm.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam 1Malaysia, salam 1MOSTI kalau dekat MOSTI lah. Orang lain ada salam kita pun ada salam.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya mengucapkan terima kasih atas beberapa Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi pihak kementerian saya.

Akan tetapi ada yang sebenarnya tidak perlu jawab kerana dia tidak faham apa yang disoal terutama Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah, dia bertanya fasal Agensi Angkasa tetapi dia tanya angkasawan yang kedua. Adakah peruntukan kementerian saya minta angkasawan yang kedua? Setahu saya tidak adapun dalam ini angkasawan kedua. Saya ingat dia cakap tetapi dia tidak faham apa yang dia cakap. Saya sudah berapa kali tanya, cakap sini tidak adapun tulis, ini peringkat Jawatankuasa tetapi tidak kata pun ini angkasawan. Apa yang saya tahu ada RazakSAT-2, mana ada angkasawan?

Saya tengok, saya ada senarai ini semua. Jadi itu semua saya tidak boleh jawab termasuk Yang Berhormat Sepang pun tadi. Yang Berhormat Sepang pun ada buat celahan, cerita fasal mikrograviti pun dia tidak faham kerana itu kita cerita fasal penyelidikan RazakSAT-1. Ini yang diceritakan oleh Yang Berhormat Stampin sekejap lagi, saya akan ulas perkara itu. Jadi Yang Berhormat Rasah dia baru datang, apa Yang Berhormat Rasah tanya tadi saya tidak perlu jawab kerana dalam peruntukan ini tidak tulis pun kata peruntukan di bawah, ianya memerlukan angkasawan yang kedua.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya., saya benarkan ya, tidak ada masalah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ini Agensi Angkasa Negara, jadi saya cuma tanya adakah kita akan teruskan projek angkasawan negara yang kedua? Takkan itu tidak boleh dijawab?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sudah, sudah?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sudah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sila duduk. Fasal masa permulaan Yang Berhormat Rasah tanya saya tadi membacakan peruntukan di bawah saya ingat Yang Berhormat sudah lama dekat Parlimen saya baru. Ini peringkat jawatankuasa ya, bercerita fasal peruntukan. Saya baru dekat sini tetapi saya faham Yang Berhormat Rasah tidak faham. Sebenarnya cerita itu adalah di bawah peringkat dasar ini peringkat jawatankuasa mesti topik kepada peruntukan yang saya pohon bagi pihak kementerian. *[Disampuk]* Saya ingat itu Yang Berhormat Rasah tidak faham, saya kata...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri baca balik, baca balik Hansard...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya boleh jawab, *no* Yang Berhormat. Sila, sila boleh duduk.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Baca balik *Hansard*, saya mempersoalkan Agensi Angkasa Negara diperuntukkan RM84 juta, betul tidak?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, itu betul, betul.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Lepas itu saya mempersoalkan berapa anggota atau berapa kakitangan yang terlibat dalam agensi ini dan apakah sumbangan agensi ini terhadap

negara? Berapa rakyat Malaysia yang diberi manfaat daripada agensi ini Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat boleh cerita tetapi itu tidak ada dalam soalan Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ada.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya catat semua, saya catat semua apa Yang Berhormat cakap.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya ada.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak ada.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kita rujuk balik video, rujuk balik *Hansard* esok.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya boleh rujuk, tidak ada masalah tetapi saya tahu Yang Berhormat tidak faham tentang produk-produk itu semua pun Yang Berhormat tidak faham, yang sebenarnya Yang Berhormat tidak tanya pada saya. Yang Berhormat bertanya saya tentang angkasawan yang kedua, yang itu tidak masuk dalam peruntukan yang saya memohon.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma tertarik dengan perkataan angkasawan negara sahaja. Saya memang ada persoalkan peruntukan untuk Agensi Angkasa Negara, sila semak balik ucapan saya.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya saya catat, saya catat Yang Berhormat duduk. Sila duduk saya ada catatan ini semua. Ya Yang Berhormat memang tidak faham tentang apa Yang Berhormat cakap kerana dia tidak cerita pun. Yang Berhormat Stampin ada faham sedikit-sedikitlah tetapi Yang Berhormat memang tidak faham semua kerana Yang Berhormat bercerita fasal angkasawan kedua, bercerita tentang peruntukan...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tidak perlu jawab.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kalau tidak sudi, kalau tidak sudi jawab isu angkasawan negara...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Pengerusi, saya boleh jawab tetapi...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya rasa tidak perlulah guna alasan saya tidak faham.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *No*, saya boleh jawab, semua projek itu di bawah tangan saya tetapi *I am very strict* oleh kerana ini adalah peringkat Jawatankuasa yang perlu saya jawab pada peringkat Jawatankuasa kerana Yang Berhormat telah lama dalam Parlimen ini. Ini cerita, ini memohon daripada Agensi Nuklear saya boleh bacakan di bawah Agensi Angkasawan, Program Pembangunan Pameran Angkasa RM84.1 juta. Program Satelit RazatSAT-2 minta RM271 juta tetapi kita hendak belanjakan RM80 juta. Ini *clear*, tidak ada cerita fasal angkasawan dua, ini peringkat Jawatankuasa kalau peringkat dasar saya boleh cerita.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, sila duduk, saya ada banyak kerja lagi. Yang Berhormat akan tanya benda yang sama nanti.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Duduk, saya akan teruskan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Cukup, cukup. Yang Berhormat Stampin pula.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sebanyak RM84 juta diperuntukkan...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Pengerusi, saya tidak benarkan dia bercakap.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya hendak tanya di Agensi Angkasa Negara ini ada berapa kakitangan dan apakah sumbangan mereka?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat jangan— *check* balik dalam, *you* tidak tanya berapa ...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak ada, saya catat semua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Dengarlah apa yang saya kata...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya catat semua sekali.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Takkan saya baca teks pun salah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak ada. Cukup, cukup duduk. Yang Berhormat salah, saya tidak boleh jawab.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya sudah cukup. Saya hendak jawab.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Pengerusi, saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ini pula Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ada tanya fasal penyelidikan mikrograviti manfaat, program penyelidikan. Betul, itu saya catat dan benda itu sebenarnya tidak masuk dalam program. Yang Berhormat ini peringkat Jawatankuasa ya, ini peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ini peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tahu, Menteri sabar dulu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Faham ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri sekejap. Boleh duduk sekejap...

## ■2000

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, saya hendak tahu Yang Berhormat faham tidak ini, *insya-Allah* boleh lulus.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya faham, saya hendak katakan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab. Sebab Yang Berhormat Menteri jangan terlalu sangat semantik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, walaupun tadi soalan saya itu berkaitan dengan hasil penyelidikan sebab pergi duit gunakan peruntukan RM40 juta untuk buat penyelidikan. Kalau Yang Berhormat Menteri katakan tidak masuk dalam angkasa negara, masih lagi masuk dalam Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi di bawah Butiran 0703030.

Maknanya Yang Berhormat Menteri, ini untuk kepentingan ramai. Saya hendak tanya telah dihantar katanya analisis itu ke Jepun. Jadi, kita ingin tahu apakah pencapaian dapatan *finding* nya. Bagaimana rakyat dapat manfaat daripada kajian itu? Tidak salah Yang Berhormat Menteri menjawab di bawah Butiran 070000 itu iaitu Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Saya rasa itu termasuk dalam kategori itu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya ingat yang itu Yang Berhormat Stampin boleh jawab kot. Soalannya Yang Berhormat Stampin ada soal saya penggal yang lepas dengan jawapan yang *very comprehensive*. Betul Yang Berhormat Stampin, tolong bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini apa? Lagi tidak faham peraturan mesyuarat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *No, no.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lagi tidak faham peraturan mesyuarat. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** *No.* Saya sudah jawab soalan itu dengan jelas. Saya minta Yang Berhormat Stampin bangun betul tidak dia ada kemukakan soalan yang sama dan saya telah menjawab secara *detail*.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Stampin terkejut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa jadi Menteri ini? Ini lagi tidak faham peraturan mesyuarat. Apa punya minister ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Baik, okey, okey tetapi sebenarnya saya tidak boleh jawab...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak boleh ajar orang tentang peraturan mesyuarat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Saya minta, Yang Berhormat Timbalan Menteri kita kena ajar sedikit Yang Berhormat Tangga Batu lah. [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak faham peraturan mesyuarat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya sudah jawab semua semasa pertanyaan Yang Berhormat Stampin dalam penggal Parlimen yang lepas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau nak suruh Yang Berhormat Stampin jawab, dia jadi Menterilah. Yang Berhormat Menteri letak jawatan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Kalau jadi Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya sudah jawab soalan Yang Berhormat Stampin dalam sesi Parlimen lepas. Boleh *check* dalam *Hansard*.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *You* jawab sesi lepas, sekarang soalan ditimbulkan...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak payah tanya, jangan buang masa, jangan buang masa.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, *time for kit kat* lah, *time for kit kat*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Dewan riuh*] Ini Menteri kedekutlah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Jawapan-jawapan yang sama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Menteri kedekutlah namanya ini. Menteri kedekut.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri kedekut.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat Stampin. Cukup!

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you* sudah jawab semua soalan, tidak payah datang lagilah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan standard Menterilah macam ini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sekarang saya hendak jawab. Duduk, duduk, duduk. Duduk, saya tidak bagi peluang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak bagi peluang, tidak bagi peluang. Baliklah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak nak sudah, baliklah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Pasal tidak faham. Ini peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jawab sahaja lah kalau tahu. [*Dewan riuh*]

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya hendak suruh...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Menteri-menteri lain boleh jawab.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Suruh dia bercakap benar kah tidak?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Apa Menteri ini? Apa punya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey, duduk, duduk. Okey, duduk. Untuk...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mamak itu duduklah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Pasal soalan itu, Yang Berhormat Stampin sudah tanya *detail* Tuan Pengerusi. Saya sudah jawab dengan *detail* dalam persidangan Parlimen yang lepas. Jadi, saya tidak hendak membuang masa. Yang Berhormat Stampin ada tanya saya pasal **RazakSAT**. **RazakSAT** sebenarnya Yang Berhormat Stampin, Projek **RazakSAT** itu kita ada masalah sedikit. Saya sudah jawab dalam pertanyaan yang lepas. Oleh kerana perkara itu ada berlaku...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, ini peruntukan baru Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ini peruntukan baru.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ada berlaku sedikit gangguan semasa **RazakSAT**, kita kena lebih berhati-hati dalam Razak yang kedua. Itu pasal kita memilih rakan kongsi yang memberi manfaat kepada kita. Tentang cerita pasal pembaziran 162 orang itu, sebenarnya kita belum buat keputusan lagi siapa rakan kongsi kita. Saya tahu tadi Yang Berhormat Bukit Mertajam ada bercerita tentang ATSB. Saya tahu kita sebenarnya tengah mencari rakan kongsi yang memberi manfaat kepada kita semua.

*Insya-Allah* kita tidak membazir kerana kita telah merancang akan menghantar satu satelit *fully* daripada kita walaupun mungkin *launching pad* itu kita tidak buat. Kita mungkin pilih di beberapa tempat kerana tidak *economical* kita mengadakan *launching pad* tetapi pada tahun 2024 kita panggil Satelit Malaysia. Kita sedang merancang dan orang kita pun ada, tidak membazir. Mereka sudah belajar, mengkaji dan kita pun telah menghantar mereka berkursus di seluruh dunia untuk menjadikan program satelit kedua ini adalah satu satelit yang berkesan. *Insya-Allah* tidak ada masalah itu. Silakan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang kepada Stampin dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh Stampin minta laporan *post mortem* bagi **RazakSAT** supaya Stampin juga boleh tolong meneliti dengan pakar-pakar yang Stampin ada. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Boleh, tidak ada masalah. Akan tetapi sebenarnya semasa Yang Berhormat Stampin tanya saya pada Parlimen yang lepas benda itu ada dalam tetapi saya boleh bagi sekali lagi. Tidak ada masalah.

Tentang Satelit 1, saya ingat **RazakSAT**, **RazakSAT-2**, saya ingat itu saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat Stampin. Selepas itu saya pergi ke Bagan Serai. Sebenarnya Yang Berhormat Stampin, saya hendak tanya, saya sebenarnya ada mempunyai data yang *detail* di sini. Sebenarnya kita bila cerita pasal data *referred journal* itu sebenarnya bagi kita itulah bukan bagi pihak MOSTI, Tuan Pengerusi bukan itulah tujuan kita yang sebenarnya. Saya bagi oleh kerana Yang Berhormat Stampin tadi minta secara bertulis yang *detail* tetapi saya ada setakat yang saya ada saya bacakan dahulu supaya Yang Berhormat Stampin berpuas hati ya.

Okey, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan selepas kita berbelanja RM2.8 juta untuk penerbitan antarabangsa sebanyak RM5,470. Yang ini di bawah pembiayaan MOSTI. Tidak termasuk pembiayaan universiti. Untuk penerbitan dalam negeri, *national* RM11,131 yang menjadikan jumlahnya RM16,601. Setakat 31 Oktober, penerbitan yang dibiayai oleh MOSTI antarabangsa RM1,289, *national* RM490 menjadikan jumlahnya RM1,779. Yang *referred* tidak *referred* itu kita akan bagi kemudian kerana data itu tidak ada pada saya, kerana sebenarnya ini adalah penerbitan daripada pihak yang menggunakan pembiayaan MOSTI sahaja. Pembiayaan daripada penyelidikan yang lain bukan di bidang kawalan pihak MOSTI.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kalau boleh minta kategorikan dari segi IPTA dengan IPTS. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Boleh tetapi yang mana dibiayai oleh MOSTI sahaja. Terima kasih. Tentang Yang Berhormat Bagan Serai tadi, Yang Berhormat Bagan Serai bercerita banyak tentang Dasar STI. Sebenarnya Yang Berhormat Bagan Serai memang dasar 60/40 ini sebenarnya ialah dasar Kementerian Pendidikan.

Jadi, saya tidak berani menjawab kerana ini dasar kementerian tetapi kita buat macam-macam yang kita lakukan untuk menjadikan sains bukan satu benda yang menakutkan. Itu pasalnya apa yang kita buat sekarang ini kita berjalan satu Malaysia, membuat pembayaran sana dan sini satu Malaysia dan kita juga bercadang beberapa kaedah baru seperti tidak lama lagi kita sudah merancang hendak membuat satu *science channel* yang dipanggil MOSTI punya atau MOSTI *channel* atau *science channel* yang bercerita tentang sains.

Selepas itu, kita juga selain daripada itu sebenarnya agensi-agensi di bawah kementerian saya yang membangunkan ST seperti STI ini dipanggil Sains dan Inovasi di bawah Pusat Sains Negara, di bawah Planetarium bahagian IMP dan Akademi Sains Malaysia. Akan tetapi benda ini kita lakukan dengan komprehensif, bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Jadi, dasar 60/40 itu sedang berjalan dan ini telah dilakukan secara komprehensif dan kita juga telah menyediakan sebahagian wang yang besar untuk membiayai produk-produk begini.

Tadi Yang Berhormat Bukit Mertajam ada bercerita pasal - sebenarnya bagi pihak Kementerian Sains tidak ada beza sekolah Cina kah, tidak ada beza. Kerana itu kita kebanyakannya kita mempromosikan sains ini tidak mengira di mana-mana sekolah atau di mana-mana tempat. Akan tetapi soalan itu boleh ditujukan lebih kepada Kementerian Pendidikan, tidak di Kementerian Sains dan Inovasi.

Tentang MOSTI tidak diklasifikasikan - perancangan universiti yang telah / ingat universiti mempunyai kaedah yang tersendiri dan kita mempunyai kaedah yang tersendiri pasal ini adalah kementerian yang berlainan. Walau bagaimanapun apabila kita membuat promosi sains kita akan melibatkan di bawah semua kementerian.

Yang Berhormat Bakri bertanya pasal metrologi. Yang Berhormat Bakri tidak ada? Oh ada, ada Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri, memang sebenarnya ini pun namanya ramalan. Namanya ramalan, saya sudah cerita. Memang dari segi ramalan kita mempunyai peralatan yang begitu cepat, begitu sofistikated. Kita menggunakan kaedah yang terbaru yang ada pada saya yang dipanggil, ada satu kaedah baru. Tadi saya hendak cerita, dipanggil kaedah *numerical*.

Satu kaedah *numerical* dipanggil sistem ramalan cuaca *numerical* di Jabatan Metrologi menggunakan keadaan yang sangat *advance* yang boleh meramalkan cuaca dan benda ini sebenarnya kalau benda yang kritikal, walaupun kita mengadakan melalui televisyen dan radio ramalan cuaca, tetapi apabila sampai itu kita akan beri kepada Majlis Tindakan Negara. Kita akan salurkan, maknanya apa data yang dikeluarkan untuk amaran awal dipanggil di sini Agensi Bencana Negara. Jadi, kita akan salurkan melalui Agensi Bencana Negara yang di *coordinate* oleh peringkat kebangsaan. Kita akan bagi data bagi pihak cuaca...

#### ■2010

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Pengerusi, Bakri hendak tanya satu soalan. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Di sini saya hendak tanya Timbalan Menteri, adakah alat-alat ini digunakan di HQ sahaja atau di setiap negeri dapat alat-alat baru ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sebenarnya di semua pusat ramalan cuaca di seluruh Malaysia. Jadi kita akan salurkan ke Kuala Lumpur dan lepas itu barulah kita edarkan kepada agensi pusat ataupun di agensi rencana yang akan mengumumkan kepada peringkat luar. Jadi yang itu datang daripada Yang Berhormat Bakri.

Selepas itu saya tengok pula, yang saya hendak panjang sedikit kawan saya dari Bukit Katil, hendak jawab persoalan Yang Berhormat Bukit Katil. Saya suka mana Yang Berhormat mempunyai *spy* suruh saya bercakap di negeri itu, baik *Alhamdulillah*. Memang saya bercerita, sebenarnya bila bercerita fasal pengkomersialan ini adalah memang satu benda yang saya sangat minat. Memang saya berharap untuk dapat wang sebanyak RM500 juta tetapi kita dapat lebih kurang dalam RM290 juta, *it's not bad* ya. Dalam ucapan itu, kita memang mempunyai kadar pengkomersialan yang sangat rendah. Kalau kita tengok daripada data yang saya ada, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Berhormat Bukit Katil, saya duduk di kawasan Bukit Katil.

Okey, untuk kadar pengkomersialan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 6.87% daripada projek yang diluluskan. Maknanya kita lulus, dapat 6.87% tapi kalau setakat projek yang siap, kadar pengkomersialan 8.13% dan masa kita penuhi borang untuk minta geran itu, kita tanya apakah produk anda berpotensi untuk dikomersialkan, dia kata *yes* dan kadar daripada jumlah yang dijanjikan ialah 26.56%. Itu untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh pula, 3.48% maknanya masih lagi berjalan daripada jumlah produk yang 3.48% untuk projek yang diluluskan. 15.30% daripada projek yang telah siap dan yang dijanjikan kita hendak komersialkan 22.78%. Ini menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, produk pengkomersialan ialah 6.02% daripada projek yang diluluskan, 8.73% daripada projek yang telah siap, 25.93% daripada produk-produk yang menjanjikan produknya boleh dikomersialkan. Jumlah ini dilihat adalah bagi pandangan MOSTI, kementerian saya, ini adalah satu jumlah yang sangat rendah kerana ia berkisar di sekitar 8% ke 10% dan saya menjangkakan untuk menjadikan perkara ini berlaku. Saya hendak naikkan kalau boleh kepada 10% ke 15% untuk tahun 2020.

Jadi bila cerita fasal saintis, saintifik di Malaysia ini bertumpu di Kuala Lumpur, tidaklah begitu kerana kita hanya ada Pusat Sains Negara di Kuala Lumpur, kita ada Planetarium dan kita juga ada di beberapa negeri pusat sains termasuk di Melaka pun ada, di Kedah pun ada. Saya sudah pergi tetapi bergantunglah berapa banyak orang yang hendak pergi *and so on*. Selepas itu, dicelah oleh Yang Berhormat Kota Bharu pula, Yang Berhormat Kota Bharu cerita fasal BioNexus. Memang kalau hendak bekerjasama dengan bioteknologi, ia kena menjadi sebuah syarikat BioNexus.

Saya ingat jumlahnya, nanti saya beritahu kemudian, kalau tidak salah saya 251 yang saya ingatkan fasal benda ini pernah ditanya kepada saya dalam Dewan, 251. Ini sebenarnya hendak menentukan, BioNexus ini hendak menentukan betul atau tidak syarikat itu benar-benar terlibat dalam bidang bioteknologi. Itu sahaja, tujuan kita hendak tahu modalnya berapa, ia sendirian berhad, aktiviti yang terlibat dalam BioNexus, bioteknologi. Itu sahaja, kita tidak kisah datang daripada mana.

Saya tidak dapat *detail* daripada Kelantan berapa, saya tidak tahu tetapi ini adalah satu benda yang tidak ada pembahagian daripada negeri tetapi setakat ini saya tahu 251 buah dan ia *free for all*, siapa yang rasa dia ada aktiviti bioteknologi, hendak mendapat manfaat daripada geran daripada *biotech*, dipersilakan mengiktiraf diri syarikat tuan-tuan mendapat pengiktirafan BioNexus.

Untuk agensi *you call it* Inovasi Malaysia. Sebenarnya Tuan Pengerusi, ia mempunyai bidang tugas yang berlainan dan saya pun tidak berhasrat untuk menyatukan perkara ini kerana kementerian saya hanya bercakap daripada bidang kementerian. Pihak Kementerian Sains ini namanya pun Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Maknanya ini adalah kementerian yang menumpukan sepenuh perhatian kepada projek-projek penyelidikan yang mana kita tidak kisah kerana mungkin ada agensi lain yang unik, dia hendak melahirkan usahawan begitu ya tetapi di pihak kementerian kita berpuas hati kalau produknya boleh dikomersialkan.

Maknanya boleh dijual di *supermarket*, digunakan oleh rakyat, digunakan untuk pembaikan pada kehidupan, boleh dipatenkan dan digunakan untuk masyarakat atau digunakan pada rakyat harian. Jadi ketiga-tiga agensi ini tidak mempunyai kesamaan dan MOSTI adalah satu kementerian yang diberi untuk membiayai kerja-kerja penyelidikan dan akhirnya mengkomersialkan produk-produk tersebut.

Okey, tahun pengkomersialan. Apabila saya datang ke kementerian, ini yang saya lakukan. Memandangkan jumlah kadar pengkomersialan yang sangat rendah tadi, oleh sebab itu masa kita dalam perbincangan, kita telah menjadikan tahun 2014 adalah tahun pengkomersialan produk. Ini sebenarnya saya punya idea setelah berbincang dengan menteri dan kita mensasarkan sebanyak 60 produk dikomersialkan pada tahun ini. Jadi ini kerana kita tidak mahu duit yang begitu banyak tetapi nanti orang tanya kita berapa produk sudah boleh jual, ini benda yang saya perlu lakukan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Kuala Kangsar tanya sikit boleh?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak perasan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya hendak tanya kepada timbalan menteri bahawa boleh beri contoh-contoh *success stories* daripada R&D kepada yang telah *dicommercialize* kan, yang telah dikomersialkan. Contoh-contoh satu dua sahaja.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya boleh bagi 60 kerana saya mempunyai *success story* yang menarik tetapi kertas di sini banyak sangat. Okey, untuk *direct to the point* produk dikomersialkan di bawah tahun pengkomersialan, ia ada banyak bahasa Inggeris. Nama produk satunya dipanggil S-L-U-R-T, SLURT tidak tahu apa hendak cerita. Yang kedua – *Venom Mark*. Ketiga – *My Trust Seal*, yang keempat – *secure me data leakage provision system*. Yang kelima – *Maverick*, yang keenam – *touch and gap a mobile device management the uses of MIMOS for mobile technology*. Cukuplah ya, ada 67 semua.

Okey, jadi berkenaan dengan kereta F1 tadi Yang Berhormat Bukit Katil. Sebenarnya kita kena tengok ada unsur – kadang-kadang orang yang tidak faham sains ini dia ingat semuanya ada unsur inovasi. Kadang-kadang banyak orang dia kata dalam F1 itu tidak ada unsur, itu kreativiti. Jadi inovasi maksudnya satu benda yang kalau dicipta gear baru, tayar baru, itu boleh kita biayai. Kalau dia saja buat kereta, satu negara dia *race*, itu tidak boleh di bawah MOSTI kerana kita *strict to the rule*. Ini adalah untuk kerja-kerja penyelidikan. Nanti bila saya bagi pula, nanti tanya pula kenapa bagi buat *Formula 1*, pun saya kena jawab. Jadi untuk *Formula 1*, bukan inovasi. *Clear* ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Minta celahan sedikit. Boleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sikit sahaja, cuma saya hendak tanya yang adakah STEM itu seperti diulas panjang oleh Yang Berhormat Bagan Serai, itu dikategorikan juga antara inovasi ataupun itu hanya kreativiti untuk STEM kerana saya percaya F1 yang dibuat oleh Sekolah Sains Hulu Selangor ini bukan *Formula 1* yang kita biasa

tengok ini. Dia *design*, dia cari idea. Adakah itu inovasi ataupun kreativiti? Itu saya minta pencerahan sebab orang hendak faham sangat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya rasa itu hanya kreativiti Yang Berhormat Bukit Katil, yang itu hanya kreativiti ya, bukan inovasi. Nanti saya beritahu makna inovasi dengan *detail*. Jadi yang STEM itu ialah sebenarnya ia di bawah Kementerian Pendidikan, kita hanya *support* tetapi ia adalah satu sistem pengajaran yang seperti kata Yang Berhormat Bagan Serai tadi untuk membudayakan sains supaya orang jangan takut dengan sains supaya dasar 60/40 negara ini dapat menjadikan kita sebuah negara maju pada tahun 2020.

#### ■2020

Okey, tentang pengkomersialan tadi. Satu yang saya hendak cuba buat Yang Berhormat Bukit Katil, saya sekarang ini selepas setahun pengkomersialan saya tengah fikir apa benda hendak buat, hendak merencanakan lagi industri inovasi ini. Jadi saya ingat saya hendak bincang dengan pihak kementerian satu dasar baru yang kita hendak buat dipanggil *buyback policy*. *Buyback policy* ini macam ini Yang Berhormat, kalau orang itu cipta satu produk tidak ada orang hendak beli, orang takut hendak beli.

Jadi kalau boleh MOSTI hendak beli dahulu produk itu, kita hendak bagi kepada relevan *department* yang sepatutnya menggunakan produk itu. Katakan dia cipta satu produk yang sesuai untuk pembelajaran. Kita beli kita bagi dekat dia orang untuk digunakan. Kalau dia guna untuk farmasi, kita beli kita bagi dekat farmasi dulu. Kita bukan beli banyak unitlah, kita beli mungkin dalam 10 hingga 15 unit. jadi orang beli produk inovasi ini Yang Berhormat dia akan tanya, "*Orang sudah pakaikah belum?*" *That is the question.*

Kalau kita tanya orang ini pula, dia akan tanya ada orang lain sudah pakaikah belum? Nama pun inovasi. Kalau orang sudah pakai itu bukan nama inovasi. Jadi orang meraguinya. Bila meraguinya kita MOSTI menjadi pelanggan utama. Kita beli. Kalau benda itu sesuai di sekolah, di kantin sekolah, dia kata yang ada ini, kereta bajaklah, macam-macam saya dapat hari ini saya baca, jadi kita beli dahulu, kita bagi supaya dia bagi *feedback*, "*Oh, kerajaan beli dan boleh digunakan.*" Yang ini akan saya cuba buat selain daripada Akta Pengkomersialan yang saya hendak buat pada tahun 2015.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sudah sedikit, sedikit. Banyak lagi ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, fahaman saya berkenaan dengan *buyback* ini contohnya kami dalam TLDM beli satu sistem tahun 1994. Sekarang ini kami sudah tidak pakai, sudah tidak boleh pakai. Jadi ada *spare part*, ada komponen, ada macam-macam *parts of the system* yang kita tidak boleh pakai, kita suruh *company* itu beli balik, ambil balik. Itu yang kita kata *buyback* itu, yang saya faham. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Itu pun betul juga. Macam makan juga. Ada orang kata makan nasi, ada makan mi tapi makan juga. Jadi tidak ada masalah yang itu. Janji produk boleh dikomersialkan, kadar pengkomersialan meningkat tinggi panggillah *buyback* kah, *backbuykah* tapi yang pentingnya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan *buyback*, *buy first!* *Buy first*, bukan *buyback*. Saya bantu, saya bantu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak kisahlah. Kalau kata hendak *buyback*, *buy last* kah tidak kisah, tetapi yang pentingnya Kerajaan Barisan Nasional mementingkan produk inovasi boleh dikomersialkan untuk menjadikan rakyat Malaysia bagus dalam bidang sains dan teknologi. Itu yang penting. Nama tidak penting. Itu fasalnya katalah hendak kata salam apa pun kita tidak kisah, yang pentingnya kita boleh memajukan rakyat. Tuan Pengerusi, bagi saya cakap lagi.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh sekejap.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma ada satu soalan sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengelak daripada menjawab soalan saya mengenai Agensi Angkasa Negara, adakah itu inovasi ataupun kreativiti. [Ketawa]

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ini menunjukkan Yang Berhormat Rasah tadi dia kata sudah jadi wakil rakyat semenjak umur 20 lebih tahun tadi masa ucapannya. Itulah hasilnya duduk di Parlimen 29 tahun. Itulah hasilnya, dia tidak faham apa orang cakap...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...Itu fasalnya apa yang dia cakap tadi semua benda yang tidak betul. Yang saya...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cukup Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Stampin, duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pun duduk ketika Tuan Yang di-Pertua sedang bercakap.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila isu Yang Berhormat Hulu Langat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, ini *last*. Yang Berhormat Hulu Langat dia bertanya saya tentang Pusat Sains Negara. Sebenarnya banyak lagi tempat sudah ada seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, ini adalah sebahagian daripada promosi sains. Sebenarnya kita berjalan satu Malaysia. Kita bawa semua agensi, kita bawa Kementerian Pendidikan, kita bawa agensi penyelidikan dan tadi saya kata *last* sekali saya fikir kita hendak mempromotekan sains di Malaysia ini, saya hendak cadangkan sains *channel* tadi. Sains

*channel* ini dia lebih menyeluruh, dia boleh bercerita tentang sains, tentang *innovation*, belajar kreativiti, kita akan ditanya kejayaan kita. semua benda itu dirangkumkan, jadi secara tidak langsung serampang dua atau tiga mata. Pertama kita boleh menunjukkan produk inovasi kita, yang kedua kita menimbulkan minat sains kepada pelajar-pelajar kita.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [*Bangun*]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh Stampin sekejap. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya bagi sana, bukan sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah kementerian akan mewujudkan satu *channel* khas dalam saluran TV kita. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, sebenarnya kita dalam kajian, tetapi mungkin kita akan mewujudkan satu *channel* baru yang mungkin permulaannya kita sudah hendak *launch* tidak lama lagi, tetapi itu menggunakan geran penyelidikan. Mungkin tiga atau empat jam seminggu, tetapi dia akan pergi sampai 12 jam. *Insyallah* satu sains baru dipanggil Sains *Channel* akan kita lakukan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tapi saya terlepas iaitu saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerima dan mengkaji secara mendalam iaitu cadangan saya memberi perhatian yang serius kepada cadangan saya bahawa kita boleh *invest* dengan satu program *launch capability* bagi angkasa program kita. Kalau boleh saya boleh mengimbang kepada kementerian.

Cadangan yang kedua saya amat *interested*, tertarik kepada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi *buyback*. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh *keep in posted*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Pengerusi, ini orang faham. Dia faham, apa dia cakap dia faham. Terima kasihlah. Saya ingat itu ialah orang faham. Jadi saya ingat itu sahaja. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar sudah jawabkah?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Apa dia?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar? Jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Untuk saya jawapan bertulis ya.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Apa dia?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Butiran...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Soalan Yang Berhormat Kapar itu soalan salah agaknya saya tidak jawab. *[Ketawa]* Sekian sahaja, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya *refer* butiran tanya keperincian boleh salah? Pening. Saya tanya macam mana hendak belanjakan butiran itu, boleh salah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM727,057,500 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM727,057,500 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM610,570,600 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM610,570,600 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Maksud B.48 [Jadual] –  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong, sila.

**8.28 mlm.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lenggong sebelah saya ini bising betul orang hendak cakap. Okey, saya terus kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Lenggong bising itu butiran berapa?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Butiran tersasar!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Butiran luar bidang. Jadi saya teruskan sahajalah, serius, serius. Butiran 090700 – Program Pengarah Wanita (NIEW). *[Disampuk]* Program Pengarah Wanita ini kita harap dapat memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai wanita yang mempunyai kebolehan, *qualification* untuk memegang satu jawatan tinggi termasuk menjadi ahli lembaga pengarah, syarikat korporat, institusi kewangan, syarikat GLC dan lain-lain. Saya juga dimaklumkan bahawa setakat Oktober 2014 ada seramai 828 wanita yang telah dilatih di bawah Program Pengarah Wanita ini.

Jadi soalan saya kepada pihak kementerian adalah dalam memilih peserta-peserta untuk masuk di dalam Pengarah Wanita ini, siapakah yang dipilih untuk menjadi panel untuk menentukan peserta program tersebut? Dan seterusnya bagaimanakah profil wanita yang menyertai program-program ini, kalau boleh dimaklumkan mengikut pecahan umur dan juga profesion mereka.

■2030

Seterusnya soalan saya mengenai perkara ini adalah apakah ada program-program susulan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk wanita-wanita yang telah tamat program wanita ini?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya mohon pihak kementerian untuk menyatakan daripada jumlah wanita yang telah dilatih ini, berapa ramaikah sebenarnya yang telah terpilih dan diletakkan untuk menjadi pengarah di syarikat-syarikat GLC ataupun di syarikat yang disenaraikan. Sekiranya ada statistik dan data tersebut, diharapkan data itu dapat diberikan sebab kita hendak tahu juga sama ada terdapat keberkesanan program pengarah wanita ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Seterusnya di bawah topik yang sama, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu sistem *mentor-mentee* di mana golongan wanita yang telah mendapat ataupun berjaya menjadi pengarah ini berkemungkinan boleh digunakan untuk berusaha untuk membantu pengarah-pengarah ataupun individu ataupun wanita-wanita lain yang akan masuk dalam program wanita ini.

Seterusnya ke Butiran 020500 iaitu Bimbingan dan Kaunseling. Ada sebanyak 3,468 kes keganasan yang dilaporkan di dalam tahun 2012 di mana kes-kes ini diklasifikasikan mengikut kategori keganasan rumah tangga, *abuse*, rogol dan lain-lain. Jadinya saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian untuk memberi penjelasan mengenai berapakah sebenarnya jumlah yang terlibat dengan *domestic homicide* daripada jumlah 3,468 ini yang dilaporkan ini. Seterusnya soalan saya mengenai butiran ini adalah adakah kementerian ada membuat satu kajian? Sekiranya ada, adakah cadangan yang lengkap telah dibuat mengenai kes-kes ini yang didapati semakin serius dan menyebabkan kematian?

Seterusnya di bawah Butiran 071500 iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah kriteria yang ditetapkan untuk menentukan kesesuaian sesuatu kawasan bagi membolehkan sesuatu kawasan itu menubuhkan pusat aktiviti

warga emas? Seterusnya, apakah sistem pemantauan ataupun penyeliaan yang dijalankan oleh kementerian untuk memastikan bahawa pusat aktiviti warga emas ini sentiasa dalam keadaan sempurna? Apakah kemudahan kesihatan ataupun penempatan doktor juga diwajibkan di pusat aktiviti warga emas ini?

Saya Tuan Pengerusi, saya mendapat maklumat bahawa bilangan warga emas di kawasan Parlimen Parit Sulong ini ada sebanyak 463 orang dan setengahnya apabila saya membuat lawatan, setengahnya ditinggalkan bersendirian di rumah kerana anak-anak mereka perlu keluar untuk membawa pendapatan balik ataupun mereka perlu untuk bekerja. Jadinya, terpaksa meninggalkan ibu bapa ataupun warga emas ini di rumah. Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu pusat aktiviti warga emas ini di kawasan Parlimen Parit Sulong?

Seterusnya ke Butiran 080500 – Lantikan Baru JKM. JKM ini ditubuhkan dalam tahun 1946 kalau tidak salah saya dan di kawasan Daerah Batu Pahat ini terdapat empat Parlimen. Daerah Batu Pahat ini juga adalah daerah yang kedua terbesar daripada segi kepadatan penduduknya di negeri Johor. Jadinya, saya kesian tengok pegawai dan juga kakitangan. Jadinya saya hendak bertanya dan juga memohon kepada pihak kementerian agar bolehlah ditambahkan pegawai penyiasat Jabatan Kebajikan Masyarakat ini untuk Daerah Batu Pahat supaya pengurusan ini dapat dijalankan dengan lebih lancar dan sempurna. Daerah Batu Pahat ini adalah daerah yang mudah kena bencana seperti ribut, seperti banjir. Jadinya, perlu untuk *human resource* ini ditambahkan di peringkat Daerah Batu Pahat.

Terakhirnya iaitu Butiran 020300 – Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian. Seperti yang kita maklum, kita pun tahu banyak kementerian menjalankan pelbagai program yang melibatkan golongan wanita sama ada agensi, sama ada kementerian. Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah pihak kementerian memantau, menyelaras dan juga menilai semua keberkesanan program-program yang dilakukan oleh kementerian-kementerian lain? Bagaimanakah kementerian boleh mengukur setakat manakah faedah ini dapat dinikmati oleh golongan wanita dalam program-program yang dijalankan?

Sebabnya saya juga dalam waktu yang sama Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini dijadikan sebagai satu *focal point* untuk semua kementerian bagi memberi maklumat apabila mereka, kementerian-kementerian lain ini membuat program yang berkaitan dengan wanita, mereka mungkin boleh dicadangkan supaya melaporkan semua aktiviti ini kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadinya untuk memudahkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mengumpul semua *data base* yang berkaitan dengan pembangunan wanita itu sendiri.

Jadinya saya harap pihak kementerian dapat mempertimbangkan apa yang saya sarankan ini agar segala apa yang dibuat oleh pihak kementerian akan terus sampai ke sasarannya. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lanang.

**8.36 mlm.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040900, Butiran 071600 dan Butiran 00503. Tuan Pengerusi, kes anak membuang ibu bapa sendiri semakin meningkat. Anak-anak meninggalkan ibu bapa mereka dalam keadaan tidak terjaga atau terbiar dan hidup sengsara tanpa pembelaan anak-anak semakin menular dan membarah dalam masyarakat hari ini. Saya telah menerima satu kes di mana seorang ibu yang bernama Lau Kim Kiu yang berumur 60 tahun dibiarkan oleh anak sendiri di sebuah bajet hotel iaitu Hotel Emas di Sibu selama lebih tiga tahun.

Pemilik hotel dan pekerjaannya sangat prihatin dan baik hati kerana telah menjaga wanita tersebut selama ini tanpa menerima satu sen pun daripada wanita tersebut. Akan tetapi, sekarang dia menghidap penyakit Parkinson dan pemilik hotel tidak larat menjaganya lagi. Saya telah berusaha untuk mencari anaknya melalui media massa, tetapi tiada berita baik daripada pencarian ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, syarat-syarat kemasukan ke dalam rumah kebajikan di bawah kerajaan atau Rumah Seri Kenangan yang bertujuan untuk memastikan warga emas masih dapat menikmati kehidupan mereka dengan bermaruah adalah sama ada warga emas tersebut berupaya untuk menjaga diri sendiri, tidak menghidap penyakit berjangkit, tidak mempunyai sanak saudara dan tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Saya ingin tahu, bagaimanakah kalau warga emas tidak memenuhi semua syarat ini terutama mereka yang tidak berupaya untuk menjaga diri sendiri sebagai contoh, warga emas yang tidak dapat mengawal perkumuhan mereka? Apakah rancangan kerajaan untuk menolong golongan ini? Saya juga ingin tahu, adakah warga emas yang mempunyai Parkinson dapat masuk ke Rumah Ihsan yang dikhususkan untuk rumah bagi pesakit melarat? Berapakah bilangan Rumah Ihsan yang ada di Sibu, di Sarawak dan keseluruhan Malaysia dan bilangan warga emas yang berada di Rumah Ihsan sekarang serta kapasiti rumah-rumah ihsan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga menerima aduan tentang layanan dan perkhidmatan yang diberi di Rumah Seri Kenangan. Beberapa warga emas yang tinggal di Rumah Seri Kenangan di Jalan Oya, Sibu telah mengadu bahawa mereka diberi layanan yang buruk daripada kakitangan di rumah kebajikan tersebut. Mereka juga mengadu selalu dipukul oleh warga emas lain yang tinggal bersama. Apakah rancangan kementerian untuk mengelakkan warga emas bergaduh atau dibuli di Rumah Seri Kenangan yang sering berlaku? Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk menyasat aduan-aduan tentang tatatertib dan sikap kakitangan di Rumah Seri Kenangan tersebut?

**■2040**

Selain itu, saya telah melawat ke Rumah Seri Kenangan tersebut baru-baru ini. Didapati banyak almari dan kemudahan asas di rumah kebajikan tersebut adalah dalam keadaan yang tidak sempurna. Adakah kementerian bercadang untuk memberi peruntukan supaya kemudahan-kemudahan dibaiki atau ditukar baru untuk keselesaan warga-warga emas yang tinggal di sana?

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu akta untuk mengenakan hukuman ke atas sesiapa yang tidak bertanggungjawab yang membuang ibu bapa seperti *Maintenance of Parents Act* yang ada di Singapura, India dan Taiwan? Pembuangan bayi adalah salah di sisi undang-undang dan dilindungi oleh Akta Kanak-kanak 2001. Saya menggesa agar Dewan yang mulia ini bersama-sama menggubal satu akta baru supaya hak ibu bapa juga dilindungi dan tindakan berat diambil ke atas mana-mana individu yang didapati mengabaikan tanggungjawab mereka.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 040800. Apakah rancangan untuk kanak-kanak *stateless* di Malaysia? Apakah saluran yang akan digunakan oleh kementerian apabila menerima aduan-aduan ini? Saya juga terima satu kes di mana seorang ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak kecil yang hidup dalam keadaan daif. Si suami telah meninggal dunia dan ibunya pula tiada kad pengenalan. Kedua-dua suami isteri adalah dari kaum Iban dan tinggal di rumah 'Anata' di Sibul. Apakah proses bagi ibu tunggal ini memohon bantuan kebajikan memandangkan beliau sendiri tiada kad pengenalan sendiri?

Saya juga ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk membantu golongan kanak-kanak yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan, yang tidak mempunyai ibu bapa atau tempat tinggal yang sempurna? Saya minta penjelasan dan juga ingin minta jawapan bertulis daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

20.42 mlm.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak membahaskan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Butiran 071300 - Komuniti yang peruntukannya RM32.4 juta.

Fenomena gelandangan perlu ditangani di peringkat akar umbi dan tidak boleh diatasi hanya dengan mengharamkan mereka dari kawasan mewah di kota. Golongan gelandangan tidak boleh dilihat sebagai satu masalah bahkan pihak berkuasa perlu melihat apakah masalah yang mereka hadapi. Ini tanggungjawab siapa dan apakah peranan yang diambil oleh kementerian dalam isu ini? Beri bantuan kerja, latihan atau hantar ke rumah kebajikan untuk membantu golongan gelandangan.

Butiran kedua 040600 - Perundangan dan Penguatkuasaan, lebih kurang RM1.36 juta. Isu peminta sedekah di negara ini tidak pernah selesai walaupun pelbagai usaha dan tindakan penguatkuasaan diambil oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat sama ada di bandar besar atau bandar kecil. Pelbagai taktik dibuat. Meskipun terdapat akta yang tidak membenarkan seseorang itu meminta sedekah, namun ia tidak dihiraukan oleh golongan ini yang bergantung sepenuhnya kepada hasil sedekah. Malah, sebahagian daripada mereka bijak mencari lubang dan menggunakan sepenuhnya sikap pemurah rakyat negara ini untuk menagih simpati terutama menggunakan kanak-kanak kecil untuk tujuan ini. Kerajaan seharusnya tangkap sindiket-sindiket yang menggunakan anak-anak dan wanita untuk meraih keuntungan semata-mata. Beri hukuman yang setimpalnya kerana mengeksploitasi kanak-kanak dan wanita.

Ketiga, Butiran 041000 - Kurang Upaya, lebih kurang RM31.1 juta. Pembinaan Sekolah Vokasional Khas Kemahiran untuk pelajar istimewa bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan yang lebih sempurna. Sekolah ini akan melatih golongan OKU dalam pelbagai bidang kemahiran sama seperti sekolah vokasional untuk pelajar normal.

Melalui Butiran 041000 - Kurang Upaya dapat merealisasikan impian golongan OKU di negara ini terutamanya menjadi seperti insan normal. Butiran yang terakhir ialah Butiran 040200 - Perancangan dan Pembangunan, RM1.98 juta.

Kebanyakan rakyat Malaysia tidak merasa bersalah setiap kali menggunakan kemudahan seperti tandas dan *parking* yang disediakan khas untuk golongan OKU selain memberi alasan remeh, antaranya sukar untuk mendapatkan *parking* kosong. Pemantauan yang lebih rapi perlu dijalankan pihak berkenaan bagi menangani masalah penyalahgunaan kemudahan OKU bagi bersama-sama menjaga hak dan keperluan golongan terbabit. Selain itu, kemudahan OKU di lampu isyarat, pengangkutan awam, kompleks urusan kerja perlu dipertingkatkan. Dengan ini, saya menyokong bajet di dalam Jawatankuasa ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**20.46 mlm.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana turut memberi peluang kepada saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa untuk Maksud B.48 dan P.48. Di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin menyentuh Butiran 020200 yang berkaitan dengan Perancangan Pembangunan Wanita.

Saya ingin tahu sejauh mana perancangan kementerian untuk memastikan kaum wanita di dalam negara kita dapat diselamatkan terutamanya daripada eksploitasi terhadap wanita?

Kita tengok hari ini semakin berleluasa, iklan-iklan yang menggunakan wanita. Malah bukan itu sahaja, dalam banyak perkara wanita dieksploitasi. Jadi sejauh manakah kementerian memantau dan menilai supaya wanita ini tidak menjadi alat dagangan bagi pihak-pihak yang mementingkan keuntungan, maruah wanita, memartabatkan wanita itu sepatutnya menaikkan ataupun meningkatkan martabat wanita menjadi agenda besar di bawah Kementerian Wanita Keluarga dan Masyarakat itu sendiri? Jadi, sejauh mana kementerian ini melihat isu ini dan keberkesanan setakat ini?

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 020330 - Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian. Sejauh mana penilaian yang telah dibuat oleh pihak kementerian terhadap semua program yang telah dilaksanakan di bawah Kementerian Wanita Keluarga dan Masyarakat? Sejauh mana mencapai objektifnya? Adakah kelemahan-kelemahan yang telah didapati setakat ini telah ditangani dengan sebaik mungkin? Sebab kalau kita lihat daripada - saya mengambil juga Butiran 090220 iaitu Program 1Azam dan termasuk juga azam niaga di mana kita melihat banyak sangat kelemahan. Di antaranya yang didedahkan sendiri oleh Laporan Ketua Audit Negara di mana bantuan yang diberikan ada yang tidak menepati sasaran. Ada bantuan azam

niaga diberi kepada pelajar sekolah. Ada bantuan azam niaga yang diberi kepada peserta yang tidak selayak. Sepatutnya peserta yang ada dalam senarai e-Kasih ataupun yang berpendapatan bawah daripada RM2,500. Akan tetapi ada yang melebihi tahap ini yang memperoleh peruntukan ini.

Jadi, macam mana perkara ini boleh berlaku? Apa yang paling menyedihkan kita ialah apabila peruntukan yang diperuntukkan ini tidak dibelanjakan dengan sepenuhnya. Sebagai contoh daripada tahun 2011 hingga tahun 2013, baki daripada peruntukan untuk Yayasan Kebajikan Negara, bakinya sebanyak 41.28%. Ini Laporan Ketua Audit Negara. Baki ini pula tidak dibelanjakan mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Jadi saya kira ini adalah pengkhianatan kepada wang rakyat dan wang negara. Jadi seharusnya perkara ini tidak berlaku. Begitu juga pemilihan peserta untuk 1Azam. Ada peserta yang dipilih melalui NADI, melalui Mayang itu, yang selain daripada yang melalui JKM sendiri. Jadi apa yang didapati ada di kalangan pemilihan ini tidak menepati. Jadi, sejauh mana pemantauan dibuat supaya wang negara ini betul-betul sampai kepada sasaran? Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

#### ■2050

Saya ingin juga menyentuh Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat, di mana banyak lagi aduan yang kita terima ialah kelewatan proses permohonan, berbulan-bulan. Di mana SOP yang sebenarnya yang ditetapkan oleh pihak kementerian? Sepatutnya, kalau SOP kita selesai dalam tempoh tiga minggu atau satu bulan, kena selesai dalam tempoh yang ditetapkan.

Rata-rata kita dapati ialah kekurangan kakitangan. Kekurangan kakitangan di antara kekangan yang besar yang didapati terutama di pejabat-pejabat kebajikan di daerah-daerah. Jadi, menyebabkan pemantauan tidak berkesan di bawah. Ada aduan daripada keluarga mereka yang telah memohon sampai berbulan-bulan. Ada yang mati dahulu tetapi bantuan belum diterima. Ada juga penerima bantuan daripada keluarga miskin, suami mereka, atas nama suami, contoh, dapat bantuan.

Jadi, masalahnya apabila isteri hendak memohon kerana isteri juga uzur, warga emas dan tua, susah untuk mendapat kembali. Mungkin kerana kelemahan dari segi kekurangan kakitangan kita. Jadi, saya mengharapkan supaya perkara yang berkaitan dengan kekurangan kakitangan dapat diatasi di semua peringkat, *insya-Allah*.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Butiran 090500 – NKRA : L.I.H-Anjung Singgah, yang mana kita semua tahu isu gelandangan sebagaimana yang kita semua tahu adalah isu besar yang terutama di kawasan bandar. Jadi, setakat ini, berapakah Anjung Singgah yang telah dibiayai di bawah pemantauan program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Apakah bentuk program-program yang telah disusun, bukan semata-mata *one-off* bantuan kewangan tetapi terutama sekali dalam bentuk pemulihan terhadap warga atau golongan peserta yang terlibat.

Saya ingin menyentuh juga tentang Butiran 070300 - Institusi Kanak-Kanak. Di sini kita dapati banyak lagi kanak-kanak dalam negara kita terutama di kawasan sempadan, termasuk

juga saya kira di Sabah dan Sarawak, termasuk juga banyak di kawasan bandar, kanak-kanak yang terbiar, yang terutama anak-anak gelandangan ini yang mereka tidak ada sijil kelahiran.

Jadi, mungkin pengabaian daripada ibu bapa ataupun mungkin kerana bapa atau ibunya adalah daripada rakyat negara asing. Mereka berkahwin tidak mengikut saluran. Akhirnya, yang menjadi mangsa adalah anak-anak. Anak-anak mereka, akhirnya apabila besar, banyak kesannya apabila tidak ada sijil taraf kenegaraan. Jadi, sejauh mana pemantauan yang dibuat, program yang dianjurkan oleh pihak kementerian untuk memastikan anak-anak ini terbela, agar tidak terbiar kehidupan mereka.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Butiran 071800 - Taska OKU. Sejauh mana pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian. Oleh sebab kita tahu keperluan dengan keadaan ramai wanita yang bekerja, keperluan taska ini adalah sangat penting. Sejauh mana kementerian hari ini telah berusaha untuk memastikan jabatan-jabatan kerajaan, termasuk swasta, menyediakan taska sebagai satu keperluan asas, terutama kepada pekerja-pekerja wanita. Sejauh mana pemantauan dibuat terhadap taska-taska swasta? Sebab setiap tahun kita dapati ada kes kematian bayi dan kanak-kanak di taska akibat daripada kecuaiannya pekerja dan sebagainya. Sejauh mana perkara ini dibuat?

Begitu juga tentang pembantu rumah asing yang sekarang menjadi satu fenomena dalam negara kita. Jadi, sejauh mana mekanisme yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan pembantu-pembantu rumah asing yang berada dalam negara kita ini mendapat latihan mengikut yang dikehendaki oleh negara kita. Sebab kita tidak tahu budaya, percakapan, gaya hidup yang tidak sesuai dengan budaya masyarakat di negara kita, dibawa dalam keluarga-keluarga majikan dalam negara kita.

Jadi, saya harap satu mekanisme dibuat untuk melihat jauh ke depan. Kalau boleh kita minimumkan pengambilan pembantu rumah asing. Sepatutnya latihan pembantu rumah tempatan ini hendaklah dilaksanakan di bawah pemantauan kementerian untuk memastikan ibu-ibu ataupun pekerja-pekerja wanita dalam negara kita, mereka mendapat perkhidmatan daripada pembantu rumah tempatan yang saya kira lebih serasi daripada segi budaya, bahasa, adat dan agamanya, *insya-Allah*. Jadi, setakat itu saya kira Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya bagi Yang Berhormat Pasir Gudang dahulu Yang Berhormat.

**8.55 mlm.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 070000 - Program Khusus, di bawah 071300 - Komuniti. Saya ingin menyentuh soal pembinaan taska di tempat kerja, terutama di syarikat-syarikat swasta yang kurang mendapat sambutan. Sehubungan dengan itu, saya sebelum ini juga ada menyebut agar pihak kementerian melihat kepada pembinaan taska komuniti berpusat, terutama di kawasan-kawasan industri. Bagi membolehkan ibu-ibu menghantar anak-anak mereka dan pergi ke tempat kerja dengan senang hati kerana keadaan yang berdekatan.

Di kawasan-kawasan kilang, kilangnya banyak. Jadi, kalau diadakan satu tempat, ia boleh membantu ibu-ibu ini dan masalah-masalah yang terjadi daripada anak-anak yang tidak dilayan dengan baik walaupun tidak begitu besar jumlahnya tetapi harus kita bendung. Dalam hal ini juga ia melibatkan kos kerana pengambilan orang gaji bukanlah murah dan mencecah sehingga belasan ribu untuk mengambil seorang pembantu rumah dengan keadaan ekonomi yang semakin meningkat ini, keadaan pendapatan yang semakin kecil kelihatannya. Diharap pihak kementerian dapat memainkan peranan sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, saya juga mencadangkan sebagai langkah permulaan, di kawasan Parlimen kita ini sendiri diwujudkan sebuah tadika atau taska bagi membolehkan ibu-ibu muda yang mempunyai anak kecil dapat bekerja dengan senang hati dan tidak perlulah mereka kelam kabut menghantar dan mengambil anak-anak mereka.

Di bawah Butiran 071500 - Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), saya memohon agar pertimbangan sewajarnya diberikan kepada Parlimen Pasir Gudang agar sebuah pusat dibina di kawasan saya memandangkan ini adalah kawasan industri. Keadaan ibu-ibu, warga-warga emas memang ramai sangat ditinggalkan di rumah bagi membolehkan anak-anak bekerja. Ada yang memang tidak terurus langsung dan hanya anak-anak pulang petang. Jadi, kalau ada sebuah pusat, ini tentunya dapat membantu anak-anak menjadi lebih bertanggungjawab menghantar dan dalam masa yang sama, warga-warga emas ini dapat terjaga.

Di bawah Butiran 080500 – Lantikan Baru. Saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian melihat secara teliti. Di kebanyakan tempat sememangnya petugas-petugas, penyiasat-penyiasat KKM ini amatlah berkurangan. Di Parlimen saya sahaja melibatkan beribu, hampir 3000 orang penerima. Jadi, dengan hanya seorang pegawai, amatlah tidak mencukupi. Jadi, diharapkan pihak kementerian dapat melihat kepada pertambahan penyelaras-penyelaras di peringkat Parlimen.

Seterusnya, di bawah Butiran 071400 - Membanteras Pemerdagangan Orang. Saya juga ingin memohon pihak kementerian meneliti perkara ini dan bekerjasama dengan kementerian lain yang berkaitan bagi memastikan tindakan yang sekeras-kerasnya diambil kepada pemunya-pemunya pusat-pusat hiburan ataupun rumah-rumah urut yang meletakkan pekerja-pekerja wanita di situ untuk bekerja tanpa mempunyai permit yang sah.

Jadi, tidak cukup mereka ini hanya dikenakan bayaran denda atau dipenjara. Perniagaan mereka mestilah secara serta-merta ditutup supaya perkara ini tidak dapat diulangi.

#### ■2100

Kalau bayar denda kadang-kadang pada mereka dengan pendapatan yang lebih besar tidak ada kesan besar kepada mereka soal denda ini.

Seterusnya di bawah tajuk Program Khusus Butiran 070200, Butiran 070400 bagi *group* penjagaan anak-anak di PDK. Kita tahu anak-anak di PDK ini bukan senang menjaganya dan di kawasan saya ada dua PDK. Saya mohon pihak kementerian untuk melihat tangga gaji guru-guru ini. Elaun mereka sangatlah rendah. Apalah salah kiranya diberikan elaun mereka ini sejajar sekurang-kurangnya dengan gaji minimum walaupun mereka ini sekadar menerima elaun sahaja.

Itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang. Ikut *sequence* parti Yang Berhormat ya.

**9.01 mlm.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh, semua boleh. Ada banyak *time* lagi, *insya-Allah*.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar. Dengan peruntukan sebanyak RM104 juta, jadi dalam peringkat ini saya ingin menyentuh tentang pengurusan dan perancangan dasar peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mana saya masih lihat bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih gagal lagi untuk melaksanakan beberapa dasar yang memperkasakan wanita dan membudayakan wanita dalam negara ini. Setakat apa yang disebut oleh kawan-kawan tadi adalah mengenai menjaga ibu tunggal, bapa tunggal, itu perkara rutin yang mana boleh dilaksanakan dengan pegawai-pegawai di kementerian atau pegawai-pegawai di jabatan.

Akan tetapi di peringkat Yang Berhormat Menteri sendiri mesti ada satu *political will* untuk memastikan bahawa dasar-dasar yang telah kita bersetuju di peringkat antarabangsa dilaksanakan. Agar wanita di dalam negara ini nampak lebih lihat ke depan dan lebih progresif. Ini yang saya hendak sentuh mengenai kebolehan dan kesungguhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan Kementerian Kewangan melaksanakan GRB yang telah bertahun-tahun kami di sini menyebutnya berulang-ulang kali, berbuih-buih mulut kami tetapi sampai sekarang masih belum mampu untuk melaksanakan. Saya percaya ini tidak mampu dilaksanakan kerana Kementerian Kewangan itu masih lagi tidak faham apa itu GRB. Saya rasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga mungkin mempunyai kesulitan untuk memahamkan Kementerian Kewangan, apakah itu GRB dan bagaimana untuk melaksanakannya.

Jadi untuk kesempatan ini memandangkan Kerajaan Barisan Nasional sangatlah menguar-uarkan, sangatlah bermegah-megah dengan "*brim bram brum tum tam*" itu, jadi saya – sudah malam-malam ini kena berdentum-dentam sedikit, okey? Jadi, saya mintalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada kesungguhan sedikit memastikan Kementerian Kewangan melaksanakan GRB melalui BR1M ini. Ini adalah satu platform yang sangat-sangat sedia ada, yang sudah ada untuk kita boleh melaksanakan GRB ini. Iaitu dengan menyalurkan sebahagian daripada BR1M ini kepada suri rumah tangga. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan GRB ini amat mudah kalau dapat dilaksanakan dengan peruntukan BR1M ini maka

Kementerian Kewangan berjaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjaya dan dapat dilaksanakan dengan kementerian lain di hari kemudian nanti.

Jadi walaupun kami tidak bersetujulah dengan BR1M ini ya, sebagai langkah yang pendek, *should be a longer term strategy* untuk meningkatkan pendapatan untuk perbelanjaan rakyat. Namun demikian, oleh kerana sudah ada peruntukan ini, saya mintalah, saya minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersungguh-sungguh menggunakan platform ini untuk melaksanakan BR1M. Oleh kerana, apa kita harus mengiktiraf wanita dalam negara ini sebagai *nation builder* ataupun dalam pembangunan negara. Kita harus menilai kepada wanita di atas peranan mereka. Ini baru dikatakan bahawa peruntukan negara, *the national allocation* atau *budget* diperuntukkan sebahagiannya kepada satu gender dalam negara ini iaitu ada lelaki ada perempuan dan sebahagiannya diberikan kepada wanita. Ini yang dinamakan GRB, kalau tidak faham Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi fahamkan? Cuma tidak cukup duit sahaja hendak beri. Jadi *insya-Allah*.

Jadi, saya minta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat buat desakan ini agar ini dapat dilaksanakan. Agar satu semangat perkongsian di atas tanggungjawab dan akauntabiliti di atas wang negara dan orang perempuan juga bertanggungjawab dalam mengendalikan atau menjalankan tugas ini. Selain daripada apa yang disebutkan Yang Berhormat Kinabatangan waktu bahas di peringkat dasar, kadang-kadang dapat duit "*di luar berasap, di dapur tidak berasap*". Jadi sekurang-kurangnya dengan adanya peruntukan ini disalurkan kepada orang perempuan, maka dapur dekat rumah itu berasap, anak-anak makan tetap terjaga. Inilah yang kita hendak harap-harapkan. Jadi saya minta – jadi jangan segan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk terima idea kita, demi untuk wanita dalam negara kita. Tidak apa, *you get the credit we got no problem*, tidak menjadi masalah dengan izin. Oleh kerana kita hendak wanita itu berdaya dalam negara ini.

Kedua Tuan Pengerusi, saya hendak sebut juga ya. *Insya-Allah* wanita pakatan akan membuat satu usaha untuk mendapatkan kempen tandatangan untuk menyokong saranan kita agar tahun depan apabila diberikan BR1M kepada rakyat, disalurkan kepada suri rumah tangga.

Kedua saya hendak sebut tentang apakah perlunya ada dua Timbalan Menteri Wanita dalam Kerajaan Barisan Nasional ini. Tidak pernah dalam sejarah ada dua Timbalan Menteri Wanita, betulkah Tuan Pengerusi? Salahkah saya cakap?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Rasanya ada Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada ya? Betul ya? Jadi saya rasa ini tidak perlu kerana tidak pernah dalam sejarah setahu saya ada dua Timbalan Menteri, Jadi kalau *allocation* ini atau peruntukan ini digunakan untuk perkara yang lebih penting. Memandangkan *allocation* wanita, bajet wanita hanyalah RM2 bilion lebih. Tidak perlulah untuk ada satu Menteri Wanita, dua Timbalan Menteri Wanita, ada pula *advisor* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi satu. Jadi ini tidak perlu, membazir wang rakyat. Jadi sekiranya kalau terpaksa juga oleh kerana hendak mengambil hatilah sekumpulan parti dan sebagainya dalam Barisan Nasional itu maka manfaatkanlah dengan sebaik mungkin. Buatlah kerja yang saya sebutkan tadi

itu, pastikan kita punya *gender* kah, kita punya GDI meningkat. Maka ia berbaloilah untuk kita ada dua Timbalan Menteri Wanita.

Ketiganya, saya hendak sentuh tentang kes Noorfadilla, guru sandaran yang mengandung dan telah dipecat ataupun tidak diterima permohonannya ketika itu dan telah menang kes sebanyak RM300,000 baru-baru ini. Satu kes *landmark* dalam negara ini dan saya mintalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lebih agresif sedikit. Agar *provision*, adakan satu dasar ataupun *guide* agar ini dapat dilaksanakan di semua peringkat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Dan wanita tidak dianiaya apabila mereka mengandung. Silakan Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ampang, adakah Yang Berhormat Ampang setuju dalam kes yang melibatkan wanita mengandung ini. Sebelum ini, kes ini yang dibicarakan tadi menang antara sebab kerana Perlembagaan itu melindungi kakitangan wanita yang mengandung itu. Oleh sebab beliau adalah kakitangan awam. Akan tetapi dalam kes yang melibatkan seorang wanita kakitangan MAS, kalau tidak salah nama dia Beatrice ya. Dia kalah kerana dia tidak terpakai kepada kakitangan swasta. Jadi, ini merupakan satu kes yang fakta lebih kurang sama tetapi hasil dia punya *end result* berbeza.

Saya mengharapkan melalui ini, kementerian supaya dapat buat satu – mungkin satu perubahan supaya wanita tanpa mengira pekerja swasta kah, pekerja kerajaan kah mestilah dilindungi. Kita tidak boleh halang mereka daripada mengandung. Ini fitrah manusia. Jadi tidak boleh kita hukum mereka kerana mengandung. Ini adalah satu jelas penindasan *oppressive*, dalam Artikel 8 itu Perlembagaan Persekutuan digubal saya rasa untuk rakyat Malaysia tanpa mengira kakitangan kerajaan atau kakitangan swasta. Jadi ada penafian ini saya rasa perlu diperbaiki, perlu dibuat sesuatu untuk jaminan semua wanita dapat pembelaan yang sama. Saya harap semua boleh setuju dengan saya. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sepang kerana itu juga sebahagian perkara yang saya hendak bangkitkan sehubungan dengan kes Fadilah tadi. Bahawa mengandung itu adalah fitrah, jadi tidak perlu kita aniaya mereka yang harus mengandung. Jadi undang-undang itu mesti selari sama ada *public sector* ataupun *private sector*. Mesti kita ada kesungguhan untuk memastikan undang-undang ini diperuntukkan dan dilaksanakan. Agar kita *protect* orang perempuan terutamanya. Jadi ini memang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang harus main peranan yang lebih agresif dan kami akan bantu, *insya-Allah*. Untuk pastikan bahawa undang-undang yang tidak mendiskriminasikan wanita itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dalam negara ini. Barulah kita boleh kata bahawa kita negara maju, negara yang progresif, negara yang wanita boleh diiktiraf.

## ■2110

Akan tetapi selagi ini tidak dapat tercapai maka kita tidak boleh mengatakan bahawa kita ini lebih maju dari India, China atau Thailand...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kerana negara mereka jauh lebih maju daripada kita daripada aspek ini. Jadi apa dia Tuan pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Habiskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima minit sahaja ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Wanita tetap mengandungi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Jadi itulah saya harap dengan tiga perkara yang saya bangkitkan dan bersama Yang Berhormat Sepang celahkan tadi jadi saya harap Kementerian Wanita mengambil serius perkara ini dan pastikan bahawa wanita itu ada main peranan dalam peruntukan nasional kita. Dalam nasional bajet mesti ada peruntukan untuk wanita menunjukkan bahawa tidak ada diskriminasi bahawa GRB mampu dilaksanakan. *Insyallah*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

**9.11 mlm.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas di peringkat Jawatankuasa Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pertama sekali saya ingin merujuk Butiran 02000 – Pembangunan Wanita. Sesungguhnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu melakukan lebih banyak program pembangunan dan operasi serta mempergiatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja dan aktiviti keusahawanan. Oleh itu saya amat berharap agar kementerian dapat memperuntukkan dana ini untuk pembangunan wanita di luar bandar dan kita merasakan program 1AZAM memang membantu ke arah ini.

Bagi kawasan Kota Samarahan, pelbagai aktiviti keusahawanan yang melibatkan wanita tempatan sering dilakukan. Kementerian diharap dapat terus memberi peluang kepada golongan ibu tunggal yang berminat dalam keusahawanan dalam memberi bukan sahaja dana malah perkhidmatan dan bimbingan. Kita amat bersetuju dengan hasrat kerajaan dan juga kementerian yang akan meneruskan Program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal, Program Inkubator Keusahawanan Wanita dan Program Teras Pembangunan Wanita bagi membantu membangun wanita-wanita khususnya di luar bandar bagi mendapat pendapatan yang lebih baik.

Namun begitu saya ingin hendak memberi persoalan kepada kementerian, apakah keberkesanan program yang telah dianjurkan terhadap unjuran kejayaan dalam meningkatkan ekonomi wanita terutamanya di luar bandar dalam bidang keusahawanan.

Tuan Pengerusi, saya pergi ke butiran seterusnya iaitu Butiran 070400 – Kurang Upaya PDK. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk OKU di mana program pencegahan, pemulihan dan pembangunan boleh dilaksanakan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat supaya dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat. Program ini sesungguhnya merupakan satu inisiatif terbaik kerajaan dalam hubungan serta meningkatkan sendiri seorang OKU untuk hidup sama dengan masyarakat biasa. Melalui program PDK, OKU dapat memastikan penyertaan penuh dan integrasi sosial OKU dalam keluarga dan komuniti.

Selain daripada itu, ia juga dapat mengurangkan penempatan jangka panjang di institusi pemulihan yang menyebabkan OKU disisih oleh keluarga dan komuniti dan menyediakan peluang untuk OKU membangunkan kebolehan dan kemahiran mengikut potensi yang ada dalam diri mereka. Oleh itu, saya memohon kepada kementerian agar dapat menyediakan peruntukan khas bangunan kekal untuk pusat komuniti PDK bagi menjalankan aktiviti dan tidak kelihatan seperti merempat dalam melakukan kerja-kerja komuniti.

Pada masa ini, kebanyakan bangunan-bangunan PDK menyewa di pelbagai premis dan kita mendapati kedudukan pusat ini kurang sesuai dan kurang kemudahan infrastruktur bagi memberi kemudahan dalam pembentukan sendiri OKU berkenaan. Selain daripada itu, saya juga memohon kepada kementerian agar menambah bilangan guru di PDK Harmoni Asia Jaya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian agar membina sebuah sekolah vokasional khas untuk pelajar istimewa OKU di Sarawak bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan yang lebih sempurna. Buat masa ini hanya terdapat dua buah sekolah vokasional bagi golongan orang OKU yang kedua-duanya terletak di Semenanjung.

Oleh itu kita amat berharap sekolah seperti ini juga dapat dibina di kawasan Sarawak dan Sabah bagi memberi latihan lebih baik kepada OKU-OKU di kedua-dua negeri. Pada masa ini bilangan OKU di negeri Sarawak telah melebihi 35,120 orang dan diharap dengan adanya pembinaan sekolah-sekolah kemahiran ini dapat memberi peluang kepada golongan OKU menggunakan bakat mereka untuk aktiviti yang lebih radikal.

Tuan Pengerusi, Butiran seterusnya 020200 – Perancangan Pembangunan Wanita. Di Malaysia penglibatan wanita-wanita di dalam bidang pekerjaan walaupun masih rendah namun telah meningkat hasil usaha kerajaan. Dalam hal ini, saya amat berharap agar wanita di Sarawak juga diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada jawatankuasa pengurusan dalam sesebuah pentadbiran kerajaan mahupun NGO.

Diharap kementerian dapat menyediakan latihan profesional bagi membentuk wanita Sarawak terutamanya di kawasan Samarahan menjadi lebih berdaya saing dan mampu menjadi tokoh yang boleh diangkat sebagai mentor oleh orang-orang muda dan masyarakat di luar

bandar. Peluang-peluang latihan dan pendidikan serta vokasional untuk wanita perlu di tingkatkan bagi menggalakkan penglibatan mereka dalam lapangan-lapangan yang membawa kepada pekerjaan-pekerjaan berpendapatan tinggi.

Tuan Pengerusi, butiran yang terakhir subsidi mamogram Butiran 07200. Kita mendapati masih ramai lagi golongan wanita luar bandar khususnya yang berusia 40 tahun belum membuat ujian mamogram dan saringan kanser payu dara. Perkara ini saya dapat lihat berlaku di kawasan saya Kota Samarahan dan juga di kawasan luar bandar yang lain.

Namun begitu berdasarkan bajet tahun ini, saya ingin hendak bertanya kepada kementerian kenapa bajet untuk subsidi mamogram ini diturunkan kepada RM1 juta kerana kita melihat penurunan ini akan boleh mengurangkan jumlah penerima-penerima subsidi khususnya untuk mamogram di kawasan luar bandar terhad.

Akhir sekali berkaitan dengan Pembangunan Kapasiti – Butiran 020400. Dalam era globalisasi ini, golongan wanita masih tidak dapat lari daripada isu-isu mendesak seperti keganasan rumah tangga, pemerdagangan manusia, penganiayaan terutama hak sebagai isteri, gejala pembuangan bayi dan sebagainya.

Sebagai satu saluran yang amat baik, wanita perjuangkan hak memerlukan sokongan kuat daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO. Mereka mungkin boleh menggesa pihak-pihak tertentu termasuk di peringkat membuat keputusan supaya bersikap lebih praktikal dan efektif. Sokongan dan bantuan secara langsung daripada pertubuhan-pertubuhan ini tentunya boleh menjadi pemangkin yang amat berkesan dalam usaha pemerksaan hak-hak wanita.

Oleh itu, kita mengharapkan pihak kementerian dapat membantu terutamanya ibu tunggal dan wanita luar bandar untuk lebih aktif dalam aktiviti berpersatuan dan bermasyarakat. Penubuhan Pewani MPWK di Parlimen amat dialu-alukan. Namun begitu, saya mengharapkan agar peruntukan yang sepatutnya diberi kepada pertubuhan-pertubuhan ini supaya lebih aktif dan memberi manfaat kepada pertubuhan-pertubuhan wanita di peringkat kampung dan luar bandar.

#### ■2120

Tuan Pengerusi, adanya pertubuhan-pertubuhan wanita yang diwujudkan boleh menjadi wadah informasi kepada permasalahan sosial, isu wanita boleh dibincangkan dalam kelompok yang lebih besar selain berperanan mereka untuk mempertingkatkan pengetahuan dan ekonomi di peringkat luar bandar. Dengan itu, sekian. Saya menyokong anggaran peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai.

#### 9.21 mlm.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya bercadang untuk menjemput Menteri untuk menjawab...

**Seorang Ahli:** Janganlah. Esoklah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Esok pagilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lebih kurang jam 9.30 malam atau 9.45 malam.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Esok pagilah, esok pagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita akan habiskan kementerian ini hari ini Yang Berhormat. sebab itu kita akan selesaikan jam 10.30 malam nanti. Jadi, tujuh minit atau lapan minit seorang Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Okey, okey. Saya cuba. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh beberapa butiran tetapi pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana saya rasa pada hari ini, semua kementerian yang menjawab pada hari ini, hanya menghantar Timbalan Menteri tetapi Menteri Wanita kita, sudi datang ke Parlimen pada malam ini untuk menjawab soalan. [*Tepuk*] Saya rasa ini adalah satu tanda yang cukup baik. Jadi saya ingin mengucapkan tahniah.

Akan tetapi saya ada beberapa perkara yang ingin minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Seperti Butiran 010400 – Hubungan Antarabangsa. Saya dimaklumkan bahawa walaupun kita ada hantar laporan kepada CEDAW pada tahun 2006 dan sepatutnya kita hantar laporan kedua dan ketiga pada bulan Ogos tahun 2008 tetapi sekarang sudah sampai tahun 2014, tetapi kita belum lagi menghantar apa-apa laporan kedua, ketiga kepada CEDAW lagi.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ada apa-apa kesulitan untuk Malaysia menghantar laporan kedua kepada CEDAW? Selain daripada itu, saya rasa kita sudah *rectify child convention* dan kita ada satu Akta Kanak-kanak di Malaysia tetapi walaupun kita sudah *rectify CEDAW* ini, sampai hari ini kita tidak ada satu akta kesaksamaan gender. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Menteri sama ada kementerian ini ada buat kajian sama ada bila kita boleh mewujudkan satu akta kesaksamaan gender.

Selain daripada itu, Butiran 020200 tentang Pembangunan Wanita. Saya juga mendapati bahawa statistik berkenaan kes-kes rogol, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak di dalam laman web kementerian tidak ada apa-apa maklumat yang terbaru lagi sejak tahun 2008. Kalau menurut satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang bertarikh 10 November menyatakan bahawa statistik seumpama ini tidak lagi dipaparkan dalam laman web kementerian berikutan dasar PDRM bahawa statistik PDRM hanya dikeluarkan kepada pada pihak-pihak tertentu bagi tujuan penyelidikan dan akademik sahaja.

Jadi di sini saya tidak faham kenapa ada satu perubahan dalam polisi pada tahun 2009? Bagi saya, statistik ini adalah penting untuk kita tahu berapa serius kes-kes rogol ini, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak kita. Jadi saya minta Menteri bahawa perlu bawa isu ini dalam mesyuarat Kabinet kerana saya rasa kalau kita Ahli Parlimen mengemukakan soalan ini, kita pun semua boleh dapat statistik ini daripada Menteri Dalam Negeri. Jadi, kenapa kementerian tidak boleh paparkan statistik ini di laman web. Saya harap bahawa Menteri bolehlah bawa isu ini ke mesyuarat Kabinet supaya kita boleh terus paparkan statistik ini di laman web kementerian.

Selain daripada itu saya juga mendapati bahawa kita ada satu Butiran 071800 – Taska untuk OKU. Saya rasa ini adalah satu usaha yang cukup bagus. Saya hanya hendak tanya, di mana taska OKU ini ditubuhkan dan apa itu kriteria-kriteria untuk mewujudkan satu taska OKU. Akan tetapi selain daripada itu, saya rasa kita juga perlu taska di tempat kerja. Kalau mengikut satu kajian yang dibuat oleh *Malaysian Employers Federation* ataupun Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, kajian yang dibuat oleh mereka mendapati bahawa 89% majikan mempunyai pandangan bahawa adalah sangat sukar untuk mereka mewujudkan taska di tempat kerja.

Setakat ini kalau di *private sector*, sektor swasta ini, kurang daripada 30 majikan membekalkan taska ini di tempat kerja. Jadi saya hendak tanya, apa itu tindakan ataupun rancangan daripada kementerian supaya kita boleh mewujudkan lebih banyak taska di tempat kerja. Kalau mengikut kajian yang sama ini, hanya 8.3% punya majikan yang mengizinkan pekerja mereka bekerja di rumah. Saya rasa untuk golongan wanita, ini adalah sangat penting bahawa mereka diizinkan untuk bekerja di rumah supaya mereka boleh juga meluangkan masa yang mencukupi untuk kanak-kanak mereka.

Akan tetapi saya rasa setakat ini, kalau mengikut kajian yang dibuat oleh MEF ini, hanya 8.3% majikan yang sudi untuk mengizinkan pekerja mereka bekerja di rumah. Jadi bagaimana kita boleh memperbaiki situasi ini supaya lebih banyak majikan sudi untuk mengizinkan pekerja mereka bekerja di rumah?

Saya juga hanya hendak – perkara terakhir adalah saya juga hendak minta pandangan daripada Menteri kerana saya rasa kita di Malaysia, *Gender Gap Report* itu kita amat dibelakangkan kerana kita tidak mempunyai ahli politik wanita di Malaysia. Akan tetapi saya rasa kalau kita setiap malam sidang Parlimen, kita dilanjutkan sampai pukul 9.30 malam, 10.30 malam, bagaimana kita boleh mengizinkan ahli politik wanita untuk juga menjaga anak-anak mereka. Jadi saya juga hendak minta pandangan Menteri bahawa... *[Disampuk] Sorry*, apa itu? Apa itu pandangan Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan jadi wakil rakyatlah...

**Seorang Ahli:** Hoi! Menghina wanita.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Apa itu pandangan? *Sorry*, boleh *repeat* atau tidak? *[Disampuk]* Saya rasa ini diskriminasi terhadap golongan wanita. *[Dewan riuh]* Kalau Yang Berhormat Lenggong boleh, saya berharap dia boleh mengandungi. Tidak perlulah menghina golongan wanita kerana ini adalah tugas kita untuk menjaga kanak-kanak.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, minta Yang Berhormat Lenggong tarik balik.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Akan tetapi buat apa hendak menghina kita macam ini saya rasa...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Tidak bolehkah saya menjadi seorang wakil rakyat dan juga seorang ibu yang bagus.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tarik balik Yang Berhormat Lenggong, tarik balik.

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Lenggong, tarik balik.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya minta tarik balik. Ini...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Atau tunggang terbalik.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Lenggong, *gentle* lah sedikit. Tarik baliklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong tarik balik.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini langsung tidak *gentleman*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiba-tiba masuk, tersilap cakaplah Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong tarik balik.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Lenggong, tarik balik Yang Berhormat Lenggong. Nanti tidak balik nanti. [*Ketawa*]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tarik balik saya minta.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tarik balik dan pergi balik.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Apalah ini Yang Berhormat Lenggong. Duduk zaman manalah Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apalah, malulah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Balik zaman sanalah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini memang diskriminasi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini tanggungjawab.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau ini bukan diskriminasi, saya tidak tahu apa yang lain diskriminasi lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita kena buat samalah. Ini bukan soal...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya tanyalah pandangan, saya hanya minta Menteri boleh atau tidak kita cakap lebih, okey kita hanyalah bermesyuarat 60 hari pada sesi ini. Kalau kita bersidang 70 hari ataupun 80 hari...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencilah, mencilah sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Saya rasa kita tidak perlulah bersidang sampai pukul 10 malam. Ini bukan untuk saya sahaja tetapi untuk semua ahli politik ataupun Ahli Parlimen lelaki yang juga ada anak-anak kecil.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat. Hendak beri Yang Berhormat Ampang?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Ini Yang Berhormat Lenggong, dengar sedikit Yang Berhormat Lenggong. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Peraturan mana pakai ini? *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]* Tidak payah cabar Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat. Beri kepada Yang Berhormat Kulai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Semalam dia ada tegur, Tuan Pengerusi kata Yang Berhormat Lenggong tidak dengar tadi. Makan dan saya hendak suruh dengar jugalah. Okey, Yang Berhormat Kulai. Saya hendak kena fahamkan sedikit kerana kadang-kadang wakil rakyat Barisan Nasional daripada lelaki ini dia kurang faham. *[Dewan riuh]* Dia tidak peka. Kalau dia peka, tanggungjawab menjaga anak adalah tanggungjawab kedua-dua ibu bapa. Itu kenapa pula terpekik-pekik itu? Kenapa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini hati batu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Barisan Nasional disebut Barisan Nasional...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey, tidak apa. Itulah contohnya. *There is a clear example* Tuan Pengerusi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** ...Wakil rakyat Barisan Nasional. Itu salah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *There is classic example.*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang bercakap seorang sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya, ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini Yang Berhormat Lenggong sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Salah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pada Yang Berhormat Kulai Yang Berhormat, pada Yang Berhormat Kulai.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu sangkaan jahat namanya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey tidak apa. Jadi saya hendak fahamkan Yang Berhormat Lenggong - Yang Berhormat Kulai betul atau tidak, setuju atau tidak, jaga anak adalah kerja kedua-dua ibu bapa. Bukan orang perempuan sahaja. *Unless* Yang Berhormat Lenggong ini jenis dia menindas isteri di rumah, saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Jadi, itulah pokoknya. Saya harap kena faham. Sebab itu kita di sini memperjuangkan...

#### ■2130

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini tuduhan melampau ini Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** ...Di semua peringkat wanita yang bekerja, wanita yang bekerja diberikan satu sistem sokongan. Oleh sebab itu di Parlimen juga

kita minta satu sistem sokongan, agar wanita yang ada kepakaran dan berkebolehan dapat sama-sama majukan negara.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya cuma sebut tadi Yang Berhormat Ampang, bila kita jadi wakil rakyat kita terimalah tanggungjawab, apa pun perkataan sekali pun. Ini bukan soal diskriminasi kepada wanita.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Jadi inilah apa yang kita perkatakan di sini, ya Yang Berhormat Kulai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Mencelah]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa yang saya sebut tadi, apabila menjadi wakil rakyat kita laksanakan lah, jangan pertikai apa-apa.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ampang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Letih kah susah kah, hendak mengeluh apa sangat, ini tanggungjawab. Buatlah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Sebenarnya bagi saya, saya pun rasa Ahli Parlimen lelaki mungkin daripada Barisan Nasional pun berhasrat untuk jaga anak kecuali Yang Berhormat Lenggong, saya tidak tahu. Oleh sebab itu saya cakap, cadangan saya bukan hanya untuk Ahli Parlimen wanita tetapi juga untuk Ahli Parlimen lelaki, kerana kalau mereka hendak jadi seorang ayah yang bagus, hendak meluangkan masa untuk anak atau pun untuk cucu-cucu seperti Yang Berhormat Kota Melaka. Jadi kita perlulah pendekkan masa untuk bersidang di Parlimen. Saya bukan cakap bahawa kami tidak mahu datang ke Parlimen, tetapi cadangan saya adalah masa persidangan ini kita bermesyuarat selama 60 hari pada sesi ini. Kalau kita panjangkan sampai 70 hari, 80 hari, jadi kita boleh habis mesyuarat pada pukul 8.00, supaya kami boleh balik rumah untuk jumpa suami kita, isteri kita bawa mereka keluar makan ataupun hendak bermain dengan cucu pun boleh.

Jadi ini cadangan saya, saya tidak tahu kenapa tiba-tiba ada seorang Ahli Parlimen Yang Berhormat Lenggong yang berkata bahawa saya perlu letak jawatan. Saya rasa ini adalah satu pandangan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hei, Yang Berhormat, saya tidak sebut macam itu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya kata kalau kita sebagai wakil rakyat, laksanakanlah tanggungjawab.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Jangan kita kata, kerana kita ada anak, susah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya! Wakil rakyat ini ada tanggungjawab yang besar tetapi saya hendak tanya, jadi isteri, jadi anak, jadi suami itu bukan satu tanggungjawab juga kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong jangan bohong lah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Betul Tuan Pengerusi, anak saya sudah dua kali belum jawab lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tarik balik, pergi baliklah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tarik balik lah, duduk lah Yang Berhormat Lenggong, duduk lah!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan jadikan alasan jaga cucu, jaga anak! Itu memang tanggungjawab jaga cucu jaga anak. Tapi jangan jadikan alasan kerana ada cucu tidak boleh buat kerja, mana boleh buat alasan macam itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Habiskanlah Yang Berhormat, habiskanlah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hendak cakap di sini, kita sebagai seorang manusia kita ada beberapa peranan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha, sebab itu kalau rasa berat janganlah jadi wakil rakyat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kita bukan sahaja menjadi Ahli Parlimen tetapi kita juga adalah isteri, suami, kita juga adalah ibu dan kita juga adalah anak kepada ibu bapa kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Memanglah betul! Tetapi tidak boleh menjadikan alasan sebagai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi apa salah kalau kita kalau kita hendak jaga kesemua tanggungjawab ini?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Tidak boleh buat kerja kalau kerana ada anak.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya rasa Yang Berhormat Lenggong duduklah, ini *floor* saya, tidak perlulah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak! *You* bagi alasan tidak betul!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, masa sudah habis Yang Berhormat Sepang.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini *floor* saya, duduk, duduk! [*Ketawa*] Duduk Yang Berhormat Lenggong, cukup, cukup, cukup.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu minit.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat Kulai, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, baliklah.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. *Masya-Allah*. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Kulai. Sepatutnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaksanakan polisi mesra keluarga. Bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kerajaan dalam apa jua untuk mencapai. Ini kerana kementerian ini pun namanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Maknanya apa jua program mesti mengambil kira kesejahteraan keluarga, mesra keluarga. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Kulai?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa cukup baik kerana Yang Berhormat Menteri sudi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Okey, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Sikit, sikit. Lelaki kita perlulah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Setuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat Kulai, kalau boleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga buat satu program yang memulihkan kepala otak orang lelaki macam Yang Berhormat Lenggong ini supaya sayangkan wanita.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah lah macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, saya tidak kata tidak boleh beranak. Saya kata kalau kita jadi wakil rakyat, bertanggungjawablah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, saya kata buat kursuslah. Saya kata buat kursus yang boleh pulihkan kepala otak *you*. Itu sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Jangan jadikan alasan kita ada anak, kita ada cucu tidak boleh berkhidmat kepada rakyat. Itu tidak boleh, itu maksud saya. Saya tidak kata selain daripada itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya kata pulihkan kepala otak *you*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak kata. Saya tidak menghina orang melahirkan anak, saya tidak menghina orang ada cucu, saya hanya kata kalau kita menjadi wakil rakyat, bertanggungjawablah. Jangan berikan alasan ada anak, ada cucu untuk tidak boleh buat kerja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya rasa cukup lah Yang Berhormat Lenggong, cukuplah, cukuplah. Pergilah hadiri kursus yang diadakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita. Saya rasa, saya rasa...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha, Yang Berhormat Kulai kena faham apa yang saya maksudkan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Cukup sedihlah, kerana...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kursus pulihkan kepala otak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak betul!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang tidak betul kepala otak Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Relax* lah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu kepala tidak betul. Faham apa dia maksud.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya rasa cukup sedihlah kerana masih ada Ahli Parlimen yang tidak tahu bagaimana kita hendak wujudkan sebuah masyarakat yang mesra keluarga. Jadi saya rasa ini lah satu bidang yang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita perlu bekerja kuat lagi dan saya rasa nasib baik Ahli Parlimen Lenggong bukanlah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau dia jadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya rasa saya lagi risau. Sekian sahaja lah, ribuan terima kasih. *Thank you. [Ketawa] [Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya rasa cukup lah Yang Berhormat. Kita bagi Yang Berhormat Menteri satu jam untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan, satu jam lagi. *Let them one hour* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi Yang Berhormat Lenggong cakap, bagi Yang Berhormat Lenggong cakap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah banyak isu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah Yang Berhormat, *I will allow you to ask the question, please.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak boleh, tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh lah Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Adoi.

9.34 mlm.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada lapan orang Ahli Parlimen yang telah membahaskan mengenai, telah menyentuh kementerian ini dan juga

beberapa celahan. Untuk makluman, memang saya terima saranan itu dengan begitu jelas sekali. Oleh sebab saya nampak memang peranan ini di dua-dua pihak. Saya pun tidak hendak kata menuding jari ke satu pihak. Sebenarnya ini adalah peranan sama-sama kita. So, tidak mengapa kita gunakan Majlis atau Dewan kita ini untuk sama-sama, kita muhasabah diri kita untuk memastikan, sebenarnya dalam apa-apa juga yang kita buat sebagai wakil rakyatkah, sebagai pegawaikah, sebagai orang biasakah, yang pentingnya sebenarnya adalah keharmonian keluarga.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini tazkirah untuk Yang Berhormat Lenggong kah?

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *[Ketawa]* Samalah Yang Berhormat ya. Sebenarnya dia bukannya apa juga, cuma kadang-kadang kita dalam Dewan itu sambil jangan terlampau serius.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak betul kenyataan saya Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]* Saya tidak – Tidak, saya kena bercakap nanti rakan-rakan saya ini di luar sana, dia putar belit. Saya tidak kata bahawa melahirkan anak, ada anak itu salah. Saya cuma kata janganlah jadi alasan, sebab kita wakil rakyat, tidak boleh lah kita bagi alasan kerana ada anak susah hendak kerja, berkhidmat kepada rakyat, kerana ada cucu, kita susah hendak bekerja kepada rakyat. Tidak boleh jadikan alasan itu, sebab itu adalah tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat. Itu yang saya maksudkan. Saya memang bersetuju kalau hendak buat...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jangan cari alasan lagi lah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak, itu penjelasan yang saya sebut. Saya bukan kata lain daripada itu. Yang Berhormat silap faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Makin berbelitlah, apalah, makin berbelitlah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak mengapa Yang Berhormat, Yang Berhormat. Semua pihak saya dengar dengan begitu teliti dan semua pihak ada sama-sama ada *plus* dia masing-masing, ada tujuannya masing-masing. Jadi Yang Berhormat ini, saya ini rasa-rasa macam emak pula kan, sebab anak-anak ini tengah – anak-anak di dalam ini tengah... Akan tetapi Yang Berhormat, tidak mengapa Yang Berhormat menunjukkan betapa kementerian kita telah mendapat sambutan yang begitu hangat sekali sebab ini adalah asas.

Saya sebenarnya sangat berterima kasih daripada lapan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kulai dan juga celahan-celahan daripada Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Lenggong dan terima kasih semualah. Bermakna saya memang nampak dengan begitu jelas bahawa semua kita merasakan begitu terpanggil dengan topik yang ada di dalam kementerian saya ini sebenarnya ianya sangat menyentuh perasaan. Oleh sebab

itu saya selalu katakan apa-apa yang disebutkan yang menyentuh kementerian ini, sebenarnya begitu relevan kepada semua kita di sini.

Jadi Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Parit Sulong yang telah membawa beberapa perkara dan khususnya, Yang Berhormat kadang-kadang saya tidak sentuh ikut susunan seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Akan tetapi *insya-Allah* saya akan cuba sebutkan mungkin daripada Yang Berhormat termasuk untuk Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu-isu yang sama. Yang Berhormat mengenai disebut *Directors Program* ya Yang Berhormat ya. *Directors Program* ini atau Program Pengarah Wanita di mana memang tujuan kita adalah untuk melatih seramai mungkin wanita-wanita kita yang berkelayakan supaya mereka boleh dipertimbangkan untuk diletakkan di *board* iaitu untuk duduk juga bersama sebagai Lembaga Pengarah.

Jadi pada mulanya bila kita bertanya dengan beberapa GLC atau *Chairman* kepada *Board* dikatakan bahawa tidak ada wanita-wanita yang layak atau sesuai. Jadi oleh yang demikian, kami merasakan penting untuk diagihkan *Women Directors Program* supaya kita boleh mewujudkan satu *pool* wanita-wanita yang dilatih supaya apa-apa kekosongan atau apa-apa *vacancies* yang ada, wanita ini juga boleh dipertimbangkan dan ini meningkatkan lagi *possibility* atau *the possibility* wanita-wanita ini akan dapat diterima di dalam *board*. Jadi untuk saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Sulong...

■2140

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Iaitu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak meminta Yang Berhormat Menteri memberikan saya sedikit penjelasan ataupun mungkin secara bertulis kerana pada tahun lepas juga objektif untuk melahirkan pengarah wanita sebanyak 125 orang, mungkin boleh diberikan senarai nama dan di mana mereka ditempatkan. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya jawab sekali Yang Berhormat. Jadi, sebenarnya Yang Berhormat Parit Sulong mengatakan 228 orang telah dilatih tetapi sebenarnya lagi...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Minta maaf Yang Berhormat Menteri, saya cakap 828 bukannya 228.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sebanyak 828 Yang Berhormat. Ya, *sorry* saya tulis tadi sebab tidak ini. Sebanyak 828 sebenarnya telah dilatih semenjak kita mengadakan program ini dan mereka boleh diakseskan di *registry*. Kita memang ada *registry* pengarah-pengarah wanita ini yang telah kami latih. Untuk makluman, kelayakan yang diperlukan ialah

kelayakan minimum akademik adalah iaitu mempunyai *degree* ataupun profesional *degree* dari mana-mana bidang, memegang jawatan senior dalam jawatan-jawatan yang mereka sedang berkhidmat atau dinamakan '*....Sweet Post*' di dalam *organization*, mereka berpengalaman dalam jawatan-jawatan membuat keputusan, berumur 40 tahun ke atas dan rakyat Malaysia. Itu penting.

Untuk makluman sepanjang kita mengadakan kursus ini, kita telah mengadakan beberapa penempatan Yang Berhormat iaitu seramai 164 lantikan baru wanita telah diadakan sebagai ahli lembaga pengarah di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam atau *public listed companies*. Sejak program ini diperkenalkan dari tahun 2012, terdapat peningkatan peratusan wanita sebagai ahli lembaga pengarah dan sehingga kini seramai 10.12% seperti yang dilaporkan oleh Bursa Malaysia sehingga suku kedua tahun 2014.

Program ini secara langsung turut menyumbang kepada peningkatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di dalam PLC. Jadi dari tahun 2011, kalau kita lihat di dalam syarikat tersenarai awam, hanya 7.7% wanita berada sebagai lembaga pengarah. Tahun 2012, naik 7.9%, tahun 2013 naik kepada 8.6% dan tahun ini untuk suku tahun kedua iaitu 10.12%. Ini bermakna ia sering meningkat dan ini adalah satu perkembangan yang baik. Walaupun mungkin kita tidak berpuas hati, tetapi sekurang-kurangnya ada peningkatan setelah kita mengadakan Program Pengarah Wanita.

Untuk makluman juga...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya hendak bertanya sedikit Yang Berhormat Menteri, bolehkah Tuan Pengerusi? Saya tertarik dengan data Yang Berhormat Menteri tadi katakan ada peningkatan. Memang betul, sebab kita nampak ada peningkatan kalau kita bandingkan dengan tahun sebelumnya melalui *workplace survey of Malaysia PLCs*. Akan tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat Menteri, saya agak khuatir sebabnya tahun 2016 nanti pelaksanaan 30% *blueprint* wanita dalam *management* ini perlu kita laksanakan. Maknanya tinggal beberapa tahun sahaja lagi.

Dalam waktu yang sama, enrolmen ataupun kemasukan ke dalam universiti ini kalau dari segi jantinya, 68% adalah wanita sedangkan apabila kita tengok *board of directors* itu tadi seperti Yang Berhormat Menteri katakan 10.12%, itu tersangat sedikit kalau kita bandingkan. Kalau saya tengok statistik yang ada dengan saya ini, kalau *top management* hanya 24% sahaja wanita, senior dan *mid management* sebanyak 35%, lain-lain *level* itu yang semakin meningkat. Ini bermakna kita hendak mencapai ke peringkat atas *management* itu khuatir ia tidak akan tercapai. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dan apakah yang kementerian boleh laksanakan?

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kalau kita bandingkan seperti saya katakan, bermakna ada *steady increase* Yang Berhormat daripada angka yang begitu kurang sebelum itu. Jadi, ini ialah satu usaha dan Yang Berhormat juga sedia maklum, *placement* ini menjadi satu masalah yang besar. Kita boleh melatih seramai yang mungkin. Tadi Yang Berhormat kata, kita ada 828 yang sudah kita latih tetapi *placement*.

Saya selalu memaklumkan kepada mereka yang telah dilatih itu supaya mereka juga mengadakan *effort* sendiri untuk membuat satu *marketing* mereka sendiri untuk *marketability* mereka supaya nampak menyerlah, apakah agaknya ciri-ciri yang diperlukan oleh *certain boards* yang mereka boleh diketengahkan supaya jangan juga ia bergantung semata-mata kepada kementerian.

*Insyallah* Yang Berhormat, kita sentiasa akan mencari jalan untuk kita *hand holding* pun ada, kita buat *networking*, kita ada program yang kita namakan *mentor-mentee* dan pada masa yang sama, kita sering kali juga melibatkan alumni. Kita menjemput alumni untuk *women directors* program ini dalam program-program kementerian, kementerian kita bersama kementerian yang lain supaya kita boleh menonjolkan mereka ini yang telah kita latih. Akan tetapi seperti saya katakan, mereka juga mesti menjalankan peranan mereka untuk lebih menyerlah. Bermakna *go to another level* yang lebih dengan izin, supaya mereka lagi nampak peranan wanita dan *advantages* mereka untuk berada di dalam *board*.

Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul, di universiti kemasukan wanita 68% dan mereka ini memang masuk ke dalam pasaran pekerjaan. Seperti Yang Berhormat katakan tadi, mereka akan *filled in top management* dan juga *middle management*. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi di dalam satu daripada syarat, kita menyasarkan yang berumur 40 tahun ke atas supaya mereka – selain daripada kita hendak ramai wanita berada di dalam *board*, kita hendak menonjolkan juga *matured women* dengan izin.

*So, 40 years and above* sebab pengalaman dalam jawatan, pengalaman untuk membuat keputusan. Dia bukan hanya datang macam itu sahaja, dia mesti *the practicality* mereka berada dan mengadakan banyak *networking* sebenarnya, supaya kita mencapai kepada satu tahap di mana mereka ini apabila berada di dalam *board* hanya satu pengiktirafan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, saya – Nasib baik juga saya dengar Yang Berhormat Menteri *mentioned* fasal umur 40 tahun. Akan tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lumut itu mata dia tidak buka. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidur.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Jadinya – itu Yang Berhormat Lenggong yang cakap, saya cakap mata dia tidak buka. Dia pejam mata, merehatkan mata. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak tanya tadi mengenai umur yang 40 tahun. Ada *argument* ataupun ada yang datang dan mengatakan bahawa mengapa 40 tahun, sedangkan kita sekarang mempunyai ramai profesional yang berumur di bawah 40 tahun tetapi *qualificationnya* ada, selepas itu pengalamannya juga ada. Kita tidak boleh *finalize* mereka kerana umur mereka.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menurunkan had ini di bawah umur 40 tahun ini. Ini bukan bermakna saya ini kurang daripada 40 tahun. Akan tetapi saya mendengar banyak rungutan yang mengatakan mengapa mesti 40 tahun ini, sedangkan di bawah daripada itu pun ramai yang berpengalaman. Sepatutnya kita menonjolkan lebih ramai lagi generasi muda yang boleh menjadi atau masuk dalam kepimpinan *board of directors* ini. Minta jawapan Yang Berhormat Menteri. Itu tengok Yang Berhormat Lumut itu dia pejam mata lagi itu.

## ■2150

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pejam mata tak tidur mungkin Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Kita menggunakan 40 tahun ini sebab ini adalah satu asas yang sebelum kita mengadakan Program Pengarah Wanita ini, kita telah mengadakan perbandingan dengan beberapa negara lain. Akan tetapi, bukanlah kita kata yang kurang daripada 40 pun tak boleh. Ada. *We have young professionals* juga.

Akan tetapi ini adalah bila kita nak mengadakan program ini dahulu, kita mengadakan satu asas sebab apa-apa yang kita buat, *we must have certain criteria* dan asas. Akan tetapi, Yang Berhormat untuk makluman, kita memang ada yang datang. Oleh sebab selain daripada umur, umur adalah satu daripadanya. Akan tetapi, ada dari segi seperti saya katakan tadi – pengalaman di dalam jawatan dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Sebenarnya saya nak bincang tadi mengenai pembangunan wanita dan sebagainya. Akan tetapi, maklumlah kerana kita tak ramai wanita di dalam Dewan, kita memberi peluang kepada mereka. Akan tetapi, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini apakah faktor-faktor yang menghalang selain daripada umur tadinya?

Adakah ini kerana sikap seperti Yang Berhormat Lenggong itu? Adakah Yang Berhormat setuju, Yang Berhormat Lenggong di satu hospital di China itu, dia bagi bakal bapa dia ada satu peranti di mana ia mendorong perut dia dengan arus elektrik. Untuk itulah. Ya, ya. Bakal bapa itu merasa sakit semasa melahirkan anak. Sama dengan isterilah kalau macam itu. Jadi bolehkah kita hantar Yang Berhormat Lenggong kepada hospital itu? [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tak apa. Yang Berhormat, kita tahu lah Yang Berhormat kita ini dah 9 dekat 10 Yang Berhormat. Akan tetapi, yalah untuk kita membawa satu suasana yang lebih ceria untuk kita semua. Akan tetapi, saya tidak lupa juga sebab saya pun banyak tanggungjawab Yang Berhormat ya untuk saya menjawab perkara yang lain lagi.

Jadi satu daripadanya pula ialah kaunseling. Kaunseling yang ditanyakan tadi kes-kes keganasan rumah tangga Yang Berhormat – iaitu untuk makluman kes keganasan rumah tangga mengikut jenis tindakan atau perintah perlindungan iaitu kes untuk tahun 2014, iaitu setakat bulan Jun tahun ini, ada 182 kes dan pada tahun 2010; 378 tetapi nampaknya ada juga menurun. Akan tetapi, ini disebabkan mungkin kita telah mengadakan banyak program untuk kita menangani atau untuk kita menghapuskan keganasan terhadap wanita.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi oleh yang demikian bermakna nampaknya ada kesan supaya wanita-wanita ini tahu tanggungjawab dia, hak dia supaya dia boleh membawa ke hadapan untuk dilapor dan pada masa yang sama, mungkin juga pihak-pihak yang menganas itu boleh menjalani kaunseling dan sebagainya. Jadi, kita memang adakan

bimbingan dan kaunseling sebab tadi ditanya supaya apakah juga yang dilakukan oleh pihak kami bila...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membawa dua isu di sini Yang Berhormat Menteri. Satu, saya pasti Menteri sedar pada tahun ini di Pulau Pinang, Hakim Majistret Diani Nengret Nur Azhar telah memutuskan bahawa si suami yang telah diberikan *protection order* telah dijatuhkan hukuman 12 bulan kerana telah melanggar *protection order* dan 15 bulan *criminal intimidation*.

Keputusan ini adalah keputusan yang kali pertama dibuat di Mahkamah Majistret dan pendera telah didakwa dan di penjara kerana melanggar *protection order*. *First time in the history of Malaysia*, Tuan Pengerusi. Poin yang saya ingin bawa adalah inisiatif yang telah diberikan oleh NGO di Pulau Pinang, *Women Centre for Change* kerana mereka menjadi instrumental untuk membantu mangsa penderaan ini.

Persoalan saya adakah Yang Berhormat Menteri sedia untuk turun ke Pulau Pinang untuk buat satu dialog *session* dengan WCC sebab nampaknya usaha mereka selama ini untuk memperjuangkan hak-hak wanita dan untuk melawan keganasan terhadap wanita – keganasan fizikal, seksual dan mental terhadap wanita membuahkan hasil apabila keputusan mahkamah *landmark ruling* telah dibuat beberapa minggu yang lalu dan keluar dalam akhbar *Star* saya rasa minggu lepas.

Tadi Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan mengenai statistik keganasan rumah tangga. Tahun 2013 menampakkan bilangan laporan polis sebanyak 4,123 kes keganasan rumah tangga. Satu peningkatan sebanyak 18% dari tahun 2012. Jadi nampaknya kaunseling-kaunseling yang telah diberikan, agensi-agensi, NGO-NGO *and then* penambahan dalam belanjawan bagi Kementerian Wanita nampaknya tidak membuahkan apa-apa hasil. Ini kerana nampak peningkatan dalam kes-kes keganasan rumah tangga.

Baru-baru ini keganasan seksual terhadap anak gadis juga meningkat. Jadi, apakah penjelasan dari pihak Menteri untuk memberi justifikasi peningkatan dalam belanjawan negara tetapi tidak membuahkan apa-apa hasil dari segi perlindungan bagi wanita. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung sedikit? Kapar, Kapar.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Cepat nanti tak habis pula.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi tadi aniaya saya tak bagi ruang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oh. Jangan cakap aniaya Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kena bagi masa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu perkataan yang berat yang dilemparkan kepada Speaker Yang Berhormat. Tak boleh macam itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, saya luahkan perasaan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tegur Yang Berhormat Putatan kerana *rebutting me that day*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dan itu juga saya perlu tegur tak boleh digunakan terhadap Speaker.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tarik balik tetapi saya tidak diberi ruang tadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tahu Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Luahan perasaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi bukan aniaya ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya nak tekankan tentang program kaunseling, bimbingan dan psikologi. Menteri walaupun kes berkurangan, tetapi dekat sini pun ada kekurangan dari sudut dana. Sebanyak 40% dana untuk perbekalan dan bekalan dan perkhidmatan telah diturunkan. Adakah ini bermaksud program-program bimbingan, kaunseling, bidang psikologi untuk tahun 2015 pun akan berkurangan? Oleh sebab saya rasa ini tak sepatutnya sebab program-program ini amat penting dan kalau penekanan tidak diberikan untuk tahun 2015, takut-takut kes meningkat. Pendapat Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Satu Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan dan juga Yang Berhormat Kapar. Saya ingin nak maklumkan Yang Berhormat bahawa kita sudah mengadakan 746 kes kaunseling keluarga dan juga perkahwinan dan kita memberi sokongan sosial, psiko logikal untuk mereka menghadapi trauma yang mereka sedang atau mungkin hadapi.

Kita juga mengadakan rawatan psikoterapi diberikan kepada klien yang mengalami masalah emosi akibat peristiwa yang mereka lalui.

#### ■2200

Pada masa yang sama, ramai yang mengatakan bahawa ada peningkatan. Peningkatan ini sebenarnya Yang Berhormat, sebab mereka sudah meningkatkan kesedaran dan berani tampil ke hadapan. Jadi, sebelum ini mereka takut untuk tampil ke hadapan.

Jadi, sekarang ini dengan banyak program-program kesedaran, macam esok saya ingin menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat semua datang ke satu program untuk kita melancarkan atau itu adalah untuk kita mengadakan program untuk kita. Saya baca nama program itu Yang Berhormat iaitu esok di Terminal Bersepadu Selatan, jam 2.00 petang di Bandar Tasik Selatan di mana kempen ini kita adakan selama 90 hari. Kali ini kita panjangkan,

sebab itu kami begitu yakin bahawa kempen ini telah membuahkan hasil, ramai yang tampil ke hadapan. Di sini juga insya-Allah, kami akan mengadakan satu kempen yang dinamakan *HeForShe* iaitu lelaki yang akan berkempen dan memperjuangkan hak-hak untuk wanita.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mencelah sedikit.

**Seorang Ahli:** *Matchmaking?*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ini ganas-ganas mana *matchmaking*, sudah salah masuk.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya mengapa...

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Before* yang Penang ini, Penang ini...

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Yes, before that* Yang Berhormat Menteri, mengapa kokus wanita di Parlimen ini tidak dimaklumkan mengenai program *HeForShe* ini? Jadi, saya faham ia di bawah bidang kuasa Kementerian Wanita tetapi Yang Berhormat Menteri pun tahu Parlimen ada kokus Wanita, jadi...

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apalah Yang Berhormat, saya sudah jemput sekalilah ini.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi hari ini sudah hari Isnin...

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Bukan sahaja kokus tetapi semua di sini.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Yes, tetapi when there is a woman caucus in Parliament* Yang Berhormat Menteri *and it also more effective also for us to uar-uarkan* isu ini.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey, Yang Berhormat minta maaf. Jadi, saya jemput. Saya jemput semua.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya harap pada masa akan datang pihak kementerian akan melibatkan sekali kokus wanita. [*Dewan riuh*] Apa masalahnya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey, okey, okey Yang Berhormat, kita jemput sekali. Minta maaf kalau dirasakan macam itu. Akan tetapi ini telah di uar-uarkan melalui portal dan sebagainya. Saya rasa *it's in the papers, it's in the papers*. Semua di media, *mainstream* media dan sebagainya. Sebab apa, kita merasakan semua yang baca itu datanglah. Macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tadi tertarik dengan isu keganasan rumah tangga yang disentuh dan kempen yang akan digerakkan oleh pihak kementerian. Saya cuma ingin bertanya dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Ini kerana saya melihat di bawah kementerian telah diwujudkan iaitu Akta

Keganasan Rumah Tangga 1994. Akta ini saya lihat satu akta yang sangat baik dalam usaha mengurangkan masalah-masalah mengenai keganasan rumah tangga.

Pertama, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian ada mempunyai cadangan untuk meminda beberapa peruntukan dalam akta tersebut untuk menambah baik dalam konteks untuk menangani keganasan rumah tangga dalam negara kita. Kedua, saya ingin bertanya, setakat ini adakah pihak kementerian mendengar ataupun mendapat maklumat keganasan rumah tangga ini di kalangan kaum lelaki. Jadi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Akta Keganasan Rumah tangga sebenarnya baru kita buat pindaan untuk kita memasukkan emosi, *emotional abused*. Jadi baru, baru kita pinda Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat tadi mengatakan masuk lelaki, Yang Berhormat memang dalam itu termasuk lelaki. Akan tetapi saya mohonlah lelaki yang diganasi oleh isteri untuk tampil membuat laporan. Tampil, jadi tidak pernah pula Yang Berhormat, kami menolak. Kami ambil serius. Ini pun sama-sama keganasan ini dua-dua pihak, lelaki dan wanitanya. Jadi, Yang Berhormat ada, ada kes.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dengar tak Lenggong?

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Dia tidak berapa- kesnya tidak berapa banyak sebab tidak tampil ke hadapan. Untuk maklumat Yang Berhormat, sekarang ini kami ada satu *feedback* yang mengatakan bahawa lelaki tidak mahu dicampur-campur seminar dengan wanita. Sebab bila campur, dia terus menuding jari kepada lelaki.

Jadi, sekarang ini kita sudah mengadakan beberapa siri seminar lelaki sahaja dan mereka sudah dapat mengutarakan sebenarnya isi hati-isi hati mereka dan pandangan-pandangan untuk menambah baik, bukan apa, untuk menambah baik. Jadi Yang Berhormat, *home help* untuk maklumat, *home help* - PAWE diwujudkan untuk kita mengadakan satu pusat aktiviti warga emas. Dia macam TASKA juga Yang Berhormat, macam menghantar anak pergi taska tetapi kali ini menghantar ibu bapa. Ibu bapa kita pergi ke satu Pusat Aktiviti Warga Emas di mana mereka dihantar pagi dan diambil balik petang, balik kerja. Jadi, di situ mereka ada kawan-kawan, jadi mereka tidak sunyi dan kita tidak membiarkan ibu bapa kita keseorangan di rumah. Jadi, ini sebenarnya telah memberi satu kegembiraan kepada mereka ini berjumpa dengan kawan.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Sedikit, sedikit lagi. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Menteri sebut fasal keganasan rumah tangga itu. Lelaki yang telah dianiaya oleh wanita. Pernah tidak Yang Berhormat, di kementerian Yang Berhormat, mendapat maklumat juga tentang isu-isu yang berkaitan dengan lelaki dianiaya oleh lelaki. Adakah itu termasuk dalam akta tersebut, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu Yang Berhormat Sepang pakar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hai, marah nampak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang pakar, Yang Berhormat Sepang pakar.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya minta maaf. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya tentang PAWE. Berapa pusat-pusat, adakah semua kawasan Parlimen ada pusat-pusat ini? Apakah kalau belum ada, apakah kriteria untuk mewujudkan pusat ini? Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, jawab saya punya dahulu. Sebab tadi saya tanya. Hendak buat dekat Parit Sulong kah tidak itu? *[Dewan riu]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang lelaki kena aniaya dengan lelaki, kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab, Yang Berhormat Sepang boleh jawab. Tanya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sepang boleh jawab.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Lelaki dengan lelaki itu kes lain sebab ini adalah kes rumah tangga, dia mesti kahwin dulu, kahwin. *[Dewan riu]* Ini domestik- ini yang kami faham dengan rumah tangga adalah kahwin. Suami kahwin isteri sebab kita belum ada ditakrif... *[Ketawa]* Jadi, satu serius PAWE.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *[Ketawa]* Itu kes lain, mesti bawa tempat lain, mahkamah lain. Itu keganasan rumah tangga. PAWE ada di dalam bajet kita sekarang ada 50 buah di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, memang itu harapan kita, kalau dapat setiap Parlimen itu harapan kita. Namun, kita juga tertakluk kepada bajet. Akan tetapi ini *insya-Allah* kita akan tambah dari masa ke semasa. Oleh sebab ini adalah satu yang kami mendapat *feedback* yang sangat baik sekali di mana ianya untuk kita mengatasi masalah ibu bapa ini diabai, khususnya masa kita bekerja dan sebagainya.

Jadi, ini adalah satu jawapan kepada kes-kes pengabaian dan sebagainya. Oleh sebab sekarang ini ibu bapa gembira ada teman-teman, mereka boleh membuat aktiviti-aktiviti bersama, mengaji, hobi sebab dahulu-dahulu dia tidak berkesempatan sekarang ini ada hobi. Yang Berhormat, ada yang berjumpa jodoh dalam PAWE. Sudah ada beberapa jumpa jodoh kan, dalam PAWE itu. Jadi, *alhamdulillah*. *[Dewan riu]* *[Ketawa]* Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat, kita ada lantikan pegawai-pegawai baru JKM. Jadi, kita juga dapat maklum bahawa PKMD Batu Pahat, kita ada pertambahan lapan pegawai tambahan dalam fasa 1 dan fasa 2, *insya-Allah*. Jadi, ada juga Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat, tadi memang menekankan satu yang begitu baik sekali iaitu dari segi maklumat atau *database*. Oleh sebab bila sampai kepada isu wanita, kita ramai *champion*.

#### ■2210

Kita *champion* ada di beberapa kementerian, ada di NGO, ada di tempat-tempat yang kami rasa itu adalah satu usaha. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan Yang Berhormat supaya kita akan *collect* segala maklumat-maklumat supaya bila ditanya kita satu maklumat yang terperinci yang apabila kita sampaikan bukan saja maklumat terperinci daripada maklumat-maklumat yang kita terima. Kita boleh membuat analisa mengenai apa lagi kah

agaknya program-program atau penambahbaikan-penambahbaikan yang kita boleh buat melalui kita memuatkan segala analisa yang ada kaitan dengan satu-satunya kumpulan sasar yang di bawah tanggungjawab kami. Bukan saja wanita Yang Berhormat tetapi OKU, kanak-kanak, warga emas dan berbagai-bagai lagi.

Jadi, terima kasih atas cadangan Yang Berhormat dan kita sekarang ini telah membangunkan satu pangkalan data yang kami namakan MANIS. MANIS ini ialah Maklumat Nasional Isu-isu Sosial yang akan kita dapatkan segala maklum balas daripada kementerian-kementerian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya ingin membawa satu isu. Pada 19 November yang lalu berlaku Mesyuarat Menteri Asia Pasifik Beijing Ke-20 (UNESCAP) untuk membincangkan pembangunan dan masa depan wanita dalam rantau ini. Memandangkan ianya satu mesyuarat yang melibatkan portfolio Yang Berhormat Menteri, mendukacitakan sebab dari Malaysia tidak ada perwakilan Yang Berhormat Menteri dan tidak ada perwakilan Yang Berhormat Menteri tidak hadir, Yang Berhormat Timbalan Menteri kedua-dua tidak hadir, Ketua Setiausaha tidak hadir, Timbalan Ketua Setiausaha tidak hadir. Yang hadir untuk mewakili wanita adalah Pengarah NIEW, *Nam Institute for Empowerment of Women*.

Saya ingin tanya pada Yang Berhormat Menteri mengapa Pengarah NIEW yang dihantar untuk mewakili Malaysia dan saya dapat tahu daripada perwakilan yang datang dari Malaysia, dari sebelah NGO bahawa pembentangan dalam persidangan ini dilakukan secara mengikut portfolio yang hadir. Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri akan diberi peluang untuk membentangkan idea mereka, hujah-hujah mereka dahulu *and then* Yang Berhormat Timbalan Menteri *and then* ketua setiausaha. Akan tetapi Malaysia, *ranking* dia paling rendah, *it was the lowest in the list because we send a* Pengarah NIEW, *which is like an agency under the government*.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri kalau dalam persidangan antarabangsa macam ini, kalau tidak ada perwakilan daripada bahagian tertinggi contohnya dari kementerian. Bagaimana polisi-polisi dapat dibawa ke negara kita dan diserapkan dalam komuniti yang berbilang agama, bangsa, kaum di negara di Malaysia ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya, itu saja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, inilah satunya Yang Berhormat, kalau tidak lengkaplah dari segi kenapa kami tidak pergi dan sebagainya, di *viral* kan pula seakan-akan menunjukkan satu, seakan-akan kita menunjukkan betapa teruknya Malaysia oleh kerana...

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya tidak cakap macam itu Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak, tidak.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri. Saya tidak cakap macam itu. Bukan di *viral* kan. Saya sebagai Ahli Parlimen di sini, saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat duduklah, saya hendak jawab. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *We need an answer. We need to know why.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *I know. I am giving you an answer. I give you the answer, please sit down.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *...But please do not say ianya di viralkan and it was led to a very bad viral. Please, Yang Berhormat Menteri, it is not a personal thing. [Dewan riuh] Don't get me wrong.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hendak memberi jawapan.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Baik.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Saya mahu maklumkan di sini...

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi sebelum... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat Menteri sudah *attack* saya... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Kata saya macam *viral* kan benda ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, *you know* macam mana cara-cara menjawab?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat *please* duduk, okey. Yang Berhormat duduk, saya hendak maklumkan tidak semestinya semua *conference* kita hadir Yang Berhormat dan bukannya kosong Yang Berhormat. Pengarah NIEW, Pengarah *and then you want to send my* KSU ini. Yang Berhormat, *I would rather be in Malaysia*, banjir. *You know*, bermacam-macam musibah di negara kita *and yet when I go to Bangkok*, macam-macam *viral* mengatakan pergi ke Bangkok dan sebagainya. Yang Berhormat dengan Cameron Highlands

nya, dengan banjir di Terengganu, dengan Parlimen di sini, *I would rather* dengan izin, *anytime be in* Parlimen. *This is my place* Yang Berhormat.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Thank you* Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *This is my place.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Thank you very much.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *You see I make an effort, I datang sini, saya hendak menjawab Yang Berhormat because I feel ini tempat saya dan Yang Berhormat...*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *And I said thank you for that* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *That is why...*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Thank you, thank you. [Dewan riuh]*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Ini Yang Berhormat...*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Thank you to be here to address women issues* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *I know.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *...Akan tetapi Yang Berhormat, there is Timbalan...*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Ada.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *...Dua Timbalan, ketua setiausaha, timbalan ketua setiausaha.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Saya kata Yang Berhormat...*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *So, kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat hadir, yang saya faham kenapa Timbalan...*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Pegawai hadir is good enough* sebagai wakil.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Pengarah NIEW.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *It is okay.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *But we have your ketua setiausaha.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Yang Berhormat Batu Kawan.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Jangan disoallah Yang Berhormat, jangan disoal.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Okay, in that case* Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *And then NGO yang pergi itu daripada dia melaporkan bahawa saya tidak ada, why not they come forward, share with me what you have in Bangkok and then we sit down together.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Okey, Yang Berhormat Menteri.*

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Sebab ini bukan sahaja untuk kementerian ini saja.*

- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih boleh saya...
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Akan tetapi yang pergi di Bangkok itu...
- Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ikut peraturan...
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** So NGO yang pergi ke Bangkok, *come forward.*
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu lagi Tuan Pengerusi.
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ini *viral.* Masuk di dalam ini supaya *the whole world* tahu bahawa kita tidak pergi ke Bangkok. *Do you know...*
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *You do not have to speak about the whole* Yang Berhormat. *You just have to address to Dewan yang mulia ini.*
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Of course...*
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, *I would like to know,* bolehkah...
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat, saya di dalam Dewan ini banyak lagi kerja.
- Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, duduk dulu Yang Berhormat Batu Kawan.
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *If I am not here to answer...*
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi *point.*
- Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, duduk dulu.
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** ...Macam-macam pula lagi kata Yang Berhormat.
- Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan duduk.
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mohon...
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey Yang Berhormat, *no more.* Saya tidak ada lagi, tidak ada lagi. [*Dewan riuh*]
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Hujah-hujah dalam persidangan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini...
- Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Sebelum akhir sesi.
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak ada, tidak ada lagi.
- Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Can we,* boleh kami dapatkan Pengarah NIEW untuk bentangkan apa yang...
- Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apa Yang Berhormat. *We know what to do* Yang Berhormat. *You don't have to tell me.*

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *But we also know what happened on the persidangan. We need to know as well.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, please Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Untuk menjawab daripada Yang Berhormat Lanang.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Or else we have to listen to NGO's*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kashturiraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *We want to listen to the Ministry* Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak apa, kita ada Yang Berhormat okey. Daripada Yang Berhormat Lanang, saya tidak tahu *this particular case* ya Yang Berhormat, yang telah dibawakan iaitu mengenai ibu Loh Kim Kiew sebab dia ditinggalkan di bajet hotel dan sebagainya sebab *as far as* kami *concern*, kita maklumkan sebab itulah kami ada rumah Seri Kenangan dan sebagainya untuk kita menjaga mereka-mereka ini.

So Yang Berhormat sebab ini adalah *very specific, maybe* Yang Berhormat maklum kepada saya, *my officer* nanti akan mengambil maklum ya Yang Berhormat dan untuk tadi dikatakan kita hendak mengadakan ke tidak *Maintenance of Parents Act* seperti yang diadakan di Singapura dan juga di India. Sebenarnya Yang Berhormat, kami telah berbincang dan didapati bahawa kalau kita mengadakan *Maintenance of Parent Act*, kami hendak tengok *the...* Kadang-kadang bila ia bukannya memberi kebaikan tetapi akan menjauh lagi anak-anak daripada ibu bapa *because they say* dia sudah memberi duit untuk dipotong sebab ini daripada gaji siap-siap *deducted* untuk memberi kepada ibu bapa.

*Some children* untuk makluman Yang Berhormat sebab kami buat kajian juga, dia kata, *"Saya sudah berikan duit. I don't have to take care."* Pun ada, jadi kami Yang Berhormat, kalau dapat kita tidak mahu cara begini, kita mahu memupuk kasih sayang kalau dapat. Oleh sebab itu di bawah LPPKN kita hendak memastikan bahawa nilai-nilai sentiasa menyayangi ibu bapa kita, hormat-menghormati, sentiasa dipupuk. Baru-baru ini kita telah mengadakan sambutan Hari Warga Emas dan Hari Kanak-kanak bersekali sebab kami hendak menunjukkan bahawa kita mesti sentiasa ada satu perasaan kasih sayang terhadap ibu bapa kita yang telah menjaga kita dan kenapa mereka harus diabai.

Akan tetapi *as a last resort* Yang Berhormat dengan izin, *last resort*, kalau sudah tidak dapat menjaga, jangan diabaikan sebegitu rupa. *Just* hantar kepada institusi kami. *Insya-Allah* mereka akan ada tempat untuk kami jaga sebab itu adalah tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada kami. Jadi Yang Berhormat termasuk, Yang Berhormat bertanya kalau dia sakit parkinson boleh tidak? Kami terima, kami terima semua jenis tetapi dengan setelah siasatan dibuat, dia memenuhi segala kriteria, jadi ini adalah mereka yang kami akan jaga. Yang Berhormat katakan ada layanan di rumah Seri Kenangan di Jalan Oya, Sibuluh. Memang Yang

Berhormat, kalau hendak ikut sesama mereka, memang ada berlaku mereka – hendak kata macam mana ya? Mereka ini sudah macam budak-budak balik.

■2220

Pegawai saya pun kadang-kadang kena pukul juga tetapi tidak apa Yang Berhormat. Ini adalah satu kesabaran pegawai saya tetapi ini memang berlaku. Akan tetapi aduan tatatertib Yang Berhormat mungkin kita hendak dapat lebih, kalau dapat lebih spesifik di mana, masa bila dan aduan ini macam mana, apakah tatatertib kakitangan ini Yang Berhormat kalau dapat. Ini sebab bagi saya setiap pengaduan itu penting untuk saya membaiki. Satu lagi ini *stateless* kanak-kanak. Yang Berhormat untuk makluman ini adalah kerjasama di bawah KDN *stateless children*. Kami sentiasa memberi kerjasama kepada KDN supaya *stateless* ini kita sama-sama perincikan supaya mereka dapat diberi warganegara kalau mereka betul daripada kalangan rakyat Malaysia seharusnya mereka diberikan kewarganegaraan. Akan tetapi itu Yang Berhormat kita *the main, the lead* kementerian adalah Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya dua orang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi mana Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar kot.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat Lanang.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih. Saya ingin tanya Menteri kalau maksud Menteri tadi mesti bekerjasama dengan KDN. Maksudnya kalau ibu tunggal itu belum dapat sijil kelahiran atau kad pengenalannya jadi dia tidak layak untuk memohon kebajikan daripada Kementerian Wanita kah? Mesti ada kad pengenalan dahulu dan sementara masa ini mereka tidak dapat bantuan dari mana-mana pihak. Saya ingin minta penjelasan.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat satu daripada kriteria untuk mendapat bantuan ini selain daripada garis pendapatan ialah warganegara. Kita mesti memberi bantuan hanya kepada warganegara Malaysia jadi memang penting Yang Berhormat memang penting. Oleh sebab itu kita memang sentiasa bekerjasama dengan KDN supaya cepat lagi dapat proses ini supaya kalau dia betul-betul layak untuk menerima bantuan setelah ditentukan kewarganegaraan mereka sepatutnya mendapat hak dan untuk dibantu Yang Berhormat. Satu lagi Yang Berhormat dari Gerik.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lanang bangun Yang Berhormat.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Yang Berhormat Menteri bagaimana dengan soalan Rumah Ihsan. Belum ada jawapan lagi.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Rumah Ihsan Yang Berhormat. Rumah Seri Kenangankah, Rumah Ihsan?

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Rumah Ihsan juga. Tidak apa kalau tidak ada jawapan boleh jawapan bertulis.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mungkin pegawai saya ada atau itu tertinggal. Okey Yang Berhormat ini Yang Berhormat dari Gerik. Gelandangan ini Yang Berhormat kalau hendak ikut betul-betul gelandangan ini kita ada akta yang kita nama Akta Orang-orang Papa 1977 dan dia tidak termasuk kumpulan gelandangan. Walau bagaimanapun kita sama-sama turun padang dan ini khususnya gelandangan ini khususnya adalah di bandar-bandar atau macam di Kuala Lumpur, di Johor Bahru dan di Pulau Pinang. Papa ini takrif papa sebab akta ini membolehkan kami menyelamatkan orang papa. Papa ini adalah mereka yang mengemis di sesuatu tempat awam yang mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau hingga menimbulkan kacau ganggu atau seseorang pelesir yang dijumpai di sesuatu tempat awam yang tidak mempunyai mata pencarian.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, gelandangan pelesir ini kita tidak ada akta untuk kita menjalankan kegiatan menyelamat. Akan tetapi kita sentiasa beri kerjasama kepada mana-mana pihak khususnya Kementerian Wilayah untuk bersama dalam operasi untuk menyelamatkan golongan ini. Setelah kami membuat saringan kalau mana-mana yang dijumpai dalam operasi menyelamat ini kita akan tempatkan dalam institusi kita. Jikalau mereka duduk di Anjung Singgah yang di bawah YKN kita menyediakan kemudahan makan minum, untuk mereka tinggal selama dua minggu, kita memberi latihan motivasi, kita memberi kaunseling dan sebagainya untuk menyiapkan mereka untuk kembali ke alam pekerjaan. Buat masa ini Anjung Singgah kami ada di Kuala Lumpur, di Kuching, di Johor Bahru dan Pulau Pinang, empat tempat ini.

Mengenai OKU Yang Berhormat iaitu OKU. Peminta sedekah tadi sudah Yang Berhormat. Kita juga mengadakan operasi bersama kalau ada kena mengena dengan agensi-agensis lain kita mengadakan gerakan untuk menyelamat termasuk untuk kanak-kanak supaya mereka tidak meminta sedekah di merata tempat. Untuk makluman...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang peminta sedekah ini Menteri ya. Saya lihat khususnya di Kuala Lumpur dan juga di Pulau Pinang, ramai peminta sedekah ini kita nampak orang luar yang bawa anak, yang bawa *baby* dan kita tahulah dia orang luar. Saya tengok kadang-kadang lepas dia kena tangkap empat, lima bulan ada lagi. Jadi saya hendak tahu proses yang kementerian buat, adakah mereka ini

ditangkap kemudian itu bagaimana? Mereka dihantar baliklah atau macam mana keadaan sekarang? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sebenarnya Yang Berhormat setelah kita membuat operasi menyelamatkan bersama-sama saya faham orang yang disebut Yang Berhormat ini. Mereka ini ialah kumpulan-kumpulan yang sebenarnya di bawah KDN dan imigresen. Jadi walaupun kami dapat, sebenarnya dalam operasi itu kita cuba menyelamatkan tetapi selepas itu kami terpaksa serahkan mereka kepada imigresen dan imigresen akan hantar balik. Akan tetapi saya difahamkan Yang Berhormat dia akan kembali lagi, dia akan kembali dan kita memang selalulah *repeat*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Minta maaf Tuan Pengerusi. Apa yang merimaskan kita ini Menteri dia miskin kita faham tetapi saya juga lihat ada sindiket. Kadang-kadang lepas dia minta sedekah itu akan ada van kutip dia orang dengan *babynya*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu Yang Berhormat Gerik cakap tadi Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Jadi tidak habis-habislah cerita ini nampaknya Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri 10 minit Yang Berhormat lepas itu Yang Berhormat boleh jawab bertulis Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat Rantau Panjang ya. Ada itu sudah dijawab bersekali. Yang Berhormat Rantau Panjang, Anjung Singgah sudah lepas itu program-program wanita sudah, selepas itu peruntukan 1AZAM Yang Berhormat. Saya mengakui Yang Berhormat ada juga didapati daripada senarai dan sebagainya tetapi kami juga mendapat nama-nama ini daripada pemimpin akar umbi. Walaupun tidak melalui proses eKasih tetapi sebenarnya mereka ini memang yang sangat layak. Oleh sebab itulah disebutkan mereka sebenarnya dalam proses untuk di eKasih kan sebab proses itu makan masa. Akan tetapi apa-apa syarat adalah memang bertepatan mereka ini adalah layak sebenarnya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri izinkan saya Yang Berhormat Kota Raja, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya masih tertanya-tanya mengenai eKasih ini sudah berapa tahun sudah. Dahulu eKasih di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sekarang ini bagaimana kita hendak access tentang maklumat eKasih ini apa yang mereka sudah dapat. Saya ingat dahulu tujuan eKasih adalah untuk menyelaraskan pemohon-pemohon ataupun mereka yang layak menerima sumbangan dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti zakat supaya tidak bertindih. Jadi, macam mana kita hendak tahu mereka ini sudah dapat daripada eKasih? Adakah e-Kasih sekarang di bawah Kementerian Pembangunan Wanita?

■2230

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tidak Yang Berhormat, eKasih adalah di bawah ICU. Jadi, ini adalah proses yang dapatkan daripada pejabat-pejabat daerah dan dihantar

sehingga kepada ICU dan itulah senarai ini adanya di dalam proses dan belum lagi masuk tetapi ianya sudah dimasukkan dalam mereka untuk yang layak menerima 1AZAM.

Jadi, oleh yang demikian sebenarnya mereka memang layak tetapi belum senarai hendak masuk di dalam eKasih itu belum lagi. Jadi, oleh yang demikian pemantauan dan sebagainya mengenai isu-isu 1AZAM itu kita telah menambahbaikkan. Jadi apa-apa teguran audit ini saya sangat mengalu-alukan sebenarnya sebab ini adalah satu teguran yang elok sebenarnya untuk kami di kementerian supaya kita dapat mengambil langkah-langkah untuk kita menambah baik lagi.

Jadi, saya memang sangat berterima kasihlah dengan beberapa teguran audit supaya kami dapat mengambil beberapa langkah yang kami boleh ambil sebaik yang mungkin. Jadi, untuk kes yang lain-lain Yang Berhormat *insya-Allah* saya akan sampaikan melalui...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** ...Jawapan bertulis.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kapar. Mamogram.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mamogram.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, RM10 juta tahun lepas. Tahun ini peruntukan sudah dikeluarkan.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Mamogram ini Yang Berhormat memang mamogram ini ada dan...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** RM1 juta.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** ...Sebenarnya peruntukan yang RM10 juta itu masih digunakan. Jadi, oleh yang demikian untuk mendapatkan satu jumlah yang besar ia telah *direduce* kan ke RM1 juta sebab RM10 juta itu memang ada senarainya, sudah ada.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** [*Menyampuk*]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Sebab Yang Berhormat kadang-kadang masalahnya Yang Berhormat klinik Yang Berhormat sebab bukan boleh dihantarkan ke sebarang klinik. Jadi, oleh yang demikian kita ada dalam 60 lebih klinik tetapi memang program itu berjalan Yang Berhormat dan walaupun dahulunya RM10 juta tetapi ia ada tertanggung sebab dari segi jumlah tetapi tahun depan kita diberi RM1 juta untuk penambahan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kalau komitmen itu ada, tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Ya, ada Yang Berhormat. Jadi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan mana yang saya tidak sempat ini saya akan...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini sempat, ini sempat. Tuan Pengerusi, boleh sedikit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Lenggong, diam Yang Berhormat Lenggong. Sedikit, hendak tanya Yang Berhormat Menteri satu sahaja. Saya punya soalan tadi, yang saya bantah tadi tidak...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Gender responsive.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yes, ada jawapan dalam itu?

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Okey...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya, okey.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Gender Responsive Budgeting* Yang Berhormat ia sebenarnya ada dimasukkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan iaitu di dalam permohonan bajet memang akan diambil satu pendekatan supaya ada *Gender Responsive Budgeting*. Sebenarnya Yang Berhormat, yang ini adalah di bawah MoF, ada di bawah MoF Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya faham Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Jadi, kita akan bekerja rapat dengan MOF...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya faham apa jawapan tadi. Cuma saya hendak tanya apakah kementerian berhasrat untuk bersungguh-sungguh memastikan MoF melaksanakan GRB ini menggunakan platform BR1M iaitu *National Budget* yang mana wanita juga dapat *allocation* atau pun berkongsi *National Budget* ini. Jadi, peranan Kementerian Wanita amat penting dalam memastikan GRB ini dapat dilaksanakan dan satu peluang yang baik untuk Kementerian Wanita untuk melaksanakan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, seperti saya katakan sebab itu adalah di bawah MoF dan saya tahu pegawai pun ada bersama, jadi kita akan rujuk juga. Sebab ini Yang Berhormat memang kita bekerjasama rapat dengan MoF dan kita akan membawa saranan-saranan Yang Berhormat bawakan kepada MoF. Jadi, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan kita akan sampaikan maklumat secara bertulis dan saya mohon maaf juga Yang Berhormat jika saya tidak dapat menjawab secara terperinci seperti Yang Berhormat hendakkan tetapi saya juga mohon daripada Yang Berhormat supaya sama-sama memberi secara *detail* beberapa pertanyaan tadi yang memang itu adalah *isolated cases*.

Saya berharap supaya kita dapat mengadakan penyiasatan yang lebih terperinci. Terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan yang begitu baik sekali kepada kementerian ini dan dengan kerjasama yang diberikan supaya saya dan pegawai-pegawai di kementerian bersama dengan dua Timbalan Menteri saya akan membuat kerja dengan lebih baik lagi untuk masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,044,623,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM2,044,623,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM202,619,100 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM202,619,100 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 25 November 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.36 malam.]***